

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KELIMA  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

---

**Bil. 8**

**Khamis**

**27 April 2017**

---

**K A N D U N G A N**

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan  
Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN**

**LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perdagangan Strategik (Pindaan) 2017	(Halaman 23)
Rang Undang-undang Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2017	(Halaman 30)
Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017	(Halaman 69)
Rang Undang-undang Cukai Pelancongan 2017	(Halaman 93)
Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2017	(Halaman 106)

**USUL MENTERI DALAM NEGERI**

Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (Halaman 112)

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KELIMA  
MESYUARAT PERTAMA  
Khamis, 27 April 2017  
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi  
DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua mempengurusikan Mesyuarat]*

---

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bawanya, walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.”

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bawanya walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Aknan Ehtook** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, apakah peranan MOSTI dalam menyalurkan maklumat tentang ramalan cuaca dan taburan hujan bagi membantu sektor pertanian dan perladangan seperti sawit dan getah.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam Negaraku Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi melalui agensi pelaksana yang dipanggil Jabatan Meteorologi Malaysia, MetMalaysia. Dahulu orang kenal dia, Jabatan Kaji Cuaca ditukarkan nama kepada Jabatan Meteorologi Malaysia yang berperanan untuk membekalkan maklumat mengenai meteorologi dan juga klimatologi negara kepada semua stakeholders termasuk sektor pertanian seperti mana tumpuan dalam soalan nombor 1 ini.

Data-data meteorologi ini begitu *significant* bagi mengkaji iklim di sebuah negara ataupun di sesuatu kawasan. Antara elemen utama meteorologi yang dicerap adalah jumlah hujan, angin, kelembapan, tekanan udara dan suhu. Jadi ini adalah antara yang disukat. Maklumat dan data ini diarkib dan disimpan untuk tujuan kajian kerana semua data-data ini kita perlu simpan kerana perlu dikaji balik semula. Ini kerana kadang-kadang, kaedah-kaedah ini mungkin dia akan berpusing balik, *the cycle*. Jadi sebab itu dan data ini juga sebenarnya jika kita kumpul, kita juga membekalkan data ini kepada jiran-jiran kita yang memerlukan di Asia Tenggara, benda ini juga menjadi rujukan kepada mereka. Jadi berlakunya pertukaran data antara kita dan negara-negara ASEAN.

Untuk tujuan penyelidikan, simpan untuk kajian dan berkaitan dengan keragaman dan perubahan iklim serta impak serta kesannya kepada sektor pertanian di negara kita. Sehubungan itu, Jabatan Meteorologi mempunyai, hebat juga kita ini, kita ada 43 buah stesen meteorologi utama, kita ada 200 buah stesen automatik, yang *auxiliary* yang berautomatik, dan 192 buah cuaca konvensional yang terletak di seluruh negara. Bermakna menyeluruh di seluruh negara. Data yang diperoleh daripada stesen-stesen tersebut digunakan untuk menyalurkan maklumat, keadaan cuaca semasa dan juga ramalan cuaca kepada agensi pertanian dan para petani. Nama ini pun Tuan Yang di-Pertua ramalan.

Dalam Malaysia ini popular perkataan ramalan, ada dua. Satu ramalan masa hendak periksa, ada soalan ramalan. Kedua ramalan nombor ekor. Ini pun ramalan yang juga. Jadi ketepatan dia, ramalanlah. Akan tetapi Jabatan Kaji Cuaca ini saya selalu tanya dengan Ketua Pengarahnya, berapa ketepatannya, *85 percent* ke atas. Saya tidak tahu ramalan nombor ekor, saya tidak tahu berapa *percent* ketepatan dan Jabatan Peperiksaan pun saya tidak tahu ketepatan dia. Akan tetapi Jabatan Kaji Cuaca, Meteorologi kita *confident* *85* peratus ke atas tepat, yang lebih itu kuasa Allah SWT.

Jadi antara inisiatif yang dilaksanakan bagi membantu sektor pertanian adalah:

- (i) memastikan kelancaran aplikasi-aplikasi pangkalan data dalam sistem maklumat geografi atau GIS dan menyelia serta mengemas kini sistem web portal Jabatan Meteorologi Malaysia. Ini boleh diambil daripada web ya;
- (ii) menjalankan projek-projek kajian khas serta aplikasi penggunaan sistem maklumat geografi. Sebagai contohnya projek kerjasama MARDI GM dan DOA dan Kumpulan Kerja *Standard Imagery and Gridded Data* bersama dengan *Malaysia Centre for Geospatial Data Infrastructure* (MaCGDI); dan
- (iii) menyediakan *Buletin Metrologi Pertanian* setiap sepuluh hari.

**■1010**

Kita boleh cetak ini daripada website tiap-tiap sepuluh hari, kita akan updatekan keadaan cuaca dan juga iklim khas untuk pertanian tiap-tiap sepuluh hari;

- (iv) membuat penyelidikan serta ramalan spesifik metrologi pertanian serta permintaan dan analisis data iklim;
- (v) membekal atau khidmat nasihat seperti maklumat berkaitan dengan meteorologi pertanian kepada pelanggan-pelanggan seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan *Malaysia Palm Oil Council* (MPOC);
- (vi) menjalankan kerjasama dengan Jabatan Pertanian untuk menghasilkan *Agriculture Rent for Index* (ARI);
- (vii) mengadakan pangkalan data dan iklim kegunaan pada masa kini dan akan datang. Ini selalunya kerap dirujuk daripada yang kita arkibkan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, maklumat dan ramalan berkenaan dengan data cuaca ini disalurkan secara kepada penggunaan melalui laman web, penerbitan majalah, perkhidmatan kaunter dan juga perjumpaan secara terus bagi maklumat khidmat nasihat.

Dengan adanya maklumat cuaca, pihak yang terlibat dalam pelbagai sektor ekonomi, contohnya seperti sektor pertanian dapat membuat perancangan yang sewajarnya untuk menguruskan tanaman mereka. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat, silakan.

**Tuan Aknan Ehtook:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sedikit soalan tambahan. Adakah terlalu mahal untuk kita buat pemberian awan untuk *white clouds seeding*, dengan izin, sehingga kita terpaksa tunggu sehingga empangan sudah surut sampai peringkat kritikal baru kita hendak buat pemberian awan dan malangnya pada masa itu, awan sudah tak ada, langit sudah biru. Jadi lazimnya kita gagal. Adakah tidak mungkin untuk kita buat lebih awal.

Satu lagi, masa musim tengkujuh di sebelah Pantai Timur, hujan sering turun, hujan banyak. Tidakkah mungkin kita buat supaya hujan itu turun di laut sebelum dia sampai ke darat kerana kita ada teknologi pemberian awan. Jadi sekurang-kurangnya banjir di Kelantan, di kampung saya itu kuranglah sikit dan juga negeri-negeri lain di Pantai Timur. Jadi kalau kita boleh lakukan sedemikian, mungkin kita boleh kawal iklim ataupun taburan hujan di negara kita. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama itu agak menarik sedikit. Dia kata kita cukup duit kah tidak? Sebenarnya tidak terlalu mahal. Kita mempunyai, Kerajaan Barisan Nasional mempunyai wang yang mencukupi untuk membuat pemberian awan.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, bukan duit menjadi masalah. Kita kena tengok awan yang ada air. Bila musim tak ada hujan itu, maknanya awan di atas itu tak ada. Awan pula bukan semua awan yang boleh. Tambah awan yang boleh buat dipanggil *towering cumulus*. Oh, boleh tahan jawapan awan itu. Awan itu *towering cumulus*, maknanya awan yang *towering*, yang nampaknya dia macam *tower* itu dan awan itu yang ada air. Jadi kalau awan itu tak ada, mana kita hendak cari air? Maknanya air itu dibawa oleh awan.

Jadi kalau awan itu ada, *towering cumulus* itu ada, kita boleh gegarlah benda itu menggunakan kaedah *wet seeding* ataupun *trial seeding* yang kapal terbang lalu, kita boleh semburkan air garam. Yang kita sembur itu bukan mahal sangat pun. Yang hendak sewa itu kapal terbangnya sahaja. Air itu, air garam. Air garam biasa yang kita buat campur dengan air, selepas itu kita masuk, kita semburkan, kita beratkan dan air akan turun. Akan tetapi kalau awan itu tak ada, atas bumbung kah, atas empangan kah, tak boleh buat. Jadi bukan mengatakan duit menjadi halangan kerana awan yang menjadi halangan. Kalau sudah tak ada atas, macam mana kita hendak buat air? Soalan yang pertama.

Soalan yang kedua, sukar saya hendak jawab soalan yang mengatakan kita boleh bawa. Yang ini boleh bawa, mungkin bomoh hujan sahaja yang boleh bawa, yang boleh doakan duduk kat tengah padang itu, dia bawa hujan ke situ. Akan tetapi kita tak boleh hendak kata hendak bawa hujan ke laut, itu di luar pengetahuan saya. Akan tetapi kalau ada YB, ada sesiapa yang hendak buat kerja penyelidikan boleh bawa awan daripada tanah daratan ke laut, pakai kapal terbang kah, arakkan awan itu, ingat *insya-Allah* Kementerian Sains mempunyai wang mencukupi untuk membiayai kerja-kerja penyelidikan begitu. Terima kasih.

**Tuan Aknan Ehtook:** *Small one Tuan Yang di-Pertua.* Bukan, bukan untuk bawa awan dekat laut...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat. Ini bukan perbincangan. Soalan nombor 2.

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sahabat saya bagi nota ini suruh baca pantun. Saya tak reti berpantun.

*Rambut putih penuh kepala,  
Soalan saya nombor dua [Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri rambut putih.

**2. Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah** minta Menteri Pendidikan menyatakan, adakah dengan cara melaksanakan format baharu (KSSR, KBAT dan PBS) bagi pelajar UPSR dapat menaikkan peratusan untuk pelajar mendapat keputusan gred 'A' dalam semua subjek.

**Menteri Pendidikan [Dato' Seri Mahdzir Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, selamat pagi, salam negara ku Malaysia.

*Pakai songkok bergaya,  
Saya jawab dengan segera [Ketawa]*

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato Suhaimi. Pohon Menteri Pendidikan menyatakan, adakah dengan cara pelaksanaan format baharu KSSR, KBAT dan PBS bagi pelajar-pelajar UPSR dapat menaikkan peratusan untuk pelajar mendapat keputusan gred 'A' dalam semua subjek.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa KSSR itu adalah Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Kurikulum Standard Sekolah Rendah ini adalah kurikulum yang telah dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan untuk menggantikan KBSR. Kurikulum Baru Sekolah Rendah yang telah lama digunakan dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah ini telah dimulai enam tahun dahulu iaitu pada waktu pelajar-pelajar yang menduduki UPSR

pada tahun 2016 menggunakan peperiksaan UPSR itu dengan format baru KSSR. Maknanya pelajar-pelajar telah didedahkan dengan KSSR ini pada tahun 2011 sewaktu mereka di darjah satu. Enam tahun kemudian barulah kita mulai peperiksaan UPSR dengan format baru dan tahun ini 2017, adalah tahun kedua format baru UPSR dijalankan.

KSSR ini adalah merupakan, tujuannya adalah untuk membuat pentafsiran dan peperiksaan dalam pendidikan melihat kepada pencapaian murid dalam bidang akademik dari segi penguasaan kemahiran literasi, numerasi, penaakulan ataupun 4M- 4M ini adalah membaca, menulis, mengira dan menaakul.

Jadi dalam format baru KSSR ini, berbeza dengan KBSR. Dalam KBSR semua soalan yang dibawa kepada pelajar adalah soalan objektif. Maknanya penguasaan murid itu sama ada daripada PDP, pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas ataupun melalui tuisyen yang pelajar buat, dia mestilah menguasai hafalan sebab dia hendak kepada konkrit untuk dia jawab secara objektif.

Akan tetapi dalam KSSR ini, dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah ini yang baru ini, 50 peratus kita bagi dalam bentuk objektif dan 50 peratus dalam bentuk subjektif.

Jadi maknanya kalau 40 soalan dahulu dalam format lama, 40 soalan objektif. Akan tetapi dalam format baru hanya ada 20 soalan sahaja objektif dan 20 lagi dalam bentuk subjektif. Ini yang dikatakan dalam format baru. Ketara sekali adalah dalam kertas-kertas bahasa, Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan juga Bahasa Tamil. Ini yang ketara sekali. Jadi dalam hal ini, elemen hafalan ini dikurangkan dan kita hendak supaya akhirnya pelajar itu dapat baca, faham dan aplikasi apa yang dia baca dan dia faham.

#### ■1020

Jadi dalam erti kata lain kita hendak kepada sesuatu yang holistik pencapaian UPSR. Jadi apa yang holistiknya ialah murid bukan sahaja berjaya dari segi akademik tapi murid juga kita boleh buat *School Based Assessment*, dengan izin, ataupun Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Jadi akademik itu satu benda yang kita nilai tetapi pada masa yang sama kita juga membuat penilaian tiga lagi komponen di sekolah yang mana cikgu boleh nilai kalau murid itu darjah satu sampailah habis satu tahun guru kelasnya sebenarnya sudah boleh menilai murid itu. Pencapaian murid itu bukan sahaja dalam akademik tapi dalam bidang yang lain. Contohnya yang diberi di sini adalah pentafsiran bilik darjah ataupun pentafsiran bilik darjah mencapai tahap- ini dalam bentuk formatiflah maknanya dia kena tengok sepanjang tahun- apa dia, kalau tahun satu kemudian tahun depan naik tahun dua dalam tempoh dua tahun itu boleh dinilai tidak budak itu.

Dari apa yang hendak dinilainya adalah, pertama dari segi psikometriknya, minat dan kecenderungan murid, itu juga dinilai. Keduanya adalah kita buat penilaian dari segi yang dipanggil Pentaksiran Aktiviti Jasmani Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Jadi yang ini juga kita nilai dalam bilik darjah, tahap pun kita nilai dan minat dan kecenderungan. Di tahap ini termasuklah dengan sahsiah pelajar sendiri, disiplin dan juga tingkah laku. Jadi itu dicampurkan dengan akademik. Oleh sebab itulah sekarang ini Pentaksiran Berasaskan Sekolah itu penting selain daripada akademik.

Jadi dalam konteks itu maknanya dalam format baharu UPSR ini akan menggalakkan murid berfikir secara kreatif dan kritis sejajar dengan apa yang disebut sebagai kemahiran dalam abad yang ke-21, dengan izin, dipanggil *higher order thinking skill* ataupun kemahiran berfikir aras tinggi. Jadi

kemahiran berfikir aras tinggi masuk dalam itu dan kita berada dalam abad yang ke-21, maknanya kita ubah sedikit cara anak-anak di sekolah berfikir. Itulah yang kita hendak bawa dalam abad yang ke-21. Oleh sebab itu format UPSR itu kita ubahkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang memberi jawapan yang terperinci. Soalan tambahan?

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan seluruh kakitangan Kementerian Pendidikan yang saya dapat bahawa *insya-Allah* dalam tiga, empat tahun lagi anak-anak saya, anak-anak Yang Berhormat dan anak-anak seluruh rakyat di Malaysia akan mendapat anak-anak yang pemikirannya aras tinggi dan kritis. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana dengan ikhlas memikirkan ke arah mana anak-anak kita yang akan tuju kelak.

Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, ada *constraint*-nya juga dalam kita hendak mencapai kejayaan ini khususnya saya melihat dari segi bilik darjah yang tidak mencukupi, komputer yang tidak mencukupi, akses internet yang tidak cukup, per kapita sekolah yang dipotong, guru-guru *School Improvement Specialist Coaches* (SISC) ini kurang di PPD dan mereka-mereka inilah yang akan membawa kepada sekolah-sekolah kampung. Sekolah pekan itu saya tidak bimbang sangat tapi sekolah kampung, Yang Berhormat Menteri.

Akses internet ini *very-very slow*, dengan izin. Kalau perkara-perkara ini tidak diatasi Yang Berhormat Menteri, saya hendak bertanya bagaimana *improvement*, 2016 sudah kita tengok 1.1 percent sahaja gred 'A' daripada 480,000 pelajar. Adakah pelajar-pelajar yang dulu tidak baik? Apakah *improvement* ini yang intervensi yang Yang Berhormat sedang buat ini akan melonjak keputusan peperiksaan? Kita lihat sendiri Tuan Yang di-Pertua, bagaimana ibu bapa *demoralized* apabila tahu keputusan yang anak mereka *expect to have a higher result* tetapi akhirnya *only one percent* yang dapat gred 'A'.

Jadi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, apakah lonjakan yang akan dibuat berhubung dengan internet yang bukan dalam bidang kementerian Yang Berhormat? Soalan saya itu apakah yang sebelum ini- sebelum 2016 ini anak-anak kita ini di tahap yang lemah sekali sehinggakan mereka bila KBAT masuk, PBS masuk dan juga program yang Yang Berhormat ceritakan tadi ini tidak meyakinkan ibu bapa kita yang berasa masih bimbang dengan keputusan 2016. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan tambahan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah. Saya akui bahawa apabila ada perubahan format, perubahan format ini yang menyebabkan ada kekurangan dari segi keputusan peperiksaan. Akan tetapi sebenarnya masyarakat tidak perlu takut dan masyarakat tidak perlu gusar bahawa apabila kita berubah format dan segala-galanya sudah menjadi tidak berjaya. Tidak sebenarnya. Tidak ada yang kurangnya pelajar yang dahulu pun tidak ada kurangnya, pelajar yang sekarang pun tidak ada kurangnya.

Saya hendak nyatakan di sini bahawa, zaman yang berubah tapi kalau kita tengok dalam sistem Dasar Pendidikan Negara yang dibangunkan daripada merdeka sehingga hari ini, daripada sebelum ada internet kepada ada internet, saya hendak nyatakan bahawa yang dahulunya yang kita

panggil 30 tahun yang pertama, Yang Berhormat yang berada di dalam Dewan yang mulia ini termasuk saya adalah datang daripada sistem yang lama yang dibina oleh kerajaan ini juga. Sistem ini tidak ada kemudahan dan saya boleh namakan sistem ini pada waktu itu ‘*asal ada*’. Asal ada sekolah, asal ada guru, asal ada buku, asal ada kasut. Ingat Yang Berhormat Senator ramai juga yang macam saya yang zaman itu kita pakai kasut *Fung Keong* kan? Ataupun kasut *BATA* pergi ke sekolah. *Fung Keong* itu berwarna putih, masuk hujan pun boleh naik daripada hujan pun boleh, masih putih. Itu dinamakan *asal ada*. Asal ada sahaja.

Akan tetapi Dasar Pendidikan Negara yang dibina oleh kerajaan ini telah berjaya. Ada yang emak bapa tak sekolah, mak tak sekolah tapi hari ini anaknya menjadi profesor, anaknya menjadi *engineer*, anaknya menjadi *lawyer*, anaknya menjadi sebahagian daripada *technocrat* dalam negara kerana sistem pendidikan yang kita bina. Kemudian, kita *improve* sistem pendidikan *after* 30 tahun. 30 tahun yang pertama itu sudah berjaya dah tapi kita *improve*. Bila kita *improve* inilah maka datangkan teknologi yang dipanggil *advance digital* dalam masyarakat. *Advance digital* datang dan kita *improve*. Kita *improve* di mana? Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM). Kita bina satu dasar yang kita panggil Transformasi Pendidikan yang di dalamnya ada aspirasi.

Aspirasi nasional yang kita hendak. Apa yang kita hendak? Kita hendak bangsa Malaysia yang hebat, *cross the board* dengan izin. Semua kaum sama ada dia Melayu, Cina, India, rakan-rakan kita di Sabah Sarawak. Semua kita hendak supaya semua orang ini berjaya dalam pendidikan, maka kita arusperdanakan pendidikan ini berdasarkan kehendak kita. Kehendak ahli-ahli teknokrat, pemikir-pemikir dalam akademik membawa Pelan Pembangunan Pendidikan ini.

Maka Yang Berhormat Senator tadi sebut mengenai dengan apabila UPSR tahun 2016, *result* itu jatuh dari segi *percentage* sebab selama ini daripada merdeka sampai hari ini kita berdasarkan kepada *exam oriented*. Dalam masyarakat soalan pertama selepas keluar peperiksaan dia akan tanya, “*Anak Yang Berhormat dapat berapa A?*”. Yang Berhormat pun tak jawab sebab 5A 4B. “*Anak Yang Berhormat berapa A?*” “*Anak saya 11A*”. Yang Berhormat jawab sebab Yang Berhormat ada campur lagi 10 campur satu jadi 11A. Kemudian A pula A+. Sayang dia kata satu sahaja A-...[Ketawa]

Jadi maknanya itu kita punya *exam oriented*. Jadi sekarang ini bila kerajaan hendak ubah kepada School Based Assessment, Pentafsiran Berasaskan Sekolah yang di dalamnya ada psikometrik, yang di dalamnya ada kokurikulum, sukan, jasmani dan di dalamnya ada kecenderungan dan juga sahsiah diri, maka itu juga dikira campur dengan akademik. Ini masyarakat akan ada sedikit kesukaran untuk dapat menerima.

#### ■1030

Akan tetapi saya yakin dalam tempoh yang panjang masyarakat akan terima sebab inilah yang dipanggil kemahiran berfikir aras tinggi yang kita hendak. Kita berada di dalam yang abad ke-21 dan dengan teknologi. Berbalik kepada internet Yang Berhormat sebut tadi, betul saya akui.

Kita ada empat demografi dalam pendidikan pertama, bandar (*urban*), yang kedua dipanggil pinggir bandar, yang ketiga dipanggil luar bandar dan akhir sekali dipanggil pedalaman. Yang Berhormat Senator tahu bila saya sebut pedalaman (*interior*).

Pedalaman ini pun Tuan Yang di-Pertua ada tiga pedalaman, dipanggil P1- Pedalaman 1. Pedalaman 1 boleh masuk melalui kereta dalam tempoh satu jam. Pedalaman dua, naik kereta dan bot, pedalaman tiga naik kereta, naik bot, jalan kaki baru sampai ke sekolah.

Sebuah sekolah di Nabawan, Sabah dia kena naik kereta dua jam, naik bot dua jam, berjalan kaki lagi dua jam setengah baru sampai ke sekolah, itu sebuah sekolah kebangsaan. Saya pergi ke sebuah sekolah kebangsaan di Tenom misalnya. Macam mana nak sampai ke Sekolah Kebangsaan Tilis, SK Tilis di Tenom. Jadi maknanya ada kawasan pedalaman, jadi kita kena tengok dari segi demografi, kemudian baru kita tengok dari segi Internet.

Internet ini kalau di bandar boleh kata kebanyakannya sekolah mencapai 10 ke 15 *megabytes per second bandwidth*. Kemudian pinggir bandar ini lebih kuranglah 8 ke 10. Kalau di luar bandar ini, dia boleh pergi empat *bandwidth* dan ada di luar bandar berada di dua *bandwidth*. Kalau dua *bandwidth* 1.8 *megabytes per second* yang itu kena pakai ADSL atau V set. Tidak boleh sudah pakai 4G sebab tidak ada 4G di situ.

Akan tetapi kalau di Lubok Antu ataupun di Song, di Kapit itu sistem sudah tidak ada, sistem sudah tidak ada. Kalau di pekan itu ada, sebab itu dalam kes yang melibatkan *online system* kepada guru-guru, saya telah nyatakan kepada kementerian yang tidak patut *dionline* oleh guru kepada kementerian, tidak payah. Tidak payah *dionline*. Nak *online* apa tidak ada nak *online*. Cikgu nak kena naik motor pula pergi ke bandar untuk nak *online*, tidak perlu sebab itu saya arahkan kementerian tidak perlu, yang perlu sahaja kita buat, yang tidak perlu, tidak perlu sebab kita tahu bahawa macam mana susahnya guru yang berada di kawasan pedalaman.

Itu satu, yang kedua, bila dia *buffering* dia nak masuk itu *buffering*, *buffering* ini saya panggil donat. Donat pukul 9 sampai pukul 1, macam mana nak buat? Ini masalah yang dihadapi oleh guru di kawasan luar bandar dan pedalaman. Jadi sebab itu kita minta kepada BestariNet syarikat yang mengendalikan operasi BestariNet ini supaya *upgrading*. Kita ada tempoh, masa yang diberi kepada BestariNet untuk meningkatkan *bandwidth* di sekolah-sekolah ini.

Untuk maklumat, saya tidak ada *figure* di Dewan yang mulia ini untuk saya nyatakan jumlah sebenar berapa sudah sekolah yang telah di*upgrade* dari segi *bandwidth* dia, maknanya peningkatan laluan internet ini membolehkan anak-anak kita di sekolah mencapai. Saya punya keyakinan bahawa dengan kesungguhan pegawai di peringkat kementerian, di Jabatan Pendidikan Negeri, kita mampu sebenarnya untuk menerangkan kepada masyarakat bahawa inilah hala tuju Pelan Pembangunan Pendidikan Nasional yang berasaskan kemahiran berfikir aras tinggi, format baru dalam pendidikan UPSR yang akhirnya kita nak kepada pelajar yang kreatif, yang inovatif dan pelajar yang boleh berfikir. Akhirnya untuk TN50 yang akan datang yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kita mempunyai anak bangsa kita sendiri yang lebih cara kaedah berfikir, cara kaedah menjawab daripada kita yang ada hari ini. Itu jawapan saya Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat..

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Siapa dulu, dia dulu kah saya dulu?

**Tuan Khairul Azwan Harun:** Saya dulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Khairul Azwan.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Pilih *hok* belakang.

**Tuan Khairul Azwan Harun:** *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator 'Abe Lah'. Yang Berhormat Menteri, saya pertamanya nak ucap terima kasih dan tahniah atas maklum balas yang saya terima, atas perbahasan minggu lalu yang saya buat terutama isu mengenai penguasaan bahasa Inggeris. Maklum balas yang begitu baik mungkin ini boleh saya kongsi dengan lebih ramai lagi.

Cuma saya ada satu soalan Yang Berhormat Menteri, berhubung dengan skala pencapaian UPSR ini *marking 'E'* ini. Kalau ikut skala pencapaian UPSR, 'E' ini bermaksud tidak mencapai tahap minimum. Ramai ibu bapa sebenarnya khuatir dan bertanyakan sebenar apa maksud 'E' ini, markah 'E' ini yang kita tahu mengikut skala tidak mencapai tahap minimum. Saya terima banyak juga pertanyaan supaya pihak kementerian dapat memberi penjelasan kalau boleh dengan lebih teliti dan mendalam kepada ibu bapa. Itu saja Yang Berhormat, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri ringkaskan.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Okey, terima kasih jawapan terus kepada soalan ini iaitu pencapaian gred dalam UPSR ini ada daripada 'A' sampailah ke 'E'. Jadi 'E' ini bermaksud tidak mencapai tahap minimum.

Akan tetapi kalau boleh saya sebut di sini Tuan Yang di-Pertua, 'E' itu tidak gagal, dia tidak gagal. Cuma dia tidak mencapai tahap minimum bagi mata pelajaran berkenaan. Dia hanya menunjukkan bahawa dia tidak mencapai tahap minimum dalam keputusannya, sesuatu pembelajaran di peringkat sekolah rendah. Jadi dari segi pengetahuan, dari segi kemahiran dan nilai. 'E' yang di peroleh oleh calon UPSR tidak bermaksud calon gagal bagi mata pelajaran berkenaan tapi menunjukkan bahawa usaha perlu dilaksanakan bagi memastikan calon boleh meningkatkan penguasaan pembelajaran kepada subjek itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Untuk UPSR ini tidak ada kegagalan ya? Silakanlah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memberi peluang saya bercakap hari ini, menteri mari sendiri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ringkaskan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Saya nak tanya berhubung dengan KSSR ini saya sokong dan setuju sebab dulu objektif 100 *percent*, sekarang ini objektif 50 *percent*, subjektif 50 *percent*. Akan tetapi yang saya nak timbulkan, kalau kita tengok pencapaian UPSR baru-baru ini contohnya, di Rantau Panjang sendiri dulu sebelum KSSR ini pencapaian UPSR 5A, dekat nak 200 orang tetapi apabila KSSR diperkenalkan baru-baru ini tujuh orang yang mendapat 6A, makna tapi tidak apa saya setuju sebab saya nak bangkitkan matlamat KSSR ini ialah baca dan faham.

Macam mana dia nak faham sebab terutamanya guru Bahasa Inggeris, yang mengajar Inggeris itu pun bukan opsyen Bahasa Inggeris. Dia mengajar kadang-kadang guru pun dia ajar guru pun tidak faham. Jadi saya nak pasal KSU pun orang Kelantan, jadi biar guru Bahasa Inggeris itu hantar terutamanya ke sekolah-sekolah pilihan. Macam saya jadi YDP sekolah terpilih baru ini, satu orang pun tidak dapat 5A.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada soalan kah cadangan?

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Soalan, soalan saya pertama biar bagi keutamaan guru-guru bahasa Inggeris yang *option* bahasa Inggeris untuk mengajar di Kelantan dan terutama di sekolah-sekolah pilihan itu hantar guru Bahasa Inggeris yang pakar sikitlah.

Kedua, apabila guru-guru daripada sebelah luar maknanya sebelah luar daripada Kelantan, bila nak masuk Kelantan syaratnya pertama, mesti bila masuk Kelantan kena berada di hulu Kelantan, Gua Musang dulu. Lepas ini kalau guru itu diperlukan tidak perlu serah di Gua Musang di hulu. Kalau dia itu guru diperlukan bahasa Inggeris contohnya, bawa balik terus ke bandar tidak payah serah Gua Musang. Ini terpaksa mengajar Gua Musang dulu, dua tahun selepas itu baru balik ke bandar. Kalau guru itu diperlukan bawa balik ke bandar terus tidak payah serah ke Gua Musang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** You tahu kenapa pergi Gua Musang?. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdullah atas dua soalan. Satu yang berkaitan dengan guru bahasa Inggeris, dan satu lagi adalah transit Gua Musang.

Jadi untuk Yang Berhormat, guru Bahasa Inggeris ini sebenarnya saya akui merupakan satu daripada perkara yang sebenarnya di bincang secara serius di peringkat kementerian iaitu yang pertama ialah pengambilan pelajar untuk masuk ke IPGM iaitu Institut Pendidikan Guru yang *majomnya* dalam Bahasa Inggeris.

#### ■1040

Keduanya adalah penempatan, *posting* selepas daripada empat tahun belajar itu hendak *posting*. Sebabnya adalah kerana jumlah pengambilan dalam bahasa Inggeris ini kita sebenarnya hendak ambil kadar yang maksimum tetapi kadang-kadang *candidate* hendak datang untuk masuk dalam bidang itu jumlahnya, jumlah setiap tahun itu tidak ramai. Jadi kita buka untuk buat pengambilan sepenuhnya, membolehkan *posting* kemudiannya boleh diagihkan ke setiap negeri. Itu saya akui. Ini sebab apa? Ini sebab dalam bahasa Inggeris ini kita ada sebuah agensi di bawah kementerian namanya ELTC atau *English Language Teaching Centre*. ELTC ini adalah untuk memberi kemahiran kepada guru untuk mengajar dalam Bahasa Inggeris.

Dalam ELTC, apabila dibuat kajian oleh ELTC, guru yang mencapai tahap yang paling berkemahiran dalam bahasa Inggeris dipanggil C1, kemudian C2. Guru C1 dan C2 ini yang berada dalam pasaran di sekolah ini campur ada satu lagi kumpulan guru bukan opsyen yang disebut oleh Yang Berhormat Senator tadi. Guru bukan opsyen ini mengajar dalam bahasa Inggeris. Jadi ini ada tiga komponen C1, C2 dan yang ketiganya adalah guru bukan opsyen yang mengajar. Jadi, inilah yang kita hendak supaya kalau boleh dipertingkatkan lagi. Saya akui kita sedang membuat pelbagai penyesuaian untuk membolehkan ramai guru yang boleh dilantik ataupun dihantar dalam bahasa Inggeris. Jadi...

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya sedikit pasal...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** *Insyah-Allah*, kita cuba buat yang terbaik Yang Berhormat pasal kita faham guru bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris ini pada waktu ini dikira semua masyarakat, kaum hendakkan supaya anak-anak berkemahiran sedikit dalam bahasa Inggeris. Jadi *insya-Allah*, kita cuba yang terbaik untuk membantu di mana jua sekolah. Kita ada 10,175 buah sekolah semuanya.

Keduanya Yang Berhormat sebut tadi pasal Gua Musang. Untuk pengetahuanlah Yang Berhormat, sebenarnya guru yang paling ramai di Malaysia ini adalah guru yang berasal daripada Kelantan, sama ada yang mengajar di Kelantan atau yang mengajar di luar Kelantan. Jadi yang Kelantan ini sama ada dia balik ke Gua Musang, Lenggong, Gerik, Lipis, Besut. Ini dia punya stesen, pinggiran Kelantan. Besut ada, Lipis Pahang ada, Gerik ada, Lenggong ada, dia transit termasuk Gua Musang. Selepas itu baru dia masuk sebab ramai jumlah guru yang daripada Kelantan. Walau bagaimanapun, kita pergi hantar ini berdasarkan kepada kekosongan di mana setiap tahun berapa ramai sebenarnya guru yang bersara atau guru yang berhenti. Saya ingat itu sahaja jawapan saya Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak.

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Siapa itu? Yang Berhormat, saya minta maaflah pasal soalan ini dah ambil lebih kurang lebih daripada 30 minit. Ahli-ahli Yang Berhormat, jikalau jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri tidak memadai dari segi pendapat Yang Berhormat, itu adalah jawapan Menteri. Kalau kita hendak sambung-sambung ucapan ini akan jadi perbahasan. Masa untuk kita soalan-soalan pertanyaan ini tidak banyak. So, kalau ada juga masalah, kejariyah Menteri dekat luar. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun. Yang Berhormat silakan.

**Puan Hajah Azizah binti Haji Harun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengalu-alukan kedatangan rakan-rakan saya daripada Persatuan Pembangunan India Sepang, Selangor ke Dewan Negara... [Tepuk] Diharap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini.

3. **Puan Hajah Azizah binti Haji Harun** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, komitmen kementerian dalam memastikan DanaNITA yang ditubuhkan dapat membantu meningkatkan penyertaan usahawan baru wanita di desa serta bagaimanakah MARA dan Agensi Pembangunan Usahawan di bawah KKLW memainkan peranan aktif untuk memberi latihan intensif dan pendedahan mengenai pasaran dan peluang perniagaan di zon ekonomi digital.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam negara ku Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih atas soalan daripada Yang Berhormat.

Untuk makluman Yang Berhormat, Skim Pembiayaan Perniagaan Khas Wanita ataupun kita panggil DanaNITA telah dilancarkan oleh Yang Berhormat Menteri KKLW pada 9 Mac 2017 yang lalu. Sebenarnya cetusan idea ini telah diterjemahkan oleh Yang Berhormat Menteri selepas mendengar cadangan yang telah dibangkitkan oleh salah seorang wakil wanita semasa Perhimpunan Agung UMNO yang lepas. Kita menyasarkan di dalam program ini seramai 600 orang usahawan wanita supaya mampu berdaya saing dan juga berdaya tahan. Sehingga Mac 2017, seramai 62 orang

usahawan wanita telah menerima manfaat menerusi Skim DanaNITA dengan jumlah kelulusan sebanyak RM1,280,000.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, program ataupun skim pembiayaan khas ini kita buka kepada usahawan-usahawan baru dan juga usahawan-usahawan yang sudah sedia ada, yang sudah sedia bermiaga. Kita juga mengalu-alukan suri rumah, ibu tunggal dan juga beliawanis untuk memohon dan juga menyertai program ini. Akan tetapi syarat yang telah kita tetapkan ialah di dalam SSM mestilah pemilikannya ialah 100 peratus oleh kaum wanita. Peruntukan keseluruhan yang telah kita berikan bagi tujuan ini ialah RM35 juta iaitu RM30 juta bagi tujuan pembiayaan dan RM5 juta bagi tujuan kursus dan juga latihan.

Untuk makluman Yang Berhormat, selaras dengan usaha memastikan DanaNITA dapat meningkatkan penyertaan usahawan baru di desa dan juga di kota, pelbagai program dan kempen telah dijalankan melalui 14 buah pejabat MARA di setiap negeri dan juga 117 buah pejabat MARA di peringkat daerah-daerah seluruh negara. Syarat-syarat kelayakan permohonan DanaNITA telah kita permudahkan bagi menggalakkan peningkatan penyertaan usahawan wanita. Sebagai contoh, permohonan pembiayaan DanaNITA dikecualikan daripada ujian psikometri dan memadai memiliki akaun peribadi sahaja, tetapi mestilah aktif di dalam tempoh enam bulan sebagai menggantikan penyata kewangan syarikat. Maknanya tidak perlu ada penyata kewangan atas nama syarikat. Kalau ada akaun ASB pun boleh, syaratnya aktif. BSN pun boleh, akaun Tabung Haji pun kita terima.

Selaku agensi di bawah kementerian KKLW, MARA telah memainkan peranan aktif untuk memberi latihan intensif dan pendedahan mengenai pasaran dan juga peluang pekerjaan di zon ekonomi digital. MARA menyediakan pelbagai latihan dalam bimbingan keusahawanan seperti kursus asas perniagaan, kursus pengurusan kewangan dan lain-lain bagi usahawan yang baru menceburti bidang perniagaan seperti yang saya sebutkan tadi.

Kita juga membantu di dalam membangunkan produk yang dihasilkan oleh usahawan melalui program peningkatan dan pembangunan standard perniagaan. Melalui program ini, MARA menyediakan sokongan kepada usahawan untuk mendapatkan pensijilan halal, *good manufacturing practice*, pengiktirafan bersih, selamat dan sihat, *hazard critical control point*, makanan selamat tanggungjawab industri dan berbagai-bagai lagi. MARA juga membantu menambahkan nilai produk usahawan melalui pembungkusan, pelabelan dan penjenamaan serta pengiklanan produk.

Untuk makluman Yang Berhormat, MARA juga menyediakan kemudahan kepada usahawan bumiputera mempromosikan produk keluaran mereka terus kepada pengguna dan menembusi pasaran global melalui Program Pembangunan dan Peningkatan Produk Usahawan Bumiputera, *Entrepreneur Product Advancement and Development Program* (EXPAND). Juga kita sekali lagi, saya sebutkan di sini kita amat mengalu-alukan kepada usahawan-usahawan wanita yang berada di seluruh negara untuk mendampingi MARA bagi mendapatkan penerangan dan penjelasan agar dapat menyertai tabung yang telah diperuntukkan oleh kerajaan kepada usahawan wanita ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1050

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Azizah binti Haji Harun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar kerana memperkenalkan DanaNita MARA bagi menyokong pembangunan keusahawanan wanita di seluruh negara.

Soalan saya, bagaimana cara terbaik Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), MARA, RISDA dan FELCRA dapat membantu usahawan memasarkan produk keluaran pasaran memasuki pasaran *hypermarket* rantaian peruncit seperti Kedai Mesra Petronas, 7Eleven, Speedmart dan Kedai Rakyat 1Malaysia. Ini kerana saya dapati kadar penembusan produk usahawan desa di *outlet* dan segmen runcit masih minimum di Malaysia ini. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan daripada Yang Berhormat. Yang Berhormat bertanyakan apakah cara ataupun peranan yang telah dimainkan oleh KKLW melalui agensi-agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) bagi membantu usahawan-usahawan ini menembusi pasaran di *supermarket*, *hypermarket* dan juga rantaian-rantaian perniagaan yang besar termasuklah di stesen-stesen minyak di seluruh negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, setiap dua tahun sekali secara dwitahunan, pihak KKLW telah mengadakan *Rural Business Challenges* (RBC) yang mana program ini boleh disertai oleh usahawan-usahawan bukan sahaja sebenarnya usahawan di bawah KKLW tetapi usahawan-usahawan bumiputera khususnya untuk terlibat di dalam program ini.

Di samping itu, ekspo-ekspo yang telah kita rancang dan kita laksanakan juga kita mempertemukan ataupun kita panggil, dengan izin, *business matching* dengan pihak rantaian perniagaan yang besar ini agar mereka boleh memasarkan barang mereka melalui pameran-pameran dan juga kehadiran syarikat-syarikat besar di pameran yang telah kita lakukan ini. Itu untuk makluman Yang Berhormat. Secara *detail*-nya, Yang Berhormat boleh dapatkan maklumat daripada pihak KKLW. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Datuk Haji Sr. Hanafi bin Haji Mamat, sila ringkaskan.

**Datuk Haji Sr. Hanafi bin Haji Mamat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ringkas sahaja. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apabila kerajaan mengisyiharkan dana baru, sudah tentu wujud minat yang tinggi dan mendalam lebih-lebih lagi di kalangan wanita. Jadi saya ingin meminta penjelasan yang lebih *detail* sikit. Saya nak tahu berapakah had umur. Kedua, tempoh bayar balik. Ketiga, had pinjaman dan keempat, kalau boleh dijelaskan konsep pembiayaan dan terakhir sekali kalau boleh juga dimaklumkan berapakah faedah daripada pinjaman tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat atas keprihatinan Yang Berhormat kepada usahawan-usahawan wanita. Barangkali apa yang ada di dalam pemikiran Yang Berhormat adalah berkenaan dengan usahawan-usahawan wanita dari negeri Kelantan barangkali. Ini kerana negeri Kelantan adalah terkenal dengan wanita-wanita yang gigih bermiaga dan menjadi usahawan.

Untuk makluman Yang Berhormat, menjawab kepada soalan Yang Berhormat tadi, had umur yang telah disyaratkan ialah antara 18 tahun hingga 60 tahun. Sebab itulah saya sebut di dalam

jawapan asal saya tadi, pertamanya ialah kepada suri rumah. Kedua, juga kepada ibu-ibu tunggal dan ketiga, kepada Beliawanis.

Kedua ialah had pembiayaan maksimumnya ialah sebanyak RM50,000 yang kita boleh bantu usahawan wanita ini. Manakala tempoh bayaran balik bagi pinjaman ini adalah selama sepuluh tahun. Kita kira tempoh jangka masa sepuluh tahun Tuan Yang di-Pertua agar ia tidak membebankan peminjam-peminjam. Konsep pembiayaan adalah patuh syariah *bai al-'inah* yang kita perkenalkan bagi tujuan pinjaman ini manakala kadar keuntungan yang dikenakan bagi tujuan pinjaman ini adalah empat peratus. Ia berasaskan kepada baki semasa bukannya berasaskan kepada pinjaman pokok sepanjang sepuluh tahun. Itu sahaja jawapan daripada saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**4. Puan Hajah Khairiah binti Mohamed** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan tentang penglibatan negeri-negeri di Malaysia dalam Program *Carbon Credit* sebagai salah satu usaha mengekalkan hutan dalam masa yang sama dapat menjana hasil.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sedang meningkatkan program pemuliharaan hutan dan mengekalkan kawasan hutan serta liputan hijau untuk dimanfaatkan sebagai salah satu aktiviti mitigasi perubahan iklim pada masa akan datang. Ini adalah memandangkan hutan mempunyai peranan yang penting untuk bertindak sebagai penyerap karbon ataupun *carbon sink*. Pelaksanaan program pemuliharaan dan pengekalan kawasan hutan dilaksanakan tanpa melibatkan mekanisme pasaran atau urus niaga kredit karbon dengan mana-mana pihak. Buat masa ini, kerajaan sedang aktif membangunkan mekanisme pelaksanaan program *reducing emissions from deforestation and forest degradation* dan *role of conservation, sustainable management of forests and enhancement of forest carbon stocks in developing countries* atau ringkasnya REDD+ di bawah Konvensyen Kerangka Kerja Perubahan Iklim PBB ataupun UNFCCC.

REDD+ merupakan satu mekanisme insentif yang bertujuan menggalakkan negara-negara membangun mengurangkan kadar pelepasan gas rumah hijau ataupun *greenhouse gas* (GHG) daripada aktiviti penyahutanan dan kemerosotan hutan serta meningkatkan kadar penyerapan GHG daripada aktiviti pengurusan hutan secara berkekalan. Pelaksanaan mekanisme REDD+ ini adalah selari dengan matlamat dan komitmen negara untuk mengekalkan lebih 50 peratus kawasan hutan dan litupan hijau negara. Pelaksanaan mekanisme REDD+ ini membolehkan negara mendapatkan sumbangan dana antarabangsa bagi mengekalkan keluasan hutan serta melaksanakan aktiviti pemuliharaan hutan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan REDD+ adalah berasaskan mekanisme kewangan bukan pasaran iaitu tidak melibatkan pemindahan jumlah pengurangan pelepasan GHG ataupun *emissions reduction* kepada pemberi dana. Mekanisme REDD+ ini dilaksanakan di peringkat nasional dan dalam masa yang sama memberi peluang kepada negeri-negeri untuk berkembang maju. Pelaksanaan mekanisme REDD+ di peringkat nasional dengan penyertaan semua negeri akan memberikan

kelebihan kepada negara dalam merundingkan kadar insentif iaitu yang disebut sebagai *Results-Based Payments* (RBP) yang lebih tinggi.

Pada masa ini, pelaksanaan REDD+ di peringkat nasional adalah ditadbir urus oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan dibantu oleh Jawatankuasa Kebangsaan dan Teknikal REDD+. Ahli-ahli jawatankuasa adalah terdiri daripada kementerian-kementerian, kerajaan-kerajaan negeri, jabatan-jabatan perhutanan negeri dan agensi-agensi berkaitan dan pada masa ini juga, kerajaan sedang memuktamadkan Strategi Nasional REDD+.

Strategi ini bertujuan untuk memastikan sumber hutan dan perkhidmatan ekosistem akan dilindungi dan manfaat dikongsi bersama secara adil dan saksama di kalangan semua negeri yang terlibat dan pihak berkepentingan. Strategi ini juga memberi penekanan kepada pengiktirafan hutan sebagai modal semula jadi dan hutan bukan kayu kayan semata-mata ataupun *forest beyond timber*.

#### ■1100

Dalam masa yang sama, negara ini juga sedang dalam proses untuk mengakses dana RBP bagi program REDD-plus di bawah *green climate fund* (GCF). Sekiranya dana ini diperoleh, ia akan digunakan untuk melaksanakan strategi nasional REDD-plus dan dijangka menyumbang kepada pengurangan pelepasan GLG di antara 15 juta tan hingga 25 juta tan CO<sub>2</sub> setahun bagi tempoh 2020 hingga 2030. Secara langsung, pengurangan pelepasan GLG melalui program REDD-plus ini secara langsung akan menyumbang kepada pengurangan pelepasan GLG negara. Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih di atas jawapan Menteri. Berkait dengan program REDD ini, setakat ini bagaimakah penglibatan di peringkat negeri-negeri? Adakah program REDD ini mengambil kira kebergantungan hasil negeri terhadap hasil hutan? Di peringkat pusat sendiri, bagaimana kerajaan membantu negeri-negeri yang banyak bergantung hasilnya kepada hutan agar kebergantungan ini dapat dikurangkan? Terima kasih.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Tuan Yang di-Pertua, REDD-plus ini diputuskan di bawah UNFCCC seperti yang saya sebutkan pada tahun 2007 dan merupakan satu mekanisme yang kompleks sangat panjang dan tatacara sumbangan atau seperti yang disebutkan tadi sumbangan kewangan yang disebut sebagai *result based payment* (RBP) sedang dirundingkan dan tatacaranya masih belum dapat diputuskan. Secara kebetulan hari ini Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar *I think* dalam perjalanan ke Bali bagi tujuan tersebut. Itu untuk menjawab soalan pertama. Maknanya belum ada satu tatacara yang telah dimuktamadkan bagi tujuan tersebut.

Seperti saya sebutkan tadi, sekiranya tatacara tersebut telah dimuktamadkan khususnya bagi pemuliharaan hutan, satu untuk kerajaan akan melakukan seadil-adil yang boleh bagi membela dan membantu semua kerajaan negeri termasuklah kerajaan negeri yang selama ini ataupun yang terpaksa bergantung dengan hasil hutan. Apa yang penting adalah bagaimana negara bekerjasama dengan kerajaan negeri di bawah satu majlis, Majlis Tanah Negara di mana di dalamnya ada agenda pemeliharaan dan pemuliharaan hutan untuk sama-sama memastikan bahawa hutan kekal dipelihara dan dipulihara. Pada masa yang sama dapat menyelamatkan bersama-sama dalam sebuah konteks dunia yang luas ini, sama-sama komited untuk menyelamatkan bumi daripada ancaman pemanasan global khususnya daripada pembentukan GLG. Sekian, terima kasih.

5. **Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, selesema burung telah melanda dan masih menular di Kelantan. Turut terjejas adalah ayam daging. Wabak ini tidak melibatkan jangkitan pada manusia, namun begitu penduduk bimbang untuk membeli ayam daging di pasaran. Apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi memastikan ia selamat dimakan dan pengendalian ayam tersebut dalam keadaan terkawal.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang bertanyakan soalan berhubung dengan wabak selesema burung.

Untuk pengetahuan Dewan, Tuan Yang di-Pertua, wabak selesema burung ini bermula pada 28 Februari yang lalu.

Untuk pengetahuan semua, setakat ini masalah wabak ini telah pun diatasi dan tidak lagi menjadi satu perkara yang membimbangkan kita. Ini kerana pihak veterinar telah mengambil tindakan iaitu pertama sekali memusnahkan binatang-binatang ternakan iaitu unggas-unggas ini di kawasan-kawasan tersebut dalam lingkungan satu kilometer semua unggas-unggas di dalam kawasan tersebut telah dimusnahkan.

Selepas itu pembasmian kuman dengan melakukan *spray* ke atas kawasan-kawasan yang terlibat. Kebanyakan daripadanya ialah penternak-penternak bukan komersial di kampung-kampung, sebenarnya ayam-ayam kampung, itik dan sebagainya. Kawasan-kawasan ini kuman-kumannya telah pun dibasmi dengan *spray* apa yang dipanggil *disinfectant* material yang dinamakan *Lindros*, ayat teknikal sikit ini. Selepas itu, menjalankan aktiviti pemantauan ataupun *surveillance* di dalam kawasan satu kilometer hingga 10 kilometer radius dari kawasan jangkitan bagi mengesan penularan kalau ada di dalam populasi unggas yang berisiko.

Juga telah mengadakan sekatan jalan raya dengan bantuan Polis Diraja Malaysia sebagai kawalan pergerakan unggas keluar daripada negeri Kelantan dan memantau pergerakan unggas dari dalam dan luar negeri melalui Jabatan Veterinar, mengesan dan mengekang penyakit selesema burung daripada merebak ke negeri-negeri masing-masing dan mengadakan kempen kesedaran awam di kawasan wabak atau kawasan sekitarnya. Sehingga kini kes baharu tiada dilaporkan lagi.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, ladang-ladang komersial tidak terjejas dengan penyakit selesema burung ini. Maknanya pengeluaran ladang-ladang komersial adalah dalam keadaan yang baik dan tidak terjejas. Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Menteri yang menjawab soalan tadi. Soalan tambahan saya ialah berapakah jumlah ayam daging yang terdapat di pasaran? Adakah jumlah ini mencukupi bagi menghadapi bulan puasa dan musim hari raya yang bakal tiba? Adakah kerajaan bercadang untuk mengimport ayam daging? Jika ya, dari negara mana dan jumlahnya. Sila beri penjelasan tentang status halal ayam-ayam import ini. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, soalan ini dah lari sedikit daripada soalan asal. Tanya soal berkenaan dengan wabak selesema...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini fasal raya nak datang.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Dia hendak tanya bekalan. Bekalan cukup sebab kita pun mengeksport banyak ayam daging ke luar negara. *I think* nilai eksport kita RM2.8 bilion eksport ayam daging ke luar negara. Yang kita import adalah merupakan bukan ayam daging tetapi keratan-keratan ayam sahaja. Jadi dalam bulan puasa ini, yang perlunya ayam daging keluaran dalam negara mencukupi malah lebih daripada itu kerana kita boleh eksport.

Jadi Yang Berhormat tidak perlu bimbang. Boleh makan ayam banyak-banyak. Terima kasih.

#### ■1110

6. **Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, sejauh mana keberkesanan program *Rent-to-Own* dalam merealisasikan hasrat kementerian bagi membantu individu yang gagal mendapat pembiayaan bank bagi memiliki rumah sendiri.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengucapkan terima kasih banyak-banyak kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin di atas persoalan yang dibangkitkan berkaitan dengan RTO.

Untuk menjawab pada persoalan yang dibangkitkan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat, terdapat dua kategori PPR, Tuan Yang di-Pertua, yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu pertama ialah PPR yang disewa dan yang kedua ialah PPR dimiliki ataupun kita jual.

Bagi projek PPR disewa ini, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui kementerian telah pun menetapkan kadar sewaan iaitu berjumlah RM124 sebulan yang perlu dibayar oleh penghuni. RM124 sebulan sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Manakala PPR dimiliki ataupun kita jual, Tuan Yang di-Pertua, pula dijual pada harga RM35,000 seunit bagi kawasan Semenanjung Malaysia dan RM42,000 seunit bagi kawasan Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama pelaksanaan *Rent-to-Own* (RTO) ataupun sewa untuk dimiliki yang dibangkitkan persoalan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat ini adalah untuk kerajaan membantu golongan-golongan yang berpendapatan rendah khususnya bagi mereka-mereka yang gagal untuk mendapatkan pembiayaan daripada mana-mana institusi kewangan.

Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, kita ada ramai pemohon yang mahu memohon. Layak dari segi syarat kementerian, layak untuk memohon unit-unit PPR yang untuk dimiliki, untuk dijual ini tetapi tidak layak pula untuk mendapatkan pinjaman daripada bank kerana mereka ini adalah *unbankable* dan tidak ada mana-mana institusi kewangan yang mahu memberikan pinjaman kewangan walaupun harga rumah yang kita jual ini, Tuan Yang di-Pertua, hanyalah pada kadar RM35,000. RM35,000 pun bank tidak berupaya untuk memberikan pinjaman kerana mereka ini adalah mereka-mereka yang tidak mempunyai pendapatan yang tetap dan sebagainya. Jadi bank tidak mahu memberikan pinjaman tersebut.

Maka kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Yang Berhormat Menteri telah pun mencadangkan supaya kita harus

membantu mereka ini kerana mereka layak dari segi syarat-syarat kementerian tetapi tidak layak mendapatkan pinjaman bank. Jadi Yang Berhormat Menteri telah pun mencadangkan supaya kita laksanakan program *Rent-to-Own*, sewa beli. Dan sewa beli ini, Tuan Yang di-Pertua, mereka masuk apabila mereka selesai dengan pemilihan dan sebagainya, mereka tidak perlu bayar deposit. Masuk, bayar bulan-bulan dan akhirnya dalam tempoh yang ada, akan menjadi rumah mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat, pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan RTO bagi projek perumahan PPR telah pun memberikan manfaat. Projek ini baru sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Telah pun berupaya memberikan manfaat kepada 1,450 keluarga dengan pecahan pelaksanaan RTO seperti berikut:

- (i) PPR Gua Musang sebanyak 1,000 unit;
- (ii) PPR Taman Danau Kampung Asan, Ulu Bernam sebanyak 300 unit; dan
- (iii) PPR Ladang Seliau, Negeri Sembilan sebanyak 150 unit.

Bagi setiap penghuni yang layak ini, Tuan Yang di-Pertua, mereka perlu membayar antara RM250 sebulan. Itu termasuk caj *maintenance fee* ataupun caj penyelenggaraan. Dan tempoh masa perjanjian jual beli adalah selama 20 tahun dan dengan hanya dua peratus sahaja caj perkhidmatan yang akan dikenakan.

Bagi skim RTO ini layak dipertimbangkan untuk mana-mana penghuni PPR, Tuan Yang di-Pertua, yang berjaya dalam tempoh dua tahun percubaan yang mana mereka tidak melanggar mana-mana syarat perjanjian dan mempunyai rekod bersih dan dari segi pembayaran sewa bulanan dan sekiranya mereka berjaya, maka mereka akan dimasukkan dalam skim RTO untuk mereka sewa dan kemudian memiliki rumah yang dibina oleh kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya mereka tidak berupaya untuk mematuhi kepada syarat tadi iaitu perjanjian, rekod bersih, kemudian dari segi pembayaran sewa bulanan, sekiranya mereka tidak mematuhi kepada itu, maka tindakan penamatkan perjanjian akan dilakukan oleh pihak kementerian.

Yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan, saya ingin mengulangi apa yang telah pun dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika beliau baru sahaja menyerahkan kunci rumah kepada penghuni-penghuni PPR Tehel, Melaka bahawa ini adalah merupakan usaha murni kerajaan dalam memberikan keselesaan, memiliki rumah bagi mereka yang berpendapatan RM3,000 ke bawah dan dengan kos pembinaan RM160,000 bagi seunit dan rumah itu dijual kepada mereka yang layak pada harga RM35,000 di mana kerajaan menanggung subsidi sebanyak RM125,000 bagi setiap unit.

Saya harap Yang Berhormat Senator-senator dan juga semua akan menyokong kepada usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang tampan. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang manis sentiasa.

Saya pertamanya hendak mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana persoalan yang sama ini, Tuan Yang di-Pertua, pernah saya bertanya pada tiga tahun yang lepas bagaimana kerajaan boleh membantu mereka yang tidak boleh mengemukakan, dengan izin, *proof of income*. Mereka yang

bekerja tetapi tiada penyata gaji dan sebagainya. Jadi hari ini terima kasih banyak-banyak kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana telah mewujudkan program ini.

Cuma Yang Berhormat Menteri, saya hendak bertanyakan, apakah syarat yang dikenakan kepada mereka untuk RTO ini dan bagaimanakah penambahbaikan yang boleh dirancang supaya program ini akan mendapat sambutan yang menggalakkan khususnya daripada mereka yang berpendapatan rendah? Jadi terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiada penyata gaji dengan pendapatan rendah.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan mendengar suara rakyat, Tuan Yang di-Pertua, termasuklah suara Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat yang telah pun dibangkitkan beberapa tahun yang lalu. Maka kerana itu, Yang Berhormat Menteri mencadangkan supaya program ini mesti dilaksanakan pada tahun ini. Jadi kita ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat, apakah syarat RTO ini. Dia ada beberapa syarat. Selain daripada mereka layak dari segi syarat kementerian dan *unbankable*, tidak berupaya untuk mendapatkan pinjaman daripada mana-mana institusi kewangan, pemohon akan disaring terlebih dahulu. Ada syarat-syarat yang diletakkan berdasarkan kepada kriteria syarat-syarat seperti berikut.

Pertama, permohonan mestilah bagi rumah pertama sahaja. Dia adalah bagi pemohon-pemohon yang mahu membeli dan ini adalah merupakan rumah pertama bagi mereka. Kalau mereka sudah ada rumah lain, Tuan Yang di-Pertua, tidak layak.

Kedua, pendapatan mestilah di bawah RM3,000 sebulan. *Household income*. Keluarga.

Ketiga, keutamaan diberikan kepada mereka yang telah pun berkeluarga kerana bagi belia yang belum kahwin, bagi belia yang baru berkahwin, kita ada sediakan rumah-rumah transit dan sebagainya. Akan tetapi untuk PPR RTO ini, Tuan Yang di-Pertua, kita bagi keutamaan kepada mereka yang telah pun memiliki keluarga.

Keempat, peserta mesti menunjukkan rekod pembayaran yang baik dan teratur. Tadi saya sudah sebut. Sebelum mereka boleh masuk dalam program RTO ini, ada tempoh percubaan. Kita bagi dua tahun. Dia sewa dulu. Kalau dia dapat bayar sewaan dengan baik, kemudian dia tidak sewakan dan sebagainya unit yang kita bagi itu, dia patuh kepada syarat dan arahan kita, maka mereka akan dimasukkan dalam Skim RTO.

Kelima, Tuan Yang di-Pertua, tunggakan sewaan tidak boleh lebih daripada tiga bulan berturut-turut ataupun pada satu-satu masa.

Keenam, rumah yang ditawarkan hanya boleh diduduki oleh pemohon dan tidak boleh disewakan kepada mana-mana pihak ketiga.

Ketujuh, Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh menyalahgunakan premis selain daripada tujuan kediaman. Tidak boleh buat *homestay*, tidak boleh buat bengkel, tidak boleh buat kedai dan tidak boleh sewakan kepada orang lain.

Kelapan, Tuan Yang di-Pertua, pemohon yang layak perlu berpindah masuk dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh mereka menerima kunci.

Terakhir, Tuan Yang di-Pertua, lain-lain terma dan syarat yang akan ditetapkan oleh kerajaan melalui kementerian dari semasa ke semasa.

Saya harap itu telah menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**7. Datuk Dr. Lucas Umbul** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, apakah penyebab utama banjir kilat yang teruk berlaku di Kuala Lumpur. Apakah usaha dan langkah strategik kementerian membaiki sistem saliran longkang jalan yang tersumbat bagi membendung kejadian serupa tidak berlaku lagi pada masa akan datang.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas Umbul.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, punca kejadian banjir kilat di Kuala Lumpur adalah disebabkan oleh keamatan hujan yang sangat tinggi dan keadaan sistem saliran di beberapa lokasi yang mengalami keuzuran atas faktor usia dan kapasiti hidraulik di Kuala Lumpur.

**■1120**

Selain itu, projek pembangunan infrastruktur yang pesat di Kuala Lumpur antaranya pembinaan stesen-stesen rel serta bangunan-bangunan komersial turut menyumbang kepada berlakunya banjir kilat. Pelbagai usaha dan langkah telah diambil oleh Kementerian Wilayah Persekutuan melalui agensinya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk mengurus dan menambah baik sistem saliran di Kuala Lumpur bagi mengatasi masalah banjir kilat. Langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- (i) menyediakan pelan induk sistem saliran di Kuala Lumpur;
- (ii) menyediakan perancangan kerja menaik taraf sistem saliran;
- (iii) melaksanakan projek saliran;
- (iv) melaksanakan penyelenggaraan parit induk;
- (v) melaksanakan penyelenggaraan sungai dan kolam tahanan; dan
- (vi) melaksanakan rancangan tebatan banjir iaitu pembinaan kolam tadahan dan pembinaan rumah pam kawalan banjir.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2016 sebanyak 14 projek saliran yang telah dilaksanakan bernilai RM54.4 juta. Sebanyak 10 projek saliran yang sedang dijalankan pada tahun 2017 bernilai RM48.5 juta manakala projek dalam pembinaan dengan kos anggaran adalah RM108 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hujan lebat kerap berlaku di Kuala Lumpur adalah banjir kilat atas jalan raya yang akan surut dengan cepat dan hanya beberapa lokasi keadaan banjir atas jalan mengakibatkan lalu lintas terhalang. Perkara ini sedang diteliti dan diperhalusi oleh DBKL untuk diselesaikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kejadian banjir kilat yang berlaku di kawasan kediaman di Kuala Lumpur sebenarnya hanya tinggal satu kawasan yang terlibat iaitu Kampung Segambut Bahagia berikutan kedudukan yang sangat rendah. Bagaimanapun, projek yang mengatasi masalah banjir di lokasi ini telah diluluskan dan pembinaannya akan bermula pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, DBKL menubuhkan pasukan tindakan khas banjir kilat khususnya banjir kilat atas jalan di mana fungsi pasukan tindakan khas ini adalah bagi memantau kawasan *hotspot* banjir melalui CCTV dan bergerak ke lokasi untuk membantu kelancaran lalu lintas serta membuang halangan-halangan di laluan keluar air untuk mempercepatkan proses surut dan menyediakan laporan untuk tindakan susulan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Lucas Umbul:** Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang begitu komprehensif sebentar tadi. Pada tragedi apabila tragedi berlaku pada tahun lepas kita memang kebetulan berada di Kuala Lumpur dan melihat sendiri dengan keadaan-keadaan yang berlaku.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah kawalan yang dibuat oleh kerajaan dalam mengawal kecemasan pihak swasta dalam menjaga saliran dan perparitan yang menyebabkan banjir kilat ini berlaku. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Berkennaan dengan pihak swasta yang tidak begitu hiraukan keadaan-keadaan di sekitarnya, adalah kita mengambil tindakan-tindakan penguatkuasaan. Bila kita dapati berlakunya banjir kilat di sesuatu kawasan dan kita akan lihat di sekitar kawasan itu apakah pembangunan-pembangunan yang dijalankan.

Walaupun ia mungkin dijalankan oleh kerajaan mahupun swasta, tindakan yang sama, penguatkuasaan yang sama dikenakan. Mereka akan dikenakan denda dan mereka akan dikehendaki membersihkan kawasan itu supaya saliran air ini tidak tersumbat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**8. Datuk Zali bin Mat Yasin** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, jenis bantuan yang disediakan oleh SOCSO dan jumlah yang memohon bantuan disebabkan kemalangan sewaktu di tempat kerja ataupun ketika pergi dan pulang dari kerja mengikut kategori.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:**  
*Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam negaraku Malaysia.*

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua yang baik hati. Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin. Tuan Yang di-Pertua, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menyediakan dua skim perlindungan keselamatan sosial iaitu Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan.

Skim Bencana Pekerjaan memberi perlindungan kepada pekerja yang mengalami kemalangan atau suatu penyakit khidmat yang berpunca atau terbit daripada pekerjaannya. Perlindungan di bawah skim ini meliputi kemalangan perusahaan semasa menjalankan pekerjaannya dan kemalangan semasa di dalam perjalanan pergi dan balik kerja ataupun *committing accident*, dengan izin. Faedah-faedah yang disediakan oleh PERKESO kepada pencarum atau orang berinsurans di bawah Skim Bencana Pekerjaan tertakluk kepada kelayakan dan syarat-syarat yang diletakkan seperti berikut:

- (i) faedah perubatan;
- (ii) faedah hilang upaya sementara;

- (iii) faedah hilang upaya kekal;
- (iv) elauan layanan sentiasa;
- (v) faedah orang tanggungan;
- (vi) faedah pengurusan mayat;
- (vii) kemudahan pinjaman pendidikan; dan
- (viii) kemudahan pemulihan jasmani, vokasional dan program *return to work*, kembali bekerja.

Skim Keilatan pula skim ini memberi perlindungan 24 jam kepada pekerja dari keilatan atau kematian akibat dari sebarang sebab yang tidak berkaitan dengan pekerjaan. Apa-apa sahaja. Pekerja yang mencarum dengan SOCSO berlaku kemalangan walaupun bukan kerana kerjanya juga mendapat faedah daripada SOCSO. Orang berinsurans dianggap sebagai mengidap keilatan.

Apabila mengalami suatu keuzuran yang berkekalan sama ada tidak boleh diubati atau tidak mungkin sembah serta tidak berupaya mencari nafkah dengan kerja yang berpadanan dengan kekuatan tenaganya sekurang-kurangnya satu pertiga daripada keupayaan bekerja yang normal. Faedah-faedah yang disediakan oleh PERKESO kepada pencarum atau orang yang berinsurans di bawah Skim Keilatan tertakluk kepada kelayakan dan syarat-syarat yang diletakkan seperti berikut:

- (i) penceran ilat;
- (ii) bantuan ilat;
- (iii) elauan layanan sentiasa;
- (iv) penceran penakat;
- (v) faedah pengurusan mayat;
- (vi) kemudahan pemulihan jasmani, vokasional dan program *return to work* seperti mana yang kita adakan di Pusat *Rehab*, *Rehab Centre Tun Razak* di Melaka yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini yang terbaik di Asia; dan
- (vii) kemudahan pinjaman pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2016 sejumlah 27,914 yang melibatkan kes kemalangan dalam perjalanan pergi dan balik dari tempat kerja telah dilaporkan berbanding 25,550 kes pada tahun 2015 iaitu peningkatan sebanyak 9.25 peratus ataupun 2,364 kes. Manakala bagi kes kemalangan dalam perusahaan ataupun tempat kerja termasuk penyakit khidmat, sejumlah 35,304 kes telah diterima dan dilaporkan di seluruh negara berbanding 34,258 kes pada 2015 iaitu peningkatan sebanyak 3.05 peratus atau 1,046 kes.

Inilah antara kes-kes yang melibatkan kemalangan. Apa yang jelas Tuan Yang di-Pertua ialah kemalangan ulang-alik kerja ini agak meningkat. Jadi inilah yang perlu kita berikan kesedaran kepada pekerja-pekerja kita di negara kita. Terima kasih banyak.

**Datuk Zali bin Mat Yasin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab. Soalan tambahan saya ialah apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kementerian ataupun PERKESO terhadap majikan yang tidak mencarum pekerja-pekerja mereka. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memang kita ada undang-undang. Akta kita ini memang akan mengambil tindakan kepada majikan-majikan yang tidak mencarum pekerja-pekerja yang bekerja di bawah mereka. Oleh sebab itulah kadang-kadang kita mendapat daripada sebahagian majikan, kenapa buat operasi?

Saya hendak beritahu pada majikan semua sebenarnya pekerja kita adalah aset kepada kita. Kita mendapat keuntungan,kekayaan bukan kita sendiri yang buat tetapi pekerja kita yang buat. Kenapa tidak kita berikan sedikit pengorbanan untuk pekerja-pekerja kita. Oleh sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator kita tidak akan bertolak ansur dengan majikan-majikan yang cuba eksplotasi pekerja tanpa memberikan pulangan dan faedah yang baik kepada pekerja-pekerja mereka. Terima kasih banyak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk pertanyaan-pertanyaan jawapan lisan tamat.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

■1130

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERDAGANGAN STRATEGIK (PINDAAN) 2017**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**11.30 pg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Chua Tee Yong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang undang-undang Perdagangan Strategik (Pindaan) 2017 untuk meminda Akta Perdagangan Strategik 2010 [Akta 708] dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, peranan dan penglibatan Malaysia dalam menyumbang dalam kestabilan politik dan ekonomi serantau dan antarabangsa kian menyerlah sama ada di peringkat ASEAN, APEC mahupun PBB. Dengan pelaksanaan Akta Perdagangan Strategik 2010 atau dikenali juga sebagai Akta 708 yang berkuat kuasa pada tahun 2011, Malaysia sebagai suatu negara anggota PBB telah memenuhi salah satu aspek keselamatan antarabangsa berkaitan pengawalan aktiviti percambahan senjata pemusnah besar-besaran, dengan izin, *weapon of mass destruction*.

Akta Perdagangan Strategik 2010 [Akta 708] memperuntukkan kawalan ke atas eksport, transit, pemindahan, dengan izin, *transshipment* dan pembrokeran barang strategik di Malaysia. Barang strategik ialah barang senjata dan barang komersial diguna yang berkaitan yang boleh digunakan dalam aktiviti yang akan memudahkan rekaan, pemajuan dan pengeluaran senjata pengguna besar-besaran, *weapon of mass destruction*.

Malaysia merupakan negara kedua di ASEAN selepas Singapura yang mewujudkan satu akta khas yang komprehensif bagi mengawal aktiviti-aktiviti eksport, transit, pemindahan dan pembrokeran barang strategik yang boleh menyumbang kepada penghasilan senjata WMD tersebut.

Untuk makluman, sejak tahun 2010 hingga tahun 2016 sebanyak 13,532 permit eksport transit pemindahan dan sijil pembekalan telah dikeluarkan bawah STA tahun 2010. Jumlah permit yang dikeluarkan adalah meningkat sepanjang lima tahun pelaksanaan STA 2010 dengan peratusan peningkatan melebihi 80 peratus pada tahun 2016 berbanding tahun 2011.

Sektor utama yang terlibat dengan permohonan permit STA 2010 adalah elektrik dan elektronik, sistem aviasi dan marin serta bahan kimia yang merupakan bahan utama eksport negara. Selepas lima tahun pelaksanaan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebagai satu kementerian yang diberi mandat untuk melaksanakan akta ini telah menerima dan mengumpul maklum balas daripada pihak berkepentingan iaitu pihak industri dan komuniti perniagaan serta agensi kerajaan yang terlibat dengan aktiviti pelesenan perkhidmatan teknikal dan penguatkuasaan mengenai keberkesanan pelaksanaan Akta 708. Melalui proses, dengan izin, *good regularly practice ordinary impact analysis*, MITI telah mengenal pasti bahawa terdapat keperluan untuk mengajak semula undang-undang tersebut bagi memastikan pelaksanaan Akta 708 lebih efektif agar perdagangan barang strategik dapat dikawal dengan lebih berkesan tanpa berkompromi dengan elemen keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan adalah berdasarkan asas-asas seperti mana berikut. Pertama, cadangan pinda akta ini menunjukkan keseriusan pihak berkuasa dalam menguatkuasakan Akta 708 bagi memastikan persekitaran perdagangan Malaysia lebih selamat dan kompetitif. Ini dilakukan dengan menyemak kuantum hukuman bagi kesalahan di bawah Akta 708. Rang undang-undang pindaan ini meminda hukuman daripada minimum kepada maksimum.

Pindaan tersebut bukan bermaksud kementerian ini memandang ringan akan kesalahan yang dilakukan sebaliknya kementerian ini berpandangan bahawa pindaan tersebut akan membolehkan pengenaan kompaun kepada kesalahan-kesalahan lain di bawah STA dibuat serta selari dengan hukuman yang dikenakan di peringkat antarabangsa. Kesedaran ini akan meningkatkan daya saing Malaysia dalam menarik pelaburan langsung, FDI dan menggalakkan eksport negara serta merancakkan penggunaan pelabuhan ruang Malaysia sebagai hub-transit dan pemindahan di arena perdagangan antarabangsa.

Rang undang-undang pindaan ini juga mewujudkan kawalan pembrokeran yang lebih fokus dan spesifik dengan meminda takrif broker dan mengecualikan aktiviti berbentuk sampingan yang melibatkan hanya sistem sokongan terhadap aktiviti eksport, transit atau pemindahan daripada keperluan mendaftar sebagai broker.

Selain itu, rang undang-undang pindaan ini juga mengadaptasi keperluan kawalan dengan persekitaran perniagaan yang dinamik dan sentiasa berubah. Setaraf dengan standard dan amalan di peringkat antarabangsa dengan mengeluarkan keperluan mandatori untuk mengemukakan penyataan penggunaan akhir semasa permohonan permit atau permit khas di bawah seksyen 9.

Rang undang-undang pindaan ini menambah baik penguatkuasaan Akta 708 secara menyeluruh dengan menyatakan pegawai-pegawai diberi kuasa yang boleh menjalankan kuasa penguatkuasaan seperti yang dinyatakan dalam seksyen baru 25A. Tambahan daripada itu seksyen 41, dan 45, masing-masing dipinda untuk memberi kuasa kepada pengawal semasa berunding dengan pendakwa raya untuk memerintahkan supaya mana-mana barang-barang yang disita supaya

distorkan, disimpan atau dilupuskan dan melarang tuntutan kos atau ganti yang berbangkit dari penyitaan tersebut bagi tujuan melindungi kepentingan pihak berkuasa yang menjalankan tugas.

Pindaan ini juga mengatasi kerumitan khususnya yang berbangkit dalam penguatkuasaan 708 dengan memasukkan satu peruntukan anggapan mengenai eksport, dengan izin, *resumption of export* bagi aktiviti-aktiviti yang boleh diandaikan sebagai pembuatan mengeksport barang strategik, barang dwiguna atau barang tidak tersenarai keluar daripada Malaysia. Pindaan ini membolehkan tindakan undang-undang diambil tanpa kehilangan bahan bukti bagi tujuan pendakwa raya. Rang undang-undang ini membolehkan penguatkuasaan dan pendakwaan ke atas mana-mana orang yang melakukan kesalahan mengeksport barang strategik tidak senarai tanpa memperoleh permit yang sah di bawah Akta 708.

Tuan Yang di-Pertua, antara perkara-perkara yang dipinda di dalam Akta Perdagangan Strategik 2010 Akta 708 adalah seperti berikut;

Pindaan Seksyen 2 fasal 2 bertujuan untuk meminda takrif pegawai diberi kuasa dan memperkenalkan skop pemberokeran dalam seksyen 2, Akta 708. Pindaan Seksyen 9, 10, 18, 21, 23, 24, 33, dan 40.

Fasal 3, 4, 9, 10, 11, 12, 14, dan 15, bertujuan untuk meminda seksyen 9, 10, 18, 21, 23, dan 24, 33, dan 40, Akta 708 masing-masing untuk meminda hukuman bagi kesalahan di bawah Akta 708.

Pindaan seksyen 11 fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 11, Akta 708 untuk meminda hukuman bagi kesalahan pemberokeran barang strategik tanpa mendaftar sebagai broker di bawah seksyen 19, Akta 708.

Fasal 5 juga bertujuan untuk memperjelaskan bahawa subseksyen 11(1) tidak terpakai kepada mana-mana orang yang hanya terlibat dalam penyediaan perkhidmatan sampingan berkaitan dengan barang strategik. Ia bermaksud orang itu tidak perlu didaftarkan sebagai broker di bawah seksyen 19, Akta 708.

Pindaan seksyen 12, fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 12, Akta 708 untuk mengadakan peruntukan bahawa sebagai tambahan pengeksportan, seseorang yang berniat untuk memindahkan satu membawa dalam transit apa-apa barang tidak tersenarai dikehendaki untuk memberitahu pihak berkuasa yang berkenaan mengenainya untuk berbuat demikian sekurang-kuranya 30 hari sebelum pemindahan atau pembawaan dalam transit itu hendaklah dijalankan.

Fasal 6 juga bertujuan untuk meminda hukuman di bawah seksyen 12, Akta 708 bagi kegalilan mematuhi kehendak pemberitahuan tersebut.

Seksyen baru 12A, fasal 7 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 12A ke dalam Akta 708 untuk mengadakan peruntukan berkenaan dengan anggapan tentang eksport, dengan izin, *resumption of export*, mana-mana barang strategik dan barang tidak tersenarai boleh disifatkan dibawa atau menyebabkan dibawa keluar dari Malaysia. Seksyen baru yang dicadangkan ini bertujuan untuk memperkuuh penguatkuasaan oleh pegawai diberi kausa.

Pindaan seksyen 14, fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 14, Akta 708 untuk memperjelas keperluan untuk mengukuhkan penyataan kegunaan akhir bagi satu permohonan permit atau permit khas yang dibuat di bawah seksyen 9, di bawah Akta 708, dengan memperuntukkan

bahawa keperluan mengemukakan penyataan kegunaan akhir bukanlah satu yang mandatori. Pihak berkuasa yang berkenaan boleh mengehendaki pemohon untuk mengemukakan dokumen tersebut sekiranya perlu.

Seksyen baru 25A, fasal 13, bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 25A, ke dalam Akta 708 untuk menyatakan pegawai diberi kuasa yang boleh menjalankan kuasa penguatkuasaan bagi tujuan penguatkuasaan akta ini.

Pindaan seksyen 41, fasal 16, bertujuan untuk meminda seksyen 14, Akta 708 untuk memberi kuasa kepada pengawal selaras berunding dengan pendakwa raya untuk memerintahkan pelupusan mana-mana barang yang disita serta bekas bungkusan pengangkutan dan benda lain yang di dalamnya barang itu distorkan, disimpan atau dijumpai sebagai tambahan sebagai barang strategik dan barang tidak tersenarai.

#### ■1140

Pindaan seksyen 45 fasal 17 bertujuan untuk meminda seksyen 45, Akta 708 untuk menyekat mana-mana orang daripada mendapatkan kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan apa-apa barang dan apa-apa bekas bungkusan pengangkutan dan barang lain yang di dalamnya barang itu distorkan, disimpan atau dijumpai melainkan jika penyitaan ini dibuat tanpa sebab munasabah seperti tambahan kepada barang strategik dan barang tidak tersenarai.

Seksyen baru 50A, fasal 18 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 50A ke dalam Akta 708 untuk memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri dengan keizinan pendakwa raya untuk membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan apa-apa kesalahan di bawah Akta 708 yang boleh dikompaunkan serta kriteria, kaedah dan tatacara untuk mengkompaunkan kesalahan ini. Seksyen baru yang dicadangkan ini juga bertujuan untuk memberikan kuasa kepada pegawai diberi kuasa untuk melaksanakan pengkompaunan kesalahan itu dengan keizinan bertulis kepada pendakwa raya.

Kecualian dan peralihan fasal 20 mengatakan peruntukan kecualian dan peralihan dan pindaan lain. Pindaan lain yang tidak diperkatakan dalam kalangan khusus dalam huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, dengan lulusnya rang undang-undang ini, diharapkan imej negara akan dapat dipertingkatkan di peringkat antarabangsa dalam komitmen membanteras percambahan senjata pemusnah besar-besaran, *weapon of mass destruction*. Pindaan yang dibentangkan adalah berdasarkan standard dan piawaian antarabangsa yang dapat memastikan pelaksanaan pengurusan perdagangan strategik di negara ini lebih efektif dan efisien.

Jumlah pelaburan asing FDI juga dapat dipertingkatkan dengan bertambahnya keyakinan pelabur-pelabur asing, kesan kewujudan persekitaran perdagangan yang selamat dan fasilitatif. Cadangan yang dibentangkan dalam rang undang-undang ini telah mendapat persetujuan semua kementerian dan agensi yang terlibat dalam pelaksanaan Akta 708 melalui rundingan dan konsultasi yang berterusan sejak tahun 2013 hingga kini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Chua Tee Yong. Laju dan lancar nampaknya. Sekarang ada sesiapa yang menyokong.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perdagangan Strategik 2010 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Perbahasan- mengikut saya punya *list* di sini, saya minta Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin.

#### **11.43 pg.**

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi kebenaran kepada saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perdagangan Strategik (Pindaan) 2017.

Saya mengambil kesempatan di sini juga mengucapkan tahniah kepada MITI di atas inisiatif meminda beberapa peruntukan di dalam rang undang-undang ini sebagai penambahbaikan untuk menguatkuasakan dagangan barang-barang yang boleh dijadikan senjata atau alatan yang boleh mendatangkan kemasuhan atau menimbulkan ketenteraman awam seperti mana obligasi kita di peringkat nasional dan global.

Tuan Yang di-Pertua, pergolakan dan ketidakstabilan geopolitik di Asik Pasifik yang melibatkan kuasa ketenteraan Amerika, Rusia, Jepun, Korea Selatan, Korea Utara dan China membuktikan betapa signifikannya penguatkuasaan dan kawal setia kerajaan kepada akses dagangan dan pemerolehan barang-barang strategik. Ancaman senjata kimia dan biologi merupakan metode peperangan baru yang menunjukkan betapa kita gusar dan khuatir risiko aktiviti berdasarkan petrokimia atau kimia perindustrian.

Satu kegusaran saya Tuan Yang di-Pertua adalah bagaimana kerajaan menangani aktiviti perniagaan gas klorin yang pada ketika ini banyak digunakan dalam loji-loji rawatan air di seluruh negara. Saya rasa ianya bertepatan dengan rang undang-undang yang kita bahaskan dan dibentangkan pada hari ini kerana penggunaan klorin industri ini perlu dikawal dan diperkemas penguatkuasaannya kerana risiko kebocoran, letupan dan khianat atau perdagangan tanpa kawalan akan mendatangkan musibah atau kecelakaan kepada negara. Sebab kita tahu walaupun klorin ini adalah merupakan satu bahan yang dijadikan ataupun digunakan dalam perindustrian khususnya tetapi klorin ini boleh juga digunakan ataupun dijadikan sebagai satu alatan senjata kimia. Sebab klorin ini apabila kita *transfrom-kan*, dengan izin, ataupun kita tukarkan menjadi satu gas, gas klorin, ianya akan menjadikan satu senjata kimia yang sangat berbahaya dan boleh membawa kepada maut dan kita tahu banyak serangan-serangan negara luar yang menggunakan klorin ini sebagai satu senjata. Senjata yang untuk menyerang negara-negara tersebut.

Justeru Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya kepada MITI, selaras dengan ketetapan yang dimaktubkan dalam peruntukan Konvensyen Senjata Kimia (CWC) 2005 yang turut dijaga sama oleh MITI. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang apakah langkah yang diambil oleh pegawai dan agensi yang mungkin dilantik sebagai pengawal di bawah seksyen 25A(j) yang mungkin penguatkuasaan bersama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Jabatan Alam Sekitar agar sebarang aktiviti yang berkaitan dengan perdagangan, pengangkutan dan

logistik ini, penyimpanan serta *refilling* ataupun proses *chlorination* dikawal, dijaga dan dipastikan tidak ada apa-apa lencongan atau syarat yang ditetapkan dalam *Strategic Trade Act* iaitu pindaan 2017.

Saya juga ingin bertanya, setakat ini berapakah jumlah syarikat dalam negara kita yang membekalkan bahan kimia klorin ini dan seterusnya apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam mengawal pengilang, pengeksport dan pemprosesan gas klorin bagi memastikan tahap keselamatan orang awam dan antarabangsa dipatuhi.

Saya rasa soalan saya yang terakhir adalah apakah kerajaan melalui MITI dan agensi pengawal yang lain mengawasi aktiviti logistik penghantaran pengendalian transit keseluruhan di seluruh negara bertepatan dengan akta yang kita bahaskan pada hari ini. Sekian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. *Assalamualaikum.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Hajah Fahariyah dan saya pun menunggu kalau ada Ahli Yang Berhormat hendak bercakap, saya beri peluang juga.

Yang nombor dua pula Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyyah binti Ali.

#### **11.47 pg.**

**Datuk Rabiyyah binti Ali:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua perbahasan saya pada hari ini iaitu Perdagangan Strategik (Pindaan) 2017.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan izin kepada saya untuk membahaskan undang-undang Perdagangan Strategik (Pindaan) 2017. Dalam membicarakan ancaman *terrorism* dan juga pengganas di dalam dan luar negara, kawalan ke atas penggunaan alatan dan dagangan alat radioaktif dan nuklear amat penting dilakukan agar keselamatan awam terjamin. Ia juga penting agar pemerolehan bahan ini di pasaran di jaga rapi bagi membendung ianya tidak jatuh ke tangan pengganas.

Tuan Yang di-Pertua, ancaman *terrorism global* yang menjadikan Malaysia sebagai hab operasi perlu diberikan perhatian oleh kerajaan Malaysia. Justeru kawalan penggunaan bahan radioaktif dan nuklear memerlukan satu kerangka kerja yang komprehensif bagi menjamin langkah kawalan dan pemantauan dikemaskinikan secara berkala. Persoalan yang saya ingin kemukakan kepada MITI adalah setakat pada hari ini, berapakah bilangan industri ataupun milik entiti perniagaan yang diberikan lesen mengilang dan memproses bahan nuklear dan radioaktif di seluruh negara dan bagaimanakah MITI bersama-sama agensi pengawal yang lain memantau semua aktiviti syarikat-syarikat yang dilesenkan ini.

Persoalan kedua, apakah MITI mempunyai suatu kerangka data maklumat syarikat dan pembekalan barang strategik yang dihubungkan ke pengawal-pengawal yang disenaraikan dalam seksyen 25A serta bagaimanakah langkah kawalan inventori yang boleh dilaksanakan dalam menjamin sektor perniagaan atau dagangan barang strategik menjadi keutamaan jaminan keselamatan negara. Saya mohon menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**■1150**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali tadi. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat nak berbahas? Saya beri peluang- baik, tak ada. Saya pergi kepada perkara lain. Minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

**11.50 pg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Chua Tee Yong]:** Terima kasih kepada dua Ahli Yang Berhormat Senator yang turut terlibat dalam membahaskan Rang Undang-undang Perdagangan Strategik (Pindaan) 2017.

Untuk bagaimana kita- pindaan ini dapat membantu mengekalkan aktiviti percambahan senjata pemusnahan besar-besaran di Malaysia dan apakah peranan MITI dalam usaha ini. Sebenarnya pindaan ST ini dapat membantu aktiviti percambahan senjata pemusnah besar-besaran dengan memperkuuhkan penguatkuasaan akta ini dengan memperkenalkan kesalahan yang boleh dikompaunkan di samping mengekalkan hukuman mati dan penjara seumur hidup bagi kesalahan berat yang melibatkan perdagangan senjata yang mengakibatkan kematian.

Pindaan ini juga dapat memperbaiki kelemahan teknikal 708 sebelum ini yang banyak membatasi tindakan penguatkuasaan contohnya seperti kes-kes *premature* yang tidak boleh didakwa di mahkamah berikutan definisi eksport yang pada masa ini menyatakan bahawa eksport dianggap berlaku apabila barang tersebut telah keluar daripada Malaysia. Definisi eksport tersebut akan menyukarkan tindakan penguatkuasaan kerana sebarang bukti telah tiada di Malaysia.

Oleh yang demikian, dalam pindaan akta ini satu seksyen mengenai anggapan tentang eksport, dengan izin, '*presumption of export*' telah dimasukkan di dalam barang tersebut dianggap telah dieksport keluar dari Malaysia sekiranya barang tersebut telah melalui prosedur tertentu termasuk membuat pengisytiharan di dalam borang kastam. MITI berperanan sebagai *focal point* dan menjadi pakar rujuk bagi pelaksanaan STA. MITI mengkoordinasi dan melaksanakan program *outreach* kepada industri dan penguatkuasaan kerajaan yang lain bagi meningkatkan kesedaran terhadap STA.

Setiap dua bulan, MITI akan mengadakan sesi konsultasi bersama industri bagi mengenal pasti dan menyelesaikan masalah yang dihadapi dan meningkatkan kefahaman industri terhadap STA. Jumlah program *outreach* yang telah dijalankan dalam dan luar negara pada tahun 2016 adalah sebanyak 59 program pembangunan kapasiti dan *outreach* di peringkat domestik. MITI bersama dengan agensi pelesenan STA yang lain seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Lembaga Pelesenan Tenaga Atom dan Bahagian Perkhidmatan Farmasi juga berperanan dalam mengurus dan memantau pergerakan keluar barang-barang strategik, barang dwi-guna atau barang tidak tersenarai melalui pengeluaran permit eksport, transit dan *transshipment*.

Dalam hal kimia atau petrokimia termasuklah klorin, ia adalah di bawah Akta Konvensyen Senjata Kimia 2005 Wisma Putra di mana kita memantau dengan pihak berkuasa iaitu bersama dengan Wisma Putra untuk kerja-kerja penguatkuasaan. Dari segi di bawah STA, ia bukan barang kawalan di bawah STA 2010 untuk klorin. Adakah eksport yang perlu kelulusan khas MITI, ia tidak

dikawal tidak memerlukan permit kecuali dapat dikenal pasti boleh diguna untuk- kalau diguna untuk *mass weapon destruction* dia memang di bawah STA 2010.

Dari segi untuk perniagaan yang dilesenkan untuk barang nuklear dan radioaktif pada masa sekarang ia di bawah Wisma Putra. AELB, ia adalah di bawah AELB di mana pada masa sekarang saya tak ada maklumat terkini dari MITI. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Chua Tee Yong. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 20 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib) dan diluluskan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (PINDAAN) 2017

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**11.57 pg.**

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2017 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555] mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 1996. Ia bertujuan untuk mengawal selia dan membangunkan sektor pendidikan tinggi swasta di Malaysia. Akta tersebut digubal untuk mengadakan peruntukan bagi membolehkan penubuhan pendaftaran, pengurusan, pengawal seliaan dan kawalan kualiti pendidikan yang diberikan oleh institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) serta bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Akta 555 juga memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pendaftar IPTS yang telah dilantik oleh Menteri Pendidikan Tinggi di bawah subseksyen 31 untuk mengambil tindakan perundangan terhadap IPTS yang didapati melakukan kesalahan atau melanggar peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan. Akta 555 pernah dipinda sebanyak empat kali pada tahun 2003, 2009, 2012 dan 2014. Pindaan ke atas Akta 555 merupakan suatu usaha berterusan bagi memastikan perkembangan sektor pendidikan tinggi swasta adalah relevan dengan keperluan semasa yang sentiasa berubah-ubah,

Sektor pendidikan tinggi swasta telah mengalami perkembangan yang pesat dan dinamik. Perkembangan sektor ini telah memberi sumbangan besar kepada pembangunan modal insan negara dan jumlah *enrollment* pelajar yang mengikuti pelbagai peringkat pengajian di IPTS pada tahun 2015 adalah seramai 580,928 orang berbanding dengan 540,638 orang pelajar di universiti awam.

#### ■1200

Pada masa ini terdapat sebanyak 495 buah IPTS yg berdaftar dan aktif iaitu 53 buah bertaraf universiti, 10 buah kampus cawangan universiti luar, 34 buah bertaraf universiti kolej dan 398 buah kolej.

Sektor pendidikan tinggi swasta juga turut memainkan peranan penting dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan khususnya melalui pengambilan pelajar antarabangsa. Bilangan pelajar antarabangsa yang mengikuti program pengajian di IPTS pada tahun 2016 adalah seramai 102,112. Bilangan pelajar antarabangsa yang ramai di IPTS ini menunjukkan bahawa sektor pendidikan tinggi swasta merupakan penyumbang utama dalam usaha menarik lebih ramai pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pengajian di Malaysia. Menurut *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO), dengan izin, Malaysia merupakan destinasi ke-12 paling digemari oleh pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pelajaran.

Selain itu, kaji selidik yang dilaksanakan oleh *British Council* pada tahun 2016, mendapati bahawa Malaysia dan Jerman merupakan negara yang mempunyai dasar yang paling terbuka, *the openers*, dengan izin, terhadap pendidikan tinggi antarabangsa. Kementerian Pendidikan Tinggi berhasrat untuk membangunkan Malaysia sebagai hab pendidikan antarabangsa yang mempunyai kelebihan yang tersendiri, dipandang tinggi oleh pelajar kerana berdaya saing untuk menyediakan pendidikan tinggi yang berkualiti. Oleh yang demikian institusi pendidikan tinggi atau IPT negara khususnya IPTS perlu memastikan supaya perkhidmatan pendidikan tinggi yang ditawarkan adalah berkualiti dan berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Selain itu, keperluan untuk *responsive* kepada pelbagai perkembangan terkini seperti dasar, liberalisasi, pendidikan merentasi negara atau *transnational education*, dengan izin, globalisasi serta lonjakan sepuluh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 hingga 2025 (Pendidikan Tinggi) transformasi, penyampaian pendidikan tinggi memerlukan Akta 555 disemak atau dipinda dari semasa ke semasa bagi memastikan peruntukan yang terkandung dalam akta tersebut sentiasa kekal relevan.

Tuan Yang di-Pertua, proses pindaan Akta 555 ini telah dibuat secara *consultative* dengan izin, dengan mendapatkan pandangan daripada pelbagai pihak yang berkaitan khususnya wakil persatuan-persatuan IPTS. Antara pendekatan yang digunakan adalah mendapatkan input melalui

bengkel serta beberapa siri rundingan yang diadakan dari semasa ke semasa. Kementerian Pendidikan Tinggi juga telah mengadakan beberapa siri sesi pendengaran awam atau *town hall session*, dengan izin, bersama 495 buah IPTS di seluruh negara dan satu platform soal selidik cadangan pindaan Akta 555 secara atas talian atau *online engagement*, dengan izin, juga telah diadakan bagi mendapat maklum balas berhubung cadangan pindaan Akta 555.

Aktiviti-aktiviti ini telah diadakan bagi mendapatkan input dan pandangan daripada pihak pemegang taruh ataupun *stakeholders*, dengan izin, yang terdiri daripada pihak pengurusan dan kakitangan IPTS, para pelajar, ibu bapa pelajar dan juga masyarakat umum. Soal selidik cadangan pindaan Akta 555 secara atas talian yang telah diadakan dari 20 Julai hingga 19 Ogos 2016 telah melibatkan jumlah responden seramai 1,526 orang dan secara puratanya 97 peratus, *the 97 percent*, dengan izin, daripada jumlah tersebut bersetuju dengan cadangan pindaan yang telah dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan Akta 555 melibatkan 31 seksyen, Akta 555.

Pindaan dibuat bagi memperjelaskan, mengemas kini dan memperkuuhkan beberapa peruntukan sedia ada serta menambah peruntukan baru untuk meningkatkan keberkesanan pengawalseliaan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Cadangan pindaan ini membolehkan beberapa proses pengawalseliaan pengoperasian IPTS yang selama ini dilaksanakan secara pentadbiran atau menerusi keperluan dalam peraturan yang diperkuuhkan.

Tuan Yang diPertua, butiran terperinci mengenai rang undang-undang ini adalah seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta dan kuasa Menteri Pendidikan Tinggi untuk menetapkan tarikh akta mula berkuat kuasa.

Fasal 2 mengandungi tafsiran perkataan dan ungkapan. Di bawah seksyen 2, lima istilah baru diperkenalkan manakala tiga istilah ditafsirkan semula. Istilah-istilah baru yang diperkenalkan adalah “dana permulaan”, “kampus cawangan luar negeri”, “kolej”, “Menteri” dan “struktur fi”. Istilah yang ditafsirkan semula adalah perkataan “institusi pendidikan tinggi swasta”, “kampus cawangan”, “kolej universiti” dan “universiti”.

Fasal 3 bertujuan bagi meminda seksyen 12, Akta 555 bagi membolehkan syarikat berhad menurut jaminan atau *company limited by guarantee*, dengan izin, selain daripada syarikat berhad dengan saham atau *company limited by shares*, dengan izin, untuk mengemukakan permohonan bagi menujuhkan IPTS. Di mana menerusi pindaan ini pihak kementerian dapat memastikan bahawa hanya syarikat berhad menurut jaminan yang mempunyai sumber kewangan yang kukuh dan pengurusan yang baik diberi kelulusan untuk menujuhkan sesebuah IPTS seperti mana yang dilaksanakan oleh pihak kementerian kepada pemohon yang terdiri daripada syarikat berhad dengan saham.

Pindaan seksyen 12, Akta 555 ini akan turut meningkatkan kebertanggungjawaban pihak syarikat yang menujuhkan atau memiliki IPTS terhadap pengoperasian IPTS yang perlu dilaksanakan mengikut peruntukan Akta 555. Bagi tujuan tersebut Kementerian Pendidikan Tinggi akan menyediakan *template*, memorandum dan artikel persatuan atau *memorandum and article of association*, dengan izin, bagi syarikat berkaitan untuk membolehkan pengawalseliaan dilaksanakan

dengan lebih lancar dan efisien. Pihak kementerian akan bekerjasama dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dalam pelaksanaan perkara ini.

Fasal 4 bertujuan untuk menyelaras peruntukan seksyen 14, Akta 555 dengan pindaan seksyen 19, Akta 555 merujuk kepada penggunaan perkataan syarikat. Fasal 5 bertujuan untuk menyelaraskan keperluan bagi kedua-dua syarikat berhad menurut jaminan dan syarikat berhad dengan saham mendapatkan kebenaran Ketua Pendaftar sebelum membuat pertukaran berkaitan syarikat.

#### ■1210

Selain itu, tambahan enam subseksyen yang baru adalah bertujuan untuk memperjelaskan prosedur permohonan bagi menggubal maklumat-maklumat syarikat yang dinyatakan di bawah subseksyen (1), seksyen 15, Akta 555.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 19, Akta 555 dengan menggantikan perkataan “Institusi Pendidikan Tinggi Swasta” dengan perkataan “syarikat”. Bertujuan untuk memperjelaskan bahawa ianya adalah syarikat yang membuat pengaturan atau pengajian melibatkan perniagaan IPTS.

Fasal 7 bertujuan untuk mengadakan tambahan sub perenggan 2(e) dalam seksyen 24, Akta 555 yang bertujuan untuk membolehkan Ketua Pendaftar mengarahkan pihak IPTS mengemukakan maklumat dan dokumen yang dirasakan wajar untuk Ketua Pendaftar semasa menimbangkan permohonan pendaftaran IPTS.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 26, Akta 555 dengan meminda nota bahu seksyen tersebut bagi memperlihatkan bahawa seksyen tersebut bukan sahaja adalah untuk memperuntukkan perkara-perkara berkaitan sijil pendaftaran tetapi juga perkara lain seperti butiran maklumat premis, struktur fi dan sebagainya. Perkataan “premis” yang digunakan dalam seksyen ini juga dipinda bagi memperjelaskan bahawa ia merujuk kepada premis yang berdaftar. Selain itu subseksyen (2) dipinda untuk mengadakan satu kewajipan bagi IPTS untuk memberikan butiran maklumat premis-premis berdaftar dan struktur fi mereka kepada orang awam melalui kaedah yang boleh dicapai oleh orang awam. Pindaan ini akan membolehkan masyarakat umum khususnya para pelajar memperoleh maklumat yang tepat dan menyeluruh berhubung struktur yuran kursus pengajian yang ditawarkan oleh pihak IPTS.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda seksyen 28, Akta 555 di mana subseksyen 28(1), Akta 555 dipinda bagi memastikan pihak IPTS tidak menambah atau mengubahsuai premis IPTS tanpa kebenaran Ketua Pendaftar. Subseksyen 28(2) pula dipinda bagi memastikan pihak IPTS mengemukakan permohonan bagi menambah atau mengubahsuai premis IPTS.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 30, Akta 555 untuk memperuntukkan bagi perkara-perkara tertentu dinyatakan dalam perlembagaan sesebuah IPTS. Pindaan seksyen 30, Akta 555 ini akan mengukuhkan sistem tadbir urus sektor pendidikan tinggi swasta dan IPTS dengan memastikan pentadbiran dan pengurusan IPTS dilaksanakan selaras dengan templat perlembagaan yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Perlembagaan IPTS adalah bertujuan untuk membantu pengurusan IPTS melaksanakan tadbir urus berdasarkan amalan *good governance*, dengan izin, yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.

Fasal 11 bertujuan untuk meminda seksyen 31, Akta 555 di mana subseksyen 31(1), Akta 555 dipinda bagi mewajibkan syarikat melantik Ketua Eksekutif setelah kelulusan penubuhan IPTS diluluskan oleh Menteri Pendidikan Tinggi. Selain itu, pindaan subseksyen (2) adalah bagi memperjelaskan keperluan ketua eksekutif untuk memohon bagi didaftarkan. Pindaan perenggan 31(3)(f) adalah bertujuan untuk memperkuuhkan peruntukan bagi memastikan pematuhan. Seksyen 31 juga dipinda dengan mengadakan dua subseksyen baru iaitu subseksyen (4) yang menjelaskan bahawa seseorang itu tidak dibenarkan menjalankan tugas sebagai Ketua Eksekutif sekiranya dia tidak didaftarkan ataupun pendaftarannya sebagai Ketua Eksekutif dibatalkan. Subseksyen (5) adalah bertujuan bagi mengukuhkan pematuhan syarat yang telah ditetapkan di bawah subseksyen (4).

Fasal 12 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 33A ke dalam Akta 555 bagi mengehendaki IPTS untuk menyegerakan sesuatu daftar yang mengandungi maklumat-maklumat yang dinyatakan bertujuan bagi membantu pengurusan sektor pendidikan tinggi swasta khususnya bagi membantu pihak kementerian dalam membuat keputusan bermaklumat atau *inform decision making*, dengan izin.

Fasal 13 bertujuan untuk meminda seksyen 36, Akta 555 dengan memasukkan subseksyen baharu 36(2) untuk memperkuuhkan peruntukan seksyen 36, Akta 555 dan memastikan pematuhan.

Fasal 14 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu (1A) ke dalam seksyen 38, Akta 555 bagi memastikan kursus pengajian hanya boleh dikendalikan di IPTS selepas IPTS tersebut berdaftar di bawah seksyen 24, Akta 555.

Fasal 15 bertujuan untuk meminda seksyen 40, Akta 555 dengan memasukkan subseksyen baharu 40(1F), (1G) dan (1H). Peruntukan subseksyen 40(1F) membolehkan Ketua Pendaftar menambah, mengubah, membatalkan atau menukar mana-mana syarat untuk kelulusan bagi menjalankan suatu kursus pengajian supaya mampu responsif kepada perubahan pesat dan rumit yang berlaku kepada perkara-perkara berkaitan dengan pengendalian kursus pendidikan tinggi. Subseksyen 40(1G) pula memperuntukkan bahawa pihak IPTS boleh memohon kepada Ketua Pendaftar untuk meminda syarat yang telah ditetapkan semasa memberi kelulusan kepada IPTS berkenaan bagi menjalankan suatu kursus pengajian. Manakala subseksyen 40(1H) adalah bertujuan untuk memperjelaskan prosedur permohonan untuk meminda syarat kelulusan kursus pengajian yang disebut di bawah subseksyen 40(1G).

Fasal 16 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 40A ke dalam Akta 555 untuk mengadakan peruntukan untuk menghendaki IPTS memperbaharui kelulusan bagi menjalankan kursus pengajian. Ini seterusnya akan membolehkan pengawalseliaan yang dilaksanakan oleh pihak kementerian khususnya menerusi proses pembaharuan dikukuhkan di mana menerusi proses tersebut ia memberi peluang kepada pihak kementerian untuk meneliti kualiti sesuatu kursus pengajian secara berkala dan membolehkan pihak kementerian menetapkan keperluan kelulusan tambahan selaras dengan keperluan masa dan dasar kementerian khususnya berhubung peningkatan kebolehpasaran dan pemantapan kemahiran graduan-graduan sesuatu kursus pengajian. Pematuhan keperluan kelulusan adalah penting untuk menjamin kualiti kursus pengajian dan perlindungan pelajar.

**■1220**

Fasal 17 bertujuan untuk meminda seksyen 42, Akta 555 di mana perkataan “*perenggan*” di subseksyen 42(1) diganti dengan perkataan “*subseksyen*” supaya selaras dengan pindaan tahun 2009 Akta 555.

Fasal 18 bertujuan untuk meminda seksyen 43, Akta 555 dengan memasukkan subseksyen baharu 43(3) untuk memperuntukkan sesuatu peruntukan bagi membolehkan Ketua Pendaftar mengecualikan mana-mana pelajar daripada mengambil mata pelajaran wajib. Peruntukan pengecualian yang dinyatakan ini adalah bagi pelajar yang mengikuti kursus pengajian di peringkat ijazah sarjana dan ijazah doktor falsafah. Perkara ini adalah selaras dengan keperluan di IPTA.

Keperluan bagi peruntukan pengecualian ini adalah kerana definisi pelajar di bawah Akta 555 adalah menyeluruh di mana ia turut meliputi pelajar di peringkat sarjana dan doktor falsafah. Peruntukan pengecualian ini tidak menjelaskan dasar kementerian bagi menerapkan dan mengukuhkan semangat kenegaraan di kalangan pelajar IPT kerana pelajar di peringkat sarjana dan doktor falsafah telah pun mengikuti atau mengambil mata pelajaran wajib seperti Hubungan Etnik, TITAS dan sebagainya di peringkat sarjana muda.

Fasal 19 bertujuan untuk meminda seksyen 44, Akta 555 bagi menjelaskan bahawa hanya IPTS berstatus universiti atau kolej universiti atau kampus cawangan luar negeri boleh menganugerahkan ijazah.

Fasal 20 bertujuan untuk meminda seksyen 46, Akta 555 dengan memasukkan subseksyen baharu 46(1A) untuk membolehkan ketua eksekutif IPTS mewakili fungsinya berkaitan disiplin kepada mana-mana pekerja IPTS yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal pelajar bagi memastikan pengurusan isu disiplin pelajar yang lebih baik.

Fasal 21 bertujuan untuk meminda seksyen 51, Akta 555 dengan memasukkan subseksyen baharu, 51(4A) bagi membolehkan Ketua Pendaftar untuk mengenakan apa-apa syarat lain semasa pengeluaran sesuatu permit mengajar. Selain itu, perkataan, “*mata pelajaran*” atau “*mata pelajaran-mata pelajaran*” di dalam seksyen 51(5) diganti dengan perkataan “*bidang*” atau “*bidang-bidang pengajian*” bagi memperluaskan skop kelulusan permit mengajar daripada subjek kepada bidang di mana menerusi pindaan ini, seseorang individu diberi kelulusan untuk mengajar di IPTS tidak terhad kepada beberapa subjek sahaja tetapi boleh mengajar subjek-subjek di bawah sesuatu bidang tertentu. Perkara ini membolehkan pihak IPTS menggunakan khidmat kepakaran seseorang tenaga pengajar secara menyeluruh.

Fasal 22 bertujuan untuk meminda seksyen 54, Akta 555 dengan memasukkan perenggan baru 54(1)(da) bagi memperuntukkan alasan baharu dalam membatalkan kelulusan penubuhan sesebuah IPTS, di mana menerusi peruntukan baharu tersebut, kegagalan pihak IPTS untuk memperbaharui pendaftaran di bawah seksyen 24(a) boleh dijadikan alasan bagi membatalkan kelulusan penubuhan IPTS tersebut.

Fasal 23 bertujuan untuk meminda seksyen 61, Akta 555 dengan menggantikan subseksyen 61(1) sedia ada bagi menambah baik peruntukan tersebut dan menjelaskan keperluan pihak IPTS, khususnya pihak lembaga syarikat yang diberi kelulusan untuk menubuhkan dan mengoperasi sesebuah IPTS untuk mematuhi ketepatan Ketua Pendaftar bagi meneruskan pendidikan pelajar

apabila sesebuah IPTS menghentikan operasinya. Pindaan ini adalah bertujuan untuk memastikan supaya proses pengajian pelajar tidak terjejas apabila IPTS menutup operasinya.

Fasal 24 bertujuan meminda seksyen 62, Akta 555 dengan memasukkan subseksyen baharu 62(2) bagi memperuntukkan bahawa kelulusan penubuhan IPTS dianggap terbatal apabila perakuan pendaftaran dipulangkan.

Fasal 25 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 75A ke dalam Akta 555 bagi memperuntukkan obligasi syarikat untuk mematuhi peruntukan Akta 555, di mana sekiranya akta memerlukan IPTS untuk melakukan atau melarang daripada melakukan sesuatu kewajipan untuk mematuhi dikenakan ke atas syarikat yang diberi kelulusan untuk menubuhkan IPTS. Peruntukan ini membantu mengukuhkan pengawalseliaan pihak Kementerian Pendidikan Tinggi dan juga dalam meningkatkan kebertanggungjawaban pihak syarikat berkenaan dalam memastikan operasi sesebuah IPTS dilaksanakan selaras dengan peruntukan dan kelulusan Akta 555.

Fasal 26 bertujuan untuk meminda seksyen 76, Akta 555 dengan memasukkan perenggan baharu 76(1)(d) dan (e) untuk mengukuhkan penguatkuasaan Akta 555, di mana dua perenggan tersebut iaitu:

- (d) mengeluarkan sijil, diploma atau ijazah tanpa mengikuti dengan jayanya sesuatu kursus pengajian; atau
- (e) menjalankan apa-apa aktiviti lain berkaitan dengan pendidikan tinggi diadakan untuk mengelakkan pihak tidak bertanggungjawab daripada menyediakan dan memberi perkhidmatan pendidikan tinggi yang tidak berdaftar dan diragui kesahihannya kepada masyarakat umum.

Fasal 27 bertujuan untuk meminda seksyen 77, Akta 555 dengan menggantikan perkataan “*seksyen 44*” yang dinyatakan dalam peruntukan tersebut dengan perkataan “*akta ini*” bagi memperluaskan skop peruntukan tersebut.

Fasal 28 bertujuan untuk meminda seksyen ‘78’, Akta 555 dengan menggantikan perkataan “*dan pendaftarannya*” dengan perkataan “*atau pendaftarannya atau mana-mana syarat yang dikenakan dalam pembaharuan pendaftarannya*” untuk memperluaskan skop peruntukan tersebut.

Fasal 29 bertujuan untuk meminda seksyen 79, Akta 555 dengan memasukkan perenggan baru 79(c) untuk memperluaskan skop kesalahan dan penalti yang berkaitan dengan mana-mana permohonan yang dibuat di bawah Akta 555.

Fasal 30 bertujuan untuk meminda seksyen 82, Akta 555 untuk mengukuhkan peruntukan tersebut, di mana pindaan seksyen 82, Akta 555 adalah untuk menjadikan suatu kesalahan jika terdapat pelanggaran atau ketidakpatuhan mana-mana peruntukan Akta 555 walaupun tidak diperuntukkan dengan nyata.

#### ■1230

Pindaan ini juga adalah bagi meningkatkan tahap pematuhan pihak IPTS berhubung keperluan Akta 555 dengan meningkatkan jumlah denda dari RM10,000 kepada RM50,000.

Fasal 31 bertujuan meminda seksyen 83, Akta 555 dengan menaikkan kadar denda bagi kesalahan berterusan daripada RM500 kepada RM1,000.

Fasal 32 bertujuan meminda seksyen 88, Akta 555 dengan memasukkan perenggan baru 85(1)(i) yang memperuntukkan bahawa seorang yang berupaya bertindak atas apa-apa kapasiti yang disebut dalam perenggan 85(1)(a) hingga (h) atau dengan apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan mana-mana hal ehwal institusi pendidikan tinggi swasta atau membantu dalam pengurusan itu hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan yang dilakukan oleh institusi pendidikan tinggi swasta di bawah seksyen 85, Akta 555.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin. Sekarang ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk Meminda Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Perbahasan di sini saya nampak ada empat orang Ahli yang hendak berbahas. Itu perbahasan kita. Saya ikut senarai sini.

Pertama sekali, Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty. Silakan.

### **12.32 tgh.**

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri terima kasih atas satu pembentangan rang undang-undang IPTS yang bertujuan untuk memperbaiki operasi IPTS selaras dengan kehendak-kehendak ataupun dasar-dasar pendidikan nasional negara. Kita mengalu-alukan penambahan, pembaikan terhadap kedudukan IPTS yang tumbuh macam cendawan dan memang sudah ada peraturan sebelum ini tetapi peraturan yang dibuat sekarang jika diluluskan adalah lebih baik untuk menjamin bahawa isu yang paling utama yang saya lihat dalam konteks penubuhan IPTS pada hari ini selain daripada pemegang-pemegang saham ataupun modal yang bertujuan untuk menubuhkan IPTS ini, ada yang mempunyai kejujuran untuk membantu rakyat yang tidak mendapat peluang pendidikan di IPTA untuk belajar dengan lebih sempurna dan cemerlang dalam IPTS.

Namun saya juga ingin menekankan di sini persoalan pendidikan bukanlah persoalan meraih atau mengaut keuntungan semata-mata. Dalam mana-mana falsafah pendidikan di dunia ini, yang penting ialah untuk memberikan pendidikan yang secukupnya dan dalam konteks ini, kita tidak mahu melihat bagaimana IPTS tanpa mempunyai kualiti pendidikan yang diberikan tetapi mengenakan yuran yang terlalu tinggi yang mengatas IPTA. Ini adalah bertentangan dengan tujuan sebenar kita hendak memberikan pendidikan kepada rakyat negara ini.

Ini kerana kita melihat bahawa kecenderungan yang ada selain daripada Malaysia mendapat manfaat yang banyak daripada kehadiran kampus-kampus cabang daripada universiti-universiti yang terkemuka seperti Monash University dan sebagainya, kita juga ingin memastikan dalam peruntukan rang undang-undang ini mungkin saya tidak terdengar dibaca oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa kita kena memastikan ruang kepada anak-anak tempatan untuk belajar di IPTS tetap terjamin.

Lebih daripada anak-anak orang kaya tempatan yang selama ini dapat memasuki IPTS dan kurang memberikan ruang dan peluang kepada anak-anak tempatan yang rendah pendapatannya. Bukan golongan miskin. Golongan miskin memang tidak dapat tetapi golongan menengah bahkan *upper middle class* pun, dengan izin, tidak dapat peluang kerana dalam program-program pendidikan yang bersifat profesional di IPTS ini, yurannya terlalu tinggi.

Nampaknya soalan yuran ini tidak dibahaskan dalam rang undang-undang ini untuk dibuatkan satu kajian supaya dalam apa hal pun kepentingan rakyat Malaysia hendaklah dijamin terutama sekali untuk memberi peluang sebanyak yang boleh. Ini kerana kita selalu memperkatakan tentang pendemokrasian pendidikan sebagai salah satu motif terbesar dalam pendidikan nasional. Jadi dalam hal inilah, Tuan Yang di-Pertua, kita harap bahawa IPTS tidak sewenang-wenangnya mengenakan yuran yang terlalu mahal walaupun kita tahu bahawa kedudukan subjek-subjek profesional pada hari ini dalam dunia adalah kompetitif. Akan tetapi, harus diberikan satu kesedaran kepada pengajur-penganjur IPTS bahawa dasar pendemokrasian pendidikan hendaklah diambil kira supaya ia dapat memberikan manfaat kepada penuntut-penuntut dalam negara ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. IPTS yang bertaraf *international* yang sedang beroperasi dalam negara pada saat ini, berapakah jumlah pelajar-pelajar asing yang sedang belajar di sini meskipun kita tahu bahawa memang dasar kita untuk mengundang pelajar-pelajar asing selain daripada tujuan pendidikan, kita juga hendak mengambil sedikit keuntungan untuk pertumbuhan ekonomi negara. Akan tetapi, saya ingin mengetahui dengan jelas dan tepat. Berapakah sebenarnya pelajar-pelajar asing yang sedang belajar dalam IPTS yang berstatus antarabangsa pada saat ini di negara kita?

Tadi telah juga disebut Tuan Yang di-Pertua, dan saya mengucapkan terima kasih kerana dalam rang undang-undang ini, diperkatakan persoalan disiplin pelajar, persoalan identiti IPTS. Cuma saya hendak mendapat keterangan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa tidak cukup hanya untuk membicarakan tentang kenegaraan Malaysia dalam IPTS termasuklah juga saya harap dalam IPTS *international*.

Namun, salah satu daripada isu yang saya rasa tidak dapat kita abaikan ialah persoalan menjamin bahawa dalam semua subjek yang diajar dalam IPTS seperti juga dalam IPTA, persoalan moral, persoalan *ethics*, persoalan akhlak hendaklah diberikan perhatian kerana ini adalah antara tujuan utama dalam bidang pendidikan. Saya ingin bertanya kepada Menteri, adakah benar dakwaan yang menyatakan bahawa sebuah kerajaan di Timur Tengah yang kaya telah pun tidak menghantar ataupun *discourage*, dengan izin, menghantar pelajar-pelajarnya belajar di sebuah institusi swasta, IPTS di negara ini. Ini kerana didapati persoalan disiplin terlalu longgar dan pelajar-pelajarnya hilang identiti keagamaan. Adakah benar dakwaan itu?

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan bahawa IPTS ini dengan undang-undang baru yang ditambah baik akan dapat menjamin proses proaktif dalam pendidikan negara, akan bertambah maju dan seliaan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi terhadap IPTS ini hendaklah berterusan kerana ia adalah merupakan satu amanah yang diberikan kepada kita walaupun namanya IPTS.

**■1240**

Kita tidak boleh sama sekali atas nama syarikat kita memberikan satu kelonggaran kepada IPTS untuk membuat apa sahaja yang mereka suka tanpa meraikan peraturan-peraturan yang dikenakan oleh pihak yang berwajib. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Waalaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty. Sekarang, saya beri juga peluang kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah. Silakan.

**12.40 tgh.**

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk berhujah isu IPTS. Saya mohon maaf, *last minute* bagi notis kerana saya ingat saya tak diberi peluang kerana saya terpaksa meninggalkan Dewan ini pada pukul tiga petang untuk ke *airport*, ada program di Terengganu pada malam ini dan esok. Saya terima kasih kerana diberi peluang kerana saya rasa isu ini cukup penting. Ya, saya akan bercakap melalui pengalaman saya sebagai seorang Naib Canselor IPTA.

Pertamanya, memang kita tidak menafikan kepentingan pihak kerajaan mewujudkan *educational hub*, Malaysia sebagai *educational hub* supaya kita dapat menarik lebih ramai minat pelajar-pelajar asing. Ini salah satu caranya untuk kita menaikkan lagi prestasi dan nama baik negara di peringkat global. Kita tidak menafikan. Kita merasakan kita mempunyai peluang dan kebolehan untuk menjadi satu negara yang cukup hebat dalam bidang *education*. Juga saya tidak menafikan kita di Malaysia mempunyai lebih kurang 500 IPTS. Saya tidak menafikan bahawa ada IPTS yang hebat, yang berkualiti tinggi bahkan dapat meletakkan taraf mereka ke taraf *ranking* di peringkat dunia. Saya patut mengucapkan tahniah kepada IPTS-IPTS tersebut.

Walau bagaimanapun, ingin saya nyatakan di sini, jumlah yang agak besar, yang saya rasa pihak kerajaan kena ambil perhatian secara serius, IPTS-IPTS yang tidak mengikuti standard pendidikan tinggi tertentu. IPTS yang sebenarnya berlainan dengan IPTA. Kita di IPTA kita mempunyai kawalan yang ketat daripada MQA, daripada Kementerian Pendidikan negara, ya daripada segi pengambilan kita di UPU, pelajar-pelajar yang tidak mempunyai kelayakan minimum tidak akan diterima. Saya tahu ribuan pemohon-pemohon yang mempunyai kelulusan yang baik tidak diterima kerana kita menekankan kepada kualiti yang cukup tinggi untuk memasuki 20 IPTA di negara kita ini.

IPTA juga diwajibkan mempunyai kualiti pensyarah. Pada hari ini, pensyarah-pensyarah yang hendak menjadi pensyarah, pemohon yang hendak menjadi pensyarah mestilah mempunyai *minimum requirement*, Masters tetapi kebanyakannya pada hari ini, menekankan tentang *minimum requirement* bukan lagi Masters tetapi PhD. Secara keseluruhannya, pensyarah di IPTA, saya merasakan memang mempunyai satu kualiti ataupun standard yang baik. Minta maaf, pensyarah IPTA. Bukan saya nak bandingkan, saya sahaja memberikan contoh.

Maka untuk perbahasan pada tengah hari ini, saya nak bahagi-bahagikan kepada beberapa topik yang penting, yang apabila kita membincangkan isu-isu IPTS ini, saya lebih mirip untuk

membincangkan yang berkaitan dengan kualiti iaitu saya bahagi-bahagikan kualiti pelajar, kualiti pensyarah, kualiti infrastruktur dan kualiti akademik.

Kualiti pelajar, saya sambung sedikit, telah pun saya terangkan tentang kualiti pelajar. Kemasukan pelajar-pelajar daripada luar negara khasnya, bahkan termasuk penerimaan pelajar-pelajar dalam negara tidak seperti di IPTA yang menekankan kepada *requirement* yang agak tinggi. IPTS, saya rasa cukup longgar, *with exception* beberapa IPTA yang hebat, kebanyakannya cukup longgar, *requirement*-nya cukup rendah, janji pelajar tersebut boleh bayar, janji mereka mendapat keuntungan, *minimum requirement* tidak kisah, janji mereka boleh bayar. Begitu juga pelajar-pelajar luar negara, pelajar luar negara, saya ingin bertanya kepada Kementerian Pendidikan, pelajar-pelajar yang luar negara yang masuk IPTS, apakah kita mempunyai *minimum requirement*?

Ini pengalaman saya sendiri, banyak kes- kita di UiTM, kita telah melantik ramai pensyarah yang bertugas sebagai *to evaluate* kualiti IPTS. Jadi pensyarah saya memang ramai. So, selalunya saya akan mendengar mereka bercerita kepada saya apakah kelebihan-kelebihan. Pelajar-pelajar luar negara, kualiti akademik, saya rasa *is a big question mark*. Apakah kita tidak mempunyai satu bentuk *requirement*? Contohnya apabila saya memohon untuk belajar ke luar negara, banyak syarat. Bukan sahaja kita daripada segi akademiknya telah pun terbukti kita mempunyai kelulusan tertentu dari negara kita tetapi kita diwajibkan mengambil TOEFL, mengambil SAT, GRE dan berbagai-bagai.

Akan tetapi di sini saya rasa bukan sahaja kelulusan daripada luar negara itu tidak diambil kira sangat, janji mereka kata janji boleh bercakap, tidak buta dan tidak apa, mereka boleh masuk dan ada kalanya kebolehan bahasa Inggeris pun dipersoalkan. Jadi apabila mereka sampai, mereka tidak mempunyai *minimum requirement*. Kalau bab Bahasa Inggeris tidak ada, tidak ada masalah pada mereka, mereka akan menghabiskan masa enam bulan untuk mengambil bahasa Inggeris, boleh cakap atau tak boleh cakap, lepas itu kita dapatkan mereka akan hilang, tidak tahu dan IPTS akan senyap sunyi, tidak membuat laporan, pelajar-pelajar itu bekerja atau buat apakah, kita tidak tahu. Janji mereka *register* kepada universiti dan mereka bayar.

Maka itu sebab kita lihat pada hari ini, cukup banyak masalah pelajar-pelajar luar negara yang telah menimbulkan banyak rungutan masyarakat, mereka duduk ramai-ramai di beberapa tempat, saya tak mahu sebut, sepatutnya mereka menjadi pelajar tetapi mereka tak menjadi pelajar. Bahkan mereka melibatkan diri dalam banyak kerja yang tidak senonoh.

Saya masih ingat semasa saya VC, apabila saya diarahkan untuk mengambil pelajar-pelajar luar negara, saya akan telefon member-member saya daripada VC universiti lain. Saya begitu teliti di mana beberapa negara-negara tertentu yang kita dapatkan pelajar mereka bermasalah, kita tidak akan terima. Kita bukan *racist*, tidak. Ada yang baik, ada yang tak guna. Ada yang datang ini mengambil kesempatan dan akhirnya melakukan banyak kerja yang tidak bermoral, kerja-kerja yang menipu, *scam*, dan berbagai-bagai.

Akan tetapi untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, hingga ke hari ini saya dapat benda ini masih berterusan. Saya nak *refer* balik terutama kes-kes yang berkaitan dengan pelajar-pelajar dari Afrika, pelajar-pelajar dari negara-negara tertentu yang melibatkan diri dalam kerja *prostitution*. Masih berterusan seolah-olah tiada sekatan, seolah-olah kita Malaysia ini selagi ramai pelajar-pelajar dari luar negara masuk, lagi kita sokong, lagi kita suka.

Saya rasa ini tidak betul. Kita sebagai sebuah negara yang maju, kita dipandang tinggi. Kalau kita mempermudahkan kualiti, saya takut nanti esok Malaysia akan dipandang rendah kerana kita membuka peluang kepada mereka yang tidak layak walaupun jumlahnya tidak besar tetapi ianya akan menurunkan *ranking* kita bahkan masyarakat global akan mempersoalkan kualiti akademik kita.

Maka kualiti pelajar yang pertama saya rasa penting. Saya minta dengan adanya rang undang-undang ini, memang saya tunggu-tunggu sangat, dah lama sangat saya tunggu, saya mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian, ambil kesempatan dengan adanya Rang Undang-undang IPTS ini, ambil kesempatan untuk mengetatkan lagi syarat-syarat supaya kemasukan pelajar yang masuk ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar yang berkualiti, pelajar yang betul-betul datang untuk belajar.

#### ■1250

Bukan datang untuk berfoya-foya, bahkan datang ambil kesempatan rakyat Malaysia yang berbudi bahasa yang cukup baik hati ya. Kita dibuli, kita ditipu oleh kumpulan pelajar ini. Saya rasa benda ini kita kena *stop*. Itu berkenaan kualiti pelajar.

Kualiti pensyarah. Kualiti pensyarah pun, *again, a big question mark*, saya tahu. Apabila IPTS ini hendak mendapat pengiktirafan, mereka akan meletakkan nama-nama pensyarah dalam *list* hantar kepada pihak kementerian yang nama-nama kononnya berderet dengan PhD. So, kementerian perlu pergi *check*. Memang ada puak-puak itu tetapi selepas itu hilang dah. Cuma diletakkan di dalam *list*. Mereka bukan sebenarnya pensyarah di situ. *It happened during my time*. Sekarang ini saya tidak tahuhah berlaku lagi atau tidak.

Pensyarah-pensyarah yang hendak mengajar anak-anak kita dalam bidang-bidang tertentu apatah lagi dalam bidang-bidang profesional dan teknikal mestilah pensyarah yang mempunyai minimum *requirement*. Akan tetapi saya diberitahu, ramai pensyarah-pensyarah di IPTS pada hari ini tidak mempunyai kelulusan yang baik seperti yang diamalkan oleh IPTA.

Harapan saya, kalau perkara itu betul, pihak kementerian ambil kesempatan untuk *check* balik. Kalau sekiranya IPTS ini tidak mempunyai syarat-syarat yang ketat ini- ini untuk menjaga nama baik negara kita. Kalau mereka tidak mempunyai syarat yang ketat ini, saya mencadangkan *we have to be serious*, tutup, tutuplah. Kita bermati-matian sangat hendak meramaikan sangat hendak- apa hasilnya kalau nama kita busuk, kalau besok menimbulkan banyak masalah sosial? Duduk satu kawasan perumahan, habis dia kontrol semua. Dia buka kedai dia sendiri, dia buka bas sendiri, jadi *pro*, kacau anak dara kita. Bukan kita dengki, tidaklah. Dia kacau anak dara kita, macam-macam dia buat. Apa faedah? Jadi, kita sekat. Itu saya katakan masa saya jadi VC, saya sekat. Saya dapat *feedback* daripada sahabat-sahabat saya daripada VC lain, saya potong. Jangan terima mereka masuk.

Jadi pihak kementerian ambil kesempatan untuk lihat perkara ini, iaitu pensyarah-pensyarah mesti berkualiti. Pensyarah-pensyarah di negara kita ini yang mengajar di IPTS, minta maaflah, kebanyakannya- bukan saya hendak meninggikan sangat pensyarah kulit putih, tidak, tetapi apabila datang sini cakap dialek dia, mengajar dalam dialek dia, jadi budak-budak kita pun bercakaplah ikut dialek dia. Ini berlaku. Yang daripada negara-negara yang mundur, yang membangun, saya tidak tahuhah mereka betul *genuine* dapat *degree* tetapi saya sudah katakan tadi, kita ada MQA, kita ada

kementerian, *check thoroughly*. Kalau betul, *alhamdulillah*. Saya takut benda ini mereka tahu kita terlalu *open*, takut kita ditipu bulat-bulat kerana kita terlalu ghairah untuk menjadikan negara kita sebuah *education hub*.

Termasuk pensyarah juga mesti mempunyai minimum *requirement* yang ada kelayakan dari segi akademik. Kalau boleh PhD. Pastikan kelayakan mereka itu betul *genuine, authentic*. Mereka juga mestilah mempunyai kebolehan berbahasa Inggeris yang baik. Bukan datang sini cakap pelat hendak mengajar budak kita. Pensyarah ini juga mestilah mempunyai kekuatan dari segi *research*, mempunyai bukti dari segi jurnalnya, *researchnya, publication*, barulah kita ambil untuk menjadi pensyarah di IPTS.

Yang ketiga ialah infrastruktur. Infrastruktur saya dapati, *with exception*, saya katakan tadi, banyak IPTS yang hebat-hebat yang saya bagi tahniah. Kebanyakan IPTS, kita pun tidak tahu, adakala di belakang kedai mana mereka buat bangunan, mereka sewa bangunan kecil, mereka tubuhkan IPTS, mereka *collect* duit dan mereka maju. Maju disebabkan memang *foreign student* datang. Janji mereka dapat datang ke Malaysia. Dan saya bukan hendak cemburu. Kebanyakan IPTS yang hidup yang berjaya yang kaya pada hari ini adalah disebabkan bantuan kerajaan melalui PTPTN. Budak-budak dapat PTPTN, budak *register* sahaja, duit PTPTN sudah masuk. Belum tahu hasilnya. Ini juga harus diteliti oleh pihak kementerian iaitu prosedur ini mesti dijaga dengan betul, jangan sesuka hati IPTS mentang-mentang mereka tidak dikawal 100 peratus oleh pihak kementerian, mereka boleh buat sesuka hati. Mereka merupakan IPTS di dalam negara kita, kepunyaan negara kita, kepunyaan kerajaan. Maka, mereka kena mengikut peraturan kita.

Maka mesti ada syarat infrastruktur. Kalau hendak buat kursus teknikal, mesti ada *lab* yang *proper*. Jangan sesuka hati dan akhirnya apabila budak-budak datang, tidak ada. Dan saya dapati dan saya tidak mahu *quote*, banyak kes akhirnya kolej itu ditutup dan budak-budak telah berhutang PTPTN dan menghadapi cukup banyak masalah. Ini banyak kes sebelum ini. Maka saya rasa kita ambil kesempatan dengan pindaan rang undang-undang ini untuk membetulkan masalah ini.

Dan yang keempat, kualiti akademik. Saya pertekankan kualiti akademik. CGPA pada saya penting. Dan CGPA jangan dipermainkan. Saya dengar banyak cerita, apabila kerajaan menegaskan bahawa mereka yang mendapat CGPA 3.5, *First Class Honors*, tidak kira IPTA atau IPTS, maka banyak saya dapati tiba-tiba IPTS telah mengarahkan pensyarah-pensyarah supaya meluluskan pelajar-pelajarnya. Pensyarah jawab balik, profesional *lecturer* berkata, “*I cannot do that*”. “*Sama ada you luluskan budak ataupun you are out*.” IPTS yang budaknya- saya pernah melawat beberapa IPTS, saya tengok budaknya berkeliaran sentiasa, bersosial di depan itu, tidak masuk kelas, tetapi mendapat CGPA yang tinggi.

Kalau betul ia berlaku, saya harap tidak berlaku, tetapi desas desus memang kuat. Kami di kalangan IPTA, desas desus benda ini memang cukup kuat. Akan tetapi budak-budak ini lulus. Apakah lagi apabila mereka suka hati menaikkan CGPA untuk mendapatkan *conversion* PTPTN daripada pinjaman kepada biasiswa. Betul atau tidak betul, saya tidak pasti. Saya maksudkan mesti ada a *very strict control*, *se-strict*-nya IPTA tadi. Bukan sesuka hati menaikkan CGPA.

Seorang anak sahabat saya, seorang Exco Kerajaan Negeri, saya bersempang dengan dia, “*You dah lulus?*” “*Dah, uncle.*” “*Berapa CGPA you?*” “*I dapat 4 pointer. Itu pun I dapat 4 pointer I tidak*

*study. Kalau I study, I tidak tahu berapa pointer.*" Ini pengalaman saya sendiri. Dia sendiri- saya tidak mahu cakap nama IPTS. Benda itu betul. Saya sendiri melawat IPTS tersebut, saya perhatikan budak-budak tidak *study*. Pada dia, *requirement* kalau dalam kelas itu ada proses bercampur komunikasi dengan kawan, entah macam mana, dia dapat *a good grade*.

Saya tidak menuju, Tuan Yang di-Pertua, sebab masa pun sudah dekat, saya hanya mengatakan keimbangan saya. Saya menyokong sepenuhnya hasrat kerajaan untuk menjadikan negara kita ini *the best education hub in the world*. Saya setuju. Dan kita amat berterima kasih dan tahniah kepada pihak kementerian yang telah menaikkan nama baik kita, ranking kita tetapi saya tidak mahu IPTS ini disalahgunakan. Saya tidak mahu orang yang mewujudkan IPTS kerana hendak kaya cepat. Mereka cukup kaya cepat. Saya tahu mereka kaya kerana banyak bantuan daripada PTPTN yang sebenarnya. Walhal, pada saya, hendak mewujudkan IPTS, kenalah guna duit sendiri. *It's a private institution*. Kenalah guna duit sendiri. Akan tetapi kalau masalah sikit, minta bantuan daripada kerajaan dan kita tidak kisah, kerajaan bantu. Tetapi pentingnya, kualiti itu mesti setaraf dengan kualiti yang telah digunakan oleh IPTA.

Termasuk juga saya memikirkan disebabkan pada hari ini kita menekankan konsep TVET, IPTS ini saya rasa lebih elok juga menjurus kepada program-program yang mengeluarkan pelajar-pelajar yang berbentuk kemahiran teknikal dan vokasional kerana subjek-subjek itu tidak memerlukan sangat kelulusan akademik yang tinggi. Biarlah aspek akademik dipegang oleh IPTA. Biar IPTS menjurus kepada kerja-kerja seumpama ini. Walhal, orang tidak tahu, bidang-bidang TVET ini lebih penting, lebih diperlukan dan memberi peluang pekerjaan kepada anak-anak kita dengan lebih baik.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan tahniah atas usaha yang murni ini. Saya rasa saya sangat-sangat mengharapkan ambillah kesempatan di dalam pindaan rang undang-undang ini untuk memperkuatkannya lagi IPTS supaya kita dihormati bukan sahaja di peringkat negara bahkan di peringkat global.

Dengan kata-kata itu, saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.  
*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Tan Sri, orang yang berpengalaman dan pakar dari segi pendidikan. Terima kasih banyak. Dan sekarang saya minta pulak Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar. Silakan.

#### **1.00 ptg.**

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi sudah hampir pukul satu tengah hari, bolehkah saya sambung selepas *time break* ini?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar. Kita beri peluang dia sambung lepas kita tangguh ya. Dengan ini, Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati, saya menangguhkan Mesyuarat hingga jam 2.30 petang. Sekian, terima kasih.

**[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

■ 1430

**Timbalan Yang di-Pertua:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam sehati sejiwa dan salam negaraku. Sebagaimana saya janjikan tadi kita sambung perbahasan tadi. Dengan hormatnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar, sila.

**2.33 ptg.**

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya untuk sambung perbahasan saya. Baik, ada beberapa perkara di dalam pindaan ini dalam Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta yang harus dijelaskan. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sudah adalah kalau saya tidak salah hampir 400 universiti-universiti dan juga kolej-kolej swasta yang telah didirikan di Malaysia. Kebanyakan daripadanya terletak di negeri Selangor termasuk Wilayah Persekutuan. Apakah rasional dengan izin untuk menambah lagi universiti-universiti dan kolej-kolej di negara ini tanpa mengambil kira adakah penambahan universiti-universiti dan kolej-kolej swasta ini amat diperlukan oleh negara.

Akan tetapi jika kita masih hendak teruskan dengan memberi keizinan mendirikan banyak lagi universiti-universiti serta kolej-kolej. Adakah sebarang rancangan untuk menentukan bahawa kolej-kolej dan universiti-universiti swasta ini akan ditempatkan di negeri-negeri lain, selain daripada Selangor termasuk Wilayah Persekutuan dan negeri-negeri yang telah mempunyai banyak universiti-universiti dan kolej swasta.

Dari segi lokasi, elok juga jika universiti-universiti ataupun kolej-kolej swasta dapat ditempatkan di kawasan luar bandar supaya pembangunan dapat dibawa masuk ke kawasan yang tertinggal. Misalnya jika sebuah kolej didirikan di kawasan luar bandar asrama boleh dibina termasuk perpustakaan, klinik dan lain-lain infrastruktur yang akan menguntungkan penduduk kawasan luar bandar. Di samping itu, kos pendidikan bagi pelajar pun dapat dikurangkan dan mungkin lah suasana untuk belajar pun lebih elok. Akan tetapi ada dalam universiti yang didirikan setakat ini yang saya hendak tahu. Berapa universiti dan kolej-kolej swasta yang telah 'gulung tikar'? Apa yang paling jelas yang saya dapat ingat ialah Universiti Antarabangsa Albukhary di negeri Kedah. Ini harus diketahui dan diberi sebab-sebab, universiti-universiti atau kolej-kolej swasta terpaksa 'gulung tikar'. Apakah cause ini terhadap negara.

Dalam kes Universiti Antarabangsa Albukhary setelah 'gulung tikar', pelajar-pelajar daripada universiti ini terpaksa diterima masuk dalam universiti-universiti umum. Jika keizinan diberi untuk menujuhkan universiti-universiti ataupun kolej-kolej, saya berharap bahawa pengasas universiti-universiti ataupun kolej-kolej ini mampu dapat memberi jaminan bahawa universiti-universiti ataupun kolej-kolej mereka tidak akan 'gulung tikar' dan membebankan negara. Ini akan menimbulkan masalah kepada negara kita.

Di samping itu, kita harus diberi penjelasan bahawa adakah universiti-universiti serta kolej-kolej swasta yang didirikan di sini bermutu tinggi. Kita tidak hendaklah universiti-universiti dan kolej-kolej swasta didirikan hanya untuk mengaut keuntungan. Manakala ijazah-ijazah serta diploma-

diploma tidak diiktiraf dan graduan-graduan universiti-universiti dan kolej-kolej ini menghadapi kesulitan untuk cari kerja bukan sahaja dalam negeri tetapi di luar negeri sahaja.

Selain daripada apa yang saya kemukakan di sini dalam kes graduan-graduan yang keluar daripada universiti-universiti perubatan. Selepas mereka telah tamat pengajian mereka, mereka mestilah daftar dengan JPA untuk diberi *posting for housemanship*, dengan izin. Akan tetapi sekarang kita difahamkan bahawa mereka ini terpaksa tunggu selama satu tahun sebelum diberi tempat untuk *housemanship*. Apa sebabnya? Adakah oleh kerana tidak cukup tempat di hospital-hospital yang sedia ada? Saya difahamkan bahawa untuk mengatasi masalah ini, UTAR telah cadang membina hospitalnya sendiri supaya graduan-graduan perubatan mereka dapat tempat untuk *housemanship*. Adakah universiti-universiti perubatan swasta pun kena ikut teladan ini? Adakah ini akan diizinkan oleh kerajaan? Kes UTAR ini lain ceritalah. Keizinan dapat diperoleh dengan senang. Universiti-universiti perubatan swasta yang lain macam mana itu?

Satu lagi isu yang harus diberi perhatian ialah menurut seorang mantan Canselor Universiti Malaya, setakat ini jumlah graduan yang menganggur ialah 400,000. Profesor Ghauth Jasmon menjelaskan bahawa 80 peratus daripada graduan yang menganggur ialah kelompok bumiputera. Dalam tempoh masa beberapa tahun dari sekarang jumlah yang akan menganggur akan meningkat kepada angka 600,000. Kita harus sedar bahawa setiap tahun 200,000 graduan keluar daripada institusi-institusi pengajian tinggi. Macam manalah negara dapat memberi pekerjaan yang setimpal dengan kelayakan mereka dan juga gaji yang sepadan dengan aspirasi mereka.

Sebelum saya mengakhiri perbahasan saya, saya mendapati bahawa dalam beberapa kajian yang dijalankan jelaslah bahawa graduan-graduan daripada universiti-universiti dan kolej-kolej swasta diberi keutamaan dalam *job opportunities*. Ini kerana graduan-graduan dari universiti-universiti dan kolej-kolej swasta lebih fasih dalam bahasa Inggeris.

#### ■ 1440

Adakah ini merupakan salah satu sebabnya di universiti-universiti serta kolej-kolej swasta diluluskan dengan mudah. Kerajaan telah berbelanja berbilion-bilion duit ringgit untuk universiti-universiti umum di Malaysia. Akan tetapi pihak swasta tidak berminat menerima graduan-graduan dari universiti luar. Oleh sebab itu kebanyakannya daripada graduan-graduan dari *public universities* hanya dapat kerja dari kerajaan. Akan tetapi, bilangan yang dapat diterima masuk dalam perkhidmatan awam amat terhad. Bukan semuanya boleh dibawa masuk. Maka, macam manalah kita dapat mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, inilah beberapa perkara yang saya sentuh dan saya harap bahawa yang berhormat menteri sudi memberi jawapan serta penjelasan terhadap beberapa perkara yang dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang berhormat dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Koh Chin Han.

#### 2.41 ptg.

**Datuk Koh Chin Han:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2017

ini. Saya percaya pindaan Akta 355 ini dapat mempertingkatkan prestasi IPTS dari segi struktur kewangan dan juga menjayakan Malaysia sebagai pusat pendidikan antarabangsa. Walau bagaimanapun, saya ingin menyuarakan dua isu yang berkaitan dengan sektor IPTS iaitu penutupan kolej swasta disebabkan oleh tidak beroperasi dengan baik dan penyalahgunaan visa pelajar asing.

Bagi isu pertama, terdapat kolej-kolej swasta yang terpaksa berhenti operasi kerana kegagalan pengendalian kewangan yang efektif. Ini akan memberi impak besar kepada pelajar-pelajar kolej terbabit. Bukan sahaja pengajian mereka tertangguh tetapi juga akan mengalami kerugian dari segi kewangan. Sebagai contohnya, seramai 200 pelajar menghadapi kesukaran sedemikian apabila sebuah IPTS di Kuching Sarawak ditutup pada tahun 2014.

Saya difahamkan Kementerian Pendidikan Tinggi ada memantau IPTS-IPTS yang tidak berprestasi baik sama ada dari segi operasi ataupun kewangan. Namun, kepada IPTS yang kekal mengalami kerugian bertahun-tahun, kementerian hanya memberi amaran tetapi tidak ada tindakan yang selanjutnya. Maka saya ingin meminta penjelasan daripada kementerian, apakah pelan kecemasan kerajaan bagi membantu pelajar-pelajar yang terbabit dalam kejadian penutupan kolej swasta ini. Contoh bantuan-bantuan yang seharusnya dilakukan oleh kementerian adalah pemindahan pengajian pelajar ke institusi yang lain supaya mereka dapat meneruskan pengajian mereka. Kerajaan perlu memandang berat terhadap kebijakan pelajar dan mengambil inisiatif efektif bagi mengelakkan penutupan IPTS berlaku ataupun berulang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi isu kedua, berdasarkan statistik Kementerian Dalam Negeri, penglibatan golongan pelajar asing dalam gejala penyalahgunaan pas pelajar yang seterusnya melibatkan mereka dalam gejala jenayah dan dadah, menurut Kementerian Dalam Negeri adalah tidak ketara. Namun, kewujudan golongan ini telah menimbulkan kekhawatiran masyarakat tempatan bukan kerana stereotaip tetapi persepsi ataupun kepercayaan rakyat terhadap pengawalan kemasukan pelajar-pelajar asing ini amatlah negatif.

Golongan pelajar asing mengambil kesempatan terhadap penawaran kursus pendidikan IPTS di negara kita yang yurannya rendah. Mereka menggunakan peluang pelajaran ini sebagai landasan untuk mendapatkan visa ataupun pas pelajar. Namun pada hakikatnya, mereka memasuki negara kita bukannya bertujuan untuk belajar tetapi melakukan aktiviti-aktiviti jenayah atau mempergunakan negara kita sebagai pusat transit penyeludupan dadah dan sebagainya. Dengan ini, saya ingin meminta penjelasan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi, apakah kolaborasi yang dijalankan bersama Kementerian Dalam Negeri dan agensi kerajaan berkaitan untuk memantau pemberian visa dan aktiviti pelajar asing dengan secara berkesan serta menapis pelajar asing secara sah dan telus.

Selain itu, apakah statistik pelajar asing yang menyalahgunakan visa ataupun pas pelajar yang telah dikenal pasti mengikut pecahan IPTS dan IPTA sejak tahun 2010 sehingga kini.

Sebagai akhir pada kupasan saya, diharapkan agar pandangan yang telah diberikan mendapat perhatian dan pertimbangan sebaiknya oleh semua pihak dan kementerian. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2017. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Koh Chin Han. Sekarang saya mempersilakan pula Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat, silakan.

**2.47 ptg.**

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan dan peluang kepada saya untuk menyampaikan ucapan dalam perbahasan berhubung dengan akta untuk meminda Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan merupakan salah satu faktor utama di dalam pembangunan negara. Mana-mana negara yang ingin negaranya maju dan mencapai kemajuan, sudah pastilah pendidikan diberi tumpuan utama kerana tanpa pendidikan yang baik dan sempurna, cita-cita sebuah negara untuk melihat negaranya maju, rakyatnya hidup dalam keadaan teratur dan tertib, beradab tidak akan dapat dicapai.

Justeru, di dalam negara kita di Malaysia ini penekanan kepada pendidikan sangat tinggi dan kita boleh melihat peruntukan-peruntukan pada setiap kali belanjawan merupakan peruntukan yang terbanyak adalah untuk pendidikan sama ada pendidikan tinggi ataupun pendidikan Kementerian Pendidikan.

Di dalam pendidikan kita di Malaysia ini ada dua bahagian yang kita ketahui. Satu, pendidikan yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan satu lagi dilaksanakan tugas ini oleh pihak swasta.

Kita sedia maklum apa yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dengan kedudukan kewangan yang telah diperuntukkan pada setiap kali belanjawan. Namun kepada pihak swasta, maka pihak swasta itulah yang akan mengatur susun dari segi kewangan, pentadbiran dan sebagainya dengan pemantauan dan juga pengawasan daripada pihak kementerian yang berkaitan.

Berhubung dengan akta yang telah dibentangkan ini iaitu Akta 555, iaitu akta IPTS adalah satu akta yang diolah dan bertujuan untuk memperkasa dan memperkemas proses pengurusan pengawalseliaan IPTS bagi mengukuh kualiti pendidikan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh IPTS.

**■1450**

Ini satu langkah yang wajar kerana itulah kita melihat sudah empat kali dikemaskinikan atau penambahbaikan atau pindaan yang telah dilakukan kepada akta ini sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Menteri tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks pengawalseliaan IPTS dan mengukuhkan kualiti pendidikan dan perkhidmatan, ini merupakan satu tugas yang besar dan tanggungjawab yang berat kepada semua pihak yang ingin menubuhkan institusi pendidikan swasta dan dia tidak akan diluluskan tanpa mempunyai kriteria dan syarat-syarat yang telah ditentukan. Dalam hubungan ini, saya melihat pindaan-pindaan yang telah diajukan adalah semata-mata untuk memperkuuh dan meningkatkan lagi kualiti dan juga pengawasan, penyeliaan terhadap apa yang akan disalurkan kepada pihak IPTS itu.

Saya ingin memetik beberapa pindaan yang telah disebut tadi dan di antaranya merujuk kepada Seksyen 12 iaitu membolehkan syarikat berhad menurut jaminan menubuhkan institusi. Ini merupakan satu keadaan yang telah merubah suasana landskap kepada kita di mana syarikat-syarikat yang mempunyai kedudukan yang mencukupi syarat boleh membuka IPTS di dalam negara kita dan ia dibuka untuk mereka yang berada dalam negara dan juga di luar negara.

Ini semata-mata untuk memberi peluang kepada pihak yang berkemampuan untuk memberi ilmu kepada anak bangsa kita dan juga orang-orang luar. Saya hendak sebut di sini- sebelum itu saya hendak pergi IPTS ini sebenarnya adalah untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar yang mempunyai kelayakan masuk ke universiti. Namun, mereka tidak mempunyai tempat. Bukan pelajar tercicir. Orang yang masuk IPTS pelajar yang pandai tetapi mereka tidak dapat peluang untuk bersaing mendapat tempat yang terhad. Itu sahaja. Di sinilah IPTS mengambil- membuka ruang untuk para pelajar yang mempunyai keinginan melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi.

Kita melihat kadang-kadang masyarakat kita mempunyai persepsi yang negatif terhadap sebahagian pelajar yang tidak dapat meneruskan pelajaran mereka ke peringkat universiti apabila universiti awam kita tidak menerima mereka sedangkan tempat di universiti awam adalah terhad. Maka dengan adanya peluang yang telah diberikan oleh IPTS ini, pelajar yang tadi yang tidak mendapat peluang akan dapat meneruskan pengajian mereka mengikut cita rasa mereka di pelbagai institusi pendidikan swasta yang telah ditubuhkan di dalam negara kita dan sebagaimana kita dapat maklum, industri ini telah berkembang dengan hebat dan telah mencapai lebih kurang 500 pada satu ketikanya institusi pendidikan termasuk universiti, kolej universiti dan juga kolej.

Ini satu perkembangan positif yang ada di negara kita dan kita merasakan bahawa ia bukan sahaja menjadi tempat kepada pelajar-pelajar kita tetapi juga kepada pelajar-pelajar dari luar negara. Ini satu perkara yang sangat kita banggakan sehingga semua pelajar yang ada di negara kita mempunyai peluang yang sama untuk mendapat pendidikan tinggi tanpa mengira mereka belajar di pengajian awam ataupun swasta. Akhirnya, mereka yang belajar di IPTS ini juga mempunyai nilai sijil yang sama taraf dengan graduan-graduan yang telah berada di IPTA. Ini satu kebaikan yang ada kepada masyarakat kita.

Jadi merujuk kepada yang 12 ini, implikasi pindaan ini akan memungkinkan pertambahan penubuhan IPTS. Dengan peruntukan ini oleh syarikat besar di negeri ini dan hal ini juga bermaksud akan melakukan pertambahan pensyarah-pensyarah. Berhubung dengan hal ini saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, pensyarah-pensyarah yang mengajar di IPTS ini adakah betul-betul dikawal selia oleh pihak kementerian ataupun kementerian hanya sekadar memberi garis panduan dan implikasi atau pelaksanaannya dibiarkan atau diberikan sepenuhnya kepada pihak IPTS? Ini satu perkara yang saya rasa perlu diberi titik berat kerana kita hendak melahirkan graduan yang berkualiti.

Kalau sekiranya standard yang diberikan oleh MQA sebagai standard yang diterima untuk penerimaan syahadah atau sijil atau ijazah dia sama dengan IPTS maka di sini saya ingin mendapat penegasan adakah standard itu sama. Akhirnya pelajar itu akan mendapat sijil yang sama taraf dan bekerjanya dengan gaji yang sama taraf.

Kalau sekiranya di IPTS itu tidak ditekankan hal ini boleh jadi menjadi penganiayaan secara tidak disedari kepada graduan IPTA yang mereka belajar pencapaian tinggi sejak dari awal dan mendapat kedudukan IPTA sedangkan kualiti yang ada di IPTS ini tidak dapat dikawal maka ini satu tidak adil. Oleh sebab itu saya mencadangkan supaya pemantauan yang berterusan perlu diberikan. Saya tahu bahawa pengawasan dan semuanya itu bukan sahaja dari segi kualiti pembelajaran tetapi termasuk semua aspek seperti keadaan kampus, kelas, guru-guru dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pelancaran ini saya melihat sekarang ini ada pihak yang menggunakan nama-nama yang indah, yang menawan di dalam sektor pendidikan ini seperti Profesor Dr. dan sebagainya. Malah ia digunakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Tahu-tahu profesor doktor atau ditambah lagi Profesor Dato' Dr., sedangkan dia tidak boleh membuktikan dia dapat profesor dari universiti mana kerana sebagaimana yang sedia maklum profesor itu adalah dianugerahkan atas kecemerlangan pendidikannya atau usahanya di universiti. Kalau Dr. pula adalah kerana usaha pengajian yang sehingga sampai ke peringkat itu. Ada orang yang tidak tahu hujung pangkalnya tetapi menggelar diri mereka.

Saya hendak tahu, adakah tidak peraturan di dalam mana-mama peraturan di dalam negara kita ini khasnya Kementerian Pendidikan Tinggi mempunyai garis panduan atau tindakan yang boleh diambil terhadap mereka yang menggunakan nama yang tidak sesuai- yang salah bagi saya dalam kehidupan harian. Ini juga bagi saya merupakan satu perbuatan yang diberi perhatian serius agar ia tidak disalahgunakan dengan sewenang-wenangnya.

#### ■1500

Oleh kerana itulah saya rasa kalau ada tindakan-tindakan maka kita ingin melihat ada tidak pendakwaan-pendakwaan terhadap golongan-golongan tersebut.

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Mohon mencelah Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, bila saya mendengar Yang Berhormat menyatakan bahawa ada pensyarah-pensyarah yang menggunakan nama-nama glamor ini, saya pun masuk dalam komputer saya ini dan terkueluarlah seorang yang telah pun menggelar dirinya "Dato' Seri Dr." dan telah ditangkap serta beliau menjadi ahli kepada *Malaysian Pharmaceutical Society* sampai ke tahap itu mereka dapat membawa diri mereka.

Saya bersetuju sekali dengan Yang Berhormat menyatakan bahawa pihak kementerian perlu mengambil berat berhubung dengan tindakan-tindakan sesetengah pihak yang menggelar dirinya dan mendapat PhD yang palsu ini. Turut ditunjukkan di dalam website tersebut terdapat satu website yang *originality*-nya daripada Amerika yang mempamerkan jualan sijil-sijil. Kalau tuan-tuan tengok dia *fake college and university diplomas* dan website ini telah pun memberikan harganya.

Diploma USD125 termasuk dengan transkripsinya USD250 dan universiti-universiti sebut saja, universiti mana yang kita hendak semua dapat dikeluarkan. Bahasa-bahasa juga *Arabic, Chinese, Sepanyol, French, German, Hindi, Italian, Malay, Turkish, Vietnamese* semua boleh diberi. Nak sijil daripada Jerman, *anytime USD250* dan diletakkan di dalam secara terbuka dan kalau pihak kementerian tidak dapat mencari mereka-mereka ini, saya agak ralat sikit kerana dalam ini dibuat secara terbuka.

Kalau kita nak beli diploma masuk saja, *how to purchase diploma, how to purchase ijazah, how to purchase* apa ini nak mendapatkan Ir., Dr. dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat kerana memberi pandangan yang bagus ya. Sambung dulu.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi dan itu saya nak jadikan sebahagian daripada ucapan saya. Berhubung dengan sijil atau dakwaan yang tidak benar ini dan juga penjualan sijil-sijil palsu ini, saya ingin tahu- boleh jadi kementerian

mempunyai rekod. Berapa banyak rakyat Malaysia yang terlibat dengan penawaran tadi? Adakah hal ini juga berlaku kepada orang luar untuk mendapat sijil-sijil yang serupa dari negara kita? Ini adalah kerana kita tidak mahu nanti negara kita juga dilabel sebagai negara yang terlibat dengan hal-hal yang tidak baik itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya menganjak kepada keadaan sebahagian kecil atau sebahagian daripada IPTS kita yang kecil dan lemah. Sebagaimana yang telah disebut oleh sahabat, rakan tadi sebelum ini. Ada IPTS-IPTS yang kurang mampu dan kurang berdaya saing dan hidupnya daif, terpaksa kadang-kadang tutup dan sebagainya. Saya mendengar ada satu usaha untuk menggabungkan atau kolaborasi, dengan izin, IPTS-IPTS yang kurang daya saing ini di antara satu sama lain dan saya ingin tahu berapa banyak atau berapa institusi yang telah dapat, berjaya diselamatkan dan digabungkan antara satu sama lain sehingga program itu dapat dilaksanakan dan pelajar-pelajar yang berada di institusi tersebut tidak kehilangan tempat belajar mereka.

Seperkara lagi yang berhubung dengan IPTS ini, penajaan. Umum kita mengetahui ramai pelajar yang tidak mempunyai kesanggupan dari segi kewangan untuk terus belajar. Maka PTPTN akan memberi tajaan kepada pelajar-pelajar yang layak termasuk IPTS ini, dan sebahagian kolej dan universiti bergantung kepada yuran pelajar yang pelajar ini mendapat tajaan daripada pihak-pihak yang berkenaan seperti PTPTN, MARA dan sebagainya. Ada institusi yang rasa terkejut apabila sebahagian daripada pelajar yang ditaja, sebelum ini saya bagi sebagai contoh oleh MARA, tidak diteruskan penajaannya.

Jadi menyebabkan IPTS tersebut agak perjalanananya terganggu. Dalam bahasa saya terganggu. Jadi pelajar nak datang pun tidak ada penaja, jadi pelajar apabila tidak ada duit, tidak boleh belajar dan dia tidak akan meneruskan pembelajaran kerana tidak ada penajaan. Jadi bagi saya bagaimana polisi kerajaan atau kementerian dapat membantu pelajar-pelajar yang sebelumnya mendapat tajaan kemudian tiba-tiba dibekukan atau diberhentikan.

Merujuk kepada seksyen 51(b) iaitu berkaitan dengan bidang-bidang pengajian. Banyak bidang pengajian yang telah ditawarkan oleh IPTS ini, kadang-kadang mereka menawarkan bidang yang mempunyai saingen yang hebat dengan IPTA. Malah kita melihat sebahagian orang akan mencari IPTS yang dapat memenuhi cita rasa mereka. Saya ingin mendapat maklumat dan juga penerangan daripada kementerian, universiti-universiti atau kolej universiti yang menjadi tumpuan kepada pelajar-pelajar di dalam negara kita iaitu IPTS maksud saya menjadi tumpuan kepada pelajar-pelajar kita dan juga pelajar luar untuk memasuki universiti ataupun universiti kolej tersebut.

Satu perkara yang saya rasa perlu diberi perhatian. Apabila kita mempunyai institusi pengajian tinggi yang banyak, sama ada kerajaan, IPT atau universiti IPTS, maka sudah pastinya, apa yang nak dicapai ialah kualiti. Kualiti itu perlu dilihat dari keseluruhannya, sama ada daripada pembelajarannya, penyelidikannya, prasaranannya dan semua yang berkaitan dengannya.

Salah satu yang saya rasa IPTS dan juga kementerian perlu memberi perhatian terhadap istilah-istilah yang diguna pakai kepada subjek-subjek di universiti. Kadang-kadang saya rasa perlu dilihat kembali, mungkin kalau kita tidak renung, tidak ada apa-apanya. Tapi kalau kita merenung, ia mempunyai implikasi yang mungkin membawa salah faham. Sebagai contoh- tapi sekarang sudah tidak guna sudah, dulu-dulu orang guna. Orang guna ‘insan kamil’, ini satu terminologi yang diuar-

uarkan pada satu ketika dahulu. Saya juga terpanggil untuk merenung istilah insan kamil. Kalau kita terjemahkan Insan Kamil itu bermaksud insan sempurna. Saya cuba untuk melihat sumber-sumber yang dapat mengukuhkan istilah tersebut.

#### ■1510

Pertama insan. Insan di dalam istilahnya asalnya bahasa Arab. Insan di dalam bahasa Arab banyak disebut lebih dalam Al-Quran disebut lebih daripada 60 kali kalimah insan. Namun, kalau kita melihat kalimah tersebut hanya disebut mendatar dan tidak menegak naik. Tidak mempunyai *value*, tidak ada *value*, manusia.

Oleh kerana itu kalau kita boleh lihat banyak kalimah insan disebut di dalam Al-Quran menunjukkan kekurangan, tidak kamil. Antaranya *khulqal insanu dha'ifa-* manusia dicipta dengan keadaan lemah dan apabila lemah dia tidak kamil, tidak sempurna. *Khulqal insanu halu'a-* manusia dijadikan halu', keluh kesah, tidak sempurna... [Membaca sepotong ayat al-Quran] Manusia zalim lagi kufur, tidak sempurna.

Hanya ada *value* disebut selepas itu seperti kita baca surah Al-'Asr... [Membaca sepotong ayat al-Quran] Manusia semuanya rugi tanpa mengira sesiapa.. Rugi semua kerana itu insan, sekadar insan... [Membaca sepotong ayat al-Quran] Kecuali orang yang beriman... [Membaca sepotong ayat al-Quran] Dan beramal soleh. Itu ada *value*. Oleh kerana itu, istilah kamil pula semua hidup ini, dunia ini tidak kamil, sesiapa pun tidak kamil. Kamil maksud kamal, sempurna. Tidak ada yang sempurna dalam dunia ini.

Oleh kerana itu, *alkamalu lillahi wahdah-* hanya kesempurnaan adalah untuk Allah jua. Jadi, kalau kita hendak gabungkan insan kamil, insan sempurna tidak akan tercapai. Suatu ilusi sahaja. Namun kalau kita merujuk kepada istilah Islam, Al-Quran ataupun hadis, kita tidak akan jumpa insan kamil. Akan tetapi kita akan jumpa orang yang beramal soleh. *Waladun solehun-* anak soleh, orang yang soleh.

Oleh kerana itu, seseorang yang belajar kalau menurut Islam adalah untuk mencapai insan soleh. Soleh, baik untuk dirinya dan baik juga untuk orang lain. Oleh kerana itu kalau kita dapat menerapkan nilai insan soleh ini iaitu insan soleh yang beriman dan melakukan amal soleh, maka ia akan melahirkan masyarakat yang tenteram, aman, damai dan tidak berlaku sebagaimana yang ditakuti oleh Ketua Pengarah SPRM iaitu meletakkan bahawa rasuah adalah musuh nombor satu negara.

Kenapa ini berlaku? Ia juga mempunyai kaitan dengan sistem pembelajaran kita daripada awal sampai ke peringkat yang lebih tinggi dan peringkat IPTA awam ataupun IPTS. Ini merupakan satu gagasan yang perlu sama-sama memberi perhatian. Apa yang kita hendak lahirkan sebenarnya di dalam masyarakat kita tanpa menafikan istilah-istilah yang lain.

Oleh kerana itu bagi saya Tuan Yang di-Pertua, istilah atau pengajaran juga perlu diberi penerangan yang jelas dan huraian yang betul supaya kita tidak membawa satu ungkapan yang kita tidak faham. Itu satu contoh yang saya rasa perlu ditengok kembali. Walaupun hal ini orang sudah tidak tengok sekarang ini, orang sudah lupa. Akan tetapi oleh kerana ini pernah berlaku dalam sistem pembelajaran kita, saya bangkitkan hal ini.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, sering kita dengar sekarang ini kita hendak melahirkan modal insan. Ini pun satu istilah yang saya rasa boleh kita ulang kaji supaya kita betul-betul dapat memahami. Saya menaruh kebimbangan, kita guna satu istilah yang kita sendiri pun tidak faham dan kita akan melahirkan anak-anak kita pun yang tidak faham juga. Kita orang dewasa perlu memberi tugas ini kepada cerdik pandai di universiti supaya mereka membuat penyelidikan hujung jatuhnya.

Istilah-istilah yang akan digunakan di dalam kehidupan dan kita hendakjadikan ia sebagai ungkapan-ungkapan, sebagai teras pendidikan dan juga untuk mencapai matlamat dalam negara kita.

Oleh kerana itu bagi saya, modal insan sebagai contoh. Ini saya hendak minta kementerian beri tugas ini kepada IPTA dan IPTS supaya betul mengkaji modal insan. Modal, kita tahu modal, insan, apa sebenarnya? Adakah kita hendak lahirkan masyarakat kita, pelajar kita hanya orang yang dapat mencari pekerjaan semata-mata? Adakah itu matlamat kita atau di situ sahaja? Ataupun kita hendak pergi menganjak lebih jauh iaitu melahirkan insan soleh yang dapat memberi kebaikan kepada masyarakat dan negara.

Ini gagasan yang perlu kerana saya bimbang kalau kita tidak mempunyai kajian-kajian dan terminologi yang betul di dalam istilahnya, kita takut kita hanya sekadar sebut dan tersasar. Kalau betul, *alhamdulillah*, kalau tidak, kita tambah baik. Banyak lagi kalau saya mahu ingin bawa contoh. Contoh kecil, ini pun perlu kepada IPTA dan IPTS memberi perhatian.

Ada subjek yang diajar contohnya Pemikiran Islam. Namanya sedap disebut, senang dan mudah diingat. Persoalannya, adakah tepat nama tersebut digunakan? Pemikiran Islam. Adakah Islam itu perkara yang difikirkan? Sebenarnya kita guna perkara ini sudah lama tetapi kita tidak review dengan izin, adakah istilah itu menepati apa yang hendak dicapai?

Kalau kita kata pemikiran Islam, makna Islam itu satu perkara yang boleh difikirkan sedangkan Islam itu adalah datang dari wahyu Allah SWT dan yang memikirkan itu adalah orang-orang Islam. Lebih tepat kalau kita kata pemikiran Muslim. Hal yang sama saya tengok juga berlaku seperti contoh dalam mata pelajaran kita Sejarah Islam. Tuan Yang di-Pertua, bila mulanya istilah tersebut dan dijadikan sebagai mata pelajaran?

Kalau kita merujuk kepada buku-buku sumber asli di dalam penulisan sejarah, kita tidak akan jumpa sejak daripada sejarah ditulis nama sejarah Islam. Kecuali zaman-zaman mutakhir. Kita ambil contoh Ibnu Katsir, sebelumnya Ibnu Ishaq menulis tentang Nabi. Dia menyebut *siratul Rasul*- sejarah Rasul, sirah perjalanan Rasul. Kalau Abu Bakar, *Siratul Abu Bakrin*, Sirah Umar, Sirah Ali, Sirah Uthman dan sebagainya.

Kemudian dia tulis lagi sejarah *Daulah Bani Umayyah*. Dia tidak kata sejarah Islam. Sejarah Bani Abbasiyah, Sejarah Uthmaniah. Bila timbul nama sejarah Islam? Timbul ini adalah setelah orang barat membuat kajian dan penelitian dan akhirnya mencadangkan satu istilah baru iaitu sejarah Islam.

**■1520**

Antara lain tujuan tersirat tersurat kita tidak jumpai tetapi apabila diberi pengamatan, maka ia akan boleh melahirkan salah faham terhadap Islam. Apabila disebut perperangan, keganasan dan dikaitkan dengan Islam, maka orang akan mengatakan ini adalah Islam. Oleh kerana itulah kita kena tengok balik istilah-istilah itu supaya ia serasi dengan apa yang telah disebut oleh para penulis-penulis

zaman silam yang mempunyai kewibawaan dan sebagainya sehingga ia akan lahir sebagai panduan kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta juga satu penjelasan ataupun penerangan daripada pihak kementerian kriteria hendak membuka atau menubuhkan satu institusi swasta dan juga untuk menaik taraf daripada kolej ke kolej universiti dan seterusnya kepada universiti.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin melihat bertanya kepada kementerian dengan jumlah universiti dan juga IPTS yang ada ini, adakah ia telah memadai ataupun boleh lagi dikembangkan dan kepada yang tidak berdaya saing tindakan-tindakan berapa jumlah yang telah diambil setakat ini untuk pengetahuan kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengundur diri dan ini merupakan sesi saya yang terakhir. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Datuk Seri Timbalan Speaker dan Dato' Sri Speaker di atas memberi bimbingan dan juga tunjuk ajar selama mana saya berada di dalam Dewan yang mulia ini. Walaupun saya bukanlah orang yang layak untuk berada di tempat yang begini tinggi dan besar serta tidak satu tahu semua. Ini merupakan satu badan yang tertinggi dalam negara untuk menggubal dan membuat undang-undang.

Oleh kerana itu saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada mantan Speaker Tan Sri Abu Zahar Dato' Nika Ujang dan Datuk Doris Sophia juga telah membimbang saya dan juga saya kira semua kawan-kawan saya yang berada di dalam Dewan ini. Begitu juga saya ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Setiausaha Dewan Negara dan mantan Setiausaha Dewan Negara dan seterusnya kepada Ketua Pentadbir Parlimen, setiausaha-setiausaha, bentara-bentara yang banyak memberi kerjasama, tunjuk ajar dan semuanya yang telah dapat di sini.

Saya tidak lupa untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada mantan Menteri Besar Kerajaan Negeri Kelantan, Yang Amat Berhormat Almarhum Datuk Bentara Setia Guru Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat dan juga kepada semua Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri di Kelantan yang mewakili seluruh rakyat negeri Kelantan yang telah memberi kepercayaan kepada saya yang tidak sepertinya ini untuk datang dan mewakili mereka di Dewan yang sama tinggi dan mulia ini.

Ucapan terima kasih juga saya tujuhan kepada Yang Amat Berhormat Datuk Bentara Kanan Datuk Ahmad bin Yakob, Menteri Besar Kerajaan Negeri Kelantan dan seluruh Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan yang mewakili seluruh rakyat Kelantan yang sekali lagi memberi kepercayaan kepada saya untuk penggal keduanya, datang dan berada di sini sampai saat ini. Saya akan berakhiri *insya-Allah* pada 17 Julai nanti dan ini merupakan sesi saya yang terakhir.

Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ucap terima kasih kepada rakan-rakan saya di Dewan yang mulia ini dan juga kepada semua kementerian-kementerian yang sempat kita berbicara dan juga bertanya khabar dan bertanya soalan dan semua kakitangan kerajaan di seluruh negara yang telah memberi kerjasama yang baik di dalam urusan Dewan kita pada setiap kali dan setiap masa.

Saya difahamkan ramai juga kawan-kawan saya yang akan bersara dan ada yang bersara tidak dapat datang lagi, ada yang bersara kemungkinan boleh datang lagi. Yang ada teruskan perjuangan, teruskan khidmat tuan-tuan Yang Berhormat sekalian, dan saya ingin menyatakan bahawa setiap kita yang diberi amanah di Dewan ini juga termasuk Dewan Rakyat, Dewan Negeri

dan di mana jua kita merupakan orang yang dipikulkan tanggungjawab yang besar iaitu menggubal dan meluluskan undang-undang untuk dipakai di dalam negara kita.

Ini satu tugas yang berat dan kita di dalam Dewan ini akan berusaha sedaya-upaya meneliti dan akan meluluskan undang-undang tersebut yang kita sebut sebagai akta dan ini merupakan amal jariah, amal soleh *insya-Allah* saya doakan begitu. Amal soleh yang kalau kita laksanakan dengan sejurus dan seikhlasnya dan untuk mencapai reda Allah, maka ini adalah sebahagian daripada bekal yang dapat kita bawa ke akhirat nanti.

Oleh kerana itu janganlah sahabat-sahabat saya Yang Berhormat merasakan kita berada di sini begitu sahaja, tidak. Ia mempunyai satu misi yang besar yang Allah titipkan kepada orang yang Dia hendak berikan. Gunakanlah masa dan kesempatan ini untuk kita merangka kebahagiaan untuk seluruh umat manusia di dunia ini dan hal itu akan kita terima ganjaran yang sebenarnya di akhirat nanti.

Tuan Yang di-Pertua, silap salah saya mohon maaf. Kalau saya boleh berpantun buat kali terakhir. Saya ini bukan ahli pantun.

*Pisang emas dibawa belayar- itu pantun biasa.  
Masak sebiji di atas peti,  
Hutang emas kalau tidak ada duit tidak boleh bayar,  
Kalau hutang budi kenang sampai ke akhirat nanti... [Tepuk]*

Dengan itu, saya ucap terima kasih. *Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat yang telah panjang lebar ucapan yang baik, yang mengenang budi dan saya ingat pernah orang dahulu kata menjadi manusia insan kamil tetapi yang terbaik sekali ialah insan soleh itu.

Jadi pemimpin yang berilmu dan beriman, itu dia dan saya senang hati dan terima kasih banyak pada sumbangan ikhlas, sumbangan bakti yang telah dicurahkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari tadi.

Ikhlas seorang perjuangan dan itu ingat apa dia tadi kadangkala saya jumpa kawan saya hari ini dia biasa esok dapat kad dia Dato' Dr. Sepatutnya tadi saya minta pihak kementerian tengok tengoklah Dato' Dr. ini, PhD macam-macam berlaku hari ini. Saya jumpa dalam kapal terbang di Jakarta, esok saya balik jumpa dia dekat Bali, dia sudah Profesor, Doktor macam mana itu, kena tengok juga.

Jadi khususnya kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari syabas dan tahniah Yang Berhormat kami ingat tadi bakti Yang Berhormat tadi tidak kami lupa sudah terpahat di dalam hati. Sekian, terima kasih banyak.

■1530

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md. Nordin, sila.

### 3.30 ptg.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih kerana membenarkan saya bagi membahaskan Rang Undang-undang Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2017. Di kesempatan ini juga, tadi Dato' Dr. Johari ada memberikan ucapannya yang terakhir. Saya sebagai orang baru mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas nasihat dan pandangan yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya membahaskan tentang Rang Undang-undang Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta yang mana kita tahu bahawa kecemerlangan dan keunggulan IPTS merupakan satu entiti pendidikan utama yang memacu pertumbuhan modal insan negara dan memastikan pertumbuhan mapan ekonomi negara. Mengikut statistik semasa 2015, terdapat 41 IPTS bertaraf universiti di seluruh negara yang mana ia daripada 510 jumlah IPTS yang aktif termasuklah kampus cawangan. Ia satu jumlah yang agak besar apabila kita bercakap tentang IPTS. Maka melalui pindaan yang dibuat di dalam rang undang-undang ini, maka tadbir urus dan kawal selia IPTS dapat dipercepat seiring dengan dasar-dasar terkini Kementerian Pengajian Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh pindaan seksyen 38, dalam fasal 41 rang undang-undang ini, bagaimana ia menyentuh tentang Kementerian Pendidikan Tinggi yang dapat membuat satu kawalan yang lebih cekap ke atas penawaran kursus-kursus yang memerlukan pengiktirafan dan akreditasi badan profesional yang terkenal di dalam siri perundangan negara. Ia seperti kursus kejuruteraan, perubatan dan kesihatan bersekutu, guaman dan pendidikan ikhtisas. Ini supaya pematuhan kelayakan pelajar dan syarat minimum masuk ke IPTS, kurikulum dan perjalanan kursus-kursus ini diiktiraf dan graduan tidak menghadapi masalah apabila memohon pekerjaan dengan industri ataupun sektor awam.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan rang undang-undang ini, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian berhubung dengan kawalan dan penguatkuasaan ke atas pengeluaran permit mengajar bagi pensyarah-pensyarah bidang profesional seperti perubatan dan kejuruteraan. Sejauh manakah KPT menangani masalah-masalah IPTS yang gagal mematuhi perkara ini dan kes-kes pelajar yang bergraduan tetapi mempunyai masalah pengiktirafan JPA dan MQA. Ini kerana kita dapati bahawa terdapat pertikaian di dalam pengiktirafan pengajaran pelajar IPTS berlaku apabila audit oleh institusi atau badan profesional mendapati pengajar tidak mempunyai Sijil Amalan Mengajar Berkanun sebagaimana yang dikuatkuasakan oleh profesion seperti Majlis Perubatan, seperti MQA, Lembaga Jurutera ataupun Jabatan Pembangunan Kemahiran.

Selain daripada itu juga, saya ingin menyentuh bagaimana tadi Dato' Dr. Johari mengatakan tentang modal insan atau insan kamil. Memang betul sebab apa, saya lihat dan saya perhatikan bahawa tentang kurangnya pengisian kurikulum yang membentuk insan yang bernilai murni di IPTS. Bukan itu sahaja, tetapi di IPTS kurang menekankan tentang ketaatan kepada prinsip-prinsip Rukun Negara. Kita faham bahawa sedikit polisi daripada IPTS ini menekankan pelajar-pelajar daripada luar negara tetapi saya kira majoriti daripada pelajar-pelajar IPTS ini juga adalah merupakan warganegara Malaysia, mereka juga adalah anak tempatan.

Maka saya ingin memohon penjelasan daripada pihak kementerian, ada tak satu garis panduan yang untuk memastikan elemen sivik ini dan juga ketaatan kepada prinsip Rukun Negara ini dimasukkan dalam kurikulum ataupun dalam pelajaran silibus yang ditawarkan oleh IPTS.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapatkan penjelasan mengapakah penalti awam yang diperlihatkan dalam Penalti Am 29, seksyen 82, amat kecil jumlahnya iaitu hanya maksimum RM50,000 sahaja. Kita tahu memang ada IPT-IPT yang kecil, IPTS-IPTS kecil tetapi banyak juga IPTS-IPTS besar yang tidak berjaya melaksanakan tanggungjawab mereka yang tidak selesai, syarikat-syarikat yang menawarkan IPTS ini tidak tamat. Maknanya dia gagal kerana bankrap ataupun kerana kerugian dan sebagainya.

Saya mengambil contoh, iktibar daripada kegagalan beberapa IPTS seperti *Allianze University College of Medical Sciences* (AUCMS) di Penang pada tahun 2014 yang mana saya berpandangan ianya tidak memberikan hukuman yang signifikan dengan salah laku syarikat serta kerugian kepada pelajar. Ini sebab pelajar, ibu bapa yang kalau katalah yang dah ambil *loan*, yang dah membayar yuran swasta yang mana bukannya murah tetapi apabila syarikat tersebut gagal untuk memuktamadkan disebabkan kerugian, penalti yang diberikan hanyalah sebanyak RM50,000. Saya rasa ia tidak setimpal dengan apa yang dialami ataupun apa yang dihadapi oleh pelajar-pelajar yang telah mengikuti program tersebut.

Justeru itu, saya mohon penjelasan daripada KPT. Saya ingin mendapatkan penjelasan sehingga kini, berapakah jumlah IPTS yang gagal beroperasi dan mengalami kerumitan kerana isu kekangan kewangan dan masalah-masalah tenaga pengajar di seluruh negara. Sekian sahaja Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Waalaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin dan saya jemput lagi seorang, Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff.

### 3.36 ptg.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim... [Membaca sepotong doa] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera.

Sekali lagi terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk memberi izin kepada saya membahaskan Rang Undang-undang Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2017 yang saya kira ia amat bertepatan dalam persekitaran global dan peningkatan enrolmen pelajar ke IPTS untuk meneruskan pengajian di peringkat diploma dan ijazah pertama. Seiring dengan pertumbuhan ekonomi sektor pendidikan tinggi negara, saya dapati Malaysia memerlukan lebih banyak IPTS yang berkualiti terutama yang menjadi cawangan universiti terkemuka luar negara agar peluang pendidikan tinggi bermutu dan mempunyai tahap akreditasi yang tinggi. Justeru, saya melihat pindaan yang digubal ini akan memastikan daya maju serta perkembangan sektor pendidikan tinggi swasta dapat menyokong kemasukan pelajar lepasan SPM dan STPM yang hampir 500,000 setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang saya ingin kemukakan di sini adalah berhubung dengan rintihan, keluh kesah, rungutan pelajar-pelajar lepasan diploma kejuruteraan dari politeknik awam dan

Kolej Kemahiran Tinggi MARA atau diploma kejuruteraan IPTS yang mendapat jumlah perpindahan kredit yang minimum dan mereka terpaksa menduduki semula pengajian subjek teras asas apabila menyambung pelajaran peringkat ijazah pertama di IPTA atau di IPTS.

Isu ini terjadi kerana keputusan untuk menerima atau menetapkan perpindahan kredit merupakan kuasa senat dan jumlah perpindahan kredit daripada peringkat diploma, katakan semasa bergraduan Diploma mereka mendapat 100 jam kredit tetapi apabila ditawarkan melanjutkan pelajaran, mereka hanya diberikan jumlah kredit pindah hanya 80 jam. Oleh itu, mereka perlu menambah sebanyak 80 jam kredit lagi menjadi 160 jam untuk menjadi seorang graduan. Kalau distrukturkan 80 jam kredit ini, ini akan memakan masa selama empat tahun kerana maksimum satu semester pelajar ini akan mengambil subjek sehingga 20 kredit sahaja. Lebih malang lagi, pelajar-pelajar lepasan diploma ini perlu mengulang balik subjek asas kejuruteraan yang juga akan memakan masa lebih lama dan melibatkan implikasi kewangan yang besar.

Saya merupakan seorang pelajar PJJ UUM, bila saya nak *transfer* kredit, memang ada subjek yang saya terpaksa ambil balik. Jadi saya mohonlah melalui pindaan ini agar Kementerian dapat buat dalam beberapa peruntukan yang dipindah ini terutama dalam fasal 17 pindaan seksyen 43 yang memberikan kuasa kepada pendaftar agar dapat memperhalus, memperkemas isu perpindahan kredit agar bebanan bekas pelajar diploma kejuruteraan yang melanjutkan semula pengajian ijazah pertama kejuruteraan di IPTS dapat dimaksimumkan jumlah perpindahan kreditnya.

#### ■1540

Ini akan membantu pelajar meminimumkan kos pelajar dan masa lebih singkat. Tuan Yang di-Pertua, ada lagi sedikit perkongsian saya...

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingat Yang Berhormat, kalau tidak salah saya bila kita bincang fasal IPTS ini, kebanyakannya daripada mereka-mereka yang berminat untuk menuju IPTS di Malaysia ini adalah untuk menarik pelajar-pelajar luar negara. Kalau tidak salah saya, 80 peratus pelajar luar negara, 20 peratus sahaja pelajar dalam negara. Jadi bermakna, tumpuan ini diberikan kepada untuk hendak cari duit. Jadi, wujudnya IPTS-IPTS ini ialah untuk mereka hendak buat duit. Itu yang menjadi masalah.

Jadi kalau kita hendak pindah kredit ini, bermakna kita hendak bercakap soal pelajar-pelajar dalam negara. Jadi, saya tidak nampak macam mana kita hendak bantu pelajar-pelajar kita, dengan izin, yang *drop out* ini untuk dimasukkan ke dalam IPTS. Ini kerana tumpuan yang diberikan kepada pelajar dalam negara hanya 20 peratus. Yang 80 peratus itu yang hendak cari makan, yang hendak buat duit. Saya pernah minta supaya MARA dan JPA, kalau boleh pelajar-pelajar kita daripada kita hantar ke luar negara dengan kos yang begitu tinggi kerana *exchange rate*, kenapa tidak mereka ini juga ditempatkan di IPTS-IPTS, membantu juga mereka ini berada di dalam IPTS di dalam negara daripada kita hantar ke luar negara.

Contohnya, saya tidak mahu bercakap tadi sebab contohnya anak saya lulusan daripada INSPEKSI ini dipunyai oleh Kementerian Kewangan, Jabatan Penilaian. Anak saya lulusan di situ tetapi sijil anak saya ini diiktiraf oleh *Queensland University* di Brisbane sebagai diploma tetapi tidak ada universiti termasuk IPTA di dalam Malaysia yang iktiraf INSPEKSI. Hak kerajaan, dipunyai

oleh Kementerian Kewangan tetapi tidak diiktiraf. Akan tetapi yang iktiraf Brisbane, *Queensland University* ataupun di Melbourne. Hantar anak saya ke sana, *it costs me*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, RM50,000 satu semester. Itu tidak termasuk perbelanjaan sewa rumah yang kita kena bayar setiap minggu, itu di Australia. Belum lagi makan dia, belum lagi.

Kenapa tidak negara kita sendiri akreditasikan INSPEN ini untuk iktiraf sijil ini sebagai diploma. Jadi dia tidak payahlah saya hantar dia ke sana. Lepas itu hendak pinjam PTPTN dah jadi masalah ada sekatanlah, pasport kerana tidak bayar dan sebagainya. Ini semua kadang-kadang kita kena. Saya minta kementerian Yang Berhormat bersetuju dengan sayalah sebab kalau kita hendak bincang fasal hendak masukkan pelajar-pelajar kita dengan 20 peratus ini, fokus mereka ini ialah hendak cari duit. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad. Saya mohonlah agar kementerian untuk mengambil tindakan di atas pendapat Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad. Saya juga terkejut sebab IPTS ini di bawah Kementerian Kewangan tetapi tidak diiktiraf. Jadi, pohon kementerian untuk mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang saya hendak sentuh yang kedua ialah mengenai apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Farah tadi iaitu *Allianze University* yang bertempat di Bertam, Pulau Pinang di mana telah ditutup tidak silap saya tiga empat tahun lepas. Saya juga merasa amat kecewa kerana anak sulung saya belajar di *Allianze University*. Apabila *Allianze University* ditutup, kita Alhamdulillah anak saya ditempatkan di MAHSA Kuala Lumpur. Akan tetapi anak saya menzahirkan, meluahkan kekecewaan dan kesedihan beliau kepada saya betapa ramai kawan-kawannya, anak-anak orang yang susah, anak nelayan, anak petani yang berada di sekitar Pulau Pinang dan Kedah tidak mampu. Ibu bapa mereka tidak mampu untuk menempatkan mereka di IPTS di sekitar Selangor, ada yang dapat di Sabah, ada yang dapat di Johor. Jadi, kebanyakan kawan-kawan anak saya tidak dapat melanjutkan pelajaran.

Saya hendak minta kementerian ini supaya serius, tengok balik pada ketika itu berapa ramai terutamanya pelajar-pelajar Melayu kita yang tercicir, yang tidak dapat sambung belajar ini. Anak saya Alhamdulillah sampai hari ini masih ada di MAHSA tetapi sampai hari ini dia asyik menyebut tentang *Allianze University* yang tutup. Di manakah peranan kerajaan? Kenapa kerajaan tidak bantu *Allianze University* untuk menghidupkannya. Sebab di sebelah utara *Allianze University* antara salah satu IPTS yang agak terkenal.

Tuan Yang di-Pertua, perkongsian saya yang kedua. Saya mempunyai sahabat yang mempunyai seorang sahaja anak lelaki, pelajar yang cemerlang, pelajar yang pandai di kawasan saya. Kemudian selepas ditawarkan, dia ditawarkan IPTS di Kuala Lumpur juga. Yang saya sedih tahun kedua dia cerita pada saya, pensyarah anak dia panggil, pensyarah kata, “Cik, tolong bawa balik anak Cik, anak Cik ini dah teruk dah dadah”. Dalam dewan kuliah dia *lalok*, dah termenung, dah tidak boleh buat apa dah. “Cik tolong ambil, bawa balik, tolong balik berubat”.

Seorang pelajar yang cemerlang pada peringkat SPM, STPM, antara pelajar yang cemerlang ini. Tiba-tiba bila datang ke IPTS di Kuala Lumpur, tahun kedua telah terlibat dengan dadah, telah jadi *lalok*, telah tidak boleh fokus dalam dewan kuliah. Jadi apa yang saya hendak katakan di sini, kepada

pihak kementerian, saya hendak tahu data ini. Pertama, berapakah pelajar-pelajar di IPTS yang telah menjadi penagih dadah tiga tahun yang lepas dan kedua berapakah jumlah pelajar IPTS yang telah menjadi pengedar dadah tiga tahun yang lepas.

Saya juga hendak maklumkan kepada kementerian bahawa pelajar yang saya katakan tadi sebenarnya telah dijangkiti HIV, baru berusia lebih kurang 23 tahun, tunggu masa. Jadi, kesedihan ini saya luahkan kepada kementerian supaya kementerian ambil serius tentang penyalahgunaan dadah bukan setakat di IPTA tetapi di IPTS yang sangat-sangat berleluasa.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja dari saya dan saya juga hendak minta kementerian beri saya maklumat berapa jumlah pelajar mengikut kaum tiga tahun yang lepas menjadi penagih juga pengedar dadah.

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih dan juga tahniah kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih banyak Yang Berhormat. Sekarang Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim.

### 3.48 ptg.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam negaraku Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya bila bercakap mengenai IPTA, IPTS ini rasa amat tertarik sebab sejak akhir-akhir ini nampaknya IPTS ini tumbuh macam cendawan. Saya melihat, Yang Berhormat Menteri sila ambil maklum. Kita tengok sekarang ini, IPTS ini bukan sahaja uar-uarkan, buka iklan untuk mengambil pelajar ini malah dia ada ejen, dia pakai ejen. Tidak tululah kalau di Kelantan memang ramai ejen. Yang tidak dapat masuk IPTA, bila jumpa saya dia kata ada ke budak-budak nak masuk universiti. Banyak universiti, dia ejen di kampung ini hendak cari pelajar-pelajar ini. Sebab dia dapat ganjaran.

Jadi, saya tidak marah yang itu. Cuma saya kalau bolehlah sebab kita hendak melahirkan pelajar yang berkualiti, jika boleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) letak pegawai di setiap universiti/IPTS itu untuk memantau perjalanan dan sistem yang ada di universiti.

### ■1550

Itu baru di universiti. Di kolej lagi banyak. Di kolej-kolej ini untuk makluman Yang Berhormat Menteri, ramai yang jumpa saya. Dia kata kita tubuh kolej. Tidak apa sebab kita ada PTPTN. Maknanya saya berfikir dia hendak tubuh kolej itu semata-mata kerana hendak cari duit melalui PTPTN. Saya pun tidak tahu. Sebelum adanya PTPTN, berapa jumlah kolej atau IPTS yang ada? Selepas PTPTN ada ini, berapa pertambahan? Bermakna KPT boleh tengok. Setelah adanya PTPTN, bertambah ataupun pertambahan itu serupa dengan sebelum tidak ada PTPTN. Ini kena tengok sebab ada sesetengahnya, bukan semua. Ada sesetengah itu tubuh kolej untuk cari duit sahaja.

Ketiga, saya hendak minta KPT, Yang Berhormat Menteri, hendak ambil pelajar ini, ambillah tidak apa tetapi kena pilih kualiti. Saya kalau bolehlah pelajar Nigeria jangan ambil. Yang kulit hitam ini. Duduk dekat apartmen, kondo pun. Saya tanya *where are you from?* Nigeria. Saya tengok dia ini macam penjenayah. Badan besar, orang semua takut. Saya duduk dekat kondo di Sunway itu, bila

tengok pelajar Nigeria semua orang lari. Macam penjenayah sahaja. Keadaan dia pun, perilaku dia pun tidak senonoh.

Saya tengok kalau hendak ambil pelajar Nigeria ini ataupun negara-negara kurang maju macam Afrika, tolong tapis. Oleh sebab itu saya hendak di setiap IPTS ini biar ada *control by KPT*, oleh Kementerian Pendidikan Tinggi supaya soal pelajar-pelajar daripada Nigeria, daripada Afrika, negara-negara kurang majulah supaya yang masuk ini biar yang betul-betul hendak belajar. Jangan masuk sini jadi gengster, jadi tukang urut, jadi pelacur. Jadi kita hendak lahirkan pelajar-pelajar yang berkualiti.

Pengambilan pensyarah ini, saya minta sebab itu saya hendak ditapis pengambilan pensyarah ini. Negara kita sekarang ini berada dalam keadaan aman damai dan harmoni. Pensyarah-pensyarah ini macam tadilah yang disebut oleh Yang Berhormat itu tadi, menggunakan nama-nama yang- *giant name*, dengan izin. Nama-nama yang besar dan tersohor tetapi tiga bulan selepas itu tidak adalah. Saya hendak *check*. Biar KPT ini *check*. Biar betul-betul pensyarah itu yang berkualiti dan tidak menentang kerajaan. Itu mustahak sekali. Nanti kalau dia lepas macam itu, pelajar-pelajar yang dihasilkan itu, bukan semua tetapi kebanyakannya saya takut nanti menentang kerajaan. Tidak suka dengan dasar kita. Jadi benda itu jadi macam MoA. Bercambah, bercambah, bercambah. Jadi mewujudkan suasana yang tidak tenteram di negara kita.

Jadi saya minta, pertama, KPT *check*. Sebelum adanya PTPTN, berapa banyak IPTS ada? Selepas PTPTN berapa banyak tumbuh? Oleh sebab saya tidak mahu ada yang salah gunakan duit. Dia peniaga. Berniaga sekolah, berniaga IPTS, berniaga kolej universiti. Saya tidak mahu. Kita hendak lahirkan pelajar berkualiti sedangkan pemilik IPTS itu niat dia hendak berniaga. Bukan soal kualiti. Hendak cari pelajar, lantik agen di seluruh negara. Biar banyak pelajar, banyak dapat duit. Itu sahaja. Jadi saya minta perkara-perkara yang saya bangkitkan tadi mendapat perhatian dan tindakan daripada pihak KPT. Sekian, saya mohon menyokong. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.* Sudah habis. Kita telah bincang pasal kita punyai ini. Hari ini yang bercakap hampir 10 orang, sembilan orang. Sebelum ini saya hendak sampaikan, sebelum itu hendak saya katakan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudah serve kita tadi. Pengorbanan anda sekalian tetap di kenang. Pengorbanan anda untuk itu. Bak kata orang tua-tua.

Ramai tadi saya tengok tahun depan ini ada ramai pula yang akan meninggalkan kita iaitu tamat tempohnya. Kepada mereka ini saya ucapkan tahniah dan syabas. Saya nampak petang ini pun saya perhati. Sebulan ini, masa kami mempergerusikan sidang ini, cara perbahasan, hujah yang baik dan penuh dengan ketaatan dan pengorbanan sangat. Jadi kepada mereka ini, jasa anda tetap dikenang. Pengorbanan anda untuk itu. Bak kata orang tua-tua.

*Orang belayar dengan layar,  
Perahu kecil penuh sarat,  
Hutang emas boleh dibayar,  
Hutang budi sampai akhirat... [Tepuk]*

Terima kasih ya. Sekarang saya hendak sambung pula kepada- saya minta tadi sudah habis perbahasan. Minta Yang Berhormat Menteri menjawab. Sila.

### 3.56 ptg.

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:**

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya kepada lapan orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh isu dan perkara berkaitan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sepanjang sesi perbahasan dalam Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2017 dalam mesyuarat Dewan Negara kali ini. Segala pandangan, saranan malah teguran yang dikemukakan akan saya cuba beri ulasan dan maklum balas dalam penggulungan ini.

Untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty, persoalan pendidikan bukan untuk meraih keuntungan semata-mata dan pengawalan seliaan kadar yuran yang dikenakan. Pihak kementerian bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa pendidikan bukan untuk meraih keuntungan semata-mata.

*[Tuan Yang di-Pertua mempergerusikan Mesyuarat]*

Pindaan seksyen 26 membolehkan maklumat-maklumat berhubung premis dan juga kursus pengajian termasuk maklumat seperti kadar yuran yang dikenakan oleh pihak IPTS dapat diakses oleh masyarakat umum terutamanya kepada pelajar mahupun keluarga mereka dalam membuat pilihan yang terbaik.

Pindaan ini menggalakkan ketulusan maklumat dan membolehkan masyarakat umum untuk meneliti dan membandingkan kadar yuran yang ditetapkan di antara IPTS-IPTS tersebut. Hal ini akan memastikan akauntabiliti di pihak IPTS dalam memastikan perkhidmatan pendidikan tinggi yang ditawarkan adalah selaras dengan kadar yuran yang ditetapkan. Langkah ini juga dapat membantu pihak kementerian memantau dan mengawal selia IPTS secara lebih berkesan khususnya dalam memastikan permasalahan berkaitan kadar yuran yang ada adalah munasabah dan boleh diterima oleh semua pihak.

Bagi menjawab pertanyaan berkaitan cadangan supaya IPTS perlu memberi peluang kepada golongan *middle class* dengan izin, untuk pengetahuan Yang Berhormat, kerajaan telah menyediakan pelbagai bentuk bantuan kewangan bagi tujuan mengurangkan kos sara hidup pelajar termasuk memberi pinjaman PTPTN, memberi Kad Diskaun Siswa 1Malaysia, sumbangan zakat, tabung kebajikan biasiswa dan pinjaman kepada pihak yang berkelayakan.

Pelajar di IPTS juga diberi peluang untuk menjana pendapatan sendiri melalui pelbagai langkah termasuk penyertaan dalam program keusahawanan selain diberi kelonggaran bekerja secara sambilan dalam mempraktikkan amalan keusahawanan dalam diri mereka sepanjang dalam pengajian.

Berkaitan bilangan pelajar antarabangsa IPTS, sehingga akhir tahun 2016, seramai 102,112 orang pelajar antarabangsa belajar di IPTS tempatan.

**■1600**

Berkaitan ciri-ciri kenegaraan, semua IPTS dilengkapkan dengan mata pelajaran umum atau MPU yang turut merangkumi elemen-elemen integriti, akhlak, etika dan sebagainya.

Mengenai soalan berkaitan disebabkan oleh disiplin dan moral pelajar IPTS yang kononnya rendah yang menyebabkan negara luar tidak menghantar pelajar ke Malaysia, sememangnya dakwaan tersebut adalah tidak benar. Bilangan pelajar antarabangsa meningkat dari 88,665 orang pada tahun 2015 kepada 102,112 orang pada tahun 2016. Setakat ini, Kementerian tidak menerima sebarang maklumat berkaitan negara-negara tertentu yang tidak menghantar pelajar ke Malaysia atas masalah yang dinyatakan.

Menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Abu Shah berkaitan syarat minimum pengambilan pensyarah tidak seperti di IPTA, KPT memastikan kualiti pensyarah melalui kelulusan permit mengajar yang perlu dipohon kepada KPT. Kedua, kelayakan diteliti berdasarkan subjek yang diajar. Permit ini juga perlu diperbaharui setiap lima tahun bagi memastikan pensyarah dapat memantau dan mengawal selia pensyarah di peringkat KPT.

Nisbah pensyarah pelajar adalah dipastikan satu kepada 30 bagi memastikan pembelajaran dan pengajaran adalah pada tahap yang berkesan. Kelima, memastikan pensyarah yang dilantik adalah memenuhi kelayakan dan keperluan IPTS melalui tapisan atau saringan peringkat IPTS. Terdapat garis panduan dan piawaian pelantikan pensyarah untuk permit mengajar sebagai panduan kepada IPTS. *Concern* ini juga dikemukakan tadi oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Johari bin Mat dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah Mat Yasim.

Dalam memastikan pensyarah yang berkualiti sahaja dapat mengajar di IPTS, pindaan akta ini memperuntukkan di bawah seksyen 51, Akta 555, seorang individu perlu memohon untuk mendapatkan permit mengajar. Pihak KPT akan meneliti dan membuat siasatan sekiranya perlu bagi memastikan kelulusan individu tersebut adalah tulen. Peruntukan seksyen 52 membolehkan pihak KPT membatakan permit mengajar sekiranya individu tersebut memberikan dokumen yang palsu. Pindaan seksyen 79, Akta 555 juga membolehkan pihak Kementerian Pendidikan Tinggi mengambil tindakan ke atas mana-mana individu yang membuat permohonan di bawah akta ini sekiranya memberi maklumat palsu.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tan Sri Ibrahim Abu Shah yang turut mempersoalkan berkaitan kualiti pelajar antarabangsa, kualiti program dan infrastruktur pelajar-pelajar luar negara ke IPTS perlu mematuhi kelayakan minimum yang ditentukan oleh MQA. Bagi peringkat EMGS pula, ia telah menjadi antara tanggungjawab utama dalam mengadakan saringan dan tapisan untuk kelayakan akademik dan ketulenan sesuatu sijil akademik. *Concern* ini juga ada dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Koh Chin Han.

Selain itu, IPTS juga tidak dibenarkan mengambil pelajar dari satu-satu negara sahaja. Ini adalah untuk memastikan kualiti pelajar daripada kepelbagai warganegara. Sekiranya terdapat salah laku sosial dan jenayah, pihak awam diminta mengemukakan aduan kepada KPT dan pihak berwajib.

Dalam usaha memastikan kualiti program di IPTS, kementerian akan menilai kualiti pelaksanaan program tersebut berdasarkan syor dan cadangan pihak MQA atau badan-badan

profesional sebelum meluluskan sesuatu program untuk dilaksanakan. Antara proses penilaian kualiti yang dijalankan adalah penilaian kurikulum program dan pemantauan program tersebut terhadap ketetapan standard program dalam bidang-bidang tertentu.

Kementerian turut menyediakan garis panduan dan piawaian premis IPTS yang merupakan dokumen rujukan yang perlu diguna pakai dalam menyediakan premis yang kondusif serta memenuhi kualiti bagi tujuan pembelajaran dan pengajaran di IPTS. Ini adalah selaras dengan pindaan seksyen 28, Akta 555 yang mengambil kira elemen tanpa premis dan ubah suai premis bertujuan untuk memastikan keselamatan pelajar dan persekitaran yang kondusif.

Bagi mengulas cadangan berhubung kawalan atau pemantauan dalam penetapan CGPA di peringkat IPTS, kementerian telah melaksanakan pemantauan menerusi *inspectorate* dan audit pematuhan. MQA turut menjalankan audit akreditasi bagi memastikan IPTS menjalankan pengajaran dan pembelajaran mengikut kualiti yang ditetapkan.

Pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar adalah berkaitan dengan punca atau faktor pengurangan bilangan IPTS. Beberapa tindakan rasionalisasi telah berjaya mengurangkan bilangan IPTS dan antaranya adalah penguatkuasaan yang lebih berkesan, *weeding out* atau *elimination*, dengan izin, tindakan pembatalan kelulusan penubuhan IPTS, kualiti IPTS dipantau dan sistem penilaian dan penarafan MyQUEST dan SETARA membolehkan pelajar membuat keputusan termaklum atau *inform decision*, dengan izin, dan moratorium bermula tahun 2012 dan dilanjutkan ke tahun 2020.

Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S.M. Omar juga ada sentuh tentang sebarang tindakan bagi mengikat penubuhan. Respons KPT adalah di mana sebuah syarikat perlu memohon untuk menubuhkan IPTS baru. Permohonan tersebut akan dinilai dan diteliti sama ada menepati keperluan kualiti, kemampuan kewangan dan daya saing. Lokasi juga diambil kira. Permohonan biasanya di Selangor dan Kuala Lumpur mendapat sambutan. Namun, terdapat juga beberapa IPTS yang dibuka di kawasan luar bandar Kuala Lumpur dan Selangor mengikut bidang tujuan atau *niche area* atau kebitaraan seperti pertanian dan maritim.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin, tadi saya sudah memberitahu bahawa moratorium penubuhan IPTS baru telah dilaksanakan sehingga Disember 2020 bagi mengikat penubuhan baharu sementara menguatkuasakan yang lebih ketat. Ini dibuat melalui pindaan Akta 555.

Berkaitan dengan kelewatan penempatan graduan perubatan perlu menunggu tempoh satu tahun, tempoh menunggu bagi penempatan *housemanship* adalah di bawah kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia. Salah satu langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi mengurangkan tempoh menunggu adalah melalui pelantikan *housemanship* secara kontrak dan insentif ini telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2017.

■1610

Yang Berhormat Senator Datuk Koh Chin Han...

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Boleh celah. Berapa bilangan yang diberi kontrak?

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu soalan yang spesifik dan saya tidak ada anggaran dan saya boleh jika diperlukan memberi jawapan dalam bentuk tulisan. Terima kasih.

Yang Berhormat Senator Datuk Koh Chin Han ada tanya yang berkaitan dengan di mana sesebuah IPTS menutup operasinya secara mengejut berikutan masalah kewangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat siapa itu tadi?

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Sorry.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ko Chin....

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Datuk Koh Chin Nan- Datuk Koh Chin Han. Maafkan saya dengan penuh tawaduk saya memohon maaf.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nama Yang Berhormat yang tadi sebut itu belum jadi Yang Berhormat Senator [Ketawa] Yang ada sini [Ketawa]

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Maafkan saya Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa, silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Untuk memelihara kebajikan pelajar sekiranya sesebuah IPTS ditutup.

Pindaan seksyen 61 membolehkan pihak kementerian untuk menetapkan satu tempoh masa yang sesuai bagi sesebuah IPTS khususnya syarikat yang diberi kelulusan untuk menubuhkan IPTS tersebut untuk memastikan kehendak yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian untuk penerusan pendidikan pelajar-pelajar IPTS berkenaan adalah dipatuhi dan dilaksanakan dan perkara ini ternyata akan membantu memastikan kebajikan para pelajar IPTS adalah terjamin khususnya dalam situasi di mana sesebuah IPTS menutup operasinya secara mengejut berikutan masalah kewangan dan ini termasuk menempatkan pelajar di IPTS yang bersesuaian dengan kemudahan permintaan jam kredit ber-graduate.

Yang Berhormat Senator Datuk Koh, saya takut nanti sebut nama salah lagi. Yang Berhormat Datuk Koh ada tanya yang berkaitan dengan pelajar antarabangsa yang terlibat dengan jenayah dan dadah dan saringan telah dilaksanakan sebelum pelajar antarabangsa memasuki negara dan bagi mengesahkan rekod jenayah pelajar sama ada di dalam atau di luar negara. Saringan selepas memasuki negara iaitu kesihatan- dari segi sekuriti bagi menilai kesihatan dan pemantauan secara berterusan IPTS yang mengambil pelajar antarabangsa dari semasa ke semasa dan pihak bukan hanya KPT tetapi pihak PDRM dan Jabatan Imigresen Malaysia boleh juga ambil tindakan kepada IPTS yang cuai dalam pengurusan pelajar antarabangsa dan juga permit pengambilan pelajar antarabangsa IPTS terbabit boleh dibatalkan.

Bagi memastikan pelajar antarabangsa yang masuk ke negara kita adalah di kalangan mereka yang mempunyai latar belakang yang baik. Satu sistem saringan pelajar yang sistematik merangkumi saringan akademik dan keselamatan telah pun dijalankan oleh pihak *Education Malaysia Global Services* dengan izin atau EMGS dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN). Kerjasama erat dengan pihak berkuat kuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta agensi penguat kuasa yang lain telah dilakukan dan bagi memastikan kebajikan dan

keselamatan pelajar terjamin di samping memberikan suasana pembelajaran yang lebih kondusif di IPT.

EMGS bersama dengan KPT telah membangunkan satu mekanisme pemantauan dan pengurusan kemasukan pelajar antarabangsa ke IPT Malaysia dengan cekap dan berkesan melalui sebuah sistem yang dikenali sebagai *Student Application and Registration System*, dengan izin, atau STARS iaitu sebuah aplikasi permohonan visa atas talian yang mampu untuk mengumpul maklumat yang komprehensif dan terkini. Ini juga di kemukakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat ada kemukakan tentang satu isu berkaitan dengan syarikat yang berkeupayaan dari aspek kewangan dan tadbir urus yang baik.

Pindaan seksyen 12 adalah selaras dengan dasar kementerian bagi menimbang sesebuah permohonan, penubuhan IPTS setelah meneliti sumber kewangan dan pihak pengurusan syarikat berkenaan. Hanya syarikat yang mempunyai sumber kewangan yang kukuh akan dibenarkan untuk menujuhkan sesebuah IPTS. Menerusi pindaan ini, pihak kementerian dapat memastikan bahawa hanya syarikat berhad menurut jaminan yang mempunyai sumber kewangan yang kukuh dan pengurusan yang baik diberi kelulusan untuk menujuhkan sesebuah IPTS seperti mana yang dilaksanakan oleh pihak kementerian kepada pemohon yang terdiri daripada syarikat berhad dengan saham. Pindaan ini juga membolehkan pihak kementerian menggalakkan tadbir urus syarikat yang baik dengan memastikan syarikat yang menujuhkan sesebuah IPTS memasukkan beberapa peruntukan dan perkara amalan tadbir urus yang baik seperti mana yang dikehendaki oleh pihak kementerian dalam M dan A syarikat tersebut.

Pindaan seksyen 12, Akta 555 khususnya seksyen 12(1A) adalah bagi memastikan hanya syarikat berhad menurut jaminan yang mempunyai sumber kewangan yang kukuh diberi kelulusan. Jadi ini adalah satu syarat yang begitu penting dan signifikan. Terma yayasan adalah rujuk kepada entiti yang sama iaitu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] dan sebagai contoh yayasan adalah sebuah syarikat berhad menurut jaminan. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat juga ada sentuh tentang gelaran akademik seperti ijazah doktor falsafah atau ijazah doktor kehormat yang tidak diiktiraf dan isu ini juga dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah tadi.

Seksyen 33A, dalam Akta 555 iaitu kewajipan untuk menyimpan daftar diperkenalkan oleh pihak kementerian dari segi aspek mengukuhkan pengawalan seliaan dan peruntukan seksyen ini mewajibkan pihak IPTS menyimpan dan menyediakan satu daftar lengkap yang mengandungi maklumat pelajar, pengajar, program-program pengajian, penerima ijazah kedoktoran dan kedoktoran terhormat termasuk juga senarai individu-individu yang dilantik sebagai profesor atau profesor emeritus dan sebagainya. Dengan ada daftar lengkap ini ia diyakini dapat membantu pihak kementerian dalam usaha membendung isu-isu berkaitan penggunaan gelaran akademik yang tidak diiktiraf. Selain itu senarai daftar yang disediakan ini akan direkodkan sebagai rujukan oleh pihak kerajaan.

Mekanisme yang diambil oleh KPT dalam membendung isu peralihan dan penjualan kelulusan akademik palsu secara atas talian atau penawaran sijil palsu. KPT membangunkan satu

pangkalan data bertujuan untuk mengumpul maklumat pemegang ijazah doktor falsafah di seluruh negara dari semua universiti awam.

■1620

Kedua, bekerjasama dengan SKMM dengan menyekat akses ke laman sesawang untuk menjalankan kegiatan penjualan sijil palsu di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia. Laporan polis supaya siasatan lanjut diambil terhadap individu yang terlibat dengan kegiatan pemalsuan sijil yang berpangkalan di dalam negara dan memupuk kesedaran dalam masyarakat supaya sentiasa berhati-hati dengan menyemak status sijil individu melalui MQA dan KPT sekiranya melibatkan institusi dalam negara. Semua IPTS yang berdaftar perlu mengikuti tempoh pengajian yang ditetapkan oleh MQA, termasuk peringkat PhD iaitu minimum tiga tahun pengajian.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat ada sentuh juga tentang memastikan bahawa kelulusan seorang pelajar adalah tulen. Jadi, saya sudah sentuh dan memang peruntukan seksyen 51, Akta 555, saya sudah beritahu bahawa seseorang individu perlu memohon untuk mendapat permit mengajar. Pihak KPT akan meneliti dan membuat siasatan sekiranya perlu bagi memastikan kelulusan individu tersebut adalah tulen.

Peruntukan seksyen 52 membolehkan pihak KPT membatalkan permit mengajar sekiranya individu tersebut didapati memberikan dokumen palsu. Bagi memastikan IPTS mematuhi peraturan ini, KPT sentiasa membuat pemantauan dan mengambil tindakan ke atas IPTS yang mengambil tenaga pengajar yang tidak diiktiraf. Dalam tempoh 2012 hingga 2016, sebanyak 103 kompaun telah dikeluarkan kepada IPTS-IPTS yang terbabit.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat ada bertanya tentang penggabungan IPTS yang kecil. Di sini memang pihak kerajaan amat menggalakkan untuk IPTS yang kecil untuk bergabung demi meningkatkan tahap kemampuan kewangan dan setakat ini permohonan yang diperoleh dari IPTS adalah lebih kepada perubahan ekuiti.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat ada bertanya tentang kriteria penubuhan IPTS dan kriteria naik taraf. Jadi, tidak ada penubuhan baru IPTS kerana sekarang kita masih dalam tempoh moratorium seperti yang saya sudah sebut tadi. Kriteria ada berkaitan dengan sesuatu IPTS yang memohon untuk naik taraf perlu mempunyai modal berbayar yang mencukupi. Kolej naik taraf ke kolej universiti modal berbayar adalah RM15 juta. Kolej universiti naik taraf universiti perlu modal berbayar RM20 juta. Peratusan kakitangan akademik yang mempunyai kelulusan PhD sekurang-kurangnya 30 peratus dan mempunyai 75 peratus program kursus telah mendapat akreditasi penuh dari MQA.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat- IPTS bergantung pada yuran pelajar, di mana yuran ini adalah dibayar oleh penajaan seperti PTPTN, MARA. Bagi pelajar yang tidak dapat membayar PTPTN, PTPTN sentiasa terbuka untuk berbincang. Terdapat beberapa kaedah penyelesaian, antaranya adalah untuk membenarkan penangguhan sehingga 24 bulan bagi peminjam yang tidak mendapat pekerjaan, membenarkan penstrukturkan semula pinjaman sehingga umur 60 tahun.

Apakah apabila penajaan pelajar ditamatkan ini menyebabkan pelajar tidak dapat bayar. Jadi, memang naratif untuk PTPTN adalah di mana PTPTN adalah membantu pelajar dan naratif yang

kedua adalah berkaitan dengan boleh berbincang dan yang ketiga adalah berkaitan dengan kesedaran tentang integriti dan tanggungjawab untuk pelajar-pelajar yang sudah meminjam, berdasarkan prinsip integriti, sudah pinjam mesti bayar balik. Akan tetapi banyak usaha sudah dijalankan oleh PTPTN untuk membantu pelajar untuk membayar, khasnya dari segi penstrukturran.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat bertanya adakah standard pensijilan sama antara IPTS dan IPTA adalah setaraf dan boleh dapat pekerjaan? Kadar kebolehan graduan IPTS pada tahun 2016 adalah sebanyak 72 peratus dan jumlah responden yang terlibat dalam kajian SKPG adalah seramai 93,191 orang iaitu 81.3 peratus daripada keseluruhan bilangan graduan IPTS pada tahun 2016. Ini sudah menunjukkan kadar kesahan dan kebolehannya kerana sampel untuk kajian ini cukup tinggi. Ini bawa satu *reliability, validity* dan *credibility* of kajian yang sudah dijalankan.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat ada sebut tentang insan kamil. Di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia untuk pendidikan tinggi tahun 2015 hingga tahun 2025, KPT telah menetapkan lonjakan satu untuk melahirkan graduan yang holistik, seimbang dan berciri atau bersifat keusahawanan. Ini telah diterjemahkan kepada penilaian yang menyeluruh terhadap graduan iaitu CGPA yang mengambil kira lapan elemen seperti etika dan sahsiah diri selain daripada pencapaian akademik.

Kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat, Kementerian Pendidikan Tinggi mengucapkan terima kasih sepanjang sokongan dan cadangan untuk menambah baik dan semoga Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat sentiasa cemerlang dan maju jaya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim bertanya berapa IPTS sebelum PTPTN dan berapa IPTS selepas PTPTN diwujudkan. Pertumbuhan bilangan IPTS tidak bergantung secara langsung dengan penubuhan PTPTN. Ia adalah sebagai *compliment* kepada IPTA bagi menjamin akses pendidikan tinggi kepada rakyat. PTPTN ditubuhkan pada tahun 1996 dan sebelum tahun 1996, terdapat kira-kira 200 IPTS. Pada masa ini, ada sebanyak 495 buah IPTS yang berdaftar.

Perkara yang disebut ada berkaitan dengan pelajar antarabangsa, khususnya pelajar dari Nigeria. Jadi, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim, setakat 7 Mac 2017, EMGS telah berjaya mengesan pelajar yang tidak tulen untuk permohonan ke IPTS tempatan. Sebanyak 796 permohonan atau 16 peratus dari 4,939 permohonan yang ditolak dan tidak disokong oleh EMGS untuk mendapatkan visa pelajar. Ini ada berkaitan dengan tidak berkelayakan untuk masuk akademik dan kesihatan yang ada isu juga. Selain daripada itu, ada isu yang berkaitan dengan *security*.

■1630

Tuan Yang di-Pertua, dari Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim ada menyebut tentang pelajar-pelajar lepasan diploma kejuruteraan politeknik dan IPTS yang mendapat pemindahan kredit yang minimum semasa menyambung pengajian di peringkat ijazah. Pemindahan kredit secara vertikal itu dari peringkat rendah ke peringkat yang lebih tinggi adalah dibenarkan berasaskan kepada pemetaan kursus atau *subject to subject mapping*, dengan izin, dan syarat umum pindah kredit adalah seperti berikut gred lulus, gred minimum, gred 'C', nilai kredit sama di PPT penerima dan kesetaraan kurikulum kursus tidak kurang 80 peratus kursus yang boleh dipindahkan kredit hendaklah daripada

program yang telah mendapat akreditasi atau pengiktirafan dari badan yang berautoriti di negara berkenaan. Walau bagaimanapun pindahan kredit dari diploma ke ijazah sarjana muda dibenarkan hingga 30 peratus daripada jumlah kredit program yang diikuti.

Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim ini juga adalah berkaitan dengan pengiktirafan sijil yang dikeluarkan oleh INSPEL. Untuk makluman Yang Berhormat INSPEL adalah pusat latihan di bawah Kementerian Kewangan tetapi tidak berdaftar sebagai IPTS di bawah Akta 555. Sekiranya sesebuah IPTS ingin memohon program pengajian yang baru, ia hendaklah kemukakan permohonan akreditasi kepada MQA.

Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim ada menyebut tentang isu *Alliance University* yang terpaksa ditutup di mana pelajar perlu ditempatkan semula di IPTS yang lain namun semua pelajar tidak dapat menyambung pengajian di tempat baru yang ditawarkan. Apakah langkah kementerian untuk membantu *Alliance University*? Bagi tujuan menjaga kebijakan pelajar, kementerian dengan kerjasama badan-badan profesional dan agensi berkepentingan telah membuat pemetaan pelajar ke IPTS penerima secara berperingkat sejak 20 Disember 2014 hingga 14 Februari 2016 bagi memastikan kelangsungan pengajian mereka. AUCMS kini tidak lagi beroperasi setelah syarikat yang memilikinya telah mendapat perintah pengurungan Mahkamah Tinggi, Georgetown pada 16 Disember 2015.

Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim ada menyebut tentang bilangan pelajar IPTS yang menjadi sebagai penagih dadah dan pengedar dadah ada tiga tahun yang lepas. Untuk makluman, berkaitan dengan penagihan dan pengedaran dadah di IPT adalah belum makluman dari pihak AADK atau anti agen yang berkaitan dengan dadah dan PDRM dari pihak polis. Walau bagaimanapun, kementerian ingin menegaskan bahawa gejala penagih dadah amat dipandang serius kerana ia adalah musuh nombor satu negara kita. KPT sentiasa mengadakan kerjasama yang erat dengan PDRM dan AADK untuk memantau dan menguatkuasakan peraturan sedia ada IPTS supaya pelajar tidak lagi terjebak dengan gejala ini.

Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah ada menyentuh tentang pengisian kurikulum yang mempunyai elemen sivik dan kenegaraan. Sebenarnya semua IPTS diwajibkan menawarkan pelajaran umum atau MPU yang turut merangkumi elemen-elemen sivik, integriti, etika, kenegaraan dan sebagainya seperti yang saya sudah jawab tadi. Bagi pertanyaan berkaitan bilangan IPTS yang menutup operasi hingga menjelaskan kebijakan pelajar, saya telah jawab seperti yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin tadi, jawapannya adalah 81 buah.

Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah ada bertanya berkaitan dengan penalti am dan pindaan seksyen 82, Akta 555 adalah bertujuan untuk menjadikan sesuatu kesalahan jika terdapat pelanggaran atau ketidakpatuhan mana-mana peruntukan Akta 555. Walau bagaimanapun tidak diperuntukkan dengan nyata dan pindaan ini juga adalah bertujuan untuk memperuntukkan penalti yang akan terpakai bagi semua kesalahan yang tiada penalti dinyatakan dengan jelas dalam Akta 555. Pindaan ini juga akan meningkatkan jumlah seperti yang saya sudah beritahu bahawa ini tidak melebihi RM10,000 kepada RM50,000. Peningkatan jumlah denda ini adalah berasas memandangkan jumlah denda tersebut tidak dipinda sejak tahun 2009. Selain itu, peningkatan jumlah

denda ini akan mengukuhkan pengawalseliaan pihak kementerian di mana menerusi pindaan ini ia akan memastikan pihak IPTS mematuhi peruntukan-peruntukan Akta 555.

Bagi isu penutupan IPTS secara mengejut untuk kebaikan pelajar yang terbabit tidak dipedulikan oleh pihak IPTS, seksyen 61, Akta 555 memperuntukkan denda yang lebih tinggi iaitu RM200,000 atau penjara selama dua tahun. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 32 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Chong Sin Woon) dan diluluskan]*

■1640

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI 2017

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**4.41 ptg.**

**Timbalan Menteri Sumber Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:**  
*Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam Negaraku Malaysia.*

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 iaitu suatu akta di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi melaksanakan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri untuk orang bekerja sendiri dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adalah menjadi hasrat kerajaan untuk memberi perlindungan keselamatan sosial kepada pemilik tunggal, penjaja atau orang yang bekerja sendiri selaras dengan prinsip keadilan sosial sejagat seperti mana yang digariskan di bawah Artikel 23, Deklarasi Hak Asasi Manusia 1948, Konvensyen 102, Pertubuhan Buruh Antarabangsa

(ILO) berkenaan *Social Security Minimum Standards 1952* dan Rekomendasi 202 (R202 ILO) mengenai *Social Security Protection Floor 2012*.

Selaras dengan hasrat dan aspirasi kerajaan, Kementerian Sumber Manusia telah mengambil inisiatif mengkaji dan memperhalusi usaha-usaha untuk memperluaskan jaringan perlindungan keselamatan sosial kepada golongan orang bekerja sendiri yang tidak terikat dengan apa-apa kontrak perkhidmatan dengan mana-mana majikan serta tidak dilindungi di bawah sebarang skim yang menjurus kepada perlindungan keselamatan sosial.

Sebagai langkah awal dalam merealisasikan hasrat ini, pihak kementerian telah mencadangkan pewujudan skim keselamatan sosial pekerjaan sendiri bagi bencana kerja kepada pemandu teksi yang bekerja secara individu atau sendiri yang menjalankan perkhidmatan seumpamanya. Ini merupakan langkah permulaan dalam usaha kementerian melindungi kategori golongan yang bekerja sendiri sebelum perlindungan seumpama ini dipanjangkan kepada sektor informal yang lain. Memandangkan bilangan pemandu teksi yang bekerja sendiri adalah ramai maka kerajaan merasakan terdapat keperluan untuk mewujudkan skim keselamatan sosial kepada pemandu teksi ini.

Berdasarkan statistik Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) sehingga April tahun 2016 sebanyak 73,662 lesen mengikut kategori kereta sewa, teksi bajet, teksi eksekutif, limousin dan teksi lapangan terbang telah dikeluarkan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Cadangan untuk memperkenalkan skim ini kepada kategori pekerjaan pemandu teksi yang bekerja sendiri sebagai permulaan kepada skim keselamatan sosial pekerjaan sendiri adalah mengambil kira faktor-faktor seperti berikut:

- (i) kebarangkalian orang yang menjalani yang menjalankan aktiviti pekerjaan sendiri dalam kategori ini terlibat dalam kemalangan jalan raya adalah tinggi dan hanya segelintir yang dilindungi di bawah skim insurans peribadi; dan
- (ii) penyakit atau kematian yang terlibat daripada aktiviti pekerjaan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pengumuman cadangan pewujudan skim keselamatan sosial bagi melindungi pemandu teksi yang bekerja sendiri juga telah diumumkan oleh kerajaan pada 1 Julai 2012. Kerajaan juga telah memperuntukkan RM60 juta semasa pembentangan Bajet 2017 pada 21 Oktober 2016 sebagai geran pelancaran bagi melaksanakan Skim Perlindungan Keselamatan Sosial untuk pemandu teksi yang bekerja sendiri.

PERKESO melalui Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2016 [Akta A1508] telah diberi kuasa untuk meluaskan skim keselamatan sosial bagi membolehkan pelaksanaan skim keselamatan sosial pekerjaan sendiri dengan merangka Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri. Ini bagi meliputi orang bekerja sendiri seperti pemandu teksi yg bekerja sendiri serta lain-lain kategori pekerjaan yang seumpamanya dalam perusahaan aktiviti pekerjaan sendiri merangkumi konteks *self-employed*, dengan izin, dilindungi akibat bencana kerja.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini untuk bacaan kali pertama pada 4 April 2017. Rang undang-undang ini mengandungi 11 bahagian, 89 fasal dan dua jadual di mana perincian rang undang-undang ini adalah seperti berikut:

Bahagian I mengandungi fasal 1 hingga 3 berkenaan permulaan di mana fasal 1 memperuntukkan tajuk ringkas, takat dan tarikh berkuat kuasa.

Fasal 2 memperuntukkan pemakaian rang undang-undang manakala fasal 3 memperuntukkan tafsiran. Perincian fasal 1 dan 2 rang undang-undang ini adalah:

- (a) skim bencana kerja terpakai bagi aktiviti pekerjaan sendiri mengikut Jadual Pertama yang merangkumi perusahaan pemandu teksi yang bekerja sendiri atau individu yang menjalankan perkhidmatan seumpamanya.

Pemakaian rang undang-undang ini akan tertakluk kepada warganegara Malaysia dan pemastautin tetap.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, selain daripada pemandu teksi yang bekerja sendiri mana-mana individu yang menjalankan perkhidmatan *Uber* dan *GrabCar* adalah juga layak dilindungi di bawah skim ini melalui Jadual Pertama.

Fasal 3 rang undang-undang ini memperuntukkan tafsiran yang mengandungi 29 perenggan. Antara tafsiran utama adalah, "Caruman" ertiannya jumlah wang yang kena dibayar kepada pertubuhan oleh orang berinsurans bekerja sendiri mengikut peruntukan rang undang-undang. Tafsiran ini menghendaki orang berinsurans bekerja sendiri membayar jumlah caruman secara prabayar, *prepaid* kepada kadar yang ditetapkan di Jadual Kedua melalui peraturan-peraturan khusus.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kadar caruman yang ditetapkan adalah sebanyak 1.25 peratus daripada pendapatan yang diinsuranskan.

"Tempoh perlindungan" ertiannya apa-apa tempoh sehingga 12 bulan berturut-turut yang berkuat kuasa daripada tarikh dan masa caruman telah dibayar oleh orang yang berinsurans bekerja sendiri dan tamat pada tarikh dan masa yang ditetapkan. Tafsiran ini menetapkan bahawa tempoh perlindungan akan bermula pada tarikh dan masa bayaran caruman telah dijelaskan yang mana tempoh tersebut boleh meliputi tempoh sehingga 12 bulan.

"Kumpulan wang" ertiannya Kumpulan Wang Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri yang ditubuhkan di bawah fasal 45 rang undang-undang ini. Tafsiran ini bertujuan menubuhkan kumpulan wang bagi mentadbir dan mengurus semua bayaran caruman atau lain-lain pendapatan berkaitan skim ini.

"Perusahaan" ertiannya termasuklah apa-apa perniagaan, perdagangan, pengusahaan, perkilangan atau pekerjaan sendiri yang dinyatakan dalam Jadual Pertama. Tafsiran ini menjelaskan bahawa perusahaan pekerjaan sendiri yang terpakai untuk dilindungi di bawah Skim Bencana Kerja adalah perusahaan yang ditetapkan oleh Menteri dalam Jadual Pertama.

"Penilai Perubatan" ertiinya orang yang dilantik di bawah peraturan untuk tujuan rang undang-undang ini. Tafsiran ini bertujuan memberi kuasa kepada pertubuhan untuk melantik Penilai Perubatan melalui peraturan-peraturan. Penilai Perubatan yang dilantik adalah pekhidmat PERKESO atau lantikan luar yang terdiri daripada pegawai perubatan kerajaan atau swasta yang membuat keputusan berkaitan penentuan hilang upaya atau penyakit pekerjaan.

"Orang berinsurans bekerja sendiri" ertiinya mana-mana orang bekerja sendiri yang telah berdaftar dengan pertubuhan dan telah membayar caruman mengikut perusahaan yang rang undang-undang ini terpakai.

"Bencana pekerjaan sendiri" ertinya apa-apa kecederaan diri kepada orang yang berinsurans bekerja sendiri yang disebabkan oleh kemalangan atau penyakit pekerjaan yang terlibat daripada dan dalam masa menjalankan pekerjaan sendirinya. Tafsiran ini menetapkan bahawa liputan perlindungan skim ini adalah berkait dengan kemalangan atau penyakit pekerjaan yang dijalankan oleh orang berinsurans bekerja sendiri dan bukannya kemalangan yang terlibat daripada aktiviti peribadi.

Bahagian II mengandungi fasal 4 hingga fasal 7 yang memperuntukkan perkara berkaitan pentadbiran Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri oleh PERKESO di mana Lembaga PERKESO mempunyai kawalan dan arahan am dalam pentadbiran dan pelaksanaan Skim Bencana Kerja.

Bahagian III mengandungi fasal 8 hingga fasal 9 berkaitan jawatankuasa-jawatankuasa yang memperincikan penubuhan Jawatankuasa Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri, pelantikan keanggotaan, fungsi dan kuasa, tempoh jawatan, mesyuarat dan yang berkaitan dengannya.

#### ■1650

Bahagian IV mengandungi fasal 10 hingga fasal 14 yang memperuntukkan perkara berkaitan pelaksanaan, pendaftaran dan caruman kepada orang bekerja sendiri yang layak dilindungi untuk diinsuranskan. Perincian fasal 10 hingga fasal 14 rang undang-undang ini adalah:

- (a) penetapan pemakaian skim bagi orang bekerja sendiri dalam perusahaan atau aktiviti di dalam perusahaan tersebut melalui kuasa Menteri dengan perwartaan peraturan-peraturan spesifik kepada orang berinsurans bekerja sendiri seperti pemandu teksi yang bekerja sendiri atau individu yang menjalankan perkhidmatan seumpamanya yang menjalankan perusahaan seperti di Jadual Pertama;
- (b) orang berinsurans bekerja sendiri dikehendaki mendaftar dengan pertubuhan dan akan dilindungi mulai daripada tarikh dan masa caruman dibayar secara prabayar atau *prepaid*, dengan izin, mengikut pilihan bagi tempoh perlindungan yang ditetapkan. Mana-mana orang berinsurans bekerja sendiri yang gagal mendaftar dengan pertubuhan adalah melakukan satu kesalahan yang boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali;
- (c) bayaran caruman boleh dibayar kepada pertubuhan melalui ejen yang dilantik tertakluk kepada pengesahan pertubuhan atau dibayar terus kepada pertubuhan; dan
- (d) pertubuhan boleh menetapkan sama ada sesuatu aktiviti yang dijalankan oleh mana-mana orang adalah tertakluk kepada maksud pekerjaan sendiri di bawah akta. Selain itu pertubuhan diberi kuasa untuk menolak tuntutan faedah jika bencana pekerjaan sendiri berlaku di luar liputan tempoh perlindungan atau tuntutan dibuat selepas 72 bulan daripada tarikh kemalangan berlaku atau penyakit pekerjaan dimaklumkan oleh pegawai perubatan.

Bahagian V mengandungi fasal 15 hingga fasal 38 yang memperuntukkan tuntutan faedah dan kemudahan di bawah rang undang-undang ini. Mana-mana tuntutan faedah atau kemudahan hendaklah dikemukakan kepada pertubuhan mengikut cara dan keterangan sokongan yang ditetapkan melalui peraturan. Faedah-faedah atau kemudahan yang diberi kepada orang berinsurans bekerja sendiri sekiranya mengalami kemalangan atau penyakit pekerjaan semasa menjalankan pekerjaan sendiri adalah seperti berikut:

- (a) faedah hilang upaya sementara iaitu di bawah fasal 17;
- (b) faedah hilang upaya kekal di bawah fasal 18;
- (c) faedah orang tanggungan di bawah fasal 19;
- (d) faedah pengurusan mayat di bawah fasal 20;
- (e) faedah elaun layanan sentiasa di bawah fasal 21;
- (f) faedah perubatan di bawah fasal 22;
- (g) kemudahan pemulihan fizikal dan vokasional atau dialisis di bawah fasal 24;
- (h) kemudahan kembali bekerja atau *return to work* di bawah fasal 24; dan
- (i) faedah pendidikan di bawah fasal 25.

Manakala lain-lain peruntukan utama dalam Bahagian V ini adalah di bawah fasal-fasal seperti berikut.

Fasal 29 yang memperuntukkan bahawa bayaran faedah hilang upaya kekal atau hilang upaya langsung kekal boleh dibayar secara pukal bagi jumlah yang tertentu mengikut pilihan orang yang berinsurans bekerja sendiri dan bakinya sekiranya ada akan dibayar secara berkala pada setiap bulan sepanjang hayat.

Fasal 35 memperuntukkan jika terdapat bayaran faedah kepada orang yang berinsurans bekerja sendiri yang telah meninggal dunia tetapi belum sempat menerima faedah tersebut maka faedah tersebut akan dibayar kepada orang tanggungan atau perwakilan sah kepada orang berinsurans bekerja sendiri tersebut.

Fasal 38 yang menetapkan bahawa orang berinsurans bekerja sendiri atau orang tanggungannya layak mendapat pence n ilat atau pence n penakat manakala mengikut mana yang berkenaan di samping faedah di bawah rang undang-undang ini jika kedua-dua faedah dan pence n tersebut disebabkan oleh hilang upaya yang sama bagi tempoh yang sama.

Bahagian VI mengandungi fasal 39 hingga fasal 44 adalah berkenaan keputusan semakan dan rayuan di mana antara perincian peruntukan utama adalah seperti berikut.

Fasal 39, dan 40, memperuntukkan kuasa untuk memutuskan persoalan hilang upaya atau penyakit pekerjaan akibat bencana kerja orang berinsurans bekerja sendiri yang menuntut faedah adalah dibuat oleh penilai perubatan yang akan memeriksa orang yang berinsurans bekerja sendiri ini berdasarkan keterangan sedia ada mengikut peraturan-peraturan dan mengemukakan laporan hasil pemeriksaan kepada pertubuhan untuk tindakan lanjut.

Fasal 41 memberi kuasa pertubuhan untuk merujuk persoalan hilang upaya atau penyakit pekerjaan bagi maksud semakan kepada penilai perubatan. Sekiranya orang berinsurans bekerja sendiri atau pertubuhan tidak berpuas hati dengan keputusan penilai perubatan maka mana-mana pihak boleh merayu pada Jemaah Doktor Rayuan berkaitan isu berkenaan.

Fasal 43 memperuntukkan kuasa bagi pertubuhan atau orang berinsurans bekerja sendiri untuk membuat permohonan bagi semakan semula keputusan yang dibuat oleh penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan sekiranya terdapat keterangan baru yang tidak dikemukakan semasa penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan membuat keputusannya.

Fasal 44 memberi kuasa kepada pertubuhan untuk semakan semula faedah orang tanggungan sekiranya terdapat keterangan baru berkaitan orang tanggungan dan pertubuhan boleh sama ada meneruskan, menambah, mengurangkan atau menghentikan faedah orang tanggungan berdasarkan kepada keterangan yang terbaru tersebut.

Bahagian VII mengandungi fasal 45 hingga 57 berkenaan peruntukan kewangan di mana antara perincian peruntukan utama adalah seperti berikut.

Fasal 45 hingga 47 memperuntukkan bagi penubuhan Kumpulan Wang Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri yang ditadbir oleh pertubuhan. Semua pendapatan dari apa-apa kutipan bayaran sendiri, caruman, pulangan pelaburan dan lain-lain lagi dimasukkan ke dalam kumpulan wang ini serta perbelanjaan, pembayaran faedah, kemudahan pentadbiran atau lain-lain lagi yang dibenarkan untuk digunakan daripada kumpulan wang.

Fasal 49 memberi kuasa kumpulan wang digunakan untuk tujuan pelaburan sekiranya terdapat peruntukan yang tidak perlu dibelanjakan dengan segera setelah Menteri berunding dengan Menteri Kewangan berkaitan prosedur pelaburan yang berkenaan dengannya.

Fasal 51 hingga 55 memperuntukkan anggaran belanjawan, penyelenggaraan akaun dan rekod serta penyata akaun hendaklah dirujuk kepada Menteri bagi kelulusan untuk tahun kewangan berkenaan.

Selain itu fasal 53 menyatakan akaun pertubuhan berkenaan kumpulan wang ini adalah diaudit setiap tahun oleh Ketua Audit Negara. Menteri boleh mengarahkan Lembaga supaya menghantar salinan laporan juruaudit serta pandangan kepada jabatan kerajaan atau Ketua Audit Negara.

Fasal 54 dan 55 menghendaki Lembaga menghantar kepada Menteri laporan tahunan dan aktiviti pertubuhan setiap tahun serta laporan tahunan dan akaun yang diaudit akan dibentangkan kepada kedua-dua Dewan Parlimen dan negara.

Fasal 57 memperuntukkan kepada seseorang anggota atau perkhidmatan pertubuhan boleh dikenakan tindakan surcaj oleh Lembaga sekiranya berlaku apa-apa kekurangan, kerugian atau nilai harta yang musnah akibat kegagalan anggota atau perkhidmatan dalam melaksanakan tanggungjawab mereka seperti melalui potongan gaji.

Bahagian VIII mengandungi fasal 58 hingga 67 berkenaan Tribunal Keselamatan Sosial di mana antara perincian peruntukan utama adalah seperti berikut.

Fasal 58 sehingga 62 memperuntukkan penubuhan Tribunal Keselamatan Sosial, perkara yang boleh diputuskan, permulaan prosiding, tatacara prosiding dan kuasa Tribunal untuk mendengar apa-apa pertikaian atau rayuan yang dibangkitkan oleh pertubuhan atau orang berinsurans bekerja sendiri.

Fasal 63 membenarkan orang berinsurans bekerja sendiri untuk hadir sama ada sendiri atau melalui pengamal undang-undang atau oleh mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya atau yang

dibenarkan oleh Tribunal bagi pihaknya untuk berhujah dan mengemukakan keterangan di hadapan Tribunal.

Sekiranya mana-mana pihak tidak berpuas hati dengan keputusan Tribunal, pihak yang berkenaan boleh merayu kepada Mahkamah Tinggi di bawah fasal 66 dan apa-apa bayaran faedah akan dibuat selepas rayuan tersebut diputuskan oleh Mahkamah Tinggi.

Bahagian IX mengandungi fasal 68 hingga fasal 70 berkenaan penguatkuasaan dan penyiasatan.

Fasal 68 dan fasal 69 memberi kuasa kepada Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah atau Pemeriksa untuk menjalankan penguatkuasaan, pemeriksaan dan penyiasatan sebagaimana anggota polis yang diperuntukkan dalam kod tatacara jenayah Akta 593. Dalam hal ini, pemeriksa akan dibekalkan dengan kuasa mencukupi untuk menyiasat sebarang pelanggaran undang-undang dan menguatkuasakan pelaksanaannya mengikut rang undang-undang ini.

Bahagian X mengandungi fasal 71 sehingga 75 iaitu berkenaan kesalahan dan penalti yang antaranya adalah seperti berikut.

Fasal 71 memperuntukkan kesalahan berkaitan memberi maklumat atau dokumen palsu atau tidak benar termasuk menandatangani apa-apa dokumen yang diperlukan di bawah rang undang-undang dan penalti bagi kesalahan ini jika disabitkan adalah dihukum penjara tidak lebih dua tahun atau didenda tidak lebih RM10,000 atau kedua-duanya sekali.

Fasal 72 memberi kuasa kepada mahkamah untuk mengeluarkan perintah terhadap egen keselamatan sosial pekerjaan sendiri yang telah didapati bersalah di bawah fasal 71 yang menyebabkan tiada bayaran caruman diterima oleh pertubuhan atau faedah diterima oleh orang berinsurans bekerja sendiri secara tidak betul dikehendaki membayar balik caruman atau faedah akibat perbuatan kesalahan tersebut.

#### ■1700

Fasal 74 dan 75 memperuntukkan kuasa pendakwaan dan mengkompaun kesalahan di bawah rang undang-undang ini boleh dilaksanakan dengan syarat mendapat keizinan bertulis daripada pendakwa raya mengikut peraturan-peraturan jika berkaitan. Bahagian XI mengandungi fasal 76 hingga fasal 89 berkenaan perkara am antaranya seperti berikut.

Fasal 76 dan 77 masing-masing memberi kuasa kepada Pertubuhan untuk melantik agen bagi mengutip semula apa-apa tunggakan bayaran kepada Pertubuhan atau melantik juruaudit aktuari, penasihat teknikal, bank, broker saham, juru perunding atau mana-mana orang untuk membantu Pertubuhan dalam melaksanakan fungsinya;

Fasal 78 dan 79 memperuntukkan Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Pemeriksa, pengkhidmat atau anggota boleh dibayar emolumen atau berkaitan dengannya jika menjalankan tugas-tugas dan fungsi di bawah rang undang-undang ini melalui Kumpulan Wang dan dianggap sebagai pengkhidmat awam mengikut Kanun Keseksaan apabila melakukan tugas di bawah rang undang-undang ini;

Fasal 80 memberi kuasa kepada Pertubuhan dengan kebenaran daripada Menteri dan Menteri Kewangan untuk menubuhkan atau mengambil alih syarikat di bawah Akta Syarikat 2016,

Akta 777 bagi melaksanakan apa-apa tindakan yang dibenarkan dan telah dirancang untuk dilaksanakan oleh Pertubuhan di bawah rang undang-undang ini;

Fasal 81 memberi kuasa kepada Menteri untuk mewartakan melalui perintah tertakluk kepada terma dan syarat mengecualikan aktiviti pekerjaan sendiri atau orang bekerja sendiri daripada peruntukan rang undang-undang ini atau peraturan di bawahnya;

Fasal 83 pula memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan yang perlu bagi melaksanakan rang undang-undang ini termasuk bagi perkara-perkara yang telah disenaraikan seperti pelantikan Jawatankuasa Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri, hal kewangan, prosedur tribunal, perkara berkaitan faedah termasuk pengiraan, penetapan kelayakan tafsiran, kelayakan orang tanggungan dan sebagainya. Menteri juga diberi kuasa untuk meminda Jadual melalui Perintah yang diwartakan;

Fasal 85 memberi kuasa kepada Lembaga untuk mengesyorkan kepada Menteri bagi mengubah apa-apa nilai faedah tunai akibat daripada perubahan kos sara hidup yang mengambil kira kajian aktuari dan Dasar Keselamatan Sosial kerajaan;

Fasal 87 memberi kuasa kepada Pertubuhan untuk berurus dengan orang berinsurans bekerja sendiri atau pihak-pihak yang berkaitan melalui medium elektronik termasuklah perkhidmatan pembayaran caruman dan penyerahan dokumen bagi tuntutan dan kemudahan faedah; dan

Fasal 89 memperuntukkan kuasa kepada Pertubuhan untuk menganjurkan langkah atau bekerjasama dengan mana-mana institusi bagi memperbaiki kesihatan, keselamatan pekerjaan, kebijakan dan pemulihan orang berinsurans bekerja sendiri. Ini termasuklah menyediakan anggota badan palsu dan alat-alat termasuk peluang untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai.

Rang undang-undang ini juga mempunyai dua Jadual iaitu seperti berikut.

Jadual Pertama memperuntukkan tafsiran perusahaan yang mana rang undang-undang ini adalah terpakai iaitu perkhidmatan membawa penumpang sama ada menggunakan kenderaan pengangkutan awam atau kenderaan bermotor sama ada yang dipunyai oleh orang tersebut atau tidak termasuk kenderaan yang disewa atau yang berbayar. Walau bagaimanapun, ia tidak meliputi pemandu yang diambil bekerja sebagai pengkhidmat domestik; dan

Jadual Kedua yang memperuntukkan kadar caruman, faedah hilang upaya dan faedah orang tanggungan yang akan terpakai kepada mana-mana orang berinsurans, bekerja sendiri di bawah rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat sekalian, sebagai kesimpulan, Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 adalah perlu bagi memastikan perlindungan jaringan keselamatan sosial dapat diperluaskan kepada setiap lapisan rakyat Malaysia khususnya kepada mereka yang bekerja sendiri dan mencari nafkah dalam sektor informal.

Rang undang-undang yang dicadangkan ini juga bertujuan memastikan perlindungan keselamatan sosial pemandu teksi yang bekerja sendiri atau individu yang menjalankan perkhidmatan seumpamanya diliputi selaras dengan perkembangan terkini sosioekonomi negara. Di samping hasrat kerajaan untuk menjaga kebijakan dan meningkatkan kualiti kesejahteraan hidup rakyat. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Chong Sin Woon]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi mengadakan peruntukan bagi Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali sekarang dan terbuka untuk bahas. Silakan Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan.

#### **5.06 ptg.**

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang menyertai perbahasaan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017. Saya mewakili golongan OKU di Dewan yang mulia ini amat mengalu-alukan rang undang-undang ini.

Ini adalah kerana kalau kita lihat secara keseluruhan, di antara bekerja dengan majikan dan bekerja sendiri, kita dapatkan lebih ramai OKU pilih untuk bekerja sendiri. Kadang-kadang bukan pilihan. Kadang-kadang ia adalah disebabkan oleh keadaan sekeliling yang menyebabkan mereka memilih kerja sendiri. Antara sebab yang menjadikan mereka begitu ialah kerana tidak dapat akses untuk mendapatkan pendidikan formal dan ini menyebabkan mereka tidak ada kelayakan akademik untuk memasuki pasaran pekerjaan terbuka. Justeru itu, mereka menjadi peniaga-peniaga kecil ataupun menjalankan perniagaan lain dari rumah atau di gerai ataupun dengan menggunakan IT sekarang melalui secara *online* juga.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tercetusnya *fourth industrial revolution*, kita telah memasuki satu alam baru di mana banyak perkara-perkara dilakukan melalui proses digital dan juga *online*. Jadi *digital economy* adalah sesuatu yang baru yang membawa banyak peluang pekerjaan bagi OKU untuk kerja bersendiri. Mereka boleh mencebur *e-business* ataupun guna kemudahan digital ini untuk menyara hidup mereka. Kalau kita lihat kepada rang undang-undang ini, sudah pasti ia tidak merangkumi ataupun tidak memberi perlindungan kepada Orang Kurang Upaya seperti mana yang dihuraikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, pada mulanya ia akan hanya meliputi pemandu teksi.

Diharapkan pada masa yang akan datang, ia juga meliputi dan memberi perlindungan kepada OKU yang bekerja sendiri. Saya ingin menerangkan sedikit di mana seorang OKU pun sudah ada satu kondisi atau suatu keadaan di mana ia ada *medical condition* yang menyebabkan kekurangan atau kecacatan fizikal ataupun *sensory*.

Jadi dia juga boleh terdedah kepada situasi di mana yang mungkin mengalami kemalangan yang kedua ataupun disebabkan oleh penyakit pekerjaan, mengalami satu lagi tahap kekurangan upaya fizikal atau *sensory*. Jadi saya harap perkara-perkara ini akan diambil kira apabila kita akan bincangkan perkembangan ataupun penambahbaikan pada rang undang-undang ini.

Sebagai contoh, saya merujuk kepada fasal 24 yang berkata, ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa Pertubuhan boleh memberikan kemudahan dan pemulihan jasmani atau vokasional atau dialisis atau orang berinsurans bekerja sendiri yang diperakukan oleh Pertubuhan mengalami bencana pekerjaan sendiri termasuklah pemasangan alat *prostetik*, *ortotik* dan lain-lain.

**■1710**

Ini kita sudah tahu pasti merujuk kepada orang yang tidak ada kekurangan, tidak ada mengalami sebarang kecacatan tetapi sebagai seorang berinsurans yang bekerja sendiri, dia mengalami dan baru dia boleh dapat kemudahan ini. Jadi apa yang saya ingin nampak dalam sebagai penambahan ataupun perkembangan rang undang-undang ini ialah juga untuk memasukkan pekerja yang mula pekerjaan sendiri itu, pada tahap pertama itu dia sebagai seorang OKU, dia ada kekurangan.

Mungkin dia tidak ada kaki, dia tidak ada tangan dan dia bekerja sendiri dan mungkin apabila dia keluar pergi nak pergi ke gerai atau pergi menaiki bas dalam perjalanan untuk pergi kerja, dia ditimpa kemalangan, dilanggar oleh bas kah, dilanggar oleh kereta kah dan akan mengalami kecacatan satu kedudukan yang lebih teruk. Adakah dia akan dilindungi juga di bawah akta ini? Satu contoh lain, seorang buta yang jatuh ke dalam longkang dalam perjalanan ke kerja, adakah akibat daripada itu, dia masuk ke hospital dan dia harus melalui pembedahan atau rawatan dan adakah dia akan dilindungi oleh rang undang-undang ini juga?

Juga fasal 37 yang memperkatakan keadaan jika seseorang mengalami hilang upaya kekal akibat daripada dua atau lebih kemalangan berturut-turut yang seperti saya sebutkan tadi ya. Dia hanya akan berhak untuk menerima faedah hilang upaya kekal tidak melebihi kadar harian. Jadi mungkin kita patut semak semula dan mungkin apabila kita merangkumi pekerja berinsurans bekerja sendiri itu yang terdiri daripada OKU. So, mungkin ini harus ditambah baik.

Juga dalam rang undang-undang ini, ada juga rujukan kepada senarai penyakit pekerjaan seperti mana yang terdapat dalam Jadual Kelima Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan senarai penyakit pekerjaan itu juga mungkin harus disemak juga supaya ia memberi perlindungan kepada OKU yang bekerja sendiri. Antara penyakit pekerjaan yang boleh berlaku ialah kemungkinan sebab ia menggunakan *laptop* dengan menggunakan tangan dia berulang-ulang kali dan mungkin dia mengalami *carpal tunnel syndrome* ataupun mungkin ada kelemahan yang sedia ada dan ia akan menambah kelemahan disebabkan penyakit pekerjaan ini ataupun bagi mereka yang lumpuh akibat *spinal injury* ataupun strok yang mungkin kalau dia duduk lama sangat, mungkin akan mengalami kudis di tangan ataupun *pressure sores* dalam bahasa Inggerisnya dan mungkinkah ini boleh diklasifikasikan sebagai walaupun ia *secondary complication*, bolehkah ia dikaitkan dengan boleh disenaraikan sebagai penyakit pekerjaan.

Jadi, saya minta perkara-perkara ini diambil kira apabila kita meluaskan rang undang-undang ini untuk melindungi pihak-pihak lain selain daripada *driver* teksi yang disebutkan tadi. Jadi dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah.

### 5.14 ptg.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menyentuh peruntukan-peruntukan yang dicadangkan, saya ada beberapa soalan yang perlu dijawab oleh Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan akta yang dicadangkan ini.

Pertama, berkenaan dengan niat kerajaan, niat sebenar kerajaan. Biar saya jelaskan. Saya sedar semasa pembentangan di Dewan Rakyat hari itu, Yang Berhormat Menteri telah memberitahu bahawa hasrat kerajaan adalah untuk memberi perlindungan kepada mereka yang bekerja sendiri. Buat masa *first step* untuk pemandu teksi, tetapi *as a whole* kepada mereka yang bekerja sendiri supaya untuk memastikan perlindungan jaringan keselamatan sosial itu dapat diperluaskan.

Akan tetapi saya ada keraguan, keraguan saya ialah kerana cara rang undang-undang ini dibentangkan pada saya, ia dibentangkan secara tergesa-gesa. Kalau macam tergegas untuk membentangkan rang undang-undang-undang-undang. Pada saya, ini menimbulkan syak-wasangka, apakah niat sebenar kerajaan. Adakah seperti yang diberitahu di Dewan Rakyat atau didorong oleh lain-lain motif?

Isu saya ialah kalau kita tengok, rang undang-undang ini bukan satu rang undang-undang yang satu perkara yang kecil atau suatu perkara yang remeh. Pada saya, rang undang-undang ini mempunyai implikasi yang begitu luas, begitu berpanjangan dan juga begitu serius yang akan memberi kesan kepada beribu-ribu orang. Tadi kita telah dengar Yang Berhormat Menteri daripada segi pemandu teksi sahaja dah hampir 100,000 orang. Kalau esok diperluaskan kepada lain-lain sektor, orang yang terlibat itu mungkin *half of millions* dan sebagainya. So pada saya, kerajaan perlu ambil pelajaran daripada apa yang berlaku daripada pengalaman PERKESO. Saya tak nak sebut *in details what apa-apa problems* yang kerajaan telah mengalami di SOCSO. So pada saya perlu dibincangkan dengan lebih dalam sebelum kita *embark on such issue*. Itu soalan yg pertama.

Isu yang kedua, soalan yang kedua ialah daripada segi konsultasi. Ini saya nak fokus kepada golongan yang bekerja sendiri yang akan diliputi oleh skim yang dicadangkan sekarang, pemandu teksi. Adakah atau sudahkah kerajaan mengadakan sesi-sesi konsultasi dengan badan-badan yang berkaitan dengan teksi? Contohnya persatuan pemandu teksi supaya dapat input mereka dalam ini. Pasal kalau mereka yang terlibat, pasal nanti selepas ini saya akan *touch* berkenaan dengan *mandatory caruman*. So mereka tak ada pilihan, terpaksa menyertai skim ini. Kalau itu dia punya *situation*, kenapa tidak ada konsultasi dengan mereka atau kenapa kerajaan gagal untuk *engage interest third parties* ini, dengan izin. Kalau masih belum ada sesi- saya tak tahu, mungkin sudah ada sesi konsultasi tetapi kalau masih belum ada, cadangan saya supaya kita tangguhkan sahaja rang undang-undang ini supaya kita dapat mengadakan sesi-sesi konsultasi dengan mereka yang terlibat dalam skim ini.

Ini sangat penting, macam saya cakap tadi. Kefahaman saya, kalau kita tengok seksyen 11, kalau kita tengok seksyen 11, seksyen 11 ia pakai perkataan, "*hendak mendaftar dan membayar caruman*". *That means* pada saya kalau kita tengok erti dia itu, dia akan jadi satu *mandatory participation*. Pemandu teksi tak ada pilihan. *That means* dia kena daftar dan kena carum. Pada saya kalau macam saya cakap tadi, kalau benda itu *mandatory, all the reasons* untuk kerajaan kena *engage interested third parties*, dengan izin.

Mengenai isu *mandatory participation* ini, cadangan saya ialah, saya nak cadangkan kepada kerajaan supaya penyertaan dalam skim ini tidak diwajibkan.

**■1720**

*That means*, pemandu teksi yang bekerja sendiri itu, diberi pilihan secara sukarela atau *voluntary participation*. Ini saya hendak *explain* sedikit, kalau kita tengok konsep *voluntary participation* skim EPF untuk mereka yang bekerja sendiri itu pun bukan *mandatory* tetapi *voluntary retirement scheme* dan sebagainya semua *voluntary participation*. Dua-dua pun meliputi pekerja cuma beza dia, SOCSO di bawah Kementerian Sumber Manusia, EPF di bawah Kementerian Kewangan. So, satu *voluntary*, satu *mandatory*. So, cadangan saya supaya kita buat ini pun secara *voluntary participation*.

Soal yang ketiga ialah apakah sebenarnya peranan kerajaan dalam skim ini? Ini dari konteks *social security* fasal tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri pun banyak tentang *The International Labor Organization (ILO) Convention on Social Security*, hak asasi manusia dan sebagainya. Kalau kita tengok soalan saya apakah peranan kerajaan dalam skim ini ialah fasal kalau sekarang kita tengok caruman dibuat secara 100 peratus oleh pemandu teksi dan bukan oleh kerajaan. *That means* satu skim yang dibiayai sepenuhnya oleh pemandu teksi atau mereka yang bekerja sendiri selepas ini apabila diluaskan dia punya skop.

Saya tidak pasti sama ada RM60 juta yang diumumkan semasa bajet itu akan digunakan untuk tujuan bayar faedah atau tidak atau sama ada dia hanya akan digunakan untuk perbelanjaan pentadbiran. Buat masa ini, saya ambil *conclusion* dia akan digunakan RM60 juta itu hanya untuk kos-kos pentadbiran. Kalau benar hanya untuk kos-kos pentadbiran dan erti dia itu *there's zero contribution* dari kerajaan dari segi untuk tujuan faedah dan perlindungan-perlindungan yang diperuntukkan oleh skim ini.

Kalau dalam konteks ini dan dia bukan satu *security scheme*. Kalau betul-betul skim ini dibiayai sepenuhnya oleh pekerja. Kalau itu isu dia, dan pada pendapat saya kefahaman kerajaan *on the concept for the security scheme* ini *skewed* sedikit. Fasal kalau kita tengok konsep *security scheme* seperti juga kalau berdasar konvensyen-kovensyen ILO, ialah satu skim di mana kerajaan memberi perlindungan yang sewajarnya kepada mereka yang *vulnerable at the government cost*. Ini yang kita panggil *participatory* saya okey kalau *participatory*.

Akan tetapi, ini kalau berdasar pada *zero contribution* kalau betul-betul *government zero contribution* maka ini bukan satu *security scheme*. *Vulnerable* itu kena membiayai skim itu secara mereka sendiri. So, pada saya pada masa sekarang ini dia nampak lebih macam *insurance scheme rather than security scheme*, dengan izin. Secara *general*, saya tidak menentang apa-apa skim sama ada untuk pemandu teksi ke untuk mana-mana kategori pekerja saya tidak menentang. Dalam aspek itu, saya mengalu-alukan sumbangan atau peruntukan sebanyak RM60 juta yang diumumkan dalam bajet itu. Macam saya cakap skim sedemikian ini memang sudah lama tertangguh. Ini Tuan Yang di-Pertua adalah beberapa *general comment* dahulu. Saya hendak *comment* satu atau dua khusus kepada yang diperuntukkan dalam akta ini.

Pertama, *comment* pun tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri *present* pun sudah setengah jam. Saya tidak boleh komen semua fasal akta ini pun kita dapat semalam tidak sempat hendak baca semua. Semalam pun balik sudah lewat malam. Saya cuma sempat baca sedikit-sedikit yang saya

flip sahaja saya dapat baca dan saya akan *comment* yang saya baca sahaja. Mungkin ada banyak yang terlepas.

Pertama ialah dari segi skop. Ini saya hendak komen dari segi *absence* tidak ada peruntukan yang saya nampak. Apa yang saya baca macam *I'm qualifying, I* tidak baca secara *details* tiap-tiap muka surat. Satu dari segi skop. *Scope of coverage*. Kita jelas kalau kita tengok skim ini dia *cover* untuk pemandu teksi yang bekerja sendiri. Soalan saya ialah adakah rang undang-undang ini juga akan terpakai kepada mereka atau *taxis driver* yang bekerja atau membawa teksi secara sambilan? *Part time taxi driver. Implications* dia macam ini. Sekarang kita ada banyak pemandu teksi pada waktu siang dia bekerja di syarikat lain dia dapat *full coverage* daripada SOCSO. *And then*, petang dia bawa teksi. Kalau kita ikut peruntukan undang-undang ini dia tidak beza antara pemandu teksi sambilan dengan pemandu teksi sepenuh masa.

So, dia pun diwajibkan. Pemandu teksi sambilan pun diwajibkan untuk membuat caruman. So, sekarang dia mendapat dua SOCSO *coverage*. Waktu siang oleh majikan dia dengan dia, dan ini sudah lain. So, ini saya hendak kementerian kaji *implication* dia kalau besok berlaku *employment injury* dan sebagainya. Saya tahu ada peruntukan mengenai pekerja-pekerja yang diliputi oleh dua skim dan sebagainya. Saya tahu sedikit. Saya tengok tajuk. / belum baca dengan *details*. Akan tetapi, soalan saya dari segi skop sama ada ini akan *apply* kepada pemandu teksi sambilan. *First question* yang saya hendak timbulkan.

Akan tetapi keraguan saya ini satu *small issue* sahaja tetapi keraguan saya yang lebih besar ialah mengenai seksyen 12 kuasa untuk melantik ejen keselamatan sosial pekerjaan sendiri. Seksyen 12(1), membenarkan pertubuhan membenarkan SOCSO untuk melantik ejen-ejen untuk mengutip atau memungut caruman terima caruman dari pemandu-pemandu teksi bagi pihak PERKESO kemudian bayar kepada SOCSO.

Now, seksyen 12(2) ada. Dia menyenaraikan kewajipan ejen itu, dia kena *inform* Pertubuhan SOCSO dengan secepat mungkin dan sebagainya. Pada saya sistem menggunakan ejen pengutipan ini akan menimbulkan banyak masalah. Pertama, contohnya soalan saya. Apa akan jadi kalau ejen itu lari dengan duit? Saya tidak fokus kepada kalau dia lari dengan duit dengan caruman apa tindakan pertubuhan atau SOCSO boleh ambil terhadap ejen itu. Itu tadi, semalam apabila saya tengok sedikit di bawah seksyen 71, seksyen 72 ada peruntukan untuk *action* terhadap ejen yang lari dengan duit itu. Akan tetapi, soalan saya ialah dari segi *coverage* untuk pekerja sendiri untuk pemandu teksi ini. Fasal saya hendak baca ini atau fahami dengan tafsiran mereka yang dicover.

Kalau kita tengok *definition* di bawah seksyen 2 punya *definition* untuk mereka yang berlayak atau orang yang bekerja sendiri yang berinsurans. Kalau kita tengok tafsiran yang digunakan ialah mana-mana orang bekerja sendiri yang telah berdaftar dengan pertubuhan dan membayar caruman mengikut akta ini. Apabila kita tengok mengikut membayar caruman mengikut akta ini, satu ialah dari segi jadual-jadual kadar dia dan sebagainya.

Lagi satu dari segi tarikh bayaran. Kalau tertinggal beberapa bulan, kemungkinan dia akan hilang. Ini berdasarkan pengalaman kalau kita tengok dari segi SOCSO dan sebagainya. Kalau caruman tidak dibayar oleh apa sebab? Termasuk kalau ejen itu lari dengan duit itu, adakah pekerja

ini akan dapat *coverage*? Itu satu. Berkenaan dengan ejen. Ini serius, fasal besok ini akan menimbulkan banyak kes antara pekerja dengan SOCSO.

Lagi satu berkenaan dengan ejen ini saya tidak faham kenapa kementerian atau SOCSO hendak lantik ejen? Sekarang banyak sistem *online payment* ada. Dia boleh bukan sahaja *online payment*, *electronic payment* dan sebagainya.

**■1730**

Saya rasa pemandu, dia boleh tahu, dia tahu pakai *online payment*. So, pada saya kalau kita pakai sistem *online payment* ini tak akan menyebabkan masalah-masalah macam tadilah, ejen lari dengan duit. Ini *first time* kita buat ini.

Dalam SOCSO pun, kalau / tengok dalam SOCSO, kalau tak salah, kalau kita tengok SOCSO pun dia tak ada ejen kutipan, fasal SOCSO kalau tak salah, majikan boleh bayar *direct* melalui bank, melalui *online payment*. Kenapa kalau SOCSO kita boleh pakai *online payment*, dengan sini kita tak boleh pakai *online*. Cuma beza SOCSO, majikan buat *online*, sini biar pekerja sendiri buat *online payment* ataupun *electronic payment*. *Less risk* kepada atau kepada saya, kurang pertikaian esoklah sudah bayar, tak ada bayar dan sebagainya. Itu isu sahaja. Macam *you cakap* saya tak sempat hendak baca semua ini, so setakat ini saya baca tetapi saya ada sedikit saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri atau kepada kementerian.

Dari apa yang saya baca, peruntukan-peruntukan yang sedia ada, dia kawal *employment injury* dan juga *commuting*. Ini *I am coming to that understanding*. Dia juga kalau kita tengok SOCSO, dia juga tahu apa yang kita panggil dalam SOCSO *commuting accident*. So, saya anggap dalam keskes macam ini pun, dia akan *cover employment injury* dan *commuting accident*. So soalan saya, sama ada dia *cover commuting accident* atau tidak. *Definition of employment injury*, kita pakai SOCSO punya kaedah-kaedah.

Akan tetapi bila yang saya hendak komen ini, sebelum ini kalau kita tengok pengalaman dalam SOCSO pun, *commuting accident* banyak pertikaian antara SOCSO dengan persatuanlah, sampai sudah pergi kepada SOCSO *affiliate court* itu, isu *diversion from normal route*. Mereka, pegawai-pegawai kerajaan akan sedar isu yang timbul selalunya, *affiliate court* di pejabat SOCSO, *diversion from normal route*.

Dalam sesuatu majikan, bila pekerja-pekerja di sistem, di mana dia kerja di satu tempat, dia *normal route* senang. Dari rumah, bukan *shortest route* ya, dia pakai *normal route* pergi ke tempat kerja. Akan tetapi mungkin dalam insiden, dalam isu pemandu-pemandu teksi ini, mungkin tempat dia ambil teksi itu akan berubah. Mungkin hari ini kalau dia *share* contohnya dia *share* teksi. Mungkin hari ini dia ambil dari sini, mungkin esok dia kena ambil dari lain tempat. Adakah isu *diversion from normal route* itu akan menjelaskan dia punya kelayakan untuk faedah-faedah dan sebagainya. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, pasal kalau esok ada peluang sikit, saya akan tambah berkenaan dengan isu pekerja ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Esok?

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Esok itu erti lain kalilah [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Banyak cadangan Yang Berhormat Menteri. Cadangan sahaja. Yang Berhormat Dato' Shahanim.

### 5.33 ptg.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera... [Membaca sepotong doa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucap terima kasih, tahniah kepada Kementerian Sumber Manusia dan PERKESO kerana serius dalam membela nasib pekerja. Sebagaimana pengumuman Yang Berhormat Menteri tadi, permulaan skim ini akan dimulakan kepada semua pemandu Teksi 1Malaysia, meliputi individu yang memberi perkhidmatan teksi *Uber* dan *GrabCar*. Dengan statistik seramai 73,662 peserta skim, saya merasakan rang undang-undang ini bakal mengubah landskap jaringan keselamatan sosial pekerja sendiri dan memberikan peluang atau jaminan mendapat manfaat perlindungan yang murah oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersyukur, amat berterima kasih. Saya tunggu lama dah skim ini sebab saya ini sudah enam tahun sebagai Penaung Persatuan Pemandu Teksi Kuala Muda Sungai Petani. Di bawah saya Tuan Yang di-Pertua, ada 50 orang pemandu teksi. Tiap-tiap tahun dia orang akan ambil insurans, *medical card* dan kalau premium 50 orang itu RM2,000, pastinya surat buat minta YB *cover* setengah. Jadi enam tahun dah *cover* ini tetapi tak ada masalah lah. So, apa yang saya hendak katakan di sini, rintihan keluh kesah pemandu teksi ini dimaklumkan kepada kita. Pertama, pemandu teksi ini dia mempunyai risiko yang paling tinggi apabila kita boleh katakan kehidupan dia, pekerjaan dia 24 jam di atas jalan raya.

Kalau dia hendak ambil insurans premium itu agak tinggi. Tadi bila saya maklum kepada persatuan saya yang rang undang-undang ini akan dibahaskan, jadi mereka sangat setuju, sangat seronok sebab kerajaan akan bagi perlindungan yang murah kepada mereka. Mengenai premium pula, saya tak berani sentuh. Saya cuma bagi contoh kepada pemandu-pemandu teksi kawasan saya. Saya kata, mungkin lah, mungkin saya kata. Mungkin premium RM10, coverage RM100,000 atau mungkin bayaran RM20, SOCSO *cover* RM100,000. Saya tak nak sentuh bab premium.

Akan tetapi apa yang saya hendak sentuh ialah tentang perlindungan. Maksud perlindungan di sini, kalau di bank, bank sebab dulu saya kerja Maybank. Tengok staf-staf buat insurans. Kalau di Maybank Yang Berhormat Menteri, pelanggan kita datang dekat Maybank ini. Isi borang insurans, terus letak nombor kredit kad. Dia keluar sahaja bank, dia jatuh longkang atau motor langgar atau kereta dapat, terus dapat, terus dapat perlindungan walaupun kredit kad itu tak debit lagi. Itu perlindungan insurans, *protection* yang bank bagi. Akan tetapi kalau pemandu teksi ini saya hendak tanya, kalau ejen dia pergi buat kutipan kepada 50 orang pemandu teksi ini, adakah selepas pemandu teksi ini dia isi borang, semua pakat bayar premium. Adakah SOCSO akan *cover immediate*, serta-merta? Itu yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya kepada kementerian seterusnya ialah mengapakah skim perlindungan ini tidak diperluas kepada pemilik tunggal kontraktor Kelas 'F', peniaga TEKUN, peniaga pasar tani, penjaja kecil pasar malam, pesawah padi di Kedah terutamanya. Usahawan digital yang menyertai perniagaan digital di *free trade zone*, pesara-pesara tentera yang bekerja sendiri secara

tidak tetap atau suri rumah yang bekerja sambilan sebagai pembantu rumah atau pembantu di sektor pertanian atau artis ataupun penggiat seni atau budaya.

Tuan Yang di-Pertua, kita sebagai pemimpin, kita balik kawasan, kita ada banyak pengalaman. Saya hendak cerita dan kongsi sikit dengan yang Berhormat Menteri. Ini lapan tahun lepas yang dah lama ini. Di kawasan saya, baru-baru yang lapan tahun dulu, ada satu kemalangan melibatkan seorang tukang rumah, isteri suri rumah, anak lapan orang. Tukang rumah ini bawa motor, bawa isteri, dia *accident*. Tukang rumah ini mati serta-merta Tuan Yang di-Pertua. Jadi apabila seorang tukang rumah ini mati serta-merta, si ibu yang tidak ada pendidikan, tidak ada pekerjaan, hendak kena bela anak lapan orang.

Yang paling saya sedih Tuan Yang di-Pertua, anak yang sulung belajar di UiTM terpaksa berhenti untuk bekerja untuk membantu mak dia menyara adik-adik yang masih bersekolah. Jadi kalau ada skim ini, saya kira kalau ada skim ini, kita boleh uar-uarkan kepada rakyat. Tidak ada insurans tak apa, kerajaan bagi perlindungan yang murah tetapi boleh *cover*. Sebab sebagai seorang Islam, tambah-tambah ketua keluarga, saya selalu ingatkan kepada pak cik-pak cik di kawasan saya, kita orang Islam, kalau mati nanti, kita tak boleh tinggal hutang. Kalau kita tinggal hutang, mayat kita terapung-apung. Bumi, langit tak terima.

Jadi dengan adanya duit ini, duit ini yang pertama, *settle* hutang. Yang kedua, bolehlah simpan sikit untuk sara anak-anak sekolah, sementara hendak habis sekolah menengah atau universiti. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Skim Perlindungan Pekerja Sendiri ini juga, saya ingin mendapatkan pandangan kementerian, adakah lebih baik individu pekerja sendiri yang menerima BR1M mendapat perlindungan dengan potongan automatik BR1M yang mereka terima.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan ini memang kadang-kadang hendak buat sangat elok, sangat baik tetapi kadang-kadang persepsi, anggapan, tanggapan negatif dekat rakyat yang kita bimbang. Macam contohnya, saya kalau boleh hendak bagi cadangan kepada pihak Menteri sama ada buat kajian dulu atau kita bagi pilihan.

#### ■1740

Dalam Borang BR1M itu sendiri, kita letak kotak. Kotak itu sama ada dia hendak setuju ambil SOCSO. Katalah BR1M dapat RM1,200 setahun, mungkin untuk dia potong SOCSO RM10 dia tanda dia setuju atau tak setuju. Kalau dia setuju, dia *tick* setuju, RM10 tolak daripada BR1M RM1,200 ini, tinggallah RM1,190. RM10 itu dia carum dalam SOCSO dan dia tahu kalau dia mati atau pun dia lumpuh sepenuhnya, dia akan dapat daripada SOCSO RM100,000. Saya kira kalau kerajaan boleh bagi satu cetusan idea kepada rakyat tengok penerimaan rakyat, saya rasa- macam mana nak kata ya? Inilah satu masa yang terbaik orang-orang yang bekerja sendiri dapat perlindungan daripada kerajaan dengan caruman yang murah tetapi dapat caruman yang terbaik daripada kerajaan.

Saya, Tuan Yang di-Pertua, saya sangat sokong. Saya sangat sokong. Kalau boleh, saya tak naklah rang undang-undang ini tak dapat sokongan. Saya hendak rang undang-undang ini memang dapat kelulusan supaya ramai lagi pekerja sendiri di Malaysia kita ini dapat perlindungan.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapatkan kepastian PERKESO, apakah dengan Skim Perlindungan Pekerja Sendiri ini keupayaan kewangan semasa PERKESO

mampu untuk membayar semua tuntutan faedah kemalangan pekerja dan implikasi pengurusan risiko PERKESO sebagai Pertubuhan Keselamatan Sosial dapat diuruskan dengan optimum dan cekap?

Soalan saya yang terakhir kepada Yang Berhormat Menteri, skim perlindungan SOCSO ini dia *worldwide* tidak? Sebab, saya bagi contoh, kalau pemandu teksi di Padang Besar dia kena bawa orang Padang Besar masuk Hatyai, dia *accident* di Hatyai, skim ini dia *cover* tak? Dia 24 jam. Saya ingat itu 24 jam tetapi dia *worldwide* tak? Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor, mungkin ada ramai pemandu teksi yang masuk sebelah Hatyai itu, saya rasa ada ramai la *kot*, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor ya?

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja dari saya. Saya sekali lagi hendak melafazkan, menzahirkan jutaan tahniah di atas rang undang-undang yang amat baik. Oleh itu, saya pohon menyokong. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim. Terima kasih banyak. Sudah kita dengar pandangan-pandangan perbahasan tadi dan sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab. Sila Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia.

#### 5.43 ptg.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:**  
*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam negaraku Malaysia. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada tiga Ahli Yang Berhormat Senator iaitu Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan, Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim yang cukup prihatin dan secara umumnya, Tuan Yang di-Pertua, ketiga-tiga mereka ini menyokong pembentangan rang undang-undang ini yang cukup baik. Cuma, pandangan-pandangan berbeza itu ialah ke arah mengemaskinikan dan memperbaiki rang undang-undang ini supaya lebih komprehensif dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi dulu kepada Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi. Sebenarnya sebagai Timbalan Menteri Sumber Manusia dan kami daripada keluarga Kementerian Sumber Manusia termasuk SOCSO, kita bersimpati dengan nasib pekerja kita dan orang bekerja sendiri di kalangan golongan orang kurang upaya (OKU). Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat kerana memperjuangkan nasib mereka ini. Namun begitu, kita bangga kerana ramai juga orang OKU ini yang bekerja dengan kerajaan, bekerja dengan swasta dan mereka diberikan perhatian dalam pelbagai faedah yang disediakan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat, rang undang-undang ini adalah permulaan yang disyorkan, dicadangkan oleh kerajaan dan ia hanya *cover* pemandu teksi dan yang bersama dengan ini. Dalam erti kata yang lain, maknanya golongan OKU tidak lagi termasuk dalam perlindungan rang undang-undang ini kecuali pemandu teksi yang mungkin ada sebahagian mereka OKU menggunakan sistem kenderaan yang *dimodified* dan sebagainya, maka itu layak untuk mendapat faedah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi. Sebenarnya kalau saya hendak *relate*-kan soalan dan

pandangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan, sebenarnya ada kaitannya tentang coverage ini. Sebab itulah sebenarnya secara peribadi, saya amat menyokong rang undang-undang ini.

Mungkin kalau saya hendak jawab terus kepada Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan tadi seolah-olahnya menganggapkan bahawa ada matlamat lain daripada kerajaan. Kenapa terlalu bergopoh umpamanya. Bagi saya sebenarnya, kalau kita hendak berjalan, Yang Berhormat, kita mesti bermula. Kalau kita ada destinasi untuk kita membela pekerja-pekerja kita termasuk kerja sendiri, kita mesti bermula. Bila kita bermula walaupun kita jalan perlahan tapi akhirnya kita akan sampai. Melalui permulaan itulah kita akan buat perubahan satu demi satu penambahbaikan termasuklah pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan tadi. *Very simple* saya punya analogi saya.

Kembali kepada soalan daripada Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi. Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, kerajaan serius. Kerajaan serius. Sebab itulah saya berharap kepada bukan sahaja daripada kalangan Barisan Nasional, daripada pembangkang bahkan rakyat seluruh, kalau kita sama-sama bekerja, kita membela masa depan negara kita, kita pastikan keselamatan negara dipertahankan, kita tak buat perkara-perkara yang boleh merosakkan keamanan, kesejahteraan dan sebagainya, kita bangunkan negara kita, kita bangunkan ekonomi negara kita dan akhirnya negara maju membangun, saya ingat bukan sahaja skim rang undang-undang ini boleh kita laksanakan kepada pemandu teksi bahkan kerajaan boleh melaksanakan kepada mungkin semua orang yang bekerja sendiri.

Kita ada, Tuan Yang di-Pertua, tenaga buruh kita ada 14.5 juta. Kita ada yang bekerja 14.707 juta, yang bekerja sendiri 2.48 juta. Kita hanya cover 100,000 sahaja. Sebab itulah saya cukup positif, saya cukup yakin, permulaan mesti kita buat, lepas ini kita bersama-sama perjuangkan supaya kalau boleh seluruh rakyat negara kita ini mendapat faedah daripada rang undang-undang ini.

Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi, saya ingat mungkin menjawab keseluruhan termasuklah kemalangan- kalau bercerita tentang OKU kemalangan yang berlaku, maknanya dia tidak cover. Akan tetapi yang bekerja lain yang biasa itu, Yang Berhormat pun sudah tahu, dia akan cover di bawah SOCSO. Juga kalau OKU itu pemandu teksi. Jadi buat sementara ini, OKU biasa tidak cover di bawah rang undang-undang ini.

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, boleh minta penjelasan sedikit? Walaupun tidak diberi perhatian pada masa ini, kita semua faham dan akur bahawa ini tahap permulaan sahaja, tetapi pada masa yang akan datang, boleh tak kita dapat satu kepastian di sini? Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Saya sudah sebut, sebab itu saya pergi sorotan tadi, kalau kita pastikan kita bela negara kita, kita majukan ekonomi negara kita, kita tidak buat benda-benda yang boleh merosakkan negara, pastikan keamanan dan semua sekali, kita tidak gunakan wang negara untuk benda-benda yang membela, mempertahankan Bersih dan sebagainya, belanja besar, *why not* kita *spend* duit ini untuk orang-orang seperti ini? Sebab itulah saya yakin kalau kita sama-sama perjuangkan masa depan negara kita, saya ingat tidak ada sebab kenapa kerajaan

melupakan nasib orang-orang yang bekerja sendiri. Kita ramai lagi, Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim, termasuklah petani, nelayan dan sebagainya yang bekerja sendiri. Jadi itu antara jawapan saya kepada Yang Berhormat.

Satu lagi, Yang Berhormat juga sentuh tentang fasil 24, 37 dan lain-lain. Saya ingat itu pandangan yang baik dan kita akan bawa kepada kerajaan untuk kita teliti supaya kita perkemaskan pada masa akan datang cadangan-cadangan yang cukup baik daripada Yang Berhormat ini. Saya ingat Yang Berhormat okey ya.

■1750

Saya pergi kepada Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah, yang pertama undang-undang ini dibuat tergesa-gesa. Sebenarnya tidak tergesa-gesa Yang Berhormat. Saya sudah sebut tadi, falsafah kalau kita nak bergerak kita mesti berjalan dahulu. Kita nak pergi ke satu destinasi untuk membela pekerja sendiri, kita mesti bermula tidak pun kita tidak akan- paling tidak, lepas kita bermula orang melihat bahawa betapa baiknya rang undang-undang ini. Akhirnya kita akan sama-sama perjuangkan untuk membela pekerja-pekerja sendirian yang lain.

Keperluan untuk melindungi pemandu teksi bukanlah sesuatu yang baru ia telah diputuskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya Skim Keselamatan Sosial diwujudkan kepada pemandu teksi yang bekerja sendiri pada 2012 lagi, bukan tergesa-gesa. Perundangan ini adalah selaras dengan Akta Artikel 23 Deklarasi Hak Asasi Manusia dan Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), berkenaan dengan *Social Security Minimum Standard 1952* dan Rekomendasi 202 ILO mengenai *Sources Security Protection Floor*, dengan izin 2012.

Tengok Yang Berhormat orang yang cukup pandai dalam *human resource* ini, saya cukup bangga walaupun berada di pihak *opposition*, tapi idea yang cukup baik pada kita, terima kasih. Berkenaan dengan konsultasi Yang Berhormat sebutkan, sebenarnya saya terima kasih kerana ada pemikiran Yang Berhormat tetapi pemikiran dalam perkara-perkara saya juga agak hebat, bijak mereka ini. Menteri dan Timbalan Menteri sama bijak, *[Ketawa]* petang Tuan Yang di-Pertua, saya-*[Ketawa]*

Kementerian Sumber Manusia dan PERKESO telah mengadakan sesi libat urus serta perbincangan dengan pelbagai pihak kepentingan termasuk Persatuan Pemandu Teksi sebelum mencadangkan dasar dan undang-undang ini. Perundingan dengan Persatuan Pemandu Teksi telah dilaksanakan di Kuching, di Kota Kinabalu, Kuala Lumpur, Johor Bahru pada tahun 2013 lagi. PERKESO telah menjalankan satu kajian yang melibatkan semua zon terutama di Lembah Klang mengenai keperluan perlindungan keselamatan sosial untuk pemandu teksi yang bekerja sendiri.

Kajian tersebut dijalankan ke atas 1,244 responden pemandu teksi dan kira-kira 95 peratus pemandu teksi memberi respons positif terhadap cadangan tersebut. Kajian tersebut turut menunjukkan seramai 896 responden atau 72.3 peratus tidak mempunyai sebarang polisi insurans peribadi. Maknanya Yang Berhormat, kita sudah buat. Jadi *finding* itulah menyebabkan kita teruskan membentangkan rang undang-undang ini.

Berkenaan dengan Yang Berhormat mencadangkan supaya caruman ini tidak dimandatorikan. Sebenarnya Yang Berhormat, kadang-kadang kita ini itulah apabila kita buat pilihan pada masyarakat yang baik, mereka pilih yang lebih menguntungkan dia. Akan tetapi apabila berlaku

kemalangan yang faedahnya lebih besar pada dia, masa itu dia akan menyesal sebab itulah kerajaan kita sudah fikirkan cukup masak. Tengok saja SOCSO, SOCSO belanjakan bilion duit selama ini tapi saya tidak fikir ada orang yang nak potong tangan sendiri kerana duit SOCSO. Oleh sebab itulah apa Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri ini bersifat mandatori supaya pemandu tekси termasuk pemandu yang lain mendapat perlindungan keselamatan sosial sekiranya mendapat kemalangan atau menghidap penyakit pekerjaan termasuk perlindungan kepada waris sekiranya berlaku kematian akibat pekerjaan sendiri mengikut akta ini.

Yang Berhormat, kita hanya minta tidak banyak mencarum RM13.10 sahaja tetapi faedah yang diperoleh oleh penerima ini lebih besar bukan saja kepada mereka tetapi kepada anak-anak, kepada waris dan sebagainya. Saya nak sebut itu nak kaitkan terus dengan Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim mungkin jawapan, BR1M tadi. Sebenarnya dalam kepala saya sudah lama sudah benda ini. Akan tetapi, oleh kerana BR1M itu kalau pemandu tekси saya setuju mungkin pegawai kita boleh buat terus laksanakan.

Maknanya tengok saja pemandu tekси yang ada BR1M ini, minta mereka secara *volunteer*, jadi tidak payah keluarkan hasil tekxi. Saya ingat Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim saya boleh jawab yang itu dan saya akan minta pegawai-pegawai kita dari segi pelaksanaan ini kita cuba laksanakan BR1M yang diberikan oleh kerajaan sini.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, boleh tidak saya nak celah sikit saja. Tadi Dato' kata caruman itu RM13.90 untuk setahun, boleh saya tahu tidak jumlah...

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Sebulan..

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Untuk sebulan, kalau di Maybank dulu RM12.00 sebulan, setahun RM144 *coverage* RM100,000. Maksudnya kalau mati, waris akan dapat RM100,000, cacat kekal pun RM100,000, jadi di SOCSO berapa jumlah...

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Ini saya kena dapat semula Yang Berhormat.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Bank jaga duit Yang Berhormat, kita cari duit sikit kita belanja. Bank dia ada... *[Ketawa]* tidak apa itu saya *joke* jawapan dia.

Kemudian saya pergi juga kepada Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah, kenapa tidak ada sumbangan daripada kerajaan? Sebenarnya dalam oleh kerana rang undang-undang ini adalah rang undang-undang permulaan yang dibentangkan oleh kerajaan, idea yang cukup positif daripada Perdana Menteri dan disokong oleh kita semua termasuklah pemandu tekxi.

Jadi semasa Pembentangan Bajet 2017, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 21 Oktober lalu, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM60 juta untuk kepada PERKESO sebagai geran *One-Off* bagi pelaksanaan skim ini, ini termasuklah berbagai-bagai seperti Yang Berhormat sebutkan. Saya yakin sebahagian wang ini digunakan untuk faedah kepada pemandu tekxi.

Akan tetapi saya tidak fikir seperti mana yang awak sebutkan, pemandu tekxi bila ada saja skim ini dia mahu mencari jalan bagaimana supaya dia boleh *accident*, saya tidak fikir. Mesti dia akan jaga keselamatan dia dan sebagainya dan akhirnya bila berlaku kemalangan mereka akan dapat

faedah daripada sini. Kalau kita tidak mulakan sekarang maka sudah tentulah akan berlaku kemalangan pada pemandu teksi yang cukup terdedah kepada kemalangan seperti mana yang Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi sebutkan tadi maka kita akan dapat kerugian kepada pemandu teksi ini.

Kemudian apakah pemandu teksi *part time* dilindung. Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator Tuan Chandra, sebenarnya dia pemandu teksi, selagi dia pemandu teksi dia dicover oleh skim ini, rang undang-undang ini. Jadi maknanya, dari segi perkiraan ini, kita ada perkiraannya di bawah jadual-jadual tertentu dan ia akan diperhalusi oleh pegawai-pegawai kita daripada SOCSO dan sebagainya...

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Dato', *just* penjelasan saja isu *part time* ini, dari segi caruman dia ikut pendapatan dia dan sebagainya. Isu saya ialah dari segi *dual contribution* kalau dia kerja di- Kalau dia *part time* saja itu lain. Maksud saya *part time* ini waktu siang dia kerja di syarikat yang lain dan dia juga buat *part time*, jadi ada *dual contribution*. Dari aspek *coverage* lah itu dia punya ini, pasal kalau kita tengok kalau dalam skim ini, *concern* saya macam ini ya kenapa saya cakap *part time* ini.

Kalau kita tengok saya tidak boleh ingat seksyen berapa, semalam saya cuma *flip through* saja, dalam peruntukan yang dicadangkan ada aspek *dual contribution* di mana- itu pun jadi amalan biasa kalau *dual contribution* dari segi *dual coverage*, *you* hanya akan dapat satu. Dia hanya akan dapat satu yang paling tinggi dia akan dapat memang ada dalam akta ini. Kalau yang kerja sambilan itu dia kena buat dua caruman, caruman satu dia buat tempat kerja, dan lagi satu caruman di sini.

Akan tetapi untuk caruman yang dibuat di sini kalau kita tengok dia hanya akan dapat kalau *employment injury* itu berlaku semasa dia menjadi pemandu teksi tetapi buat masa ini kalau kita tengok faedah-faedah yang dicover semua, dia hanya setakat *employment injury*. Dia belum pergi kepada pencer keilatan, *I am actually going a bit further* kalau esok dalam akta ini kita *introduce* pencer keilatan *that issue dual coverage* itu akan timbul.

Sekarang tidak jadi isu pasal kita akan tengok mana berlaku *employment injury*, kalau *employment injury* berlaku semasa dia- ini kefahaman saya. Kalau berlaku semasa dia memandu teksi, dia akan dapat *coverage* mengikut kadar sekarang ini RM1,000 dan sebagainya. Kalau tempat kerja, dia akan ikut *coverage* daripada tempat ini, tapi kalau esok kita *introduce* pencer ilat dan sebagainya, *then* dia akan jadi *duality*. Kalau ini saya bukan nak jawapan sekarang, saya cuma nak kementerian *take into consideration issues*. Saya terima apa Yang Berhormat Menteri cakap, *this is the new scheme, we learn as we go along*. Cadangan saya adalah untuk masa depan atau jangka masa panjang. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Chandra. Sebenarnya kalau kita lihat dia ini dua undang-undang berbeza. Pertama di bawah SOCSO di bawah majikan yang lain, yang ini khusus untuk pemandu teksi. Maknanya kalau berlaku apa-apa dia akan dapat dua sekali *coverage* itu, perlindungan itu. Jadi untuk akta ini faedah yang disediakan adalah sama dengan perlindungan Skim Bencana Pekerjaan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja maknanya sama.

Ini bermakna Akta Skim Bekerja Sendiri ini merangkumi kemalangan di tempat kerja, kemalangan pergi balik ke tempat kerja dan juga penyakit khidmat, makna Yang Berhormat dia akan cover.

**■1800**

Berkenaan dengan pemandu teksi yang *part time* ini. Saya hendak bacakan sedikit ia punya *detail*. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, semua pemandu teksi atau perkhidmatan yang seumpamanya adalah dilindungi di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 dengan syarat mereka adalah warganegara Malaysia. Bukan Bangla bawa teksi, ia tidak layan walaupun teksi kita dan telah berdaftar dengan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) bagi pemandu Sabah dan Sarawak.

Saya ingat cukup baiklah rang undang-undang ini. Berikutnya ialah adakah PERKESO melantik ejen kutipan? Ejen PERKESO adalah merujuk kepada pihak yang diberi kuasa untuk mendaftarkan dan mengutip caruman bagi pihak PERKESO. Ia juga boleh termasuk ejen kutipan PERKESO yang dilantik dan merupakan pihak yang menguruskan pungutan melalui *online payment*. Selain itu, caruman juga boleh dibayar secara terus Yang Berhormat. Boleh dibayar secara terus atas talian menerusi portal rasmi PERKESO.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Tuan Yang di-Pertua, dengan keizinan Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak balik kepada *coverage* yang saya cakap. Pasal *concern* saya, kalau kita tengok kepada 36(2), subseksyen (2), 36(2) ia jelas kalau dia ada dua skim, dia akan dapat skim yang paling tinggi dan bukan kedua-duanya. *Employment injury*, saya *clear*, pasal kita akan tengok mana berlaku *employment injury* itu. Kalau semasa dia bawa teksi itu, okey, *cover*. Kalau ada *benefit*, contoh / pergi kepada faedah kematian, contoh. *How do we do?* *Whether* dalam dua skim atau satu skim? *Employment injury*, saya *very clear*, cuma lain-lain. Buat masa ini / tahu tidak ada pencegah. So, isu itu tidak timbul sekarang.

Cuma / nak supaya *ministry consider* seksyen 36 dengan seksyen 36(2) ini. *Implication*, kerisauan saya lebih kepada 36(2) itu. Itu sahaja komen saya. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Yang di-Pertua, kita ambil pandangan yang cukup baik daripada Yang Berhormat. Kemudian saya pergi kepada Yang Berhormat, habis. Yang ketiga, Yang Berhormat, sebenarnya sebahagian saya sudah jawab. Berkenaan perlindungan kepada orang yang bekerja sendiri yang menjalankan tugas di luar dari negara seperti contohnya dari Padang Besar ke Hat Yai, Thailand, mereka tetap layak untuk dilindungi selagi mereka itu dalam masa melaksanakan tugas hariannya walaupun berada di luar negara. Okey, Yang Berhormat. Kemudian cadangan untuk menggunakan BR1M, saya sudah jawab. *Insya-Allah* saya ingat kita walaupun BR1M itu hak mereka, tetapi kita akan dapat. Saya ingat kalau saya, saya setuju. Daripada saya gunakan duit saya tidak tentu, baik saya mencarum dengan potongan.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, setuju macam mana? Setuju kita hendak *survey* dekat rakyat Malaysia dahulu kah atau setuju kita hendak letak...

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** BR1M, BR1M?

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** BR1M lah. BR1M itu kita hendak survey dahulu tak?

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Maksud saya tadi, BR1M syaratnya melalui rang undang-undang ini, mestilah pemandu teksi.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Oh!

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Kalau yang lain, tidak boleh, tidak cover bawah undang-undang ini.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Jadi, maksud...

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Kalau Yang Berhormat kata tadi petani di Kedah, dia tidak memandu teksi, jadi dia tidak boleh. Saya tidak boleh minta dia menyumbang daripada BR1M yang dia ada itu. Kita tidak boleh mencadangkan kerana dia tidak cover.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri sendiri. Saya confuse dekat sini. BR1M akan dapat RM1,200 pemandu teksi.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Ya, ya.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Jadi, Yang Berhormat Menteri akan potong RM13.90 X 12 bulan. Lebih kurang RM150. Jadi, itulah cadangan Yang Berhormat Menteri, untuk potong lebih kurang RM150...

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Sebulan.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** ...daripada BR1M kepada semua pemandu teksi.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tidak. Itu Yang Berhormat cadangkan. Maknanya, mereka yang dapat BR1M adalah Yang Berhormat cadangkan supaya baik bantuan BR1M tadi mereka bagikan kepada caruman ini. Akan tetapi dalam konteks rang undang-undang ini, ia mestilah pemandu teksi. Kita ada berapa juta dapat BR1M. Maknanya, kalau katalah 73,000 itu pemandu teksi ini mendapat BR1M semua sekali. Jadi, saya ingat saya setuju. Mungkin itu satu cara yang baik untuk kita membantu menjimatkan duit mereka. Mungkin kita akan buat *engagement* dengan pemandu teksi bagaimana kita boleh. Okey, Yang Berhormat tentang BR1M.

Kemudian, perlindungan seperti Yang Berhormat sebutkan bank tadi. Perlindungan serta-merta. Bayaran caruman orang bekerja sendiri boleh dibayar secara *online*, di mana tarikh dan masa bayaran ada dicatatkan pada resit bayaran tersebut. Perlindungan PERKESO adalah bermula secara automatik dari tarikh dan masa bayaran dilakukan. Maknanya, lebih kurang macam bank tadi. Jadi maknanya, ia akan buat bayaran.

Perkara lain Yang Berhormat tanya, kenapa tidak diperluaskan? Saya sudah sebut tadi, kita ada 2.48 juta orang bekerja sendiri yang harus kita bela dan perjuangkan. Akan tetapi yang saya harapkan Tuan Yang di-Pertua, marilah kita sama-sama rakyat Malaysia, mahupun Barisan Nasional, mahupun kerajaan ataupun pembangkang, kita bina negara kita, kita bela pekerja-pekerja yang masih memerlukan sumbangan kita. Saya rasa dengan cara ini kita akan dapat membina satu kehidupan yang lebih bahagia dan tenteram untuk selamanya. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Satu Tuan Yang di-Pertua, tertinggal masih belum dijawab. Bayaran ejen *online* itu sudah jawab. Soalan saya, kalau ejen lari dengan duit itu, / balik kepada *definition* di bawah seksyen 2, di mana *coverage* hanya akan *start* atau *tafsiran* orang

bekerja sendiri yang berinsurans. Tafsiran hanya akan *start* selepas caruman dibayar. Kalau ejen lari dengan duit itu, *that means* caruman belum dibayar lagi sama ada dalam keadaan semacam ini akan fasal kita tidak tahu. Mungkin dia tidak ada bukti yang dia bayar kepada ejen, mungkin dia bayar dengan *cash*. So, tidak ada bukti. Kalau ada bukti, itu senang. Dia boleh tunjuk bila dia bayar dan *coverage* boleh *start* dari tarikh dia bayar. Akan tetapi kalau dia bayar *cash*, ejen lari sama ada, ada *coverage* atau tidak? Itu sahaja soalan saya.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Yang di-Pertua, saya gembira dengan Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah kerana dia memandang ke depan. Walaupun kita belum laksanakan lagi, walaupun mungkin ejen kalau kita lantik pun dia tidak akan menipu tetapi dia punya pandangan jauh. Kalau bersama dengan saya lagi bagus, belah kita kan? Positif, terima kasih banyak. Sebenarnya kita dari segi undang-undang kita tidak boleh tolak ansur. Kita akan kuatkuasakan undang-undang, ikut akta dan seksyen-seksyen yang telah diperuntukkan oleh undang-undang ini. Jadi Yang Berhormat, bagus tetapi kita akan pastikan supaya penguatkuasaan kita akan laksanakan.

Namun demikian untuk makluman, ejen-ejen yang kita lantik ini adalah bank pemungut. Bukan *third party* yang kita ambil daripada tepi-tepi jalan. Jadi maknanya, bank ini berdaftar dengan Bank Negara semua sekali. Jadi, saya yakin, cuma positif pandangan Yang Berhormat. Terima kasih banyak. Saya ingat Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang telah memberikan pandangan dan komen yang cukup baik dan kita berdoa kepada Allah SWT supaya rang undang-undang ini dapat kita laksanakan, terbaik untuk pekerja-pekerja sendiri bagi negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 89 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Jadual Pertama dan Kedua diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Chong Sin Woon) dan diluluskan]

■1810

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PELANCONGAN 2017**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri datang sendiri. Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri datang.

#### **6.11 ptg.**

**Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penggunaan dan pemungutan cukai pelancongan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan cukai pelancongan atau *tourism tax* merupakan suatu usaha kerajaan dalam memacu sektor pelancongan dan kebudayaan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara, selaras dengan peningkatan sumbangan sektor ini kepada ekonomi negara kita.

Perkembangan industri pelancongan telah menjadi satu fenomena global dan merupakan salah satu pemacu ekonomi dunia. Pada masa yang sama, industri pelancongan juga menjana peluang pekerjaan dan pendapatan di samping mengekalkan dan memelihara seni budaya dan warisan.

Berdasarkan data *United Nations World Tourism Organization* (UNWTO) bilangan ketibaan pelancong meningkat sebanyak 46.6 peratus iaitu daripada 809 juta pelancong pada tahun 2005 kepada 1.19 bilion pelancong pada tahun 2015. Pendapatan pelancongan dunia juga telah mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan dengan peningkatan sebanyak 78 peratus iaitu daripada USD 708 bilion pada tahun 2005 kepada USD1.26 trilion pada tahun 2015.

Menurut *World Tourism Travel Council* (WTTC), industri pelancongan kini menjana sebanyak 286 juta peluang pekerjaan atau 1 bagi setiap 11 pekerjaan dan menyumbang sebanyak 10 peratus daripada KDNK atau Keluaran Dalam Negara Kasar Dunia. Bagi Malaysia pula ketibaan pelancong pada tahun 2016 telah mencatatkan sebanyak 26.8 juta orang yang merupakan peningkatan sebanyak 4 peratus dari tahun 2015.

Jika dilihat perkembangan bagi tempoh masa 10 tahun iaitu 2005 ke 2015, ketibaan pelancong mencatat pertumbuhan sebanyak 56.5 peratus. Pendapatan pelancongan pula telah meningkat sekali ganda berbanding tahun 2005. Pada tahun 2015, industri pelancongan telah

menyumbang sebanyak 14.4 peratus daripada keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berbanding 10.4 peratus pada tahun 2005.

Sebanyak 2.92 juta pekerjaan atau satu daripada enam pekerjaan telah diwujudkan pada tahun 2015 berbanding 1.51 juta pekerjaan atau satu daripada tujuh pada tahun 2005. Data ini jelas menunjukkan bahawa sumbangan industri pelancongan kepada ekonomi negara kita dan lebih signifikan berbanding purata di peringkat dunia.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia bukanlah negara pertama yang akan melaksanakan cukai pelancongan ini. Berdasarkan semakan kementerian ini, sebanyak 14 buah negara di seluruh dunia telah melaksanakan cukai pelancongan ini atas alasan yang sama. Menyedari hakikat ini, cadangan pelaksana rang undang-undang ini adalah kena pada waktunya, selaras dengan usaha untuk memastikan kelestarian industri pelancongan itu sendiri dalam menjana sumber pendapatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi 10 bahagian yang merangkumi 70 fasal. Peruntukan-peruntukan dalam rang undang-undang ini diringkaskan seperti berikut.

Bahagian I iaitu fasal 1 hingga 2 menerangkan tentang pemakaian akta dan kuasa Menteri Kewangan untuk menetapkan tarikh kuat kuasa akta. Menteri Kewangan melalui Warta Kerajaan boleh menetapkan mana-mana tarikh bagi menguatkuasakan mana-mana bahagian ataupun peruntukan yang terkandung dalam akta ini. Bahagian ini juga menjelaskan takrifan kepada perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam akta seperti pelancong, premis penginapan dan pengendali premis penginapan.

Bahagian II, fasal 3 hingga 5 berkaitan dengan pentadbiran yang berhubung dengan fungsi dan kuasa Ketua Pengarah Kastam dan pegawainya. Pegawai sebagai menjalankan fungsi penjawat awam dan kad kuasa dan sebagainya yang dikeluarkan.

Bahagian III, fasal 6 hingga 9 adalah berkaitan dengan pengenaan cukai di mana di dalam fasal 6 menyatakan berhubung pengenaan cukai pelancongan ke atas pelancong yang menginap di premis penginapan pada kadar yang ditetapkan.

Fasal 7 menerangkan mengenai tanggungjawab pengendali premis penginapan untuk mengutip cukai pelancongan dan membayar cukai yang dikutip tersebut kepada Ketua Pengarah Kastam.

Fasal 8 menerangkan berkenaan kuasa Menteri Kewangan selepas berunding dengan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan dalam membuat ketetapan dalam menentukan kadar cukai dan membuat pindaan terhadap kadar cukai.

Fasal 9 pula menerangkan berkenaan kuasa Menteri Kewangan untuk memberi pengecualian seperti berikut:

- (a) mengecualikan mana-mana pelancong atau kelas pelancong daripada pembayaran keseluruhan atau sebahagian daripada cukai pelancongan;
- (b) mengecualikan mana-mana orang atau kelas orang yang menjalankan atau mengendalikan operasi premis penginapan daripada mengenakan keseluruhan atau sebahagian daripada cukai pelancongan; dan

- (c) mengecualikan mana-mana orang atau kelas orang yang menjalankan atau mengendalikan premis pelancongan daripada membuat pendaftaran seperti mana yang dijelaskan dalam Bahagian III.

Bahagian IV, fasal 10 hingga 13 menerangkan liabiliti pengendali premis penginapan untuk mendaftar di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017.

Fasal 10 menyatakan bahawa pengendali premis penginapan bertanggungjawab untuk mendaftar di bawah akta ini dalam tempoh 30 hari daripada tarikh ianya memulakan operasi premis penginapan. Mana-mana pengendali premis penginapan yang gagal mematuhi fasal 10 ini akan dikenakan denda tidak melebihi RM30,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau keduanya sekali.

Fasal 11 pula menerangkan mana-mana pengendali premis penginapan yang menjalankan operasi sebelum akta ini dikuatkuasakan perlu mengemukakan pendaftaran kepada Ketua Pengarah Kastam dalam tempoh 30 hari dari tarikh kuat kuasa akta ini. Mana-mana pengendali premis penginapan yang gagal mematuhi fasal 11 ini akan dikenakan denda tidak melebihi RM30,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau keduanya sekali.

Fasal 12 menerangkan berkenaan kuasa Ketua Pengarah Kastam untuk mendaftar pengendali-pengendali premis penginapan seperti mana fasal 10 dan 11 bermula pada hari pertama pada bulan berikutnya selepas pendaftaran diterima.

Fasal 13 pula menjelaskan berkenaan pembatalan pendaftaran berdasarkan keadaan berikut:

- (a) pengendali premis penginapan telah menutup operasi; dan
- (b) pengendali premis penginapan telah diberikan pengecualian daripada pendaftaran di bawah fasal 9.

Bahagian V, fasal 14 hingga 20 menerangkan perkara berkaitan tanggungjawab:

#### **■1820**

- (a) mengeluarkan invois, resit atau apa-apa dokumen yang menunjukkan kadar dan amaun cukai kena bayar berasingan daripada penginapan;
- (b) mengeluarkan invois, resit atau apa-apa dokumen cukai dalam bentuk elektronik,
- (c) menyimpan rekod sama ada dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris dan rekod tersebut perlu disimpan selama 7 tahun; dan
- (d) pelarasan dengan penyata nota kredit dan nota debit.

Bahagian ini selanjutnya menjelaskan tentang:

- (a) tempoh bercukai adalah selama tiga bulan atau mengikut tempoh bercukai di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 bagi mana-mana orang kena cukai yang berdaftar di bawah akta tersebut;
- (b) kewajipan untuk menghantar penyata serta membuat pembayaran cukai; dan
- (c) kuasa Ketua Pengarah Kastam untuk mentafsir amaun cukai yang perlu dibayar jika sekiranya seseorang itu gagal mendaftar, mengemukakan penyata atau penyata yang dikemukakan tidak lengkap.

Bahagian VI, fasal 21 hingga 31 menerangkan perkara berkaitan peruntukan:

- (a) remisi cukai;
- (b) pembayaran balik cukai, caj, penalti atau apa-apa wang bagi keadaan terlebih bayar atau tersilap bayar yang telah dibuat oleh pengendali premis penginapan;
- (c) bayaran balik hutang lapuk;
- (d) potongan di dalam penyata bagi pembayaran balik cukai pelancongan;
- (e) kuasa untuk mengutip cukai pelancongan daripada mana-mana orang yang gagal menjelaskan bayaran kepada pengendali premis penginapan;
- (f) bayaran secara ansuran;
- (g) mendapatkan cukai pelancongan yang tidak dibayar daripada mana-mana orang yang meninggalkan Malaysia;
- (h) mendapatkan semula cukai pelancongan bagi keadaan terlebih bayar atau tersilap bayar yang telah dibuat kepada orang kena cukai;
- (i) mendapatkan semula cukai pelancongan terhadap hutang sivil;
- (j) mendapatkan semula cukai pelancongan bagi keadaan yang lain; dan
- (k) liabiliti bersama atau berasingan bagi pengarah syarikat, firma, pertubuhan, persatuan atau *juridical person*.

Bahagian VII, fasal 32 hingga 38 adalah berkaitan dengan tindakan penguatkuasaan yang secara asasnya meliputi aktiviti pemeriksaan, penyiasatan, penggeledahan, penyitaan dan kuasa untuk menangkap.

Bahagian VIII, fasal 39 hingga 48 memperincikan peruntukan mengenai kesalahan dan penalti bagi perkara tersebut:

- (a) menghalang pegawai kastam daripada menjalankan tugas;
- (b) menghantar penyata yang tidak betul;
- (c) kutipan cukai oleh mana-mana orang yang bukan dikategorikan sebagai orang kena cukai;
- (d) pengelakan cukai;
- (e) enggan menjawab soalan dan memberi maklumat palsu;
- (f) bersubahat;
- (g) penalti am;
- (h) kesalahan oleh badan korporat;
- (i) kesalahan oleh pekerja atau ejen; dan
- (j) cukai pelancongan dan sebaliknya hendaklah kena dibayar atau walau apa pun apa-apa prosiding.

Bahagian IX, fasal 49 hingga 59 adalah berkaitan dengan perbicaraan dan prosiding, sebagai contoh, berkenaan hal:

- (a) pendakwaan;
- (b) bidang kuasa mahkamah seksyen;
- (c) kesalahan di bawah peruntukan undang-undang lain;

- (d) peruntukan untuk memberi keterangan;
- (e) nilai pembuktian salinan notis elektronik;
- (f) penjara jika tidak membayar denda;
- (g) kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan;
- (h) kompaun;
- (i) perintah mahkamah;
- (j) obligasi kerahsiaan; dan
- (k) perlindungan pemberi maklumat.

Bahagian X, fasal 60 hingga 70 menerangkan tentang peruntukan pelbagai seperti berikut:

- (a) orang yang terikat untuk memberi maklumat;
- (b) penyerahan notis dan sebagainya;
- (c) penggunaan perkhidmatan elektronik;
- (d) pengesahan notis;
- (e) bayaran pos percuma;
- (f) transaksi perniagaan bagi pihak pengendali;
- (g) borang yang perlu digunakan;
- (h) pertikaian dan rayuan;
- (i) notis yang dikeluarkan oleh pelikuidasi syarikat untuk mengetepikan cukai pelancongan;
- (j) pelantikan penerima hendaklah diberitahu kepada Ketua Pengarah Kastam; dan
- (k) kuasa Menteri Kewangan untuk menetapkan dan membuat apa-apa peraturan berkaitan dengan cukai pelancongan.

Dengan cadangan rang undang-undang ini, sektor pelancongan dan kebudayaan negara akan terus berkembang dan berupaya untuk menjadi sumber utama pendapatan negara dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara. Pelaksanaan cukai pelancongan sememangnya amat tepat dan kena pada masanya dalam mencapai wawasan negara maju berpendapatan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengenaan dan pemungutan cukai pelancongan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Perbahasan hari ini ada tiga orang dan saya mulakan dengan Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili. Dipersilakan.

**6.26 ptg.**

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga saya ucapan kepada Yang Berhormat Menteri sendiri yang datang ke Dewan yang mulia ini untuk membentangkan rang undang-undang ini iaitu Rang Undang-undang Cukai Pelancongan Tahun 2017.

Saya memulakannya dengan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan kerana berjaya membentangkan rang undang-undang cukai pelancongan ini. Saya melihat perkembangan kerangka kerja ini bakal memberi keuntungan kepada semua pihak apabila ianya dilaksanakan kelak. Kita ketahui bahawa rang undang-undang ini telah diluluskan di Dewan Rakyat dan walaupun ada tafsiran-tafsiran tertentu yang negatif seperti mengenai premis penginapan di dalam rang undang-undang ini yang masih lagi samar-samar dan kerajaan belum lagi membuat satu ketetapan sebenarnya.

Implikasi-implikasi cukai ini dikuatkuasakan di atas segmen penginapan seperti hotel, *homestay, resort, service apartment* ataupun apa-apa kemudahan penginapan yang lain dan jadual cukainya pun belum diputuskan sama ada kita akan menetapkan satu kadar yang *flat rate* ataupun ada jadual-jadual tertentu sama ada hotel itu enam bintang, lima bintang, empat bintang dan sebagainya. Jadi perkara ini sudah tentu belum lagi jelas di dalam rang undang-undang ini. Oleh itu saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah kategori penginapan yang bakal dikenakan kepada pelancong-pelancong.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang ini dinyatakan bahawa cukai ini akan dikenakan kepada pelancong sebagaimana yang ditakrif dalam Akta Industri Pelancongan 1992. Soalan saya, bagaimanakah implikasi ini ke atas penjawat awam. Mereka yang berkhidmat dalam angkatan tentera, polis atau Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri, Senator dan sebagainya yang menginap di hotel. Adakah mereka ini dikategorikan sebagai pelancong bila mereka menjalankan tugas rasmi. Saya juga memohon agar perincian diberi ke atas kategori orang yang mungkin diberi pelepasan cukai kerana tugas rasmi seperti delegasi kerajaan, kedutaan luar negara dan sebagainya.

#### ■1830

Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang ini jelas dinyatakan bahawa kastam merupakan agensi yang akan menjadi penguasa kutipan cukai. Justeru, saya memohon perincian, apakah hasil kutipan cukai pelancongan ini dapat dikongsikan dengan kerajaan negeri walaupun bidang pelancongan ini disenaraikan sebagai item 25A senarai persekutuan di dalam Perlembagaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ruang ini saya juga ingin hendak menyatakan bahawa negeri Sarawak mempunyai satu pandangan yang mungkin tidak selari dengan semangat akta ini kerana pada negeri Sarawak, bahawa bidang pelancongan sebelum tahun 1994 adalah tidak tersenarai di dalam senarai Perlembagaan Persekutuan kita.

Akan tetapi dengan pindaan Perlembagaan yang dibuat dalam tahun 1994, pelancongan telah disenaraikan sebagai item 25A iaitu diletak di bawah senarai Persekutuan. Sebelum 1994, negeri Sarawak berpendapat bahawa oleh kerana ianya tidak *dimentions*, tidak disebut di dalam Perlembagaan, maka perkara ini merupakan satu perkara yang dipunyai bersama. *Residual list*.

*Residual power of the state and the Federal.* Jadi oleh yang demikian, Dewan Undangan Negeri Sarawak pernah meluluskan satu ordinan yang disebut sebagai *Sarawak Tourism Board Incorporation* dalam tahun 1994 juga.

Dengan lulusnya ordinan itu, maka tertubuhlah Sarawak *Tourism Board* di negeri Sarawak yang mana *functionnya* adalah sama juga seperti Lembaga Pelancongan Malaysia iaitu untuk menggalakkan dan membangunkan industri pelancongan di Sarawak dan bertanggungjawab menyelaras apa-apa penggalakan dan pemasangan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan pelancongan yang sama juga dimainkan oleh Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia.

Oleh yang demikian, kita rasa bahawa dalam kita merangka rang undang-undang ini walaupun pelancongan di bawah kuasa Persekutuan, negeri Sarawak berfikir bahawa ada baiknya juga mereka dibuat *consultation* atau satu rundingan.

Oleh yang demikian, mungkin tidak dapat kita selesaikan dari segi perundangan tetapi kita cari jalan yang terbaik kerana kita fikirkan bahawa dengan hubungan yang baik di antara Kerajaan Negeri Sarawak dan Kerajaan Persekutuan Malaysia khususnya hubungan yang erat di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Abang Haji Openg dan juga tidak lain dan tidak bukan Yang Berhormat Menteri Pelancongan kita yang kita tahu bahawa kalau datang ke Sarawak bukan seperti Menteri-menteri lain. Ada Menteri datang ke Sarawak, datang pukul 10 pagi, balik pukul 3 petang. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri Pelancongan kita, dia ada satu pakej ke Sarawak. Kalau dia pergi ke Sarawak, tidak lengkap duduk di Sarawak sekurang-kurangnya lima hari empat malam. Itu dia punya pakej *[Tepuk]*

Jadi Senator Malaysia pergi ke Kampung Budaya Sarawak. Jadi kita berjumpa dengan seorang artis di Kampung Budaya Sarawak. Pengurusan kata, kalau Yang Berhormat Menteri Pelancongan datang sini, dia mesti cari ini. Kalau tidak jumpa, tidak lengkap. Jadi saya fikir bahawa Yang Berhormat Menteri Pelancongan akan faham tentang kedudukan kita di negeri Sarawak.

Oleh yang demikian, kita ingin hendak menyatakan di sini bahawa kalau boleh, saya rasa dalam akta ini pun ada kuasa bagi Yang Berhormat Menteri untuk mengecualikan sesuatu wilayah untuk diberi kebenaran untuk memungut cukai. Maka mungkin kita boleh memohon kepada Kerajaan Persekutuan supaya kita mengenakan sendiri cukai-cukai ini. Kita menyokong rang undang-undang ini. Kita memang setuju dengan pengutipan cukai ini tetapi kita membuat satu permohonan agar kita boleh melaksanakan *state sales tax* agar kita diberi kebenaran untuk mengutip cukai ini menerusi *state sales tax* ataupun kita diberi peluang untuk kita diberi peluang untuk berkongsi. Ini kerana kalau ia pergi kepada kastam, ia akan masuk kepada *consolidated fund*.

Jadi oleh yang demikian, kita mohon satu pertimbangan istimewa. Ini untuk perkembangan negeri Sarawak kerana bidang pelancongan kita, kita lebih *concentrate* kepada *ecotourism*, *biotourism*. Maka kita memerlukan satu perhatian yang khusus daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga memohon agar pihak kastam memberi penjelasan apakah implikasi cukai ini akan mendatangkan kos tambahan kepada pengusaha hotel untuk menaik taraf sistem *point of sale*. Ini kerana apabila GST dilaksanakan, mereka tukar mesin *point of sale* dan

bila cukai ini dilaksanakan, sekali lagi mereka perlu mengeluarkan bajet untuk menaik taraf *point of sale*.

Jadi dengan kata-kata demikian, saya yakin bahawa Yang Berhormat Menteri dan kerajaan akan memberi pertimbangan kepada apa yang telah saya bangkitkan tadi. Semuanya atas niat yang paling ikhlas untuk kita sama-sama memberi pendapatan yang lebih kepada kerajaan dan kita yakin dengan pendapatan yang lebih, kerajaan lebih boleh melaksanakan banyak lagi program pembangunan atau program kebajikan untuk membantu rakyat dan negara kita. Sekian, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili. Diharap kami dapat dijemput ke Kuching, Sarawak. Sekarang kita mempersilakan pula Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh.

### 6.37 ptg.

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Berhormat Menteri sendiri hadir pada petang ini, kepada sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri pun hadir dan kepada sahabat-sahabat Ahli Dewan Negara. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Pertamanya, saya mengucapkan jutaan setinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri selaku Menteri Pelancongan dan Kebudayaan dan juga kepada pegawai-pegawai kementerian serta individu-individu yang terlibat dalam memastikan Rang Undang-undang Cukai Pelancongan 2017 diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menarik perhatian kepada cukai pelancongan ini iaitu tentang penginapan. Di kementerian-kementerian ataupun di jabatan-jabatan di negara kita ini, selalunya mengadakan seminar-seminar ataupun kursus-kursus yang diadakan di hotel-hotel sama ada hotel empat bintang, tiga bintang ataupun yang lebih baik lima bintang. Saya hendak tahu adakah kementerian-kementerian ini ataupun jabatan-jabatan ini yang tidak mencari keuntungan mengenakan cukai ini. Itu yang pertama. Soalan saya pendek sahaja. Dua sahaja.

Kedua, sebagaimana yang kita tahu, negeri Melaka. Saya menarik kepada negeri Melaka. Negeri Melaka ialah negeri pelancongan. Boleh diconfirmkan oleh Yang Berhormat Menteri dan juga negeri bersejarah. Jadi pada tahun 2012, Kerajaan Negeri Melaka melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka telah meluluskan caj warisan sebanyak RM2 satu bilik.

### ■1840

Jadi, saya takut perkara ini kerana purata keuntungan ataupun hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri Melaka sama ada dalam puratanya RM3.5 juta atau RM4 juta setahun. Jadi saya takut benda ini, pelancongan yang datang ke negeri Melaka akan kena dua kali cukai. Jadi saya minta Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan agar terperinci perkara ini kerana hasil-hasil yang didapati daripada caj warisan negeri Melaka ini akan mendatangkan ekonomi bagi negeri Melaka terutama untuk mempromosikan pelancongan atau membaiki tempat-tempat pelancongan dan juga menambah tempat-tempat pelancongan yang ada di negeri Melaka untuk menarik lagi ramai datang ke negeri Melaka. Ini kerana pada 2016, seramai 16 juta orang pelancong datang ke negeri Melaka.

Jadi itu soalan saya agar pihak Kementerian Pelancongan, adakah hasil yang dikutip oleh Kerajaan Pusat akan dapat diberikan berapa peratus kepada Kerajaan Negeri Melaka. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah Salleh. Saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail, tidak ada. Jadi kalau tidak ada, saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab. Sila Yang Berhormat.

#### 6.41 ptg.

**Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya kira apa yang telah dibangkitkan oleh mereka itu adalah cukup relevan.

Pertama sekali Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi, saya ucap terima kasihlah kerana menyokong dan ada permintaan daripada Sarawak. Pertama sekali saya hendak sebutkan di sini, Yang Berhormat ada berkata berkenaan dengan apakah sebenarnya yang hendak dikenakan. Kita akan melakukan ini secara pentadbiran dan sudah tentulah kita akan memaklumkan kepada pihak-pihak *industry player* tentang cukai yang hendak kita kenakan kepada mereka.

Jadi saya boleh sebut di sini, pada peringkat ini iaitu bagi premis penginapan bertaraf lima bintang, kita akan kenakan RM20 satu malam, satu bilik RM20 satu malam. Jadi kalau lima malam RM100 lah. Bagi premis penginapan bertaraf empat bintang, kita kenakan RM10 satu malam. Ia bukan satu kepala ya, satu malam, bilik. Yang ketiga, premis penginapan bertaraf satu hingga tiga bintang RM5 satu malam dan premis penginapan bertaraf orkid dan yang belum mempunyai penarafan kita kenakan RM2.50 satu malam. Jadi ini yang telah kita tentukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua mana-mana premis yang menyewa bilik akan dikenakan dan mereka itu akan dikategorikan, yang mana yang belum daftar, kita akan mendaftarkan mereka. Tidak ada satu hotel ataupun mana-mana pengendali premis akan dikecualikan. Semua akan dikenakan cukai kerana untuk berlaku adil kepada hotel-hotel yang besar yang telah pun diberikan penarafan, untuk berlaku adil kepada mereka jangan ada di kalangan kita memikirkan iaitu kalau kita tidak daftar, kita akan terkecuali. Kita akan cari mereka sampai ke lubang cacing. Baik.

Keduanya, Ahli Yang Berhormat bertanya berkenaan dengan penjawat awam. Bagaimana kalau sekiranya penjawat awam kalau mereka menjalankan tugas, macam sayalah pergi ke Sarawak, saya akan dikategorikan sebagai *tourist* kerana bila masuk hotel lima bintang pula tu, jadi kena bayar. Jadi dalam perkara ini, saya sebut di dalam pembentangan saya sebentar tadi iaitu kita ada fasil 9 yang menerangkan berkenaan kuasa Menteri Kewangan untuk memberi pengecualian seperti berikut, (a) tadi, mengecualikan mana-mana pelancong atau kelas pelancong daripada pembayaran keseluruhan atau sebahagian daripada cukai pelancongan.

Jadi Yang Berhormat sebut tadi Ketua Menteri Sarawak dengan Perdana Menteri Malaysia hubungan cukup baik. Saya kira kalau Ketua Menteri Sarawak telefon kepada Menteri Kewangan, Menteri Kewangan Perdana Menteri, bincanglah benda ini. Jadi oleh kerana fasil 9 ada menyatakan Menteri Kewangan boleh memberi pengecualian, saya percaya iaitu penjawat-penjawat awam,

tentera, polis, kita semua inilah, Senator akan diberikan pengecualian kalau kita menjalankan tugas kita dalam pergi melawat mana-mana tempat yang terpaksa kita menginap satu atau dua, tiga malam di tempat itu ya. Jadi pengecualian sudah pun ada dan ini boleh diberikan oleh Menteri Kewangan kita.

Kemudian, Yang Berhormat telah menyatakan iaitu dulu sebelum 1994, ia diletakkan di bawah federal, bukan *Federal List* ya. Kemudian 1994 ada masuk dalam *Federal List*, kemudian ada pula *Ordinance Tourism Board*, jadi mereka yang menjalankan promosi. Saya hendak maklumkan di sini bahawa kita telah menjangkakan bahawa ini akan merupakan masalah kerana *tourism* ini adalah di antara senarai yang samar-samar. Adakah ia *Federal* atau apakah ia negeri. Untuk mengatasi masalah ini, maka sebab itulah kita membentang rang undang-undang ini kerana dalam Perlembagaan kita apabila datang kepada cukai, itu adalah hak *Federal*.

Jadi untuk mengelak daripada kesamaran ini berlaku maka kita putuskan supaya *tourism tax* ini dibentangkan supaya tidak lagi berlaku apa-apa samaran kerana sememangnya dalam mana-mana negara yang mengamalkan sistem *Federal* apabila datang kepada cukai, itu adalah hak Kerajaan Pusat. Jadi ini tidak berbangkitlah soal sama ada ia *state* atau *Federal*, itu tidak berbangkit lagi kerana cukai adalah hak Persekutuan.

Walau bagaimanapun, saya hendak sebutkan di sini iaitu kalau selama hari ini negeri berkenaan telah pun menjalankan cukainya sendiri, itu boleh teruskan. Bukan bermakna iaitu bahawa apabila ada *tourism tax* ini, maka hak negeri itu terhenti, tidak. Kita boleh sama-sama cukai, negeri boleh cukai, *Federal* pun boleh cukai. Akan tetapi apabila kita merasakan mungkin itu terlalu akan mengenakan cukai kepada orang yang menginap, kalau federal pun *tax*, *state* pun *tax*, jadi mungkin ini akan menyebabkan orang tidak mahu menginap.

Ini kita boleh atasi kalau sekiranya pihak negeri macam Melaka sebut tadi, Melaka dah kutip cukai warisan RM2. Kita boleh ada persefahaman, duduk berbincang dengan pihak Kastam supaya yang RM2 yang dikenakan itu lebih awal oleh kerajaan negeri, kita absorb di dalam kita punya cukai *tourism tax* kita dengan ada persefahaman. Jadi kalau macam RM20 itu, kalau di Melaka persefahaman kita RM2 itu kita akan bagi kepada warisan seperti yang telah dicukaikan, RM18 kita ambil, boleh, tidak ada masalah.

Saya fahamkan itu bahawa di Pulau Pinang pun dia ada *tax* negeri dia sendiri, *council tax* dia, tidak ada masalah kerana perkara ini kita boleh duduk berunding sebab di bawah fasal 9 ini kita ada menyebutkan beberapa perkara yang boleh kita kecualikan iaitu mengecualikan mana-mana orang atau kelas orang yang menjalankan atau mengendalikan operasi premis penginapan daripada mengenakan keseluruhan atau sebagainya, semua kita boleh bincang dengan pihak negeri, tidak ada masalah ya.

#### ■1850

Kemudian, saya hendak sebut di sini yang berhormat, sebenarnya yang membayar ini bukannya hotel ataupun *resort* atau apakah, yang bayar ini adalah orang yang pergi ke situ. Kalau kita pergi melawat negara asing pun, mungkin Yang Berhormat tidak sedar, di Thailand, di Singapura, kita bayar *tourist tax* ini. Akan tetapi *tourist tax* ini dikenakan di- macam di Thailand dikenakan di *airport*. Akan tetapi kalau kita kenakan di *airport*, ini akan memberikan bayangan iaitu kita ada

diskriminasi terhadap *foreign tourist*. Kita mencukai *tourist* yang datang daripada luar negara. Kita menjemput mereka datang ke negara kita untuk bercuti, *vacation* semua, tetapi dalam masa yang sama bila mereka keluar kita cukai dia. Itu cukup tidak adil. Mungkin kalau dapat diketahui oleh *foreign tourist* mungkin dia pun tidak rasa *being treated fairly*.

Oleh kerana itu kita kena kutip di hotel kerana kita hendak kutip juga daripada *tourist* di dalam negeri. Saya percaya kalau kita di dalam negeri kalau kita tidak menjalankan tugas, duduk hotel lima bintang, kita pergi *holiday*, kita mampu, kita mampu untuk bayar RM20 lima bintang. Orang yang pergi duduk lima bintang semua mampu sudah. Akan tetapi kalau kita kenakan RM20 walaupun di *local*, maka *tourist* daripada luar negara tidak merasakan bahawa mereka itu di anak tirikan, mereka tidak didiskriminasikan. Kita beritahu kepada mereka cukai ini dikenakan kepada *tourist*, tidak kira dia luar negeri atau dalam negeri, sama sahaja. Ini akan menyebabkan mereka merasa tidak didiskriminasikan dan mereka akan terus melawat negara kita kerana kita berlaku adil kepada mereka.

Yang Berhormat, saya kira kalau saya orang Sarawak, saya sokong ini tanpa berbelah bahagi. Ini sebab hotel yang banyak ini di Kuala Lumpur, di Kuala Lumpur yang banyak. Kemudian kalau orang datang daripada luar negara, sebelum dia pergi ke Sarawak pun, dia datang Kuala Lumpur dulu. Jumlah bilik penginapan di Kuala Lumpur dan di Pulau Pinang jauh melebihi bilik yang disewa di Sarawak, sebagai contoh. Jadi kalau kita tidak kenakan cukai ini, maka kesianlah macam di Perlis, negeri Kelantan, Kedah. Hotel tidak ada, tidak banyak.

Jadi, kita hendak buat juga promosi untuk mereka. Jadi kalau saya datang daripada negeri macam Sarawak yang *resortnya* tidak begitu banyak, di Semenanjung ini, di Kuala Lumpur ini hotel banyak, orang semua datang sini, jadi kalau kita kenakan cukai di Kuala Lumpur, kita boleh belanja untuk di negeri Sarawak. Jadi yang untungnya negeri-negeri yang penduduknya kecil, jumlah *resortnya* tidak banyak. Jadi sebab itu saya rasa kita di Sabah atau di Sarawak, pertama sekali bukan kita yang bayar hotel, yang bayar ialah orang yang pergi tidur, yang menginap. Keduanya, hotel banyak di Kuala Lumpur. Jadi kita kutip di Kuala Lumpur dan kita belanja di Sarawak. Itu adil. Itu adil kepada Perlis. Langkawi sebagai contoh pun banyak, cukai dia juga dan cukai itu kita guna untuk semua negeri kita.

Kita akan promosi dan Perdana Menteri telah memaklumkan kepada saya, dia juga meminta kepada saya. Dia kata, “*Nazri, you kutip duit nanti, 40 peratus tu you bagilah I sama*”. Untuk apa? Untuk pembangunan. Contoh, macam hendak buat jeti. Hendak buat jeti katalah hendak pergi tengok kelip-kelip, jadi dia boleh guna duit ini. Ini kerana kalau jeti tu tidak bagus, nanti orang pijak semua jatuh, jadi publisiti kepada *tourism* ini tidak bagus. Jadi Perdana Menteri ada beritahu saya, “*Nazri you boleh ambil 60 peratus untuk promosi tetapi 40 peratus you berilah kepada saya*”. Tengok itu, saya hendak beritahu cerita ini fasal apa, sebab orang kata duit ini kalau masuk dalam kastam, dia guna untuk benda lain.

Ini Perdana Menteri minta pada saya. Oleh sebab tu dalam sini juga disebut dengan persetujuan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan. Dia ada sebut. Dia ada sebut di situ, bermakna okeylah. Kita belanja untuk pelanconganlah itu. Kalau sekalipun Perdana Menteri ambil 40 peratus di sini, dia akan belanjakan untuk *development*. Kita akan beri dewan untuk *homestay* dan macam-macam lagi. Jadi sebab itu pada keseluruhannya, saya lihat bahawa cukai ini sebenarnya akan

banyak membantu negeri-negeri yang tidak mempunyai *resort* yang banyak, tidak boleh kutip duit, maka bila tidak boleh kutip duit macam mana promosi mereka, macam mana hendak buat projek di negeri mereka, melainkan kita cukai semua, berlaku adil, semua negeri kita cukai. Akan tetapi kita tahu di Kuala Lumpur yang banyak sekali dan duit di Kuala Lumpur inilah yang akan kita akan agih-agihkan kepada semua negeri.

Kemudian, Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah Salleh bercakap tentang macam mana kita ada seminar di hotel semua, ini ada pengecualiannya. Dengan jelas disebut dia di bawah fasa 9, Menteri Kewangan boleh memberi pengecualian kepada mana-mana pelancong atau kelas pelancong daripada pembayaran keseluruhan atau sebahagian daripada cukai pelancongan. Itu dia. Maka kalau kerajaan, pejabat-pejabat Kerajaan Pusat, pejabat-pejabat kerajaan negeri, dia hendak ada seminar, kita bolehlah kecualikan.

Ini sebab seminar itu menguntungkan masyarakat kita dalam bidang-bidang tertentu, so boleh dikecualikan. Mohon sahajalah. Akan tetapi kalau luar negeri tu dia buat, kita tidak boleh kecualilah. Kita kena cukai dia betul-betullah. Macam kita ada *World Dental Conference*, takkan kita hendak bagi, dia duit banyak. Jadi dia bawa masuk duit dan dia pun tidak tahu kena RM20, tidak sedar pun. Kalau dia datang daripada Eropah, RM20 tu baru 4 Euro sahaja. 4 Euro *breakfast* di Paris pun belum tentu boleh makan seorang tau.

Jadi ini 4 Euro *too small*, kecil sangat, dia tidak sedar pun. Kita kena ingat kita punya 5 Star hotel macam Shangri La, bilik dia baru RM600. RM600 dalam 120 Euro. Kita duduk di Paris satu malam 500 Euro, 5 Star. Ini di Kuala Lumpur, 120 Euro sahaja, 5 Star. Takkan dia tidak boleh bayar 4 Euro satu malam. Dia inilah sebenarnya yang kita hendak cukai sebab mereka datang ke negara kita, *World Economic Forum* telah menyatakan bahawa Malaysia adalah negara yang ketiga termurah, *money for value*.

Kita duduk sini, memang apa yang dibelanjakan itu memang menguntungkan mereka. Singapura sebagai contoh, dia datang duduk sini, dia bayar satu perkara tiga daripada tarif bilik di Singapura. Sebab apa, SGD1 sama dengan RM3. Jadi duit dia orang ini yang kita hendak. Dia orang datang 26.8 juta dalam ucapan saya sebentar tadi, bayangkan kalau dia datang duduk di hotel kita, kita kenakan ini. Jumlah yang kita akan kutip sebenarnya mengikut anggaran kita kalau 60 percent *occupancy rate* dengan hotel yang berdaftar di negara kita pada hari ini, kita akan dapat kutip dalam RM600 juta dalam satu tahun. Satu jumlah yang besar. Itu hotel yang berdaftar. Kita tidak masuk Airbnb lagi. Selepas ini kita akan cari lagi semua ini, Airbnb, mana sahaja kita akan cari.

Akan tetapi *homestay* kita kecualikan sebab *homestay* ini orang kampung, dia hendak cari pendapatan tambahan. Saya hendak sebut di sini kita ada beri pengecualian kepada empat kategori premis iaitu pertama, *homestay* yang berdaftar di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Itu kita kecualikan sebab ini adalah usaha kepada *local community* untuk mereka juga mendapat manfaat daripada *tourism* di negara kita. Kemudian kita juga kecualikan *kampungstay* yang berdaftar di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Ketiga, premis penginapan yang dikendalikan oleh institusi pendidikan atau latihan dan bukan untuk tujuan komersial, itu juga kita kecualikan.

Keempat, premis penginapan yang dikendalikan oleh institusi keagamaan dan bukan untuk tujuan komersial, itu juga kita kecualikan.

■1900

Jadi jangan bimbanglah orang kampung ya. Di Perliskah, di Perlis hujung negeri itu, jangan bimbanglah. Kita tidak akan cukai mana-mana *homestay* ataupun kampung *stay* yang berdaftar dengan kita. Kemudian, caj warisan saya sudah jawab. Itu kita boleh duduk bersama. Jadi kalau katalah hendak memastikan supaya jangan ada *double charge*, kita boleh duduk berunding. Melaka punya yang kita kutip daripada hotel Melaka, kita akan bagi balik kepada dia sebagai caj warisan *on top of* yang lain lagi. Makna yang *you* sudah kutip kerana memang kita pun untuk promosi. Kalau kita caj warisan, itu untuk mempromosikan *heritage* kita. Jadi, kita boleh bagi balik.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu sajalah yang saya hendak jawab dan saya ucapkan berbanyak terima kasih di atas perkara-perkara yang telah dibangkit dan saya harap penjelasan yang telah saya berikan itu adalah memuaskan. Kalau tidak boleh tulis surat kepada saya dan saya akan jawab secara bertulis. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri Menteri kita yang telah menjawab dengan paling, dengan lebar dengan rang undang-undang tadi dan jelas ya. Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 70 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Razali bin Ibrahim) dan diluluskan]*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN) 2017****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2017 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua. Masalah jenayah seksual dan keganasan rumah tangga dalam masyarakat kita pada hari ini adalah satu masalah yang tidak berkesudahan yang kalau tidak ditangani akan mengancam pembinaan institusi kekeluargaan, menjelaskan keharmonian sosial, malah boleh menghancurkan masa depan negara.

Selaras dengan usaha kerajaan untuk membendung kes keganasan rumah tangga serta kes yang berkaitan dengan jenayah seksual ini, kerajaan bercadang untuk membuat beberapa penambahbaikan di dalam Kanun Keseksaan. Secara amnya, Rang Undang-undang Kanun Keseksaan kepada kesalahan yang dilakukan terhadap bekas suami atau bekas isteri, kanak-kanak, orang dewasa tidak berkeupayaan atau anggota lain keluarga dan orang ini adalah seperti yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dan ia tidak hanya dihadkan bagi mereka yang masih dalam hubungan perkahwinan sah sahaja.

*[Tuan Yang di-Pertua mempergerusikan Mesyuarat]*

Melalui cadangan pindaan ini, seseorang yang menyebabkan kecederaan terhadap bekas suami atau isterinya, kanak-kanak, orang dewasa tidak berkeupayaan atau anggota lain, keluarga dan kemudian disabitkan dengan mana-mana kesalahan di bawah seksyen 323, seksyen 324, seksyen 325, seksyen 326, seksyen 334 atau seksyen 335 Kanun Keseksaan, mahkamah boleh mengenakan hukuman penjara untuk tempoh yang boleh sampai dua kali tempoh maksimum yang dia boleh dikenakan, sekiranya disabitkan dengan kesalahan itu di bawah seksyen berkaitan, walau apa pun hukuman lain denda atau sebatan diperuntukkan bagi seksyen itu. Dalam erti kata lain, dengan cadangan pindaan ini, hukuman penjara menjadi hukuman mandatori dikenakan ke atas pesalah terbabit.

Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua baru.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sama juga.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Usaha kerajaan untuk mencegah jenayah seksual bukan sahaja yang melibatkan mangsa kanak-kanak malah turut merangkumi kesalahan seksual terhadap masyarakat secara umum. Sehubungan dengan itu, kerajaan bercadang untuk memindahkan seksyen 377CA Kanun Keseksaan untuk memperluas dan memperjelas pemakaian seksyen 337CA Kanun Keseksaan sedia ada kepada kes yang melibatkan perhubungan seks dengan memasukkan mana-mana anggota badan seperti jari atau lidah selain zakar ke dalam faraj atau dubur mangsa.

Cadangan pindaan ini dibuat untuk merangkumi mana-mana bahagian badan selain zakar yang digunakan dan dimasukkan ke dalam faraj atau dubur mangsa dalam kesalahan yang boleh dipertuduhkan di bawah seksyen 377CA Kanun Keseksaan.

Seterusnya, pindaan juga bertujuan untuk memasukkan dokumen luah bagi mengukuhkan larangan penjualan, pengedaran, pemilikan, penyewaan, penghasilan, pengiklanan, pembelian dokumen luah dan lain-lain perbuatan yang disebut di bawah seksyen 292, Kanun Keseksaan.

Perincian dokumen adalah sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 29, Kanun Keseksaan. Sebagai contoh, fotografi atau rakaman visual lain dan perkara yang dirakam disimpan, diproses atau dihasilkan semula atau dihasilkan oleh komputer.

Akhir sekali, sebagai bukti bahawa kerajaan mengambil perhatian serius akan kesalahan seksual ini, kerajaan juga bercadang untuk menjadikan hukuman sebat sebagai hukuman mandatori bagi kesalahan seksual di bawah seksyen 376 bagi hukuman rogol, seksyen 376B hukuman bagi sumbang mahram, seksyen 377B hukuman melakukan persetubuhan seksual yang bertentangan dengan aturan tabii, seksyen 377C hukuman melakukan persetubuhan seksual yang bertentangan dengan aturan tabii tanpa kerelaan dan seksyen 337E kesalahan merangsang kanak-kanak kepada perbuatan keluahan melampau di bawah Kanun Keseksaan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi 10 fasal iaitu fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk memasukkan dokumen luah sebagai sebahagian daripada perkara yang dilarang untuk dijual dan sebagainya di bawah seksyen 292, Kanun Keseksaan. Bagi maksud ini, dokumen itu termasuklah kandungan luah dalam talian.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 293 Kanun Keseksaan untuk memasukkan dokumen luah sebagai sebahagian daripada perkara yang dilarang untuk dijual dan sebagainya. Di bawah seksyen 293 Kanun Keseksaan kepada mana-mana orang yang berumur di bawah 20 tahun.

#### ■1910

Fasal 4 bertujuan untuk menggantikan seksyen 326A, Kanun Keseksaan sedia ada dengan seksyen baru 326A untuk memperluas pemakaian seksyen ini kepada orang seperti bekas suami atau isteri, kanak-kanak, orang dewasa tidak berkeupayaan atau anggota lain keluarga dan orang ini adalah seperti yang ditakrifkan dalam seksyen 2, Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dan tidak terhad bagi mereka yang masih dalam perkahwinan yang sah sahaja.

Fasal 5, fasal 6, fasal 7, fasal 8 dan fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 376, seksyen 376B, seksyen 377B, seksyen 377C dan seksyen 377E untuk menjadikan hukuman sebat mandatori bagi kesalahan seksual dalam Kanun Keseksaan.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda seksyen 377CA, Kanun Keseksaan sedia ada untuk memperluas pemakaian seksyen ini bagi kesalahan yang melibatkan perhubungan seksual dengan menggunakan mana-mana bahagian badan selain zakar. Pindaan yang dicadangkan ini adalah selaras dengan keputusan mahkamah rayuan dalam kes '*Shafie bin Awang lawan Public Prosecutor*' yang menurutnya mahkamah telah memutuskan dan mentafsirkan bahawa 'jari' termasuk dalam erti takrif objek di bawah seksyen 377CA Kanun Keseksaan.

Cadangan pindaan ini dibuat bagi maksud penjelasan. Oleh itu perkataan, “atau di mana-mana bahagian badan selain zakar”, dicadangkan untuk dimasukkan selepas perkataan, “apa-apa objek” dalam seksyen 377CA Kanun Keseksaan.

Dengan cadangan pindaan ini, apabila terdapat kes bagi apa-apa kesalahan yang melibatkan perhubungan seksual dengan objek di bawah seksyen 377CA Kanun Keseksaan yang melibatkan mana-mana bahagian badan seperti jari atau lidah, pendakwaan boleh dimulakan di bawah seksyen 377CA Kanun keseksaan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini menunjukkan bahawa langkah serius kerajaan untuk menangani salah laku yang melibatkan jenayah seksual dan keganasan rumah tangga dalam masyarakat yang semakin berleluasa pada hari ini.

Jika semalam Dewan ini dengan sebulat suara telah meluluskan Rang Undang-undang Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017, maka sebagai satu usaha untuk melindungi kanak-kanak daripada menjadi mangsa jenayah seksual, hari ini saya ingin mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat semua untuk turut menyokong pindaan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan ini sebagai usaha untuk membanteras jenayah seksual secara umumnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Kanun Keseksaan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk bahas. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun.

### 7.13mlm.

**Dato' Indera Hoh Khai Mun:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang untuk saya membahaskan pindaan akta Kanun Keseksaan ataupun Akta 574 pada hari yang mulia ini. Pindaan yang telah pun dicadangkan boleh dilihat sebagai satu langkah positif dalam usaha untuk menambahbaikkan sistem keadilan di negara kita. Namun terdapat juga beberapa isu ingin saya bangkitkan dan masih perlu ditangani supaya undang-undang dapat dijadikan lebih komprehensif.

Tuan Yang di-Pertua, dengan merujuk kepada seksyen 377, Akta 574, perkara yang perlu dipuji adalah pindaan ini dapat menangani isu rogol dengan menggunakan jari seperti dalam kes Bunya Jalong di bandar Sibu pada tahun 2011 kerana definisi rogol sebelum ini adalah amat terhad. Sekarang saya bangga menyatakan bahawa pindaan ini dapat meluaskan definisi “*sexual connection by object*”, dengan izin, untuk merangkumi bahagian-bahagian badan selain daripada seksual alat kelamin. Ini adalah satu kemajuan ke arah keberkesanan undang-undang di negara kita. Dengan perubahan ini, mangsa boleh mendapatkan akses kepada ganjaran pada masa hadapan.

Walau bagaimanapun mangsa rogol tidak semestinya semua wanita, yang lelaki juga boleh dijadikan mangsa jenayah rogol. Pada masa ini walaupun seorang wanita memaksa seseorang lelaki untuk melakukan persetubuhan, dia tidak boleh disabit atas kesalahan merogol. Definisi rogol dalam

undang-undang tidak meliputi demografi lelaki dan ini menjadi satu halangan untuk mereka untuk mendapatkan keadilan.

Undang-undang di negara lain mengamalkan definisi rogol yang boleh dilihat sebagai lebih menyeluruh. Sebagai contoh dalam seksyen 1(1)(a), Akta Kesalahan Seksual 2003 di England, definisi rogol termasuk semua tiga anggota badan, iaitu mulut, faraj dan dubur untuk menjadikan lebih *gender neutral*, dengan izin. Dengan itu definisi ke atas perogol perlu dipertimbangkan agar pindaan untuk menjadi lebih *gender neutral*, dengan izin, supaya semua individu dapat dilindungi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung rogol dalam perkahwinan. Selain itu terdapat juga isu yang timbul akibat masalah kelemahan definisi rogol dalam Kanun Kesekeaman yang perlu diberi perhatian iaitu isu rogol dalam perkahwinan. Apabila isu ini dibangkitkan, ia dianggap sebagai suatu isu yang penting untuk dibincangkan dan isu ini selalu diketepikan. Ini memudaratkannya hak-hak wanita di negara ini lebih-lebih lagi sebagai, dengan izin, apabila Malaysia ialah *signatory*, dengan izin, kepada konvensyen mengenai penyingkiran semua bentuk diskriminasi terhadap wanita kita sepatutnya memenuhi kewajipan kita terhadap konvensyen tersebut.

Menurut Ketua Jabatan Kecemasan dan Trauma di Hospital Kuala Lumpur, antara bulan Januari dan bulan Oktober tahun lalu, kira-kira 4,000 kes penderaan rumah tangga dilaporkan termasuk insiden penderaan fizikal, rogol dan penderaan anak. Kita tidak boleh berpura-pura menganggap seolah-olah masalah ini tidak wujud. Hubungan seks di antara suami dan isteri tanpa rela sebenarnya tidak patut diterima sebagai normal dalam zaman ini. Saya mencadangkan bahawa definisi rogol dipinda untuk menjadikannya rogol dalam perkahwinan sebagai jenayah ataupun insiden keganasan dalam perkahwinan di bawah seksyen 375A perlulah dipinda untuk meliputi rogol dalam perkahwinan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan perbahasan untuk kesalahan menghentak atau, dengan izin, *stacking*. Saya ingin membangkitkan bahawa satu daripada soalan Parlimen saya yang berkait dengan isu yang sama tetapi telah ditolak. Namun saya ingin menjelaskan bahawa tujuan saya membangkitkan isu ini adalah kerana terdapat kes-kes menyatakan bahawa mereka menghadapi halangan untuk membantu wanita yang kerap diganggu atau *stacking*, dengan izin, oleh bekas suami.

Soalan Parlimen saya ditolak atas sebab *hypothetical*, dengan izin. Maka berikut ialah hujah saya. Menurut laporan tahun 2013 oleh pertubuhan bukan kerajaan iaitu *Women's Aid Organization*, dengan izin didapati 26 peratus golongan wanita yang menghadapi keganasan rumah tangga di *stacking* oleh pendera mereka.

#### ■1920

Sekiranya peratusan ini diambil kira terhadap hampir 900,000 orang wanita berkahwin yang pernah menghadapi keganasan rumah tangga, kita boleh mengandaikan bahawa lebih kurang 250,000 sehingga 300,000 wanita pernah dihendak oleh pemangsa. Bilangan sebenar kes-kes menghendap ataupun, dengan izin, *stalking* sukar ditentukan kerana anggaran ini tidak termasuk pihak lelaki, kanak-kanak dan wanita yang tidak pernah berkahwin yang juga menjadi mangsa jenayah ini.

Dimaklumkan bahawa kesalahan *stalking* kerap dikaitkan dengan keganasan rumah tangga dan jenayah lain termasuk pembunuhan. Di sini saya ingin menarik perhatian sekalian kepada satu contoh kes yang berlaku di Malaysia di mana seorang lelaki menembak mati bekas isterinya sebelum dia menembak pula dirinya di sebuah firma guaman di Jalan Chow Kit dua bulan yang lalu. Sebelum melakukan pembunuhan, lelaki tersebut telah mengganggu bekas isterinya di tempat kerja sejak penceraian mereka lima tahun yang lalu. Disebabkan gangguan bekas suami tersebut, mangsa terpaksa menukar tempat kerjanya dan pernah membuat laporan polis terhadap bekas suaminya. Namun begitu, undang-undang negara kita setakat ini tidak dapat menangani isu *stalking* sebelum keadaan tersebut dapat dijadikan parah seperti dalam kes di atas.

Selain itu, terdapat juga beberapa kes di mana mangsa telah meminta bantuan polis selepas banyak insiden *stalking* tetapi tidak dapat dilindungi. Mangsa telah diserang dan ibu jari turut terputus. Ekoran itu, mangsa keganasan telah membuat laporan polis, namun kes itu diklasifikasikan sebagai tiada tindakan selanjutnya atau *no further action*, dengan izin. Ini hanya beberapa contoh yang menunjukkan cara kes *stalking* boleh membawa kepada kesalahan yang lebih serius.

Mereka yang melakukan *stalking* dalam konteks ini adalah mereka yang berkebolehan menjadi ancaman fizikal kepada mangsa. Sekiranya ini dibiarkan berleluasa, sikap *obsess* menghendak akan meningkat dan kehidupan mangsa wanita akan terjejas. Sekiranya mangsa tidak dicederakan secara fizikal, pengalaman tersebut boleh meninggalkan luka emosi dan mental yang mendalam.

Oleh kerana ini, terdapat banyak negara telah mengiktiraf *stalking* sebagai satu jenayah seperti negara Singapura, Filipina, India, United Kingdom, Amerika Syarikat, Kanada dan lain-lain lagi. Di Singapura, kementerian perundangannya telah kerjasama dengan agensi-agensi berkaitan dan pihak yang berkepentingan untuk menggubal undang-undang dan prosedur terperinci untuk menangani pelbagai bentuk tingkah laku, gangguan atau *harassment*, dengan izin, yang termasuk *harassment* yang dilakukan sama ada secara fizikal atau *online*. Hasilnya, rang undang-undang *Protection From Harassment 2014*, dengan izin, diperkenalkan supaya undang-undang *harassment*, dengan izin, merangkumi *cyber bullying*, dengan izin, untuk memperkenalkan kesalahan *stalking* serta memperkenalkan lebih kategori hukuman dan remedii. Ini adalah contoh yang kita perlu mengikuti.

*Stalking* perlulah dijadikan sebagai satu bentuk jenayah dalam Kanun Keseksaan ini. Ini adalah penting terutamanya kepada pihak isteri selepas pembubaran perkahwinan yang menjadi mangsa *stalking* oleh bekas suaminya. Bagi mangsa tersebut, laporan kepada pihak polis tidak akan membantu kerana dalam Akta Keganasan, kesalahan ini tidak dikira sebagai jenayah.

Saya ingin memaklumkan bahawa di dalam Akta Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017, ia dicadangkan bahawa seksyen 2 dipinda supaya ugutan terhadap mangsa dengan niat untuk menakutkan mangsa akan dijadikan sebagai sesuatu kesalahan.

Perlu diingatkan bahawa jika *stalking* dikategorikan sebagai jenayah di bawah akta ibu, ini tidak bermaksud kita boleh menangkap orang sewenang-wenangnya. Ujian perlulah dilakukan untuk memastikan bahawa tingkah laku individu tersebut telah menyebabkan seseorang yang munasabah berasa takut atau menukar gaya hidup mereka akibat ugutan individu tersebut. Undang-undang

*stalking* seperti ini perlulah diberi perhatian terutamanya dalam zaman digital ini di mana dia begitu mudah bagi seseorang individu untuk mendapatkan maklumat peribadi orang lain.

Saya mencadangkan agar kerajaan dapat mempertimbangkan pindaan undang-undang untuk menangani isu ini. Kami sebagai pemimpin negara ini patut lebih proaktif dan memiliki kebolehan untuk mengenal pasti serta memperbetulkan kelemahan dalam sistem perundangan kita dan bukannya menunggu sehingga wujud pergolakan dalam masyarakat sebelum mengambil tindakan.

Secara keseluruhannya, pindaan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini boleh dilihat sebagai suatu usaha yang baik oleh pihak kerajaan untuk menangani beberapa kelemahan undang-undang dalam negara kita.

Oleh itu, saya menyokong Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2017 dengan harapan bahawa usaha akan diteruskan untuk memperkuatkan lagi perlindungan yang diberikan kepada rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

**7:27 mln.**

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun, satu pandangan yang dibawa yang akan saya kupas dan ulas sekejap lagi. Tidak panjang pun.

Cuma di awal tadi dia sebut seksyen 377 Kanun Keseksaan. Seksyen 377 ini ialah perlakuan seks dengan haiwan, bukan rogol. Yang dirujuk itu adalah tentang perkara rogol tapi seksyen 377 itu fasal hubungan seks dengan haiwan.

Namun begitu, apa yang dibangkitkan tentang lelaki dirogol oleh wanita, menghendap atau *stalking* dan juga rogol dalam perkahwinan, sebenarnya ketiga-tiga perkara Yang Berhormat bangkitkan ini adalah sangat *valid* kerana rang undang-undang yang kita bentangkan ini adalah langkah awal untuk kita memperketat kesalahan seksual di bawah Kanun Keseksaan. Pihak Peguam Negara sedang dalam kajian untuk kita melihat bagaimana perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu dapat kita bawa sebagai satu kesalahan.

Saya setuju, sebagai contoh, rogol dalam budaya atau kehidupan kita selalu merujuk kepada lelaki melakukan perbuatan seksual kepada wanita, tidak sebaliknya. Akan tetapi banyak tempat lain sudah mengiktiraf atau menerima itu juga sebagai satu kesalahan dan kita sedang mengkaji perkara tersebut.

Soal tentang menghendap, saya rasa satu perkara yang juga *valid* yang kita sedang kaji sekarang kerana apa beza *stalking*, menghendap dengan melihat pornografi, video lucah. Sama sebenarnya. Cumanya, kesalahan itu tidak ada di dalam Kanun Keseksaan- yang kita di peringkat kajian, dan *insya-Allah*, bila tiba waktunya selesai *engagement* dengan pihak-pihak berkepentingan, saya tidak menolak kemungkinan ia juga akan dibawa sebagai perkara-perkara yang menjadi kesalahan di bawah Kanun Keseksaan.

**■1930**

Jadi saya hendak ucapkan Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator kerana memberi satu perspektif yang walaupun tidak disebut dalam pembentangan saya, kerana ia tidak berkaitan dengan pindaan yang kita bawa, tetapi perkara itu sebenarnya merupakan satu perkara yang pada saya mempunyai asas untuk kita pertimbangkan bagi dilaksanakan.

Ya, itu sahaja jawapan atau ulasan saya kepada perkara yang dibangkitkan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ini ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Halimah binti Mohd. Sadique) dan diluluskan]*

### USUL MENTERI DALAM NEGERI

#### AKTA KESALAHAN KESELAMATAN (LANGKAH-LANGKAH KHAS) 2012

##### 7.33 mlm.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Majlis ini membuat suatu ketetapan menurut subseksyen 4(11), Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 supaya subseksyen 4(5), Akta ini hendaklah terus berkuat kuasa bagi tempoh 5 tahun lagi mulai dari 31 Julai 2017”.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 iaitu SOSMA merupakan satu akta yang digubal khusus untuk mengadakan peruntukan bagi langkah-langkah khas yang berhubungan dengan kesalahan keselamatan bagi maksud mengekalkan ketenteraman awam dan keselamatan dan perkara-perkara yang berbangkit dengannya.

Sehubungan itu, akta ini telah memperuntukkan tempoh tahanan kepada pihak polis selama 28 hari bagi tujuan siasatan.

Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, akta ini telah pun dikuatkuasakan pada 31 Julai 2012 melalui Warta Kerajaan, PU(B)256/2012. Bermula daripada tarikh penguatkuasaan, semua prosedur tangkapan bagi kes-kes keselamatan telah pun dibuat di bawah akta ini. Antara kesalahan-kesalahan yang boleh diambil tindakan di bawah akta ini adalah seperti berikut:

- (i) Bab VI kesalahan terhadap negara di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574);
- (ii) Bab VIA kesalahan berhubungan dengan keganasan di bawah Kanun Keseksaan;
- (iii) Bab VIB jenayah terancang di bawah Kanun Keseksaan;
- (iv) Bahagian IIIA (Penyeludupan Migran) di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Akta 670); dan
- (v) Akta Langkah-langkah Khas Menentang Keganasan di Luar Negara tahun 2015 (Akta 770).

Sebagai suatu undang-undang yang digubal khusus untuk menangani ancaman keselamatan, akta ini mempunyai peruntukan kuasa-kuasa khas. Antaranya di bawah seksyen 4(4). Di mana, mana-mana pegawai polis boleh bagi tujuan siasatan boleh menangkap dan menahan tanpa waran untuk tempoh selama 24 jam, mana-mana orang disyaki terlibat dengan kesalahan keselamatan.

Kedua, di bawah subseksyen 4(5). Orang-orang yang ditangkap dan ditahan di bawah subseksyen 4(4) itu boleh bagi tujuan siasatan dilanjutkan penahanannya untuk tempoh sehingga 28 hari oleh mana-mana pegawai polis yang berpangkat sekurang-kurangnya penguasa polis.

Tuan Yang di-Pertua, semasa akta ini digubal, tempoh kuat kuasa subseksyen 4(5) ini dihadkan kepada lima tahun sahaja bagi mengelakkan persepsi bahawa ia akan disalahgunakan oleh pihak polis di samping bertujuan untuk mewujudkan elemen semak dan imbang iaitu *check and balance*, dengan izin, di dalam penguatkuasaannya.

Walau bagaimanapun, tempoh kuat kuasa peruntukan subseksyen 4(5) boleh dilanjutkan sebagaimana kehendak yang dinyatakan dalam seksyen 4(11) akta melalui satu ketetapan yang diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen. Jadi pada hari ini, usul ini hanyalah berkenaan dengan satu perkara iaitu untuk cadangan perlanjutan tempoh kuat kuasa subseksyen 4(5) akta ini yang juga merupakan kali pertama dibuat semenjak akta ini dikuatkuasakan lima tahun lepas.

Peruntukan subseksyen 4(5) akta ini perlu dilanjutkan dan tempoh tahanan 28 hari dikekalkan kerana ia masih diperlukan bagi memberikan kekuatan kepada akta ini yang memerlukan siasatan dibuat dengan teliti terutamanya dalam mendapatkan keterangan dan mengesan rakan si penjenayah yang masih bebas. Tempoh tersebut juga akan membantu pihak polis menjalankan siasatan dan melancarkan proses pendakwaan di mahkamah.

Walaupun secara realitinya pihak polis mempunyai 28 hari untuk melakukan penyiasatan, namun secara tersiratnya pihak polis hanya mempunyai tempoh 21 hari sahaja untuk membuat penyiasatan yang lebih lanjut. Hal ini berikutan baki tujuh hari tersebut pihak polis perlu menyerahkan kertas siasatan yang telah lengkap kepada Jabatan Peguam Negara untuk arahan yang selanjutnya.

Sekiranya berdasarkan penilaian oleh Jabatan PEGUAM NEGARA terdapat bukti-bukti yang menyokong penglibatan seseorang yang ditangkap dengan kesalahan yang disabitkan ke atasnya, maka tindakan pendakwaan di mahkamah akan dibuat.

Dalam tempoh siasatan tersebut juga, pihak polis perlu mengkaji segala maklumat hasil siasatan mahupun mendapatkan maklumat daripada agensi-agensi penguatkuasaan yang lain seperti Bank Negara Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan juga Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Tempoh ini amat kritikal di mana agensi yang dirujuk tersebut perlu membekalkan maklumat yang diperlukan oleh pihak polis di dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum tamatnya 21 hari siasatan. Tambahan pula, tangkapan yang melibatkan kesalahan *terrorism*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja penyiasatan akan menjadi lebih rumit berikutan golongan ini yang mempunyai ideologi yang tersendiri.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa subseksyen 4(5) ini dilanjutkan dan jumlah tahanan 28 hari dikekalkan, kualiti siasatan pihak polis dikhuatiri akan terjejas kerana ia dibuat secara tergesa-gesa iaitu selama 24 jam yang pertama dan untuk sahaja. Untuk menjalankan siasatan, terpaksa menyediakan kertas siasatan dan melengkapkan kertas siasatan dan seterusnya mengemukakannya kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk arahan selanjutnya.

Dengan kemajuan teknologi komunikasi dan pengangkutan pada masa ini, pesalah yang dilepaskan selepas tempoh biasa akan mengambil kesempatan untuk bersembunyi ataupun melarikan diri ke luar negara. Kita juga sedia maklum bahawa dunia pada masa kini sedang menghadapi cabaran atau ancaman daripada kumpulan pengganas Daesh. Tiada satu negara dunia yang boleh mendabik dada bahawa mereka bebas sepenuhnya daripada ancaman kumpulan Daesh. Kita harus sedar bahawa terdapat segelintir rakyat Malaysia yang sanggup berjuang bersama-sama dengan kumpulan pengganas yang lain juga.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sejak akta ini mula dikuatkuasakan sehingga 28 Februari 2017, sebanyak 989 orang telah ditangkap oleh pihak polis yang melibatkan pelbagai kesalahan keselamatan yang disenaraikan di bawah Jadual Pertama akta ini.

#### ■1940

Pada masa yang sama, pihak polis juga telah berjaya mengenal pasti seramai 95 orang rakyat Malaysia yang berada di kawasan bergolak di Iraq dan Syria. Daripada jumlah tersebut, seramai lapan orang telah kembali ke dalam negara dan kesemuanya telah berjaya ditangkap. Tidak dapat dibayangkan apa yang boleh dilakukan oleh mereka yang berpengalaman yang berada di kawasan bergolak seperti di Iraq dan Syria ke atas keselamatan negara apabila mereka pulang. Mungkin lebih hebat lagi daripada insiden serangan bom tangan di Puchong pada 28 Jun 2016. Kita tidak mahu keamanan dan kesejahteraan dalam ekonomi, sosial dan politik yang kita nikmati selama ini lenyap sekelip mata dan dunia menuju kita sebagai penggerak kumpulan pengganas tersebut.

Untuk rekod, pelaku serangan bom tangan di Puchong telah pun didapati bersalah dan dijatuhan hukuman penjara 25 tahun oleh Mahkamah Tinggi. Oleh itu, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 ini adalah mekanisme yang terbaik bagi menangani ancaman keselamatan. Tangkapan dan dakwaan ke atas mereka yang terlibat dalam aktiviti kumpulan pengganas ini dapat mengelakkan negara kita daripada terus terancam. Oleh itu, tempoh kuat kuasa

subseksyen 4(5), Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 ini perlu dilanjutkan selama lima tahun lagi bermula 31 Julai 2017.

Untuk makluman Dewan ini juga, Kementerian Dalam Negeri telah mengadakan sesi *engagement* bersama Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) pada 29 Mac 2017. Semasa sesi tersebut, kementerian telah menerangkan keperluan mengapa tempoh tahanan 28 hari sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 4(11) akta ini perlu dilanjutkan.

Secara keseluruhannya, pihak SUHAKAM telah menerima baik justifikasi yang diberikan oleh pihak kementerian berhubung dengan perlanjutan tempoh tahanan 28 hari ini dan memohon agar hak asasi manusia tidak diketepikan dalam penguatkuasaan undang-undang keselamatan ini. Sesungguhnya, hak asasi manusia tidak pernah diketepikan oleh pihak kementerian, malah kementerian dari semasa ke semasa akan terus menambah baik akta ini dengan mengambil kira kepentingan hak asasi yang berkenaan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ini terbuka untuk bahas. Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah, silakan.

#### **7.43 ptg.**

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatu*. Saya ingin membahaskan cadangan bahawa Majlis ini membuat satu ketetapan menurut subseksyen 4(11), Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 supaya subseksyen 4(5) akta ini hendaklah terus berkuat kuasa bagi tempoh lima tahun mulai dari tarikh 31 Julai 2017.

Saya membahaskan usul ini Tuan Yang di-Pertua, kerana selepas sahaja berita Dewan Rakyat meluluskan tempoh lima tahun ini, maka ramai rakan-rakan daripada pihak yang tidak kita kenali masuk ke kampung-kampung. Masuk menceritakan bahawa SOSMA ini adalah satu undang-undang *draconian*, satu undang-undang yang zalim, satu undang-undang yang tidak ambil kira perikemanusiaan. Oleh sebab itu saya bangun untuk menyokong supaya undang-undang diteruskan lima tahun lagi demi keselamatan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok undang-undang ini menjaga keselamatan daripada ancaman-ancaman seperti mana keganasan jenayah terancang, sabotaj dan pengintipan. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok sabotaj, contohnya. Kita ambil baru-baru ini di Lahad Datu, kita tahu seorang koperal *special branch* telah pun memungkiri sumpah beliau untuk menyimpan rahsia.

Akan tetapi rahsia ini dibuka dan diserahkan kepada pihak musuh, beliau telah ditangkap, beliau telah disoal siasat. Beliau ini juga telah menjadi pengkhianat kepada negara kita dan di bawah SOSMA, kita minta supaya beliau ini ditangkap dan dihukum. Saya tidak tahu sama ada sudah dihukum tetapi Yang Berhormat, beginilah kalau sabotaj begini berlaku dalam negara kita, maka keselamatan kita tidak akan terjamin. Begitu juga dengan jenayah terancang dan juga pengintipan. Kita melihat baru-baru ini di Pulau Pinang, Geng 360 Devan contohnya. Geng 360 Devan ini telah

pun disiasat dan dipercayai mempunyai RM13 juta simpanan mereka. Sekarang kerajaan kita sedang bekerjasama dengan pihak Thailand untuk membawa balik wang rompakan ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, bayangkan kalau tidak ada undang-undang ini yang boleh membawa mereka balik, maka keselamatan kita tidak terjamin.

Kita melihat mereka bercakap soal zalim, soal *draconian*, mari kita tengok kepada angka. Setakat ini, daripada tahun 2012-2017- 989 orang ditangkap, 363 dibebaskan. Kalau hendak kata *draconian*, kenapa dibebaskan? Tangkap sekali semua tetapi dibebaskan, tidak dibawa ke mahkamah pun, dibebaskan. Salah seorang yang ditangkap di bawah SOSMA ini Maria Chin Abdullah, Pengurus Bersih yang ditahan 10 hari. Ahli-ahli Yang Berhormat, 10 hari, bagi kepada polis 28 hari. Kenapa tidak ditahan sampai 28 hari? Hanya 10 hari dan tiga hari selepas beliau ditangkap, pihak SUHAKAM dapat masuk melawat beliau di dalam penjara. Adakah ini *draconian law*? Maka dengan sebab itu, saya minta supaya kita terus menyokong supaya SOSMA ini disambung lima tahun lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita juga berasa bimbang kerana ada suara-suara yang meminta supaya keputusan ini, keputusan 28 hari untuk hendak menahan mereka ini diminta dibawa ke mahkamah. Kalau bawa ke mahkamah Ahli-ahli Yang Berhormat, bayangkan hari ini kita tangkap seorang yang terlibat dalam IS, bayangkan kita bawa ke mahkamah, dia menceritakan berbagai di dalam mahkamah, rakyat mendengar, keluarganya mendengar, tentu sekali pengikut-pengikutnya akan lari. Sebab itu kita tangkap, kita beri kuasa kepada polis supaya senyap-senyap kita tangkap dan kita siasat mereka ini. Akan tetapi ada juga yang minta supaya ke mahkamah, jangan. Kita percaya bahawa penguat kuasa-penguat kuasa akan berlaku adil semasa penangkapan-penangkapan ini dibuat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak bertanya. Saya hendak pendekkan sebab hari ini hari penghabisan. Saya pun tidak tahu sama ada hendak disambung kah tidak. Kalau tidak disambung, saya minta maaf kepada kawan-kawan dan rakan-rakan. Kadang-kadang saya tersasul, suara deras. Kadang-kadang melawak di kafe. Kadang-kadang melawak dengan Menteri, khususnya ‘Kak Limah’. Melawak- tetapi kalau tidak disambung, kita akan berjumpa di lain ruang. Kalau disambung, maka kita teruskan perjuangan kita untuk rakyat Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah SOSMA sudah cukup bagi memelihara keselamatan negara kita? Saya rasa tidak cukup Yang Berhormat. Saya pun hairan kenapa minta lima tahun sahaja, minta 10 tahun terus. Minta lima tahun bolehlah tetapi kalau 10 tahun alangkah senangnya kita hendak memerintah. Oleh kerana kalau saya tengok ISA pun, saya ada senarai yang ditangkap oleh ISA pun tidak ramai. Muka-muka yang kita tahu, Anwar Ibrahim, Ibrahim Ali, Karpal Singh, Jeffery Kitingan, Maximus Ongkili, semua sudah menjadi Menteri belaka yang kena tangkap ini pun. Jadi, di mana ada kata *draconian?* Is it not a *draconian law*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi bila ditangkap itu. Soalan saya, bila ditangkap itu adakah mereka ini ditarbiahkan? *Compulsory* tarbiah, dengan izin. Adakah mereka ini hendak ditarbiahkan enam bulan, 10 bulan? Kalau kita tengok dahulu Al-Arqam kita tarbiah, ramai yang masuk balik, yang orang kata sedar diri mereka.

**■1950**

Jadi kalau boleh saya hendak bertanya kepada Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri kalau ditarbiahkan berapa lama? Adakah modul-modul kurikulum untuk mereka ini telah disediakan untuk lagi lima tahun ini? Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin silakan.

**7.50 mlm.**

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua kita tahu bahawa jenayah keganasan kumpulan militan seperti Daesh dan ketidakstabilan Rantau Pasifik adalah satu bentuk bencana dan musibah yang perlu kita hadapi oleh negara. Bukan sahaja negara malahan di arena antarabangsa. Keganasan melampau jihad agama, pertembungan ekstremisme agama dan budaya menyebabkan aktiviti menangani jenayah terancang dan jenayah keganasan sukar dibendung. Dalam keadaan ketidakstabilan Asia Pasifik di mana konflik antarabangsa melibatkan Korea Utara, Amerika Syarikat, China dan Rusia telah membuka ruang bagi *terrorist* untuk melebarkan doktrin pengaruh dan jaringan rangkaian kerana ditaja oleh ejen-ejen peristik antarabangsa dalam memastikan monopoli politik, sumber tenaga dan alam sekitar terjamin.

Saya sebenarnya tidak berhajat untuk bercakap panjang akan tetapi saya hanya ingin memberi usul kepada KDN dalam melanjutkan tempoh selama lima tahun lagi adalah disokong sepenuhnya agar semua individu atau kumpulan keganasan dapat ditangkap dan dikenakan hukuman setimpal. Sebab kita semua dekat negara kita ini hendak hidup dengan aman dengan tenang sebab kadang-kadang jenayah terancang IS dan Daesh ini adalah satu perbuatan yang kadang-kadang tidak dapat dikesan dan tidak dapat dibuktikan kalau sekiranya dibawa ke mahkamah dan sebagainya.

Saya juga ingin mencadangkan kepada KDN, agar KDN tidak lagi ragu-ragu untuk bertindak kepada sesiapa sahaja yang menggugat keharmonian negara, terutama kepada individu yang mengancam keamanan dalam mensabotaj ekonomi dan provokasi jahat Rang Undang-undang 355. Yang jelas menjelaskan agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan Malaysia. Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengatakan sokongan sepenuhnya agar Akta Kesalahan Keselamatan Langkah-langkah Khas 2012 ini hendaklah terus berkuat kuasa bagi tempoh lima tahun lagi mulai dari 31 Julai 2017. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah.

**7.53 mlm.**

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak menyentuh dua isu. Satu, kemungkinan akan berlakunya salah guna dan keperluan untuk *check and balances*. Dua isu. Akan tetapi saya juga akan menyentuh sedikit yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain. Akan tetapi sebelum itu selamat bersara kepada Yang

Berhormat Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah kalau tidak disambung. Saya akan sentuh *point* dia kemudian.

Ini berbalik kepada semasa pembentangan tadi ya. Isu semasa SOSMA digubal pada tahun 2012 ya. April sehingga Julai. Satu jaminan telah diberi oleh kerajaan bahawa SOSMA tidak akan digunakan atau hanya akan digunakan kepada mereka yang menjelaskan demokrasi berparlimen secara ganas dan sebagainya. *Political activity* yang *legitimate* itu tidak akan- satu lagi jaminan yang diberi ialah dari segi salah guna. Saya masih ingat ya semasa itu perkataan yang *balance* digunakan ialah supaya untuk mengawal dari berlakunya salah guna kerajaan akan mengadakan *check and balances*. So, saya akan sentuh berkenaan dengan *check and balance*.

Isu dia sekarang ialah seksyen 5 berkenaan dengan tahanan maksimum 28 hari. Isu dia ialah kuasa untuk 28 hari semata-mata sekarang terpulang kepada budi bicara dan kuasa polis. Maksud saya ini tidak perlu dibawa ke mahkamah untuk mendapat *remand order*. Ini yang jadi isu. Pada saya bukan isu- *of course* 28 hari pada saya pun adalah satu tempoh yang agak panjang.

Akan tetapi saya faham yang telah dijelaskan tujuh hari sebelum itu kena pergi kepada DPP dan semuanya okey. Itu bukan isu dia. Isu saya yang saya hendak bangkitkan ialah isu penahanan tanpa perintah reman. Semasa pembentangan pada tahun 2012, salah satu sebab kenapa seksyen 4, subseksyen 11 had masa lima tahun diperkenalkan ialah dari konsep *check and balances*. Walaupun kalau kita tengok kepada perkataan yang digunakan di seksyen 4(5) itu dia tidak pakai lima tahun. Seksyen 4(5) dia cuma cakap 28 hari sahaja. Akan tetapi perlu datang ke Dewan Negara dan Dewan Rakyat fasal seksyen 4(11) di mana dikenakan balik selepas lima tahun.

So, pada saya seksyen 4 subseksyen 11 ini adalah satu *check and balance* kepada kuasa yang diberi kepada polis. Now, saya- tetapi hari ini kita tengok alasan atau sebab-sebab yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah polis perlu 28 hari untuk menjalankan siasatan yang teliti dan sebagainya. Saya ada dua atau tiga *point*.

Yang pertama ini, macam yang saya kata tadi dia bukan isu penahanan semata-mata. Isu dia penahanan tanpa perintah reman. Yang tadi dibangkitkan kalau pergi ke *remand order* ini kalau you pergi ke reman dan isu yang tidak diingini semua akan dikeluarkan di mahkamah. Contohnya IS dan benda-benda yang rahsia semua akan dikeluarkan. Akan tetapi dari apa yang saya tahu, dalam satu perintah atau dalam satu *application for remand order* biasanya majistret tidak akan *consider* apa yang kita panggil *triable issues*. Dia cuma akan *consider* dua isu sahaja dalam perintah reman. Sebelum diberikan perintah reman. *Triable issues* is besok fasal at this stage you are just applying for *remand order*, dengan izin. *Triable issues* akan dibincangkan apabila benda itu pergi ke *full trial*.

Masa reman isu yang akan diambil kira oleh Majistret hanya dua sahaja. Satu, sama ada, ada *denial of your basic rights* semasa dalam tahanan polis yang kedua *the right of legal representation*. Dua sahaja. So, isu maklumat-maklumat yang lain akan keluar semasa *applications for reman* itu tidak timbul dalam *applications for remand order*. Now, berbalik kepada saya- macam yang saya cakap tadi saya akui keperluan atau saya terima *argument that* perlu siasatan teliti dan sebagainya. Apa yang saya cadangkan ialah buat siasatan yang teliti selepas dapat *remand order*. Saya pun hendak ambil statistik-statistik yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga rakan saya Yang Berhormat yang bahas tadi.

Kalau kita ambil *figure-1* akan pakai *figure* yang 989 orang ditahan di bawah ISA sejak 31 Julai sampai bulan Februari dan seperti yang diberitahu, 363 orang dibebaskan. *Argument* 363 orang dibebaskan ertiinya undang-undang bukan *draconian*, saya boleh pandang mereka yang dibebaskan ini dari lain aspek. Saya boleh anggar mereka yang dibebaskan ini, dibebaskan sama ada *because there is no evidence* atau tiada kes. Mungkin ada kes tetapi tiada *evidence* atau langsung tiada kes. Kalau betul saya akan ambil *that approach*. Kalau betul 363 orang ini dibebaskan kerana tiada kes erti dia *this 363 orang ini were wrongfully detained in the first place*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

## ■2000

*Kalau wrongfully detained, then arguement* saya, satu *denial of personnel liberty-* ini *fundamental concept*. Satu *denial of personally liberty* itu, *is a gross injustice* pada saya kalau betul-betul 363 orang itu dibebaskan kerana tidak ada kes. Saya tidak tahu dalam ini secara terperinci, Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tidak beritahu sama ada 363 orang ini betul-betul ditahan selama *the full term* atau satu hari, dua hari kah apa, *I do not know*. Akan tetapi, *I am assuming that* dia akan ditahan *for almost the full term*, 28 hari itu *and* kalau betul tidak ada kes, *then it is denial of justice, personal liberty*.

Pendapat saya, kuasa tanpa batasan ini semata-mata kuasa untuk polis. Pada saya, kuasa yang amat luas yang diberi kepada polis ini akan membuka ruang kepada penyalahgunaan kuasa. So maka perlu *check and balances*. Kalau kita balik kepada alasan yang diberi, perlu siasatan teliti *then arguement* minta untuk lima tahun tidak timbul *because* lepas lima tahun, kalau *you cakap* saya perlu ini hanya untuk lima tahun, adakah implikasinya selepas lima tahun ini, polis akan jadi *so efficient that you* tidak perlu 28 hari lagi. Pasal kalau isu dia- isu siasatan teliti. Dan kalau kita tengok keterangan yang diberi sebelum ini- pasal saya pernah baca satu laporan, *I think* Yang Berhormat Timbalan Menteri di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap sebenarnya, dia bukan 28 hari. Pasal kalau *you tolak the last seven days* yang kena pergi kepada Pendakwaraya, sebenarnya *is* 21 hari. Kalau 21 hari- itu tidak cukup, *then cakap* terus. Ubah seksyen 4, subseksyen 5 buat secara pindaan, *not as a motion* sekarang, buat *as a pindaan* kepada seksyen 4, subseksyen 5, *and say you need it for 28 days, permanently*.

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Boleh saya mencelah Yang Berhormat? Bila Yang Berhormat sebut *injustice*, dengan izin. Kalau kita *discuss injustice against country* punya *security*, saya nampak kita berbincang sekarang daripada segi keselamatan negara ini Yang Berhormat. Tidak timbul *injustice*. Kalau contohnya kita ambil IS lah, contohnya Daesh ini, kita tangkap mereka, bila kita tangkap mereka, baru semasa penyiasatan itu baru kita tahu sama ada dia ini *Wahabi* kah, sama ada dia ini kepercayaan dia kepada- sebab *it is a very complicated*. Jadi kalau kita nak memikirkan bahawa kalau kita tangkap tujuh hari itu sudah *go to injustice*, maka kita tidak akan dapat tangkap mereka ini kerana fahaman ini yang cukup susah kita hendak mendapatkan ketetapan bahawa mereka ini orang yang bersalah, Yang Berhormat.

Saya melihat daripada segi keselamatan. Saya tidak lihat daripada segi *injustice*. *What is there injustice seven days? What is there injustice in 28 days?* Kita provide makanan, macam Maria Chin kena- ada SUHAKAM boleh pergi menziarahi beliau selepas tiga hari ditangkap. *I do not see any injustice happen here*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. / nak balik kepada ini. Kalau Yang Berhormat dengar apa yang saya cakap tadi, / cakap kalau 363 orang dibebaskan kerana tidak ada kes dan tidak ada evidence, maka itu akan jadi satu *denial of personally liberty and fundamental*. / pakai perkataan “*fundamental concept*”. *Fundamental concept of denial of personally liberty* ertinya *gross injustice*...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Perkataan “*gross injustice*” dipakai dalam konteks itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Menteri dah ambil pandangan.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Okey. So balik kepada ini. Soalan saya ialah *first* secara ringkas, / buat ringkasan. *First* pada saya, 28 hari itu, pada saya *too long* pasal bila saya cakap panjang sangat daripada segi tempoh, *exposure to risk*, bukan daripada segi tempoh siasatan. Mungkin untuk siasatan, ini perlu tetapi *exposure to risk* tinggi sangat 28 hari. Pasal kalau kita tengok / walaupun bukan kaitan dengan ini, kalau kita tengok kematiian dalam tahanan dalam polis, tiga bulan tahun ini sahaja sudah tiga kes. *So the longer you expose the risk it become* lagi besar. Itu satu.

Kedua, isu saya ialah isu tidak perlu *remand*. Itu yang isu saya. Pergi ke mahkamah, *apply for remand, and then let the Magistrate decide*. Itu sahaja. Dan kebiasaannya, Majistret akan *allow as long as there is risk no denial of fundamental liberties* dengan ada *right for legal representation*. So itu cadangan saya.

Saya tak cakap kita tak perlu *security loss*. Kita perlu *security loss- the treat of ISIS semua, is a real*. Kita perlu *security loss* tapi *at the same time*, kita kena *balance* dengan *liberty* rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang silakan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya.

#### 8.06 mlm.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salah 1Malaysia, salam sehati sejiwa dan salam negaraku Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya faham, malam ini sekarang dah jam lapan malam, ramai yang hendak balik sudah ini sebenarnya tetapi Tuan Yang di-Pertua masih memberi ruang kepada saya untuk menyokong usul yang dibawa oleh Menteri sebentar tadi.

Akan tetapi sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya kadang-kadang menjadi hairan kenapa yang kita takut sangat kepada SOSMA ini. Kita dah ada ISA, dulu, didesak, macam-macam. Maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan rela hati berjiwa besar, kita lupuskan, kita hapuskan ISA dan digantikan dengan SOSMA. Apa yang *dok* riuh masuk kampung, *dok* bawa cerita ini macam Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi tadi kenapa. Ini untuk kebaikan kita, ini untuk kebaikan negara kita, untuk kesejahteraan negara kita.

Ada SOSMA pun Tuan Yang di-Pertua, tengok Bersih, mereka berlagak macam anjing gila di jalanan. Itu ada SOSMA. Kalau tak ada undang-undang sebegini, kita tidak tahu apa nak jadi Yang

Berhormat Senator Dato' Suhaimi negara kita dengan Daesh lah, berbagai-bagai. Semua itu bertujuan untuk membendung negara kita daripada ancaman, daripada keharmonian yang kita ada hari ini tidak boleh diganggu-gugat oleh perkara-perkara yang tidak diingini. Eh! Kita hidup hari ini dengan keadaan yang amat damai. Kita hidup hari ini dengan keadaan keharmonian. Apakah undang-undang yang kita buat ini boleh menyakitkan hati pihak di sebelah sana? Itu persoalannya.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Dengan- kalau boleh.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Masa sudah tak ada.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Satu sahaja, satu sahaja. / nak jelaskan.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Masa sudah tidak ada Yang Berhormat. Masa sudah tidak ada ini. Menteri sudah nak balik dah ini. Saya banyak lagi hendak cerita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Masa dah tidak ada. Tidak usah nak campur-campurlah.

Tuan Yang di-Pertua, soalannya mengapa subseksyen 4(5) SOSMA 2012 perlu dilanjutkan lima tahun lagi. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Suara saya ini, bukan sebab setiap minggu *dok bersyarah. Dok rasmi cawangan-cawangan*, jadi pecah suara saya.

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan usul pelanjutan subseksyen 4(5) Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 SOSMA.

Untuk pengetahuan semua Ahli Yang Berhormat, jika dirujuk kepada tajuk panjang akta itu sendiri, SOSMA merupakan suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi langkah-langkah khas yang berhubungan dengan kesalahan keselamatan bagi maksud mengekalkan ketenteraman awam dan keselamatan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

## ■2010

Ketiga, akta ini merupakan suatu akta yang berbentuk *procedural* dan undang-undang substantif adalah seperti mana yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama akta yang mana memperuntukkan kesalahan-kesalahan keselamatan.

Keempat, kesalahan-kesalahan keselamatan yang dinyatakan di dalam Jadual tersebut adalah seperti berikut.

Pertama, Bab V Kanun Keseksaaan Kesalahan Terhadap Negara.

Kedua, Bab VA Kanun Keseksaaan Kesalahan Keganasan.

Ketiga, Bab VB Kanun Keseksaaan Jenayah Terancang.

Bab IIIA, Akta Antipemerdagangan Manusia dan Anti Penyeludupan Migran 2007. Penyeludupan Migran Akta Langkah-langkah Khas Menentang Keganasan Di Luar Negara 2015.

Kelima, jika mana-mana individu atau kumpulan didapati melakukan kesalahan-kesalahan keselamatan di dalam Jadual Pertama akta sebagaimana yang saya baru nyatakan tadi, pihak polis bolehlah membuat tangkapan tanpa waran dan menjalankan siasatan.

Jika di dalam tempoh waktu 24 jam selepas tangkapan dibuat, pihak polis berpendapat siasatan lanjut perlu dilakukan bagi mendapat maklumat dan mengesan rakan-rakan sejenayah serta mengesan barang-barang kes dan lain-lain yang berkaitan untuk melengkapkan Kertas Siasatan

sebelum dihantar kepada Timbalan Pendakwa Raya maka, seorang pegawai polis berpangkat tidak kurang daripada Pengguna Polis Superintenden bolehlah melanjutkan tempoh tahanan tidak lebih daripada 28 hari.

'Ketujuh', di dalam dunia tanpa sempadan dan berteknologi tinggi, orang-orang yang melakukan kesalahan juga telah menjadi lebih cerdik dan *sophisticated*, pandai melupuskan keterangan-keterangan dan jejak aktiviti mereka supaya tidak dapat dihidu oleh pihak berkuasa.

Kelapan, rangkaian penglibatan orang-orang yang melakukan kesalahan ini juga sukar untuk dikesan dan diperoleh di dalam tempoh masa yang singkat. Ini kerana mereka tidak mudah untuk menceritakan atau mendedahkan segala aktiviti mereka.

Kesembilan, sehubungan dengan itu, tempoh 28 hari yang diperuntukkan di dalam akta ini adalah suatu tempoh yang munasabah dan wajar bagi pihak polis menjalankan penyiasatan, seterusnya melengkapkan Kertas Siasatan sebelum diedarkan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk arahan selanjutnya.

Kesepuluh, jika dilihat kepada peruntukan subseksyen 4(9), pihak polis yang menjalankan siasatan hendaklah mengemukakan kertas siasatan kepada Timbalan Pendakwa Raya satu minggu iaitu tujuh hari sebelum tamat tempoh tahanan 28 hari.

Kesebelas, ini bermakna, pihak polis perlu menyelesaikan siasatan dalam tempoh 20 hari sahaja di mana pada hari ke-21, Kertas Siasatan hendaklah dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya.

Oleh itu yang kedua belas, tempoh tahanan yang ditetapkan di dalam akta ini bagi menjalankan siasatan oleh pihak polis perlulah dikekalkan dan disambung jangka hayatnya untuk tempoh lima tahun lagi seperti mana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 4(11) akta ini.

Ketiga belas, setakat ini telah hampir lima tahun pihak polis telah berjaya mematahkan dan membendung kesalahan-kesalahan yang melibatkan keselamatan.

Keempat belas, pihak polis juga tidak menyalahgunakan tempoh tahanan ini kerana terdapatnya *check and balance* oleh Timbalan Pendakwa Raya kerana Kertas Siasatan telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya tujuh hari sebelum tamat tempoh tahanan 28 hari berkenaan.

Kelima belas, peruntukan ini juga merupakan peruntukan berbentuk *sunset clause* yang perlu dilanjutkan jangka hayatnya dengan mendapat kelulusan daripada kedua-dua Majlis Parlimen. Ini merupakan lindung jamin- *safeguard*, untuk memastikan pihak polis menggunakan tempoh tahanan tersebut di bawah dengan sewajarnya dan bijaksana. *Sunset clause* ini juga memberi Ahli-ahli Parlimen peluang untuk mengetahui perkembangan penggunaan subseksyen 4(5) ini sekali gus mengemas kini pengetahuan kita tentang kesalahan-kesalahan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, KDN buat lima tahun. Bagi saya, perkara ini adalah kebaikan untuk negara. Apakah kita ada jaminan selepas lima tahun? Saya sokong jugalah Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah cakap tadi. Dia kata, apakah selepas lima tahun polis tidak ada apa-apa sudah, semua sudah jadi baik. Kalau sayalah duduk jawatan Timbalan Menteri, bukan lima tahun, 20 tahun saya buat Yang Berhormat-Yang berhormat, 20 tahun...

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** [Bangun]

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Apa lagi? Duduk, duduk,duduk.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Kalau sebut nama, bagi peluang untuk jawab.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Kita hendak balik ini. Saya sokong, saya sokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Tolong sopan sedikit.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Kita hendak balik ini.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Kalau berani sebut nama dia berani pun bagi peluang untuk jelaskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat jangan bangun. Duduk.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Nanti kita bincang luarlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jangan cakap dia punya namalah.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Ya, ya. Sorry. Kena tarik balik kah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payah tarik balik. Teruskan.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Itulah hakikatnya. Kadang-kadang kita kecewa.

Rakan-rakan Yang Berhormat, dengan keadaan SOSMA yang kita ada hari ini pun, negara kita makin hari makin dihimpit oleh kekacauan. Ia berlaku setelah kita tidak mendapat dua per tiga majoriti di Parlimen. Mereka berasa kuat. Mereka berasa gagah. Mereka tuntut bermacam-macam-macam daripada kita, kita layan. Kita beri peluang tetapi kita kena ada undang-undang yang khusus untuk menjamin keselamatan negara kita. Kalau tanpa undang-undang yang khusus, negara kita akan terjun ke kancang kekacauan.

Kita tidak hendak jadi macam negara-negara lain Tuan Yang di-Pertua.. Negara ini kita warisi daripada datuk nenek moyang kita. Mereka tinggalkan kita dengan keamanan, kebahagiaan. Takkanlah pada zaman kita ini, negara kita akan jatuh daripada keamanan, keharmonian yang kita ada, jadi kacau-bilau dalam negara kita. Sebab itulah saya amat menyokong di atas usul yang dibawa oleh Timbalan Menteri sebentar tadi supaya pelanjutan subseksyen 4(5), SOSMA 2012 untuk terus berkuat kuasa selama lima tahun lagi bermula daripada 31 Julai 2017. Saya mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua. Sekian, *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar. Silakan.

### 8.18 mlm.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk peluang membahaskan usul ini. ada beberapa perkara yang saya hendak jelaskan di sinilah.

Pertama, yang kita bahaskan di sini bukan SOSMA. *We are not debating SOSMA.* Apa yang kita bahaskan di sini ialah usul seksyen 4(5) supaya dilanjutkan lima tahun. Oleh sebab itu, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah seksyen 4(5) ini mempunyai atau dianggap sebagai *sunset clause*?

Pada hemat saya, tidak boleh, kerana semasa SOSMA ini digubal, tidak ada *time limit* yang diletakkan kepada seksyen ini maka ini bukan *sunset clause*. Jelaslah difahami. Okey? Baik. Kenapalah kami atau saya tidak menyokong usul ini? ini kerana yang pertama, seksyen 5(5) ini

memberi kuasa mutlak sebenarnya kepada polis untuk menahan seseorang untuk tempoh masa tidak melebihi 28 hari untuk tujuan siasatan.

**■2020**

Orang yang ditahan tidak perlu di bawa ke mahkamah untuk memperoleh perintah reman. Ini bermakna *the police* boleh menahan sesiapa pun atas budi bicara dan kuasa polis. Siapa yang boleh mempertikaikan kuasa ini? *You can't*. Baik, sebenarnya kalau tengok sahajalah latar belakang ramai rakyat Malaysia bergembiralah sebaik sahaja ISA dibatalkan, kerana kalau kita ikut apa yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib, kenapa dibatalkan. Ini petikanlah, "*To accommodate and realize a mature, modern and functioning democracy*". Inilah kenyataannya.

Baik, saya sebenarnya tidak menyokong sebarang tindakan ganas atau bermakna ganas dalam apa rupa bentuk. Akan tetapi bagi sayalah ada beberapa undang-undang yang sedia ada yang boleh digunakan untuk menghadapi ancaman keganasan. Apa yang membimbangkan ialah seksyen 4(5). Kita tengoklah misalnya dalam perhimpunan BERSIH 5, Maria Chin Abdullah ditahan di bawah SOSMA. Dia bukan pengganas. Dia sebenarnya seorang sosial aktivis. Maka, apa sebabnya dia ditahan di bawah SOSMA dan di bawah seksyen ini? Bukankah hak berkumpul secara aman terjamin dalam perlembagaan negara ini? Bagi mereka yang begitu gembira sangat hendak menyokong...

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Boleh mencelah?

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Sebentar, saya nak teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak boleh, Yang Berhormat. Duduk, duduk. Nanti, nanti, duduk sekejap.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Baik, bagi saya, yang saya khuatir ada kemungkinan SOSMA juga dapat digunakan untuk tujuan politik. Jelas terbukti dalam kes penahanan bekas Naib Ketua Bahagian UMNO baru Batu Kawan, Khairuddin Abu Hassan dan juga peguam beliau Matthias Chang.

Maka saya hendak tanya di sinilah bagi mereka yang sokong sangat usul ini, adakah YB-YB rasa selamat? Kerana pada masa ini tak ada masalah kerana semua sehaluan dari segi pendirian dan pegangan politik. Tiba masa terdapat perselisihan fahaman yang tak sehaluan yang mana di antara kami yang boleh rasa selamat? Kemudian, kalau orang kuat UMNO baru dulu pun boleh ditahan dan dihumban di lokap di bawah seksyen 4(5), siapa yang selamat?

Saya ini bimbang, mungkin adalah kes-kes yang disebutkan oleh kawan saya Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan tentang yang ditangkap kemudian di bebas, ramai daripada mereka yang tak bersalah. Akan tetapi oleh sebab undang-undang cara ini digunakan secara yang ikut suka hati pihak polis, mereka jadi mangsa. Itu sebabnya saya tak bolehlah sokong dan setuju bahawa seksyen 4(5) harus dilakukan untuk kepentingan *democratic rights* dan hak asasi manusia di negara ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang berhormat. Silakan Yang Berhormat Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin.

**8.24 mlm.**

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, salam negaraku Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam banyak-banyak usul ataupun perbahasan yang saya terlibat malam ini antara yang paling saya seronok sekali [Ketawa] Dia macam main badminton Tuan Yang di-Pertua. Selepas seorang, seorang, selepas seorang, seorang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya hendak mengucapkan jutaan terima kasih kerana turut diberi peluang untuk sama-sama berbahas dalam satu usul yang tak boleh langsung kita nafikan kepentingannya. Saya baru sekejap, sebentar tanya di mana isteri saya berada sekarang. Anak-anak saya dan ahli keluarga saya.

Isteri saya sedang membeli belah barang runcit di sebuah pasar raya sekarang ini. Anak saya yang sulung sedang berada di universitinya, sedang membuat program-program *toastmasters*-nya. Anak yang kecil sedang berada di kelas agamanya. Bapanya berada di Dewan ini, berbahas dengan cukup tenang, dengan cukup rasa selesa sebab saya meyakini yang isteri dan anak-anak saya dan juga isteri dan anak-anak Yang Berhormat yang berbicara sebentar tadi pastinya berada dalam keadaan aman dan damai dan juga semua yang ada dalam Dewan ini dan dalam Bangunan Parlimen ini dan dalam negara ini. Sebab negara kita Tuan Yang di-Pertua, dipimpin dan dijaga oleh pasukan keselamatan yang boleh kita akui antara yang terbaik dalam dunia.

Kalau kita berada di Syria sekarang ini ataupun di Rohingya contohnya, saya tak fikir kita boleh bersidang sampai jam 8.26 malam, malam ini kerana hati dan perasaan kita pastinya akan berada dalam keadaan yang cukup gundah dan gulana kerana tak tahu, mungkin waktu kita sampai ke rumah- *nauzubillahiminzaliq*, ada ahli keluarga kita yang hilang nyawanya di pasar raya, mungkin ada sekolah agamanya dibom begitu sahaja dan ada universiti yang dilakukan serangan tanpa diketahui daripada mana-mana.

Saya hendak bagi contoh, apa yang saya katakan ini ada fakta dan hujahnya. Baru-baru ini tahun 2016, di sebuah kelab malam, Movida Kelab Malam kalau tak silap saya... [Disampuk] Tempat tak pernah pergi, tapi kena ambil tahu. Dengar selalu. Dilempar bom, lapan orang tercedera. Bolehlah yang sana itu cakap, apa kena SOSMA ini? Apa guna SOSMA sebab lapan orang itu bukan ahli keluarga mereka. Akan tetapi lapan orang itu adalah merupakan saudara dan ahli keluarga orang lain. Nasib baik ada SOSMA ini. Ditangkap dan diheret dan dipenjarakan mereka yang terlibat. Kes, satu kes Tuan Yang di-Pertua, Ibu Pejabat Polis Daerah Tapah Perak, hendak diletupkan Ibu Pejabat IPD, Tapah Perak. Nasib baik ada SOSMA.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas kakanda saya. Ini bukan soal politik. Ini bukan soal kita hendak menganiaya sesiapa.

Kalau hendak ditanya secara peribadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya secara peribadi tak setuju Maria Chin dibebaskan selepas ditahan 10 hari. Disebut tadi oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin, kenapa Maria Chin ditahan sedangkan dia seorang aktivis masyarakat dan seterusnya. Saya hendak pecah perutlah Tuan Yang di-Pertua, hendak gelak ini. Hendak pecah perut hari akhir ini. Hei, saya hendak bagi tahu, siapa Maria Chin ini? Yang terbalikkan kereta polis, siapa

yang buat? Yang pukul polis atas jalan raya siapa yang buat? Yang menghuru-harakan negeri ini siapa yang buat? Rosak habis negara ini. Aktivis masyarakat, *podah!*

Jangan Tuan Yang di-Pertua, yang ini saya marah betul sebab tak boleh kata macam itu, ini soal masyarakat, ini soal rakyat, soal negara. Dikata tadi apa, ini tak ada masalah dengan SOSMA.

#### ■2030

Tidak, Tuan Yang di-Pertua. Ini ada masalah. Mereka kata mereka bukan tak sokong SOSMA tapi subseksyenya tak betul, caranya tak betul, hendak digunakan SOSMA ini untuk menangkap orang-orang yang tertentu. Tak betul! Saya tidak bersetuju itu. Ini adalah untuk menjaga ketenteraman negara. Dia kata tadi Mantan Naib Ketua Bahagian Batu Kawan kena, entah esok lusa kita pun kena.

Saya hendak tanya, Tun Dr. Mahathir yang sudah keluar pada- dipecat daripada UMNO ada ditangkap SOSMA? Tak ada. Pagi petang siang malam hentam kita.

Tan Sri Muhyiddin Yassin, Mantan Timbalan Presiden UMNO, Mantan Timbalan Perdana Menteri ada ditangkap? Tak ada. Shafie, Mantan Naib Presiden UMNO ada ditangkap? Tak ada. Pastinya Khairuddin itu ada sesuatu- bukan Khairuddin presiden ini tidak, tidak. Ini baik [*Ketawa*] Ini baik.

Ini saya kena contohkan. Itu Khairuddin yang sana itu, Batu Kawan. Kebetulan sama satu negeri tetapi yang ini baik [*Ketawa*] Itu pasti ada sesuatu Tuan Yang di-Pertua. Double 'D' bukan? Ada satu 'D'. Pasti ada sesuatu.

Jadi Tuan Yang di-Pertua yang saya kasihi, saya hendak ucapan tahniah kepada Menteri. Saya hendak ucap tahniah betul-betul sebab ini perkara untuk kepentingan kita semua. Percayalah Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi dan dirahmati Allah sekalian, apabila keamanan itu telah direntap daripada kita, percayalah apa sahaja agama kita, apa sahaja bangsa kita, apa sahaja kefahaman politik kita, masa itu baru kita tahu penyesalan seumur hidup kita sebab kebebasan itu sudah tidak akan ada lagi seperti mana yang berlaku pada negara-negara yang lain.

Jadi sebab itu Tuan Yang di-Pertua yang saya kasihi, saya amat menyokong rang undang-undang ini atau usul perlanjutan subseksyen 4(5) Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) ini. Jadi sebelum saya menyokong, kalau ada hendak bagi laluan, ada hendak tanya apa-apa?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apa, tak apa Yang Berhormat.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Oh tak ada ya, okey, okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk, duduk. Sila duduk Yang Berhormat. Terima kasih.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Okey, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua dengan ini saya- sebab saya tak hendak nanti dia kata tak diberi peluang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apa, tak apa.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Akhir sekali, Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff. Silakan.

### 8.32 mlm.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera... [Membaca sepotong doa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga hendak mengucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana dalam keadaan ketidakstabilan global di Asia Pasifik dan *trend* aktiviti keganasan global yang semakin ekstrem, saya menyokong penuh langkah KDN untuk terus menguatkuasakan SOSMA 2012 sehingga 30 Julai 2022 selama lima tahun.

Saya di Kedah untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kita ini berjiran rapat dengan Thailand. Beberapa tahun lepas saya ada pergi melancong di Thailand dan menaiki bas. Di dalam bas tersebut ada seorang pemandu pelancong dari Thailand memaklumkan kepada saya, di Selatan Thailand Tuan Yang di-Pertua, bunyi bom adalah perkara biasa. Dia kata kat saya bom di Selatan Thailand macam kacang panjang. Tak suka cikgu ini, petik baling kat rumah dia. Tak suka imam ini, tunggu tepi jalan, dia lalu hendak pergi ke masjid, petik baling dekat kenderaan dia. Tak suka kawan ini, masa kenduri kahwin dia, petik bom baling. Sebab itu kami di Kedah ini, kita lagi rasa takut. Kita berdekatan dengan Selatan Thailand dan apa yang dimaklumkan pemandu pelancong itu kepada kami di atas bas, dia kata bom di Selatan Thailand bunyi di kampung-kampung adalah perkara biasa.

Hari ini boleh dengar bom bunyi di kampung ini, kemudian dalam beberapa jam di kampung itu, kemudian di kampung itu. Setiap hari bunyi bom perkara biasa. Akan tetapi kalau tak bunyi bom, perkara luar biasa. Saya masa itu saya terkejut, saya kata kat dia kami di Malaysia tak pernah, tak pernah dengar bunyi bom. *Alhamdulillah* umur saya sudah 44, saya bersyukur kebijaksanaan, kehebatan polis Malaysia menjaga ketenteraman awam, tak ada bunyi bom, bunyi mercun banyak. Bom tak pernah dengar bunyi, bunyi mercun dari Thailand banyak.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak katakan di sini, saya ingat kata-kata dia lagi apabila dia kata bom di Thailand seperti kacang panjang. Tak suka petik baling, tak suka petik baling. Maka pada hari ini saya berdiri di sini sebagai jiran kepada Selatan Thailand sangat-sangat menyokong langkah KDN untuk terus menguatkuasakan SOSMA 2012 sehingga 30 Julai 2022 kerana saya tak mahu di Malaysia kita bunyi bom, saya tak nak. Kita hendak kerajaan teruskan menjaga ketenteraman awam.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya kepada KDN, apakah perancangan KDN dalam memastikan Malaysia sebagai fasilitator Misi Damai Barisan Revolusi Nasional Selatan Thailand dapat mengekang dan membendung jalinan aktiviti jenayah terancang atau keganasan yang mungkin berlaku di Sempadan Malaysia atau Thailand. Kedua, apakah melalui lanjutan masa lima tahun ini KDN dapat mengambil tindakan tegas kepada semua individu yang terang-terangan mengancam ketenteraman awam dan keharmonian beragama lebih-lebih lagi melalui provokasi liar mengenai Rang Undang-undang 355 agar sentimen kebencian dan salah sangka serta aktiviti menggugat perpaduan dapat diatasi segera.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir, macam sedih lah pula. Hari ini merupakan hari terakhir saya dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah dalam Majlis Mesyuarat Dewan Negara, saya hendak *habaq* betul-betullah kat Tuan Yang di-Pertua, dari tahun pertama tahun kedua kami sahaja yang berjiran sebelah sini dengan kawan-kawan pembangkang. Akan tetapi

*alhamdulillah* jiwa kami tetap jiwa UMNO, jiwa kerajaan. Akan tetapi saya bersama Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi walaupun saya mendapat jiran saya daripada PAS, PKR, saya bersyukur kerana dalam Dewan Negara kita ada parti minoriti yang kita panggil, satu persahabatan yang cukup indah yang kita dapat.

Jadi di kesempatan ini saya hendak terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah dan semua Jemaah Menteri, Jemaah Timbalan Menteri dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang banyak memberi ruang kepada saya dan kepada semua sahabat-sahabat serta kepada Timbalan Yang di-Pertua, seterusnya kepada SUDN, Ketua Pentadbir Parlimen, pegawai dan kakitangan Parlimen yang sentiasa membantu saya, yang dulu saya selalu baca teks, perlahan-lahanlah kita cuba tak nak baca teks perlahan-lahan.

Juga saya ucap terima kasih kepada semua kakitangan yang membantu saya semasa tempoh perkhidmatan saya sepenggal iaitu tiga tahun. Tidak lupa juga saya hendak ucap terima kasih kepada KSN, kepada KSU serta pegawai-pegawai kementerian yang berusaha gigih menjawab segala persoalan kami yang ditimbulkan dan amat cemerlang dalam melaksanakan tugas penyampaian awam. Saya doakan semoga negara kita berada dalam keadaan sejahtera dan saya doakan semua sahabat-sahabat yang berada di sini teruskan perjuangan membela agama, bangsa dan negara.

Terakhir dari saya Tuan Yang di-Pertua, saya juga minta ampun minta maaf andai ada apa-apa sahaja kesilapan, kesalahan daripada saya. Dengan kata-kata itu, saya menyokong sepenuh-penuhnya usul KDN ini semoga dengan tambahan lima tahun SOSMA ini akan mengekalkan ketenteraman awam Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri tak payah jawab kepada Yang Berhormat yang tidak sokong usul [Ketawa]

### 8.39 mlm.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin bersama-sama berkongsi sedih dengan Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim dengan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi kerana akan meninggalkan Dewan ini. Sudah tentu banyak kenangan manis dan juga pahit yang telah ditimba di sini. Walaupun Dato' Haji Mohd. Suhaimi juga merupakan Timbalan Yang di-Pertua PEMADAM. Timbalan saya di PEMADAM Malaysia dan saya akan terus bersama dengan beliau.

### ■2040

Saya hendak jemput juga Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff, jangan risau. Tukar forum daripada Dewan Negara pergi PEMADAM pun sama juga dapat berkhidmat kepada rakyat.

Saya nak memberikan *overall view* mengenai undang-undang SOSMA sendiri. Pertama sekali, undang-undang SOSMA ini adalah merupakan undang-undang pelengkap memberikan kuasa penyiasatan kepada polis kepada lima akta yang saya telah sebutkan awal tadi dan juga telah dihuraikan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas tadi lebih awal

iaitu berkenaan dengan jenayah terancang. Berkenaan dengan jenayah terancang Kanun Keseksaan, keganasan, penyeludupan manusia dan juga kesalahan terhadap negara.

Jadi, ia merupakan undang-undang yang membantu polis untuk membuat penyiasatan iaitu polis boleh menahan mereka yang terlibat. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas tadi juga menghurai prosedur-prosedur yang digunakan untuk menguruskan orang yang ditahan termasuk isu berkenaan dengan hak asasi manusia mereka. Tadi Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah tadi telah menyebut mengenai reman. Memang betul dalam akta yang ada ini pun ada peraturan reman dia. Ada kalau kesalahan lebih 14 tahun, hukuman dia 14 hari maksimum tahanan yang di bawah reman. Kalau kesalahan bawah 14 tahun, tujuh hari sahaja.

Jadi, maknanya dalam reman itu sudah ada tahanan selama masa tersebut. Soalnya sekarang ini, jenayah terancang bermaksud bahawa segala penjenayah tersebut dirancang lebih awal. Dia ada kumpulan dia, dia ada jaringan dia, dia akan pakai taktik yang *sophisticated* seperti menggunakan sosial media, Internet dan sebagainya yang memberikan kekangan kepada pihak polis untuk menjalankan siasatan yang lengkap, yang rapi untuk mengumpulkan maklumat, bukti untuk dibawa pada mahkamah untuk dibentangkan supaya hakim membuat keputusan, itu satu ya.

Kedua, masalah praktikal yang timbul di mahkamah adalah mengenai saksi. Saksi sendiri banyak yang tidak mahu datang ke mahkamah. Ini kerana mereka takut identiti mereka terbuka. Ada yang saksi yang keluarganya diancam, ada juga kalau dibawa ke mahkamah juga ia boleh mendedahkan siapakah jaringan rakan-rakan yang telah membantu penjenayah tersebut dan mereka boleh mengambil tindakan untuk lari daripada dalam negara ke luar negara. Mereka juga boleh menghapuskan bukti-buktinya yang ada yang mereka ada, yang menyulitkan pihak polis untuk membuat penyiasatan dan pengumpulan bukti-buktinya tersebut.

Jadi, memang ada sebab kenapa Akta SOSMA ini diperkenalkan untuk bantu penyiasatan kepada jenayah terancang yang saya sebutkan tadi. Tempoh tahanan maksimum 28 days, tidak semestinya yang ditahan selama 28 hari maksimum. Di antara yang disebut lebih awal tadi pun 989 orang telah ditahan selama lima tahun akta ini berkuat kuasa- 336 orang dibebaskan. Pelbagai sebab kenapa mereka dibebaskan termasuk yang saya sebutkan tadi iaitu identiti, keselamatan keluarga, saksi yang tidak mahu ke mahkamah. Jadi mereka terlepas kerana sebab-sebab itu, yang jatuh hukum 502.

Tuan Yang di-Pertua saya hormati sekalian. Maknanya daripada 989 lebih separuh 502 jatuh hukum, maknanya *success rate of 50 percent improvement on, if you used the normal lost...*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dengan izin.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Dengan izin... [Ketawa] Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya lebih selesa bercakap bahasa Orang Putih ini- 139 kes masih lagi dalam perbicaraan, maknanya tidak semestinya maklumat yang ataupun bukti yang telah dibekalkan dalam penahanan SOSMA itu cukup untuk dibuat keputusan oleh mahkamah. Jadi terbukti. Satu, tidak banyak orang yang kena tahan.

Kedua, *success rate very high*. Ketiga, proses mahkamah itu jalan. Jadi, tidak timbul isu bahawa SOSMA ini menjelaskan hak asasi orang yang ditahan dari segi perundangan. Lepas itu kerajaan tambah lagi sebelum itu biar saya *overall view* dulu. Selepas itu kerajaan benarkan

SUHAKAM untuk meneliti perkara-perkara ataupun meneliti prosedur-prosedur, meneliti tempat lokap dan sebagainya yang digunakan oleh pihak polis untuk menilai sama ada hak asasi orang yang kena tahan ini terjejas atau tidak.

Sebagai contoh Maria Chin tadi disebut, SUHAKAM diberikan kebenaran selepas tiga hari untuk melawat beliau di dalam tahanan. Maknanya kita biar. Kita *transparent*. Polis *transparent*. You want to come and see, you can see, dengan izin. Lepas itu, Maria Chin dibawa ke mahkamah 10 hari. Selepas 10 hari beliau ditahan dan beliau dibebaskan tanpa bawa ke mahkamah tetapi beliau dibebaskan dahulu. Akan tetapi siasatan masih berjalan, di sini saya nak membuat pembetulan. Maria Chin tidak ditahan di bawah SOSMA kerana kesalahan BERSIH, beliau ditahan oleh polis kerana kesalahan menerima wang daripada luar negara. Kes tersebut masih lagi berjalan, kes tersebut tidak habis lagi. Cuma beliau tidak ditahan di bawah SOSMA lagi.

Dari segi keadilan di bawah SOSMA ini pun, ada *mixed back of success*. Akan tetapi setiap orang yang ditahan diberikan peluang untuk membela diri di mahkamah. Contohnya Maria Chin baru saja pada bulan lepas mahkamah tolak rayuan habeas corpus beliau atas penahanan beliau bawah SOSMA, mahkamah tolak. Maknanya penahanan beliau adalah legal dari segi undang-undang. Siti Aishah yang baru-baru ini dikenakan tahan di bawah SOSMA dilepaskan oleh mahkamah. Akan tetapi, di bawah peruntukan SOSMA ini ada dia boleh ditahan semula dan dikenakan pemakaian EMD semalam. Beliau dijatuhkan hukuman lima tahun oleh mahkamah. Jadi ada yang lepas, ada yang ditahan.

Lepas itu isu Datuk Khairuddin, penahanan orang politik. Hari ini mahkamah membuat keputusan bahawa penahanan kedua mereka Matthias Chang dengan Khairuddin di bawah SOSMA ini tidak relevan di bawah kesalahan menjelaskan ekonomi negara, tidak relevan. Jadi terbukti *it is a mix back of result but* hak asasi setiap orang yang kena tahan itu dijamin, ada *check and balances* yang disebutkan tadi, dengan izin. Soal Maria Chin dia bukan ...

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** One question satu saja soalan isu sorry, sorry Datuk Seri, isu 502....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap, Yang Berhormat Menteri saya sudah cakap tidak payah jawab tetapi Yang Berhormat hendak jawab juga.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** No. Fasal sudah jawab ini, saya tanya soalan 502 ini sepatutnya kena jawablah. Akan tetapi 502 ini *convicted* / cuma nak tahu dari segi *percentage* yang lebih daripada 50 peratus tetapi dari 502 ini *what is the conviction rate?*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sekejap saya pun hendak tanya satu soalan. Yang Berhormat ini untuk pengetahuan semua, kita ada seksyen 117 di mana kita boleh tahan normal *investigation*. Beribu-ribu orang yang kena tahan dan beribu-ribu orang yang kena lepas, adakah kita mansuh undang-undang tersebut. Silakan, dan kalau yang tahanan ini di bawah seksyen 117 ini, kalau dia curi kecil kita ambil satu dua hari diminta, kalau yang rompak bank dengan itu, berapa hari dia minta sila jelaskan Yang Berhormat.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua tidak boleh tanya soalan [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua :** Boleh. Yang Berhormat boleh, saya tahu peraturan. Penjelasan saya boleh tanya, Yang Berhormat Menteri tidak boleh tanya saya [Ketawa]

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Memandangkan saya sudah tergelincir daripada landasan hendak masuk balik saya kena mulakan semula ya. 502 orang yang jatuh hukum ini pelbagai kesalahanlah. Saya kalau hendak maklumat yang terperinci saya boleh minta pegawai-pegawai Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk menyerahkan maklumat terperinci mengenai 502 orang yang telah dijatuhkan hukum bawah SOSMA.

■2050

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebut tadi mengenai tahanan reman. Maknanya kalau bagi kesalahan yang hukumannya lebih 14 tahun macam rompak bank dan sebagainya, maksimum remannya 14 hari sahaja yang polis diberikan peluang untuk menyiasat. Kalau kesalahan-kesalahan yang hukuman bawah 14 tahun, tujuh hari sahaja.

Jadi, beginilah Ahli-ahli Yang Berhormat polis kena siasat setiap kes. Setiap kes tidak semestinya polis akan dapat menyiasat dengan lengkap dan sebagainya. Ada kes yang polis menyiasat yang terkena kepada orang yang ditahan yang mungkin polis boleh buat kesilapan dan sebagainya juga.

Akan tetapi ada mahkamah untuk di mana orang yang kena tahan itu mendapatkan hak undang-undang mereka. Jadi soal sekarang ini yang saya sebut tadi adalah mengenai Akta SOSMA ini sendiri dan bagaimana pentingnya kepada pihak polis untuk bantu mereka membuat siasatan dan juga mengumpul bukti dan mendapatkan keputusan di mahkamah yang benar-benar menghukum orang yang bersalah.

Jadi, saya balik semula kepada Maria Chin tadi. Maria Chin bukan tahanan politik. Kalau Yang Berhormat sebut pasal SOSMA digunakan kepada ahli politik, tidak betul. Kalau Maria Chin ahli politik, parti mana yang dia mewakili? Dia ahli parti mana? Dia bukan ahli parti politik. Khairudin Abu Hassan, betul dia merupakan ahli UMNO dahulu dan juga merupakan pemegang jawatan dalam UMNO.

Akan tetapi dia bukan wakil rakyat. Dia bukan ahli politik yang penting tetapi apa yang dia buat dia pergi ke seluruh dunia, pergi ke Hong Kong, Switzerland dan sebagainya buat dakwaan bahawa kerajaan menyembunyikan ataupun tidak mengambil tindakan kepada kes 1MDB dan seterusnya memburukkan kerajaan. Adakah itu merupakan satu kesalahan? Jadi, pihak polis siasat.

Akan tetapi apabila sudah dibawa ke mahkamah, mahkamah lepaskan pasal mahkamah kata itu bukan kes *economic sabotage*, dengan izin, seperti yang didakwa oleh pihak polis. Jadi, *the check and balances are there*, dengan izin. Oleh sebab itu dalam Parlimen juga ada *sunset clause* ini. Kalau kerajaan hendak terus laksanakan undang-undang ini tanpa *sunset clause*, kerajaan boleh. Akan tetapi memandangkan bahawa undang-undang SOSMA ini merupakan undang-undang yang berkenaan dengan hak asasi manusia, kerajaan hendak menunjukkan bahawa kita adil kepada semua pihak. Ya oleh sebab itu kerajaan dengan rela hati bawa undang-undang ini balik semula ke Parlimen selepas lima tahun untuk dinilai keberkesanannya dan juga untuk dibuat keputusan sekali lagi sama ada penahanan 28 hari itu merupakan perkara yang masih lagi boleh diteruskan atau tidak.

Jadi soalnya kita dari segi *check and balance* itu diturunkan di pelbagai peringkat sampai ke Parlimen. Jadi tidak timbul soal sama ada ahli politik dikenakan tindakan sewenang-wenangnya bawah SOSMA ataupun kerajaan tidak adil dalam hal pelaksanaan SOSMA. Dari segi penahanan

pun, saya sudah sebut tadi kita bagi SUHAKAM masuk untuk menilai prosedur dan juga orang yang ditahan.

Saya hendak maklum di sini tidak ada seorang pun yang mati dalam tahanan SOSMA sejak SOSMA dilaksanakan selama ini. Jadi kalau timbul soal ada penganiayaan, ada polis tidak adil, pukul, dera saksi dan sebagainya dalam tahanan. Jawapan saya, polis tidak buat demikian dan buktinya adalah tidak ada sesiapa yang mati dalam tahanan ataupun cedera parah dalam tahanan.

Jadi selain dari itu, saya juga hendak menyentuh mengenai hal. Saya jawab terus kepada soalan spesifik. Hendak bagi habis. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas sudah tengok saya. Jadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas mana ada tanya soalan. Dia sokong sahaja.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Tidak. Dia tengok saya. Jadi mungkin dia rasa dia tengok saya dia kata suruh cepat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat lain semua sokong sahaja Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Jadi kita semua boleh balik kan. Jadi ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang tanya soalan itu Yang Berhormat yang tidak sokong.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** *[Ketawa]* Sebenarnya saya sudah jawab semua. Sudah okey itu. Cukuplah itu. Cuma Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff untuk youlah sebelum saya habiskan jawapan saya ini, jawapan pasal tadi yang sekatan Thailand dan sebagainya itu kita akan bekalkan secara bertulis walaupun Yang Berhormat sudah tidak lagi dalam Dewan ini *[Ketawa]* Untuk hadapan.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, sebab Yang Berhormat Menteri kata saya tidak ada lagi dalam Dewan ini, boleh saya celah sedikit?

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** *[Ketawa]*

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Saya tidak tahu lagi rezeki saya dengan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah macam mana. Doa-doakan kami. Cuma satu yang saya hendak minta, saya minta kepada Allah, saya minta kepada Tuhan, saya minta kepada KDN, kepada pegawai-pegawai yang hebat di belakang ini tolonglah jaga ketenteraman Malaysia ini, tolonglah sangat sebab saya tak nak jadi macam Selatan Thailand. Saya tak nak mati katak. Saya tak nak gelandangan pada hari ini di Malaysia pun boleh tidur dengan tenang sebab saya pernah tidur dengan gelandangan. Gelandangan pun Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain, bukan anak Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain sahaja boleh tidur dengan tenang di Kuala Lumpur. Jadi tolonglahkekalkan ketenteraman kami. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff. Sebenarnya tadi tawaran saya untuk memberikan jawapan bertulis itu macam doalah supaya Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff kembali semula ke Dewan ini *[Ketawa]* Jadi dengan itu saya akhiri jawapan saya Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri seperti yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini di bawah Perkara 6 hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Pertama, Penggal Kelima Parlimen Ketiga Belas Persidangan Dewan Negara 2017 sudah sampai ke penghujungnya. Saya berasa amat bersyukur kepada yang maha berkuasa kerana dapat menyempurnakan Mesyuarat kita dengan jayanya.

Dalam Mesyuarat kali ini, kita telah bersidang semula di Dewan asal setelah selesai kerja-kerja pengubahsuaian. Saya yakin, suasana baru di dalam Dewan yang mulia ini telah menyuntik satu semangat yang kental kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator untuk terus menabur jasa dan bakti kepada negara tercinta ini.

Saya berasa syukur kerana Dewan yang mulia ini telah meluluskan 13 rang undang-undang dan tiga usul. Saya ingin mengucapkan tahniah akan kesungguhan yang diperlihatkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam sesi perbahasan serta sikap bertanggungjawab yang ditonjolkan sepanjang persidangan ini berlangsung. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara kerana telah membantu saya dalam menjalankan tanggungjawab untuk mempengerusikan persidangan Dewan Negara.

Selain itu, tidak terlupa warga kerja Parlimen terutamanya Setiausaha Dewan Negara serta pegawai-pegawai dan kakitangan Bahagian Pengurusan Dewan Negara yang telah bertungkus-lumus untuk menyempurnakan persidangan Dewan Negara dari 17 April hingga 27 April 2017. Terima kasih.

Manakala kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bakal tamat perkhidmatan sebagai Ahli Dewan Negara, saya merakamkan ucapan jutaan terima kasih atas sumbangan yang tidak ternilai harganya. Sumbangan anda sebenarnya telah membantu negara terus maju walaupun kita berdepan dengan pelbagai cabaran.

Kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah dan Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff, terima kasih banyak. Namun, harapan saya adalah jangan sama sekali berhenti dari terus menabur jasa kepada bumi tercinta ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan Selamat Hari Pekerja yang bakal diraikan pada 1 Mei 2017 serta Selamat Hari Wesak kepada semua penganut Buddha yang bakal disambut pada 10 Mei 2017. Juga saya ingin merakamkan ucapan selamat berpuasa kepada semua warga Muslimin dan Muslimat.

Akhir sekali, kepada semua Ahli Yang Berhormat daripada seluruh negara yang akan kembali ke kampung halaman masing, masing berhati-hati di jalan raya supaya selamat sampai ke pangkuhan keluarga yang tercinta. Maka Mesyuarat Dewan hari dini ditangguhkan sehingga suatu tarikh yang akan ditetapkan. Sekian, terima kasih.

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.00 malam.]*